



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

RINGKASAN TESIS / DISERTASI PENDIDIKAN PERINGKAT KEDOKTORAN



Jilid 4/2022



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

RINGKASAN TESIS / DISERTASI PENDIDIKAN PERINGKAT KEDOKTORAN



Jilid 4/2022

BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN

MAKLUMAT TENTANG BUKU



Cetakan Pertama / Jilid 4/2022
© Kementerian Pendidikan Malaysia 2023

Semua hak cipta terpelihara. Semua bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi atau dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik secara sebahagian atau keseluruhan, tanpa izin bertulis daripada Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Ringkasan Tesis / Disertasi Pendidikan Peringkat Kedoktoran
Nombor ISSN 2773 - 644X
1. Pendidikan Peringkat Kedoktoran Jilid 4/2022
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
370.78 09595

PENDIDIKAN PERINGKAT KEDOKTORAN (Jilid 4)

Disediakan oleh:
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
Aras SB - 4, Blok E8, Presint 1
Kompleks Kerajaan Putrajaya Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya
Tel. : +603-88846000
Faks. : +603-88846439
Laman sesawang: www.moe.gov.my/bppdp

Muka taip teks: Arial / Acumin
Saiz taip teks: 10pt

KATA ALU-ALUAN PENGARAH

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan




بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan rahmat dan keizinan-Nya jua, usaha Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) untuk menerbitkan Buku Ringkasan Tesis/Disertasi Pendidikan Peringkat Kedoktoran Jilid 4 dapat direalisasikan.

Buku ini merupakan koleksi ringkasan tesis yang terpilih daripada senarai tesis yang dihantar oleh Bahagian Tajaan Pendidikan (BTP), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kepada perpustakaan KPM di BPPDP. Buku ini mengandungi abstrak kajian, rumusan dapatan kajian dan cadangan kajian lanjutan daripada tesis yang merangkumi pelbagai skop serta bidang pendidikan yang relevan dengan keperluan pendidikan semasa.



Saya sangat bersyukur kerana edisi sebelum ini yang dimuat naik ke portal KPM telah dimanfaatkan dan menjadi rujukan banyak pihak. Salinan lembut (*softcopy*) edisi Jilid 3 telah dimuat turun oleh lebih 1,689 pelayar portal. Beberapa naskah buku ini juga turut ditempatkan di Perpustakaan Negara dan juga beberapa perpustakaan termasuk perpustakaan Universiti Sains Malaysia.

Penerbitan buku ini bermatlamat untuk menghargai dan menyebarkan ilmu kepada masyarakat, di samping memberi penghargaan kepada penulis/penyelidik dari pelbagai bidang yang turut terdiri daripada pegawai warga BPPDP sendiri. Saya berharap agar buku ini dapat memberi sumbangan yang bermakna dalam usaha menghasilkan lebih banyak penyelidikan yang bermutu pada masa hadapan. Dapatan dan cadangan kajian yang dimuatkan dalam buku ini juga diharap dapat memberi nilai tambah kepada perancangan pendidikan pada masa hadapan serta mencetus perubahan kepada landskap pendidikan negara.

Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada Sektor Repositori dan Pembangunan Kualiti, BPPDP serta seluruh ahli Sidang Redaksi atas usaha merealisasikan penerbitan ini. Saya berharap agar penerbitan buku ini dapat diteruskan pada tahun-tahun akan datang untuk menjadi panduan dan sumber rujukan dalam perancangan dan penyelidikan oleh warga KPM dan pihak berkepentingan bagi meningkatkan lagi mutu pendidikan negara. Sekian.



Dr. Latip bin Muhammad

Penghargaan

Jawatankuasa Penerbitan Buku Ringkasan Tesis/Disertasi Pendidikan Peringkat Kedoktoran
Jilid 4/2022, Kementerian Pendidikan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan
kepada:

Dr. Latip bin Muhammad

Pengarah
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

Dr. Nor Saidatul Rajeah binti Zamzan Amin

Timbalan Pengarah Kanan (Kluster Dasar dan Perancangan), BPPDP

Dr. Ruhaya binti Hassan

Timbalan Pengarah (Kluster Penyelidikan dan Penilaian), BPPDP

En. Hisham Hj. Rahmat a.m.n.

Ketua Penolong Pengarah Kanan
Sektor Repositori dan Pembangunan Kualiti, BPPDP

Pn. Hjh. Mazlin binti Mazlan a.m.n. (sehingga 28 Februari 2023)

Dr. Sharida Hanim binti Sarif (sehingga 21 September 2023)

Dr. Haniza binti Mahmood (kini)

Ketua-ketua Unit UPPM, Sektor Repositori dan Pembangunan Kualiti,
BPPDP

Penyedia Ringkasan Tesis

Pn. Faizah binti Ayub@Ismail

Sidang Editor

Pn. Norhasziyati binti Hashim

En. M Selvarajah a/l Manikam

Pn. Norliza binti Shoib

Pn. Rabaya binti Muhamad

Pn. Nor Zanira binti Abd Manan

En. Herman bin Mohd Ali

Pn. Norasiah binti Bahar Mazidin

dan

Penghargaan khusus kepada

Pn. Zuraidah binti Mahadi

Cik Kariah anak Guyep@Goiep

serta individu lain yang terlibat secara langsung atau tidak langsung
dalam penerbitan buku ini.

Kandungan Tesis Jilid 4/2022



Tajuk Kajian

Muka Surat

01	Penyediaan Garis Panduan Slaid Pembelajaran Berdasarkan Model Addie (RT 499.28071 NOR)	13
02	<i>School Inspection, Leadership Attributes and Leadership Performance in Malaysian High Performing Schools in Sabah</i> (RT 371.2 AZL)	15
03	Pengaruh Konsep Kendiri Akademik Sebagai Moderator Terhadap Persekitaran dan Strategi Pembelajaran Dengan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Murid Perakaunan (RT 370.152 NSJ)	18
04	Pengaruh Interaksi Interpersonal dan Sikap Jurulatih Terhadap Pelaksanaan Program Latihan Dalam Kalangan Atlet Olahraga (RT 302.2 NAY)	21
05	Penilaian Pelaksanaan Program <i>School Improvement Specialist Coaches Plus</i> (SISC+) Dalam Meningkatkan Kualiti Guru Dibimbing (RT 371.207 SAL)	24
06	Pembangunan Model Penyeliaan Klinikal bagi Guru Reka Bentuk dan Teknologi Kementerian Pendidikan Malaysia (RT 371.203 FAZ)	27
07	Permodelan Linear Berhierarki Faktor Sosial Organisasi, Faktor Individu dan Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan Terhadap Efikasi Kendiri Guru Matematik Dalam Mengintegrasikan Teknologi (RT 371.102 NUR)	29
08	Amalan Guru Besar Dalam Kepimpinan Instruksional Abad Ke-21, Pembangunan Profesionalisme dan Komuniti Pembelajaran Profesional (RT 371.2012 JEF)	32
09	<i>Exploration of Malaysian English as A Second Language Pre-Service Teachers' Teaching Practices in Conducting Drama Activities As Student-Centered Approach: A Self Study</i> (RT 428.00712 FAI)	35

Kandungan Tesis Jilid 4/2022



Tajuk Kajian

Muka Surat

10	Pembinaan Model Penerimgunaan Persekitaran Pembelajaran Maya Dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah di Selangor (RT 499.230712 ZAN)	37
11	Sumbangan Amalan Kepimpinan Instruksional dan Kualiti Penyeliaan Pengajaran Terhadap Kompetensi Pengajaran Guru Sains (RT 371.2011 MZI)	40
12	Komunikasi Guru Agama Berasaskan Pemikiran Al-Ghazali di Asrama Akhlak Wilayah Utara Semenanjung Malaysia (RT 371.1022 ROS)	43
13	Kajian Kuasi-Eksperimen Terhadap Modul Pengintegrasian Sains Kesihatan Dalam Kurikulum Pendidikan Islam Tingkatan Satu (RT 613.0712 MSM)	45
14	<i>The Effectiveness of Collaborative Writing of Narrative Essays Among Malaysian Lower Secondary School Students</i> (RT 808.042071 JEY)	47
15	<i>Employing Activity Theory Based Green Chemistry Experiments to Improve Chemistry Learning Among Matriculation Students</i> (RT 540.78 YVO)	50
16	Pengaruh Sikap, Orientasi Pembelajaran dan Motivasi Diri Terhadap Penguasaan Bahasa Cina Guru Pelatih di Institut Pendidikan Guru (RT 495.10711/2 TAN)	52
17	Model Amalan Penaakulan Pedagogi dan Tindakan Pengajaran Guru Pendidikan Jasmani Sekolah Menengah di Selangor (RT 796.0712 MOH)	55
18	Pembangunan Model Reka Bentuk Produk Berkualiti Berasaskan <i>Computer Aided Design</i> (CAD) (RT 620.00712 BAH)	57
19	Bahasa Antara Dalam Komunikasi Kanak-Kanak Orang Asli (RT 401.93 MOH)	61

Kandungan Tesis Jilid 4/2022



Tajuk Kajian

Muka Surat

20	Pengaruh Faktor Dalaman Terhadap Resilien Dengan Fokus Regulasi Sebagai Mediator Dalam Kalangan Remaja Juvana (RT 364.36 HAF)	64
21	Pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan di Terengganu (RT 372.21 ROS)	67
22	Stres Dalam Kalangan Kanak-Kanak Prasekolah Orang Asli Kaum Senoi: Kajian Kes (RT 155.418 NAH)	70
23	Analisis Kecekapan Terjemahan Bahasa Arab-Bahasa Melayu: Implikasi Terhadap Kursus Terjemahan di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) (RT 418.02071 NAZ)	73
24	<i>Development of Symptomatic Behaviour Screening Tool (SymBest) for Early Identification of Developmental Delays Among Children Age 3-4</i> (RT 305.231 SHY)	76
25	<i>A Case Study on The Constructive Alignment of Co-Curricular Marking System with Respect to School Student's Character Development</i> (RT371.89 MUH)	79
26	Pengaruh Pusat Sumber Sekolah, ICT dan Suri Teladan Terhadap Celik Alam Sekitar Dalam Kalangan Pelajar di Negeri Sabah (RT 577.071 MUH)	82
27	<i>Teacher Identity and Pedagogical Content Knowledge in Grammar Teaching Among ESL Primary School Teachers</i> (RT 371.102 NKA)	84
28	<i>The Relationships Among Principals' Instructional Leadership, Teachers' Instructional Practices and Performance of Rural Public Secondary Schools in Malaysia</i> (RT 371.2012 MAH)	87

Kandungan Tesis Jilid 4/2022



Tajuk Kajian

Muka Surat

29	Kesan Pendekatan Pengajaran Kolaboratif Terhadap Penguasaan Literasi Menulis Bahasa Melayu Murid Bermasalah Pembelajaran (RT 371.9 MAA)	90
30	Pembangunan Model Penerimaan GeSVa dalam m-Pembelajaran Institut Pendidikan Guru (RT 370.711 MFW)	92
31	Model Pengetahuan Matematik untuk Pengajaran Guru Pra Perkhidmatan di Institut Pendidikan Guru (RT 370.711 MNA)	95
32	Model Integrasi Disiplin STEM (MIDi-STEM) Dalam Kalangan Saintis di Sebuah Universiti Awam Malaysia (RT 507.1 MRB)	98
33	Penilaian Penggunaan Peranti Input Tanpa Sentuhan Terhadap Kemahiran Meta Kognitif Dalam Kalangan Kanak-Kanak (RT 303.483083 SUH)	100
34	Pembangunan Kerangka Konseptual Kemahiran Hayat Melalui Sukan Sekolah (RT 796.019 ZAR)	102
35	Pengaruh Pengurusan Bakat Terhadap Pembangunan Kepimpinan Melalui Keterlibatan Kerja Guru (RT 371.2012 NHH)	105
36	<i>Context Evaluation of the Implementation of Science, Technology, Engineering and Mathematics Education in Lower Secondary School</i> (RT 507.0712 LOH)	107
37	<i>Bioavailable Heavy Metal Concentration in Classroom Dust And Related Health Risk Assessment of Primary Children in Rawang, Malaysia</i> (RT 371.71 TAN)	110
38	Pembangunan dan Penilaian Modul Peningkatan Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris Dalam Kalangan Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak (RT 372.21 NNB)	112
39	Pembinaan Bateri Ujian Pengenalpastian Bakat Bola Sepak Pemain Lelaki Bawah 14 Tahun (RT 796.077 KHA)	115

Kandungan Tesis Jilid 4/2022



	Tajuk Kajian	Muka Surat
40	Modul Pembelajaran Integrasi STEM Forensik Dalam Meningkatkan Pemikiran Kritis dan Kreativiti Saintifik Murid Sekolah Menengah Merentas Jantina (RT 507.0712 NFA)	117
41	Keberkesanan Audiasi ke atas Prestasi Pendengaran Muzik dan Keupayaan Menulis Melodi Secara Kreatif Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Rendah (RT 780.7 LIO)	120
42	Pelestarian Patriotisme di Sekolah Rendah oleh Siswa Guru Sejarah Institut Pendidikan Guru Malaysia (RT 320.54 MUH)	122
43	Hubungan Antara Ciri Penilaian Prestasi Dengan Keberkesanan Penilaian Prestasi: Peranan Keadilan Penilaian Sebagai Perantara dan Kepimpinan Autentik Sebagai Penyederhana (RT 330.05 MOH)	125
44	Penilaian Pelaksanaan Program Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) di Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia (RT 370.9595 MUH)	128
45	Efikasi Kendiri, Penguasaan Bahasa Inggeris dan Penggunaan Strategi Pengajaran Guru Prasekolah Dalam Pengajaran Bahasa Inggeris (RT 372.21044 NOO)	131
46	Hubungan Rangkaian Motor Pembelajaran dengan Pencapaian Kemahiran Penulisan Karangan Murid Tingkatan Empat (RT 372.623 KHA)	134
47	Hubungan Tuntutan Kerja, Sumber Daya Kerja dan Efikasi Profesional Terhadap Kesejahteraan Kerja Guru (RT 371.102 ZAL)	137
48	<i>Creative Pedagogical Strategies on Descriptive Writing and Classroom Participation in A Secondary ESL Education</i> (RT 421.52 VAN)	140
49	Penglibatan Pertubuhan Guru Melayu dan Dong Jiao Zong Terhadap Dasar Pendidikan di Malaysia 1950 Hingga 1990 (RT 379.12 MOR)	143

Kandungan Tesis Jilid 4/2022



Tajuk Kajian

Muka Surat

50	<i>Beliefs and Practices of Chinese Private Pre-School Teachers in Nurturing Children's Creativity</i> (RT 371.2 LIN)	146
51	<i>The Effect of Politeness Principle in A Multimedia Courseware on Achievement and Emotion of Students with Different Ability</i> (RT 371.334 SHU)	149
52	Pembinaan Modul Pembelajaran STEM Berasaskan Cabaran Reka Bentuk Kejuruteraan dan Kesannya Kepada Sikap dan Pencapaian Pelajar (RT 540.0712 MOH)	152
53	<i>Understanding Parental Behaviour in The Provision of Healthy Food for Their Children</i> (RT 616.85 LEO)	155
54	Amalan Pentaksiran untuk Pembelajaran Guru-Guru Sekolah Kluster Kecemerlangan Sekolah Rendah Zon Selatan (RT 371.26 SEN)	157
55	Amalan Guru Dalam Pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif dari Aspek Kolaboratif dan Adaptasi di Sekolah Rendah (RT 371.9043 MAI)	159
56	Kesan Kaunseling Kelompok Terapi Kognitif Tingkah-Laku Berfokuskan Trauma Terhadap Kemurungan, Kebimbangan dan Stres Dalam Kalangan Murid Mangsa Buli (RT 371.404 NUR)	161
57	Kerangka Pelaksanaan Pembelajaran Mudah Alih Berdasarkan Pendidikan Berasaskan Keterampilan di Kolej Vokasional (RT 371.33 SIT)	164
58	Pelaksanaan Transformasi PPD dan Amalan Komitmen Perubahan Serta Hubungannya dengan Pembangunan Keupayaan Kepimpinan Sekolah (RT 371.2 AZE)	166
59	Pelestarian Adat Masyarakat Dusun melalui Sistem Bombon di Kiulu, Tuaran Sabah (RT 390.09595)	169
60	Pengaruh Komuniti Pembelajaran Profesional dan Efikasi Kendiri Terhadap Efikasi Kolektif Guru di Sarawak (RT 371.2 VIC)	172

Kandungan Tesis Jilid 4/2022



Tajuk Kajian

Muka Surat

61	Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan, Gaya Pengajaran dan Efikasi Kendiri Terhadap Kompetensi Guru Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (RT 371.334 RUB)	175
62	Model Penyelesaian Masalah dalam Pengaturcaraan Berasaskan Pemikiran Komputasional (C-Think) (RT 005.101 KAR)	178
63	Pembangunan Model Pemikiran Kritis Remaja Muslim Untuk Kurikulum Pendidikan Islam (RT 297.0712 RIZ)	180
64	<i>Knowledge Construction of Mole Concept among Form Four Chemistry Students</i> (RT 371.39 ADL)	182
65	<i>A Case Study Examining the Implementation of Higher Order Thinking Skills in A TESL Teacher Education Programme in A Public University</i> (RT 370.711 LOG)	184
66	Pembangunan Modul Pengajaran Matematik Sekolah Menengah Berasaskan Pendekatan Pembelajaran Sosial dan Emosional (PSE) (RT 371.262 RAD)	186
67	Pengaruh Kepimpinan Transformasional, Transaksional dan Budaya Organisasi terhadap Pelan Penggantian di Kementerian Pendidikan Malaysia (RT 353.880 VIC)	189
68	Reka Bentuk dan Pembangunan Model Pembuatan Keputusan Berasaskan Faktor dalam Pelaksanaan Dasar 60:40 di Sekolah Menengah Harian di Malaysia (RT 005.265 NOR)	192
69	Proses Pertimbangan Moral Semasa Interaksi Media Sosial Dalam Kalangan Murid Pelbagai Tahap Kesedaran <i>Netiquette</i> (RT302.23 MUH)	195
70	Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan Guru Mata Pelajaran Syariah di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (RT 297.0712 FIR)	198



PENYEDIAAN GARIS PANDUAN SLAID PEMBELAJARAN BERDASARKAN MODEL ADDIE

NOR AZIAH ABDUL AZIZ
RT 499.28071 NOR

ABSTRAK KAJIAN

Dasar Pendidikan Kebangsaan telah memartabatkan bahasa Melayu dengan menjadikannya bahasa rasmi dan bahasa pengantar di sekolah serta di institusi pengajian tinggi termasuklah Institut Pendidikan Guru (IPG). Masalah penggunaan bahasa Melayu dilihat turut berlaku dalam kalangan pelajar IPG terutamanya dalam slaid pembelajaran sebagai bahan bantu mengajar semasa sesi praktikum di sekolah. Bagi mengatasi kesalahan bahasa ini, satu garis panduan slaid pembelajaran diperlukan. Kajian ini merangkum tiga objektif, iaitu menganalisis kesalahan ejaan dan morfologi dalam slaid pembelajaran bahasa Melayu, menganalisis kesalahan sintaksis dalam slaid pembelajaran bahasa Melayu berdasarkan Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (2015) dan menyediakan garis panduan slaid pembelajaran bahasa Melayu berlandaskan Model ADDIE. Kaedah penyediaan garis panduan ini berpandukan Model ADDIE yang mencakup lima fasa, iaitu Analisis, Reka Bentuk, Pembangunan, Pelaksanaan dan Penilaian. Metodologi yang digunakan ialah kaedah kualitatif dan melibatkan 30 orang responden jurusan bahasa Melayu. Data dikumpulkan melalui analisis kesalahan bahasa dalam slaid pembelajaran, temu bual dan soal selidik. Pendekatan Analisis Kesalahan Bahasa telah digunakan dengan merujuk Kamus Dewan Edisi Keempat (2015) dan Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (2015). Hasil dapatan menunjukkan pelajar telah melakukan tujuh kesalahan ejaan dan 28 kesalahan morfologi. Bagi kesalahan sintaksis pula, pelajar melakukan sebanyak 27 kesalahan. Setelah responden menggunakan garis panduan slaid pembelajaran, kesalahan ejaan, morfologi dan sintaksis telah menunjukkan penurunan, iaitu tiada kesalahan ejaan, tujuh kesalahan morfologi dan sembilan kesalahan sintaksis. Peratus penambahbaikan untuk ejaan ialah 100%, morfologi 79% dan sintaksis 67%. Peratus keseluruhan penambahbaikan ialah 76%, iaitu 15 kesalahan sahaja. Analisis indeks Cohen Kappa untuk pengesahan pakar garis panduan berada pada skala sangat baik, iaitu $K = 0.85$ dan peratus persetujuan pakar ialah 92%. Kesimpulannya, garis panduan ini dapat membantu meningkatkan pemahaman tatabahasa Melayu dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Kajian ini memberi sedikit gambaran tentang kesalahan tatabahasa bahasa Melayu dalam kalangan pelajar IPG semasa menyediakan slaid pembelajaran sebagai bahan bantu mengajar (BBM). Berdasarkan analisis kesalahan bahasa dalam slaid pembelajaran yang disediakan, penyelidik telah menyediakan garis panduan slaid pembelajaran yang memfokuskan penggunaan bahasa Melayu yang betul dan tepat. Secara keseluruhannya, garis panduan slaid pembelajaran ini berjaya membantu meningkatkan pemahaman tatabahasa dalam kalangan pelajar IPG disebuah IPG terpilih. Garis panduan ini telah meminimumkan kesalahan bahasa dalam kalangan pelajar IPG. Garis panduan ini disediakan berdasarkan model ADDIE, iaitu kesemua lima fasa telah dijalankan dengan sempurna. Dapatan daripada kajian ini adalah tepat bagi sampel yang berkenaan sahaja kerana terdapat batasan dalam menjalankan kajian ini. Sebagai rumusan, diharapkan semoga kajian ini dapat memberi makna dalam meningkatkan pengetahuan tatabahasa bahasa Melayu dalam kalangan pelajar IPG khususnya dalam penyelidikan pendidikan bahasa.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti berikut:

1. Pengkaji akan datang dicadangkan untuk meluaskan lagi cabang bagi mendapatkan maklum balas yang lebih baik dan tepat. Hal ini dapat merangkumi semua IPG yang menawarkan kursus bahasa Melayu kepada pelajar IPG.
2. Kajian terhadap kesalahan tatabahasa ini juga hendaklah diperluaskan skopnya dengan melakukan kajian perbandingan antara semua IPG. Kajian ini bukan sahaja dapat memberi manfaat kepada pihak yang terlibat malah dapat menunjukkan bahawa setiap pelajar IPG mengalami proses pembelajaran bahasa yang sama walaupun bahasa yang diperoleh dan dikuasai adalah berbeza-beza.
3. Kajian berkaitan penguasaan tatabahasa perlu dilakukan memandangkan pengetahuan tatabahasa ini amat penting dalam penyediaan slaid pembelajaran sebagai bahan bantu mengajar.
4. Penyelidikan juga boleh dijalankan dengan melihat sejauh mana pengaplikasian tatabahasa itu dapat digunakan dalam bentuk ayat yang sesuai. Penelitian seterusnya juga boleh dilakukan daripada aspek konsep gaya pembelajaran, jenis-jenis gaya pembelajaran, persekitaran pembelajaran dan pendekatan pembelajaran yang digunakan semasa mempelajari bahasa Melayu.



SCHOOL INSPECTION, LEADERSHIP ATTRIBUTES AND LEADERSHIP PERFORMANCE IN MALAYSIAN HIGH PERFORMING SCHOOLS IN SABAH

AZLIN AZLAN PHILIP KINJAWAN
RT 371.2 AZL

ABSTRACT

Undeniably, school inspection has become the top priority of quality improvement in education for many countries. It has created the basic requirement for greater quality assurance to ensure better monitoring and organisational efficiency as well as accountability. For years, Malaysia has established a scientific school inspection approach as a major mechanism for controlling and promoting the quality of schools. The Malaysian School Inspectorate (JNJK) is at the helm to ensure a sustainable standard of quality education through the use of 'Standards for Quality Education in Malaysia' (SKPMg2, hereafter). Recently, the Malaysian Education Blueprint 2013-2025 has placed an ultimate demand for school leaders and instructional leaders in high performing schools to enhance students' learning outcomes prompting them to look seriously into various issues of school leadership and management. Therefore, the main purpose of this study is to examine the interaction between School Inspection, Leadership Attributes and Leadership Performance in the selected Malaysian High Performing Schools. This study was guided by six research objectives and six research questions. A convergence parallel research design of mixed-methods approach was used to address the research questions. Two groups of respondents were involved in the study consisting of 120 school leaders and instructional leaders from two randomly selected Malaysian High Performing Schools in Sabah and three school inspectors from the JNJK. The quantitative data were collected from respondents via survey questionnaire while qualitative data were collected through open-ended questions and semi-structured interviews. The findings indicated that a majority of the school leaders and instructional leaders were satisfied with the current conduct of school inspection where it has assisted schools to move forward towards the current paradigm shift. The conduct of school inspection using SKPMg2 as a reference document was affirmatively well-received by leaders. In the aspects of communication and feedback, it was found that majority of the school leaders and instructional leaders agreed that the communication approach adopted by school inspectors were satisfactory and the feedback provided have assisted them to identify their weaknesses and to further capitalize their strengths. Majority of the leaders acknowledged that school inspectors have conformed to the elements of impartiality, independence, mutual respect and transparency while conducting the school inspection. This study has successfully featured the work and leadership characteristics of the JNJK through the Knowles' Process Enneagram © to signify a well-planned and organized execution of school inspection based on specific ethical guidelines and standardised operation procedure. It was further revealed that the attribute of leadership performance as specified in Standard 1 (SKPMg2) encompasses various leadership roles such as "the Frontrunner", "to Guide" and "to Inspire" were effective to boost leadership performance. The study also identified a positive and significant relationship between school inspection and leadership

performance. Besides, there was a positive and significant relationship identified between leadership attributes and leadership performance. The Partial Least Squares Structural Equation Modelling (PLS-SEM) analysis demonstrated that the variable of school inspection had the highest effect on leadership performance. The present study found that among the four variables of Leadership Attributes (LA), acquiring proper knowledge in SKPMg2 was found to have some significant impact on the enhancement of Leadership Performance. In consequence, all these findings lead to meaningful understanding of school inspection. This study has implications at the school leadership policy, training and development, administrative, as well as research level, among others. Clearly, the study had demonstrated the need for urgent and specific actions to elevate leadership performance of instructional leaders in Malaysian High Performing Schools.

SUMMARY OF FINDINGS

This study has succeeded in compiling evidence on the influence of the current conduct of school inspection and the impact of school leaders and instructional leaders' leadership attributes contributing to leadership performance in Malaysian high performing schools. Since school inspection and other attributes have been suggested by many researchers, the availability of a reliable instrument might help improve understanding and nurturing leadership performance in a local context. Wolf (2015) assured that the greatest number of school leaders have broaden their skillset and capability over time and finally become adept through direct experience and continuous practice.

It is acknowledged that the sample size and the study population were comparatively small. In addition, the uniqueness of Sabah restricts the degree to which the findings can be generalised to other parts of Malaysia. Nonetheless, existed numerous resemblance between what is being experienced by school leaders and inspectors in Sabah and what is being encountered by their colleagues in other parts of Malaysia includes centralised legislative procedures. This shared organisational element may be valuable to theorise from the findings of the current study on the probable prominence of school inspection and predicting factors to the enhancement of leadership performance in other Malaysian public schools in general.

RECOMMENDATIONS FOR FURTHER RESEARCH

Some recommendations for future research are as follows:

1. This study can be broadened to other high performing schools across Malaysia. Pertinent to the current study, the collection of data was limited amongst school leaders and teachers at two selected high performing schools in Sabah. Therefore, it is recommended that any future research be conducted amongst leaders and teachers at all High performing schools in Malaysia.
2. Besides high performing schools, the present study would also recommend further research on school inspectors in other parts of the country. As has been noted, the data collection of this current study only involved school inspectors from three districts in Sabah. Therefore, findings would be more comprehensive and extensive. Another key point needed to be highlighted is that this study also recommends on the continuous professional training to be provided to school inspectors particularly with regards to the best practices of school inspection to elevate organisational improvement and effectiveness. As an illustration, comparative study between

state officers of the JNJK can be conducted in relation to variables under study. However, a comprehensive and attentive selection of school inspection dimensions is required prior to data collection since classification is important to be done in similar criteria across all JNJK officers chosen in the future research.

3. Scholars in the area of leadership management regarded that rigorous empirical researches on leadership factors and quality need to be conducted so as to investigate determinants towards leadership performance and students' academic excellence. Comprehensive research and understanding of the potential key factors of high-performance leadership is demanded to promote students' attainment. To enumerate, finding of the present research revealed the factor of knowledge can be the predictor towards high performance leadership among school leaders and instructional leaders. Significantly, the present study recommends that other leadership variables (as dependent variables) to be investigated in quest of high performance leadership attributes particularly on leadership capability, communication constituent as well as emotional intelligence in Malaysian schools setting.



PENGARUH KONSEP KENDIRI AKADEMIK SEBAGAI MODERATOR TERHADAP PERSEKITARAN DAN STRATEGI PEMBELAJARAN DENGAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI MURID PERAKAUNAN

NOR SA'ADAH JAMALUDDIN
RT 370.152 NSJ

ABSTRAK KAJIAN

Meskipun sumbangan dan peri penting Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) kepada transformasi pendidikan dan ekonomi negara tidak dapat disangkal, pelbagai masalah dan kekangan masih wujud dalam memastikan kecemerlangan penguasaan KBAT dalam diri murid. Hal ini mengakibatkan isu KBAT terus diperbahaskan dari semasa ke semasa. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pengaruh konsep sendiri akademik sebagai moderator terhadap persekitaran dan strategi pembelajaran dengan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) bagi Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI) Prinsip Perakaunan (PP) dalam kalangan murid tingkatan empat kelas perakaunan. Teori Efikasi Kendiri (Bandura, 1977) dan Model Taksonomi Bloom semakan Anderson (Anderson & Krathwohl, 2001) telah dijadikan asas kajian ini. Kajian ini menerima pakai pendekatan kuantitatif menggunakan ujian yang ditadbir manakala formula Cochran (1977) digunakan bagi penentuan saiz sampel untuk mengira saiz sampel kajian. Pengukuran statistik deskriptif telah digunakan untuk menganalisis data demografi dan menentukan tahap konstruk yang digunakan dalam kajian ini. Pendekatan Model Persamaan Struktur (*Structural Equation Modelling*, SEM) digunakan untuk menguji hipotesis kajian. Sebelum penggunaan sepenuhnya model, penyelidik memastikan model memenuhi indeks ketepatan padanan yang boleh diterima: X^2 (CMIN) = 1553.435 (DF = 804), Relative X^2 (CMIN F) = 1.932, CFI = 0.895, IFI = 0.896, TLI = 0.888, dan RMSEA = 0.055. Analisis deskriptif kajian menunjukkan bahawa terdapat tahap pencapaian ujian KBAT yang baik dalam kalangan 309 responden sah dengan skor min 62.94. Tambahan lagi, analisis menggambarkan bahawa tahap persekitaran pembelajaran psikososial adalah tinggi pada skor min 4.20 (SP = 0.486). Begitu juga, tahap pengamalan strategi pembelajaran dalam kalangan responden juga tinggi dengan skor min 3.72 (SP = 0.625). Walau bagaimanapun, tahap faktor konsep sendiri akademik responden adalah sederhana dengan skor min 3.23 (SP = 0.871). Model persamaan struktur menunjukkan lima daripada enam faktor peramal tidak menyumbang secara signifikan kepada pencapaian KBAT murid: persekitaran pembelajaran psikososial ($\beta=1.353$, $p=0.477$), pengurusan masa ($\beta = -3.509$, $p=0.319$), penumpuan ($\beta = 0.066$, $p= 0.981$), sikap ($\beta = -7.357$ $p=0.108$), dan kegelisahan ($\beta = 4.415$, $p =0.259$). Namun, faktor motivasi telah menyumbang secara signifikan kepada pencapaian KBAT ($\beta = 13.242$, $p = 0.030$). Model struktur mendedahkan bahawa hubungan antara faktor persekitaran pembelajaran dan strategi pembelajaran adalah disederhanakan oleh konsep sendiri akademik dalam kajian ini dengan X^2 *measurement residuals* lebih besar daripada X^2 *unconstrained* berdasarkan model perbandingan *output* ΔX^2 (CMIN) = 299.445, $\Delta df = 106$; $p = .000$. Oleh itu, kajian ini menunjukkan bahawa terdapat kehadiran kesan penyederhaan konsep sendiri akademik pada penentu pencapaian KBAT dalam keseluruhan model. Implikasi kajian ini menyumbang kepada pengukuran Teori Efikasi Kendiri (Bandura, 1977) dalam menentukan faktor

luaran yang bertindak sebagai peramal terhadap penguasaan KBAT bagi MPEI PP dalam kalangan murid tingkatan empat kelas perakaunan. Dapatan kajian ini memberi panduan kepada para pendidik dan penggubal dasar dalam merancang sistem pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan sekaligus menyumbang kepada tercapainya hasrat menjadikan murid sebagai individu yang mempunyai nilai kebolehpasaran yang tinggi melalui penguasaan KBAT yang baik dan cemerlang di samping merealisasikan hasrat yang disasarkan oleh negara dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Selain itu, dapatan kajian ini juga boleh diguna pakai oleh para pendidik. Dalam menjalankan sesi, cadangan turut dikemukakan bagi memastikan penguasaan KBAT murid bagi pelbagai mata pelajaran yang lain. Beberapa kemahiran dipertingkatkan sekaligus menjadikan mereka individu yang mempunyai kemampuan daya saing yang tinggi bukan sahaja di Malaysia malah di peringkat antarabangsa.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Kajian ini berupaya untuk mengisi jurang hasil pembelajaran daripada memperoleh gred yang baik kepada memaksimumkan penguasaan KBAT dalam pembelajaran. Pendekatan deskriptif-kolerasi yang digunakan dalam kajian ini melibatkan pandangan seramai 309 murid tingkatan empat kelas perakaunan yang mengambil MPEI PP. Kajian mendapati persepsi responden terhadap persekitaran MPEI PP adalah berada pada tahap yang tinggi. Selain itu, dapatan kajian juga mendapati bahawa penggunaan strategi pembelajaran yang menitikberatkan aspek pengurusan masa, penumpuan, sikap, motivasi berada pada tahap tinggi dengan skor min tertinggi diperoleh melalui faktor motivasi. Kajian juga mendapati bahawa terdapat juga murid yang tidak menggunakan ketiga-tiga strategi pembelajaran ini secara serentak, malah memberikan fokus yang utama kepada faktor motivasi sehingga menyumbang kepada nilai skor min tertinggi bagi dimensi motivasi. Walaupun perbezaan penggunaan keseluruhan dimensi strategi pembelajaran hanya memberi kesan yang kecil, namun perhatian perlu ditumpukan terutama kepada begitu pentingnya faktor motivasi terhadap pembinaan dan penguatkuasaan KBAT murid.

Kesimpulannya, berdasarkan premis yang dijelaskan, walaupun TEK (Bandura, 1977) dilihat tidak berjaya mengesahkan secara keseluruhan kerelevanan teori ini dalam menguji penguasaan KBAT murid dalam MPEI P. Namun, wujud penemuan baharu yang masih mempunyai hubung kait antara penemuan semasa dengan teori ini. Kajian ini juga memberi gambaran terperinci mengenai elemen yang mewakili faktor peramal ke atas KBAT murid tingkatan empat kelas perakaunan bagi MPEI PP di Semenanjung Malaysia.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti yang berikut:

1. Saranan untuk menggunakan kajian yang mempunyai reka bentuk kualitatif bagi kajian lanjutan wajar dipertimbangkan bagi tujuan mempelbagaikan hasil dapatan dan memperkembangkan penemuan baharu yang lebih mendalam terhadap bidang kurikulum dan pengajaran terutama dari aspek KBAT murid.

2. Persekitaran pembelajaran dalam kajian ini merupakan faktor peramal yang dicirikan oleh kemudahan pembelajaran, pengajaran berorientasikan konstruktivis, matlamat yang jelas dan kesesuaian kurikulum, autonomi murid dan kerjasama antara murid. Manakala strategi pembelajaran yang dicirikan oleh pengurusan masa, penumpuan, sikap dan kegelisahan telah dinilai dengan tahap yang tinggi oleh responden kajian. Namun, dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat kesan langsung antara pemboleh ubah ini dengan KBAT. Justeru, melalui penemuan kajian ini, penyelidik menyarankan kajian lanjutan dijalankan bagi mengkaji semula pemboleh ubah ini dengan mengambil kira ciri-ciri kemudahan pembelajaran dan kerjasama antara murid yang pada awalnya dikaji dalam penyelidikan ini tetapi telah dipadankan setelah melalui Analisis Pengesahan Faktor (CFA) dalam Pemodelan Persamaan Berstruktur (SEM).
3. Penemuan dalam kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat kesan langsung yang signifikan antara persekitaran pembelajaran psikososial, pengurusan masa, penumpuan, sikap dan kegelisahan terhadap KBAT. Penemuan ini mungkin disebabkan oleh kelemahan yang terdapat pada instrumen yang digunakan bagi tujuan mengukur dan menilai pemboleh ubah. Oleh itu, penyelidik mencadangkan kajian lanjutan dijalankan berdasarkan penemuan kajian ini dengan melakukan pengubahsuaian kepada instrumen yang telah diterima pakai.
4. Sampel kajian ini hanya melibatkan murid tingkatan empat kelas perakaunan yang mengambil Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI) Prinsip Perakaunan (PP) yang menyebabkan ianya tidak boleh digeneralisasikan kepada murid yang mengambil mata pelajaran lain. Namun, kajian ini boleh diperluaskan dengan menjadikan mata pelajaran selain daripada MPEI PP sebagai fokus utama kajian dalam mengkaji KBAT murid selain daripada melibatkan pelajar di IPT sebagai sampel kajian.
5. Kajian ini hanya dapat mengesahkan faktor peramal ke atas KBAT dan dilanjutkan dengan mengkaji pengaruh konsep sendiri akademik sebagai moderator. Justeru, dapatan kajian ini hanya memberi gambaran berkenaan persepsi murid dari aspek persekitaran pembelajaran psikososial, penggunaan strategi pembelajaran dan konsep sendiri akademik selain tahap KBAT murid. Oleh itu, kajian lanjutan disarankan untuk membuat penambahan faktor peramal dengan menilai isu-isu yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2023 secara komprehensif yang melibatkan bidang kurikulum dan pengajaran.



PENGARUH INTERAKSI INTERPERSONAL DAN SIKAP JURULATIH TERHADAP PELAKSANAAN PROGRAM LATIHAN DALAM KALANGAN ATLET OLAHRAGA

NORAISHAH YUSOF
RT 302.2 NAY

ABSTRAK KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti pengaruh interaksi interpersonal serta sikap jurulatih terhadap pelaksanaan program latihan dalam kalangan atlet olahraga. Kajian ini melibatkan seramai 361 orang atlet daripada 5 buah negeri mengikut zon yang terdiri daripada murid atlet olahraga Sukan Prestasi Tinggi Sekolah. Kajian ini menggunakan kaedah pensampelan berkelompok serta pensampelan rawak sebagai teknik pensampelan. Kajian ini adalah satu kajian kuantitatif dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen. Satu set soal selidik diberikan kepada atlet sahaja dan dibahagikan kepada empat bahagian. Set soal selidik mengandungi Bahagian A iaitu berkaitan biodata subjek seperti jantina, umur, acara sukan, jenis sukan dan peringkat penglibatan. Bahagian B soal selidik berkaitan interaksi interpersonal dibina, diubah suai dan dibangunkan oleh Jowett dan Ntoumanis, (2004) iaitu CART-Q (*Coach Athlete Relationship Questionnaire*). Bahagian C soal selidik dibina, diubah suai berkaitan sikap jurulatih yang telah dibentuk dan dibangunkan oleh Jean Côté (1999) iaitu soal selidik CBS-S (*Coaching Behaviour Scale for Sport*) dan bahagian D pula soal selidik berkaitan Pelaksanaan Program Latihan Dalam Kalangan Atlet Olahraga (PPLAO), dibina dan diubahsuai dari CES dan dibangunkan oleh Feltz et al. (1999). Satu kajian rintis telah dilaksanakan untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian. Analisis statistik inferensi seperti ujian-t, ANOVA sehalu, Korelasi Pearson dan SEM (AMOS) digunakan untuk menguji 12 hipotesis nol pada aras signifikan $p < 0.05$. Analisis data menggunakan program SPSS versi 21.0 dan analisis laluan AMOS versi 18.0. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang positif dan signifikan ($r = .428, p < .05$) antara interaksi interpersonal dengan pelaksanaan program latihan sukan olahraga. Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif dan signifikan ($r = .585, p < .05$) antara sikap jurulatih dan pelaksanaan program latihan sukan olahraga. Sementara itu, interaksi interpersonal menunjukkan terdapat hubungan yang positif secara langsung terhadap Pelaksanaan Program Latihan Dalam Kalangan Atlet Olahraga ($\beta = .308, p < .05, CR > 1.96$). Sikap Jurulatih menunjukkan kesan langsung yang sangat kuat berbanding interaksi interpersonal terhadap Pelaksanaan Program Latihan Dalam Kalangan Atlet Olahraga ($B = .470, p < .05, CR > 1.96$). Dapatan kajian turut menunjukkan keputusan analisis Pelaksanaan Program Latihan Dalam Kalangan Atlet Olahraga antara kedua-dua pemboleh ubah Interaksi Interpersonal dan Sikap Jurulatih yang dihubungkan dalam model modifikasi adalah berkorelasi secara signifikan ($r = .571, p < .05$). Dapatan ini menunjukkan bahawa, Interaksi Interpersonal ($y = .22, p < .05$) dan Sikap Jurulatih ($y = .47, p < .05$) secara langsung menyumbang sebanyak 40% daripada varian terhadap pelaksanaan program latihan sukan olahraga. Kesimpulannya terdapat penyesuaian yang signifikan model yang dibentuk dan mempunyai hubungan secara langsung antara interaksi interpersonal dan sikap jurulatih dengan Pelaksanaan Program Latihan Dalam Kalangan Atlet Olahraga.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini dapat membantu jurulatih memahami setiap keperluan atlet untuk memperbaiki kepuasan serta motivasi atlet tersebut (Reimer & Chelladurai, 1998). Kebanyakan jurulatih gagal untuk mengambil kira keperluan dan kehendak atlet mereka. Hubungan jurulatih dan tingkah laku jurulatih yang baik dan disukai atlet boleh membawa kepada kepuasan dan peningkatan prestasi atlet. Tegasnya, jurulatih yang memahami apa yang dikehendaki oleh atlet mereka lebih berkesan dalam memotivasikan atlet tersebut (Horn, 2002). Dapatan kajian ini turut menjelaskan aspek dalam Interaksi Interpersonal iaitu aspek keakraban, aspek komitmen dan aspek saling melengkapi serta faktor sikap jurulatih yang terdiri daripada Perancangan dan Latihan Fizikal, Kemahiran Teknikal, Persediaan Mental, Penetapan Matlamat, Strategi Pertandingan, Hubungan Peribadi. Hubungan peribadi yang negatif boleh mempengaruhi Pelaksanaan Program Latihan dalam kalangan atlet olahraga sama ada secara langsung atau tidak langsung seperti mana yang digambarkan oleh model yang dibangunkan. Elemen tersebut juga sangat berkait rapat antara satu sama lain dan perlu diberi perhatian sewajarnya. Maka, Model Interaksi Interpersonal dan Hubungan Jurulatih Atlet (IIDHJA) yang telah diuji dan disahkan secara empirikal menggunakan pendekatan pemodelan persamaan struktur ini sesuai dijadikan asas dan panduan kepada atlet dan jurulatih dalam usaha ke arah meningkatkan pencapaian atlet di peringkat antarabangsa.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti yang berikut:

1. Selain kajian tertumpu kepada jurulatih dan atlet olahraga, kajian lanjutan boleh dilaksanakan kepada jurulatih permainan lain dan kajian ini juga boleh diperluaskan kepada atlet-atlet bagi melihat kesesuaian model untuk atlet dan jurulatih yang berbeza.
2. Replikasi model boleh dilaksanakan di sekolah lain atau universiti yang mahukan pembangunan bakat atlet ini bergantung sepenuhnya kepada kualiti seorang jurulatih. Bagi memantapkan lagi pengetahuan dalam bidang yang dikaji, kajian ke atas kualiti kejurulatihan boleh ditentukan oleh bagaimana seseorang jurulatih itu berkelakuan semasa melaksanakan bukan hanya tertumpu kepada aspek latihan fizikal dan teknikal. Kajian akan datang perlu memberi tumpuan kepada aspek taktikal dan psikologi yang dapat memberi kesan kepada prestasi dan penyertaan pemain dalam sesuatu pertandingan. Menurut Butler (1996), aspek psikologi merupakan salah satu faktor utama selain faktor fizikal, teknikal dan strategi yang diperlukan oleh atlet untuk mencapai kejayaan dalam sukan.
3. Bagi soal selidik mengukur hubungan jurulatih dan sikap jurulatih dalam kajian ini, kajian akan datang dicadangkan untuk menggunakan instrumen lain seperti soal selidik Sport Motivation Scale (SMS, 1995), Coaching Behavior Assessment System (CBAS) *Trait Sport-Confidence Inventory* (Vealey, 1986) dan *Sport Competition Anxiety Test* (Martens, 1990). Nazarudin et al. (2017), beberapa kajian melaporkan bahawa sub-skala berkaitan tingkah laku kejurulatihan yang autokratik dalam LSS ini mempunyai tahap ketekalan dalaman yang rendah (Gordon, 1998; Spink, 1995). LSS kebanyakannya telah ditadbir kepada orang dewasa, manakala CBAS pula telah direka untuk menilai tingkah laku jurulatih yang melatih belia.

4. Kaedah analisis statistik kajian masa hadapan juga boleh menggunakan kedua-dua pendekatan pemodelan persamaan struktur (SEM) secara kaedah penganggaran kebolehjadian maksimum (ML) dan Kuasa Dua Terkecil Separa (KDTS) bagi melihat perbandingan secara statistik. Selain itu, kajian juga boleh menumpukan kepada kesan pemboleh ubah penengah antara setiap konstruk yang dikaji menggunakan analisis pemodelan persamaan struktur (SEM) atau teknik analisis yang sesuai.
5. Kajian masa hadapan juga boleh dilaksanakan secara kaedah gabungan (*mixed method*) dengan menggabungkan kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif seperti pemerhatian terhadap jurulatih dalam bentuk sesi latihan yang dijalankan dan temu bual untuk memperkukuhkan lagi dapatan kajian.



PENILAIAN PELAKSANAAN PROGRAM SCHOOL IMPROVEMENT SPECIALIST COACHES PLUS (SISC+) DALAM MENINGKATKAN KUALITI GURU DIBIMBING

SALEFAH MAT SALLEH
RT 371.207 SAL

ABSTRAK KAJIAN

Program *School Improvement Specialist Coaches Plus* (SISC+) merupakan program yang diperkenalkan secara rasmi pada tahun 2014 bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Matlamat utama pelaksanaan program SISC+ adalah untuk meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran guru di Malaysia. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pelaksanaan program SISC+ dalam mencapai objektif penubuhannya. Kajian penilaian ini menggunakan pendekatan kuantitatif sebagai data utama dan dapatan kualitatif sebagai data sokongan dengan reka bentuk tinjauan. Penilaian ini dibuat dengan menggunakan Model CIPP yang menumpukan kepada dimensi input, dimensi proses dan dimensi produk yang telah dijustifikasikan. Instrumen kuantitatif yang digunakan ialah instrumen soal selidik menggunakan skala Likert lima mata. Responden terdiri daripada 400 orang guru yang terlibat dengan program SISC+ dari tahun 2014 hingga 2017 yang dipilih melalui kaedah persampelan berkelompok. Data dianalisis menggunakan frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai serta analisis inferensi seperti Regresi Berganda (*Stepwise*). Manakala kaedah temu bual digunakan untuk mendapatkan data kualitatif dan penganalisan data dibuat secara manual. Dapatan menunjukkan bahawa hanya dimensi input berada pada tahap tinggi, sebaliknya dimensi proses dan produk berada pada tahap sederhana. Walaupun penilaian input berada pada tahap tinggi, namun apabila diteliti setiap aspek didapati tahap pengetahuan SISC+ berada pada tahap sederhana sahaja. Aspek dimensi input yang berada pada tahap tinggi adalah terdiri daripada peranan, maklum balas, sifat peribadi dan suri teladan SISC+. Bagi penilaian dimensi proses, iaitu bimbingan pengajaran oleh SISC+ berada pada tahap sederhana. Begitu juga dengan penilaian produk berada pada tahap sederhana, iaitu perubahan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan, kemahiran dan sikap setelah guru mendapat bimbingan daripada SISC+. Aspek yang menyumbang secara signifikan kepada pencapaian matlamat pelaksanaan program SISC+ dari segi dimensi proses ialah suri teladan dan sifat peribadi SISC+. Manakala sifat peribadi, suri teladan dan pengetahuan SISC+ (aspek nilai profesionalisme keguruan), sifat peribadi dan suri teladan SISC+ (aspek pengetahuan), suri teladan dan sifat peribadi SISC+ (aspek kemahiran), dan suri teladan, sifat peribadi dan peranan SISC+ (aspek sikap) menyumbang secara signifikan kepada pencapaian matlamat pelaksanaan program SISC+ dari segi dimensi produk. Hasil dapatan kajian ini menyimpulkan bahawa pada keseluruhannya, tahap pencapaian matlamat pelaksanaan program SISC+ berada pada tahap sederhana. Pegawai SISC+ perlu mempertingkatkan pengetahuan terutama dalam aspek ICT, kemahiran berfikir aras tinggi dan pakar rujuk dalam bidang pedagogi supaya proses bimbingan dapat dijalankan dengan lebih berkesan dan mampu meningkatkan kualiti guru di Malaysia.


RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Secara keseluruhannya, kajian ini dapat menilai pelaksanaan program SISC+ dalam meningkatkan kualiti guru dibimbing dari sudut penilaian input, proses dan produk. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa matlamat pelaksanaan program SISC+ belum dicapai sepenuhnya. Kajian ini juga telah berjaya mengesan aspek yang lemah dari segi pelaksanaan dan memerlukan perhatian dan strategi untuk penambahbaikan. Adalah disarankan bahawa pelaksanaan program SISC+ diteruskan dengan mengambil kira cadangan penambahbaikan dalam usaha mencapai matlamat yang diharapkan. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa ciri-ciri SISC+ yang dijadikan pemboleh ubah bebas dapat mempengaruhi proses pelaksanaan program SISC+ dan memberi impak kepada penghasilan produk program SISC+. Ciri-ciri SISC+ sebagai pembimbing berkesan menjadi syarat utama dalam pemilihan calon pegawai SISC+. Dalam pelaksanaan program SISC+, dimensi input dianggap penentu kejayaan kepada dimensi proses dan seterusnya dimensi produk. Apabila dimensi input tidak mampu dipenuhi dengan berkesan, maka secara tidak langsung akan turut mempengaruhi dimensi proses dan hasil produk sudah pasti tidak mampu memberikan impak yang tinggi.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti berikut:

1. Kajian ini melibatkan penilaian pelaksanaan Program SISC+ dari sudut perspektif GDB sahaja. Oleh itu, kajian pada masa akan datang boleh meliputi perspektif yang lebih luas seperti pembantu tadbir sekolah, GDB dan SISC+ supaya perbezaan atau persamaan dapatan kajian dapat dilihat untuk perbandingan.
2. Kajian yang sama boleh diteruskan dengan menggunakan sampel yang bukan hanya mengajar mata pelajaran bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan Matematik sahaja, bahkan boleh diluaskan lagi kepada semua guru yang terlibat dengan program SISC+. Pengkaji hanya menggunakan sampel guru yang mengajar mata pelajaran yang disebutkan di atas sahaja kerana pada masa kajian mula dijalankan pada 2017, hanya guru tersebut yang terlibat dengan program SISC+ Bermula dari tahun 2018, bimbingan SISC+ tidak lagi terhad kepada guru mata pelajaran tersebut sahaja, bahkan diluaskan lagi kepada semua guru tanpa mengira mata pelajaran dan mengikut keperluan yang ditetapkan.
3. Kajian ini dijalankan untuk menilai pelaksanaan program SISC+ dalam meningkatkan kualiti guru dibimbing dengan menggunakan Model Penilaian Stufflebeam (1971) yang mengambil kira dimensi input, proses dan produk. Adalah dicadangkan agar penilaian terhadap program ini pada masa akan datang mengguna pakai Model Penilaian Stufflebeam (2003). Model penilaian CIPP (2003) ini adalah suatu rangka kerja yang dapat membimbing proses penilaian program yang lebih menyeluruh, iaitu meliputi penilaian konteks, input, proses, impak dan keberkesanan. Selain itu, ia dapat menilai sejauh mana program telah atau boleh berjaya disesuaikan dan dilaksanakan di tempat lain (*transportability*), kesinambungan (*sustainability*), penilaian pematuhan terhadap standard berkaitan penilaian (*metaevaluation*) dan laporan akhir program yang menyatukan penemuan evaluasi untuk memberi maklumat lengkap kepada khalayak tentang apa yang telah dilakukan dan dicapai, pengajaran yang diperolehi dan penilaian *bottom-line program (the final synthesis report)*. Dengan penggunaan model tersebut, diharapkan kajian pada masa akan datang dapat membuat penilaian yang lebih konseptual, pragmatik dan lebih beretika.

- 
4. Dari sudut dimensi kajian, aspek penilaian input program yang dikaji hanya menggunakan sumber manusia dari sudut ciri-ciri SISC+ sebagai pembimbing pengajaran. Dari segi penilaian proses, kajian dilakukan dari sudut proses bimbingan yang dilakukan oleh SISC+. Manakala penilaian produk pula dilakukan penilaian dari segi keberkesanan bimbingan pengajaran oleh SISC+. Adalah dicadangkan agar kajian akan datang mengambil kira faktor lain yang signifikan dan mampu mempengaruhi kualiti program SISC+. Kajian penilaian program SISC+ juga perlu dijalankan dari semasa ke semasa supaya masalah yang dihadapi pada setiap tahap dapat dikesan dan diperbaiki dengan segera.



PEMBANGUNAN MODEL PENYELIAAN KLINIKAL BAGI GURU REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

FAZIDAH NAZIRI
RT 371.203 FAZ

ABSTRAK KAJIAN

Proses bimbingan guru merupakan proses yang berpanjangan dan memerlukan jangka masa panjang dan bersistematik. Pembangunan model yang menepati keperluan guru melalui penerapan domain keprihatinan guru, kerangka Pengetahuan Teknologi Pedagogi dan Kandungan (PTPK) dan maklum balas mengisi kelompangan instrumen penyeliaan guru. Kajian ini bertujuan untuk membangunkan Model Penyeliaan Klinikal bagi guru Reka Bentuk dan Teknologi (MPK-RBT) Kementerian Pendidikan Malaysia oleh Guru Kanan Mata Pelajaran Teknik dan Vokasional. Pembangunan model bagi memberi panduan kepada Guru Kanan Mata Pelajaran Teknik dan Vokasional membimbing guru RBT meningkatkan kualiti pengajaran dan pemudahcaraan dalam bilik darjah. Kajian ini menggunakan kaedah Reka Bentuk dan Pembangunan (*Design and Development Research Approach*) yang melibatkan fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan pembangunan serta fasa penilaian kebolehgunaan. Fasa analisis keperluan dijalankan bagi melihat keperluan pembangunan model dengan 138 item menggunakan tinjauan borang soal selidik ke atas 386 orang Guru Kanan Mata Pelajaran Teknik dan Vokasional seluruh Malaysia. Fasa reka bentuk dan pembangunan diaplikasikan bagi mendapat kesepakatan pakar seramai 15 orang dalam mengesahkan item dalam elemen utama setiap domain. Fasa reka bentuk mengaplikasikan kaedah Fuzzy Delphi di mana 114 item telah diterima dan dibincangkan melalui pendekatan *Modified Nominal Group Technique* (NGT Ubahsuai). Seterusnya sebanyak 73 item dipilih mengikut susunan keutamaan diundi oleh pakar menggunakan pendekatan *Interpretive Structural Modelling* (ISM) dengan bantuan perisian *Concept Star*. Fasa penilaian kebolehgunaan digunakan bagi menilai model mencapai tahap yang sesuai untuk digunakan melalui teknik analisis Cohen Kappa. Pembangunan sebuah Model Penyeliaan Klinikal Guru Reka Bentuk dan Teknologi menghasilkan susunan model bagi elemen keprihatinan guru, elemen kerangka PTPK dan elemen maklum balas. Rangkuman model akhir menunjukkan bahawa ia mempunyai nilai kebolehbelaajaran, kefahaman, kecekapan, nilai estetika dan keseluruhan model sesuai digunakan sebagai panduan oleh Guru Kanan Mata Pelajaran Teknik dan Vokasional untuk membimbing guru RBT di sekolah. Kajian lanjutan ke atas model bagi membuat penilaian secara saintifik melalui kajian ekperimentasi dan seterusnya membangunkan aplikasi penyeliaan klinikal secara dalam talian.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Penghasilan model ini penting untuk membimbing guru RBT mendepani cabaran revolusi industri (IR 4.0) dimana kaedah, teknik dan strategi pengajaran memerlukan pendekatan teknologi terkini. Justeru, dapatan kajian menunjukkan bahawa model reka bentuk dan pembangunan memberi sumbangan yang signifikan sebagai kerangka sokongan kepada guru RBT dalam proses pemudahcaraan dan pembelajaran di bilik darjah. Selain itu, ia menjadikan guru RBT sentiasa proaktif dan berinisiatif menghasilkan pengajaran yang kreatif. Melalui bimbingan, murid dapat meneroka pelbagai medium pembelajaran yang terkini dalam bentuk digital menjadikan mereka lebih berinovatif dalam menghasilkan projek RBT. Selain itu, model ini juga dapat meningkatkan keupayaan guru RBT membimbing rakan sejawat luar bidang melalui jalinan dan jaringan sekolah seluruh negara.

Kesimpulannya, pembangunan model penyeliaan klinikal guru RBT dapat menyumbang kepada kelestarian mata Pelajaran RBT di Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) agar ia terus relevan dengan perkembangan teknologi terkini serta berdaya saing. Hal ini selari dengan usaha kerajaan agar Malaysia berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan negara maju seiring RMK-11 (2016 – 2020) dengan penumpuan terhadap bidang teknik dan vokasional. Di samping itu, kajian lanjutan perlu diteruskan agar ia menjadi pencetus kepada pemurnian hasil kajian dan aktiviti pembelajaran terkini sesuai dengan pembelajaran dan pemudahcaraan RBT agar selari dengan sistem pendidikan global.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti berikut:

1. Kajian akan datang dicadangkan untuk membangunkan aplikasi secara digital yang memberi tumpuan kepada domain keprihatinan guru, domain kerangka PTPK dan domain maklum balas terhadap guru RBT yang dibimbing oleh Guru Kanan Mata Pelajaran Teknik dan Vokasional di sekolah masing-masing. Melalui aplikasi ini, Guru Kanan Mata Pelajaran Teknik dan Vokasional mudah membuat penyeliaan tanpa menggunakan kertas dan boleh diselia pada bila-bila masa. Aplikasi digital boleh dicapai dengan mudah melalui *e-learning* menggunakan peranti digital seperti komputer riba, tablet atau telefon pintar.
2. Mengadakan kajian secara berfokus bagi mereka bentuk dan membangunkan modul penyeliaan dengan penekanan terhadap 23 item dalam domain keprihatinan guru, 35 item dalam domain kerangka PTPK dan 15 item dalam domain maklum balas yang telah melalui penilaian dan kesepakatan panel pakar sebagai item yang diperlukan bagi membimbing guru RBT di sekolah.
3. Mewujudkan satu modul bagi latihan dalam perkhidmatan (LDP) di sekolah berbekalkan domain yang terdapat di dalam Model Penyeliaan Klinikal guru RBT dan diguna oleh guru teknikal lain dalam bidang Teknik dan Vokasional di sekolah. Penyediaan modul diharapkan dapat digunakan oleh semua guru RBT melalui penilaian sendiri di mana guru boleh meningkatkan kompetensi diri melalui modul yang disediakan.
4. Cadangan untuk melihat kebolegunaan model penyeliaan klinikal bagi guru RBT oleh Guru Kanan Mata Pelajaran Teknik dan Vokasional serta modul ringkas yang boleh dibina dengan penekanan terhadap domain keprihatinan guru, domain kerangka PTPK dan domain maklum balas. Kajian secara eksperimen dilakukan di mana perbandingan boleh dilihat antara guru RBT yang mengikuti modul (kumpulan rawatan) dan kumpulan kawalan.



PERMODELAN LINEAR BERHIERARKI FAKTOR SOSIAL ORGANISASI, FAKTOR INDIVIDU DAN PENGETAHUAN TEKNOLOGI PEDAGOGI KANDUNGAN TERHADAP EFIKASI KENDIRI GURU MATEMATIK DALAM MENGINTEGRASIKAN TEKNOLOGI

NURUL SHAHHIDA ABU BAKAR
RT 371.102 NUR

ABSTRAK KAJIAN

Kajian kuantitatif pelbagai peringkat ini bertujuan menentukan hubungan antara faktor sosial organisasi, faktor individu dan Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (PTPK) terhadap tahap efikasi sendiri guru Matematik dalam mengintegrasikan teknologi. Kajian ini turut menentukan peranan faktor sosial organisasi sebagai kesan penyederhanaan dan PTPK sebagai kesan pengantara. Seramai 511 orang guru Matematik sekolah menengah harian seluruh Malaysia dipilih menggunakan pensampelan rawak berstrata. Data temu bual turut dikumpul daripada enam orang ketua panitia Matematik yang dipilih menggunakan pensampelan bertujuan. Proses kesahan konstruk instrumen dilaksanakan menggunakan model pengukuran Rasch. Analisis diteruskan dengan pengendalian dan pengujian taburan data, prosedur agregat, analisis univariat dan bivariat, pembangunan model kajian, penilaian model linear berhieraki dan analisis tematik. Dapatan kajian menunjukkan 11% varians tahap efikasi sendiri guru Matematik dalam mengintegrasikan teknologi berada di peringkat sekolah manakala 89% varians berada di peringkat guru matematik. Kesemua pemboleh ubah faktor individu iaitu jantina, pengalaman, latihan pembangunan profesional dan persediaan guru menunjukkan hubungan signifikan dengan tahap efikasi sendiri guru Matematik dalam mengintegrasikan teknologi. Bagi pemboleh ubah faktor sosial organisasi, hanya sokongan pentadbir dan sekolah menunjukkan hubungan signifikan dengan tahap efikasi sendiri guru Matematik dalam mengintegrasikan teknologi. Pemboleh ubah lain seperti lokasi, iklim sekolah dan tekanan menggunakan teknologi adalah tidak signifikan. Di samping itu, sokongan pentadbir dan sekolah menunjukkan kesan penyederhanaan terhadap hubungan di antara persediaan guru dan tahap efikasi sendiri guru Matematik dalam mengintegrasikan teknologi. Seterusnya, PTPK menunjukkan hubungan signifikan dengan tahap efikasi sendiri guru Matematik dalam mengintegrasikan teknologi. PTPK turut mengantara separa hubungan antara jantina, latihan pembangunan profesional dan persediaan guru dengan tahap efikasi sendiri guru Matematik dalam mengintegrasikan teknologi. Dapatan menunjukkan latihan pembangunan profesional, persediaan guru, sokongan pentadbir dan sekolah, tekanan menggunakan teknologi dan PTPK disokong oleh dapatan temu bual. Walau bagaimanapun, dapatan temu bual tidak menyokong dapatan kuantitatif bagi jantina, pengalaman mengajar, lokasi dan iklim sekolah. Implikasinya, penggubal dan pelaksana dasar dapat merancang strategi efisien dengan menyediakan latihan berterusan dan berfokus kepada pengintegrasian teknologi bagi meningkatkan tahap efikasi sendiri guru Matematik dalam mengintegrasikan teknologi serta menghasilkan pendidikan berkualiti. Kesimpulannya, guru Matematik perlu mempunyai efikasi sendiri yang positif agar pengintegrasian teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan bermakna dan bermanfaat kepada murid.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Oleh kerana fokusnya lebih bersifat individu, maka pelbagai perkara perlu dilihat bagi mengkaji tahap efikasi sendiri guru Matematik dalam mengintegrasikan teknologi. Antara perkara yang dilihat ialah faktor sosial organisasi iaitu persekitaran yang mempengaruhi serta faktor individu dan faktor PTPK iaitu faktor dalaman guru Matematik itu sendiri. Justeru, berdasarkan kajian ini, dapat disimpulkan bahawa faktor sosial organisasi yang mempengaruhi guru Matematik dalam mengintegrasikan teknologi ialah pemboleh ubah sokongan pentadbir dan sekolah. Ini menunjukkan kepentingan sokongan pentadbir dan sekolah kepada guru Matematik dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berorientasikan pengintegrasian teknologi. Seterusnya, faktor dalaman guru Matematik itu sendiri yang merujuk kepada faktor individu dan faktor PTPK turut dititik beratkan bagi menentukan tahap efikasi sendiri guru Matematik dalam mengintegrasikan teknologi. Pemboleh ubah seperti jantina, pengalaman mengajar, latihan pembangunan profesional dan persediaan guru mempengaruhi tahap efikasi sendiri guru Matematik dalam mengintegrasikan teknologi. Selain itu, faktor PTPK turut mempengaruhi tahap efikasi sendiri guru Matematik dalam mengintegrasikan teknologi. Justeru, bagi memastikan pengintegrasian teknologi dapat dijalankan dengan berkesan, guru Matematik perlu mempunyai tahap efikasi sendiri yang positif. Hal ini agar pengintegrasian teknologi dapat dijalankan dalam suasana menyeronokkan di samping memastikan proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan bermakna dan bermanfaat kepada murid dalam menguasai konsep-konsep Matematik.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti berikut:

1. Penelitian lanjut terhadap faktor yang mempengaruhi tahap efikasi sendiri guru Matematik dalam mengintegrasikan teknologi amat diperlukan bagi mengetahui rasionalnya terhadap pengajaran dan pembelajaran Matematik. Penelitian lanjut boleh dijalankan melalui pelbagai kaedah selain tinjauan rentas silang dan temu bual iaitu seperti pemerhatian di dalam kelas dan analisis dokumen. Justeru, kajian yang menggunakan kaedah gabungan seperti saranan Creswell dan Clark (2007) dapat memberikan gambaran lebih baik tentang realiti yang berlaku terutama dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Matematik di Malaysia.
2. Data kajian ini merupakan data kajian rentas silang. Maka, kajian ini boleh dilanjutkan dengan menggunakan kaedah longitudinal. Hal ini kerana kaedah longitudinal membolehkan sesuatu kajian dikaji dalam masa yang lebih panjang (Lynn 2009). Oleh itu, kaedah ini menawarkan penyelesaian kepada isu *common method variance* yang biasanya wujud apabila kajian rentas silang dijalankan (Conway & Lance 2010). Di samping itu, kaedah longitudinal juga berupaya untuk mengatasi masalah data hilang dalam analisis pelbagai peringkat (Raundenbush & Bryk 1992). Justeru, kaedah longitudinal ini adalah antara strategi yang sering dicadangkan dalam analisis pelbagai peringkat untuk mengatasi masalah bias antara pemboleh ubah (Brannick et al. 2010).
3. Berbanding kaedah permodelan linear berhierarki pelbagai peringkat, kaedah permodelan persamaan berstruktur pelbagai peringkat turut boleh digunakan untuk menganggar secara serentak hubungan antara setiap pemboleh ubah dan dalam masa yang sama mengambil kira semua faktor (Curran 2003). Justeru, dapatan yang komprehensif dapat diperoleh melalui kaedah ini.

4. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa varians tahap efikasi sendiri guru Matematik dalam mengintegrasikan teknologi di peringkat sekolah dan peringkat guru kurang daripada 100%. Maka terdapat kemungkinan pemboleh ubah tidak bersandar lain di kedua-dua peringkat yang wajar dipertimbangkan dalam permodelan ini. Selain itu, dapatan kajian hanya menunjukkan pemboleh ubah sokongan pentadbir dan sekolah menyederhanakan hubungan persediaan guru dan tahap efikasi sendiri guru Matematik dalam mengintegrasikan teknologi manakala pemboleh ubah lain tidak menunjukkan sebarang kesan penyederhanaan. Justeru, kajian lanjut boleh dijalankan dengan mengambil kira pemboleh ubah kesan penyederhanaan lain yang mungkin memberi kesan terhadap hubungan antara pemboleh ubah di peringkat guru dengan tahap efikasi sendiri guru Matematik dalam mengintegrasikan teknologi. Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan faktor PTPK guru Matematik hanya mengantara separa hubungan antara jantina, latihan pembangunan profesional dan persediaan guru dengan tahap efikasi guru Matematik dalam mengintegrasikan teknologi. Oleh itu, kajian ini boleh mengambil kira pemboleh ubah kesan pengantara lain yang mungkin memberi kesan terhadap hubungan antara pemboleh ubah di peringkat guru dengan tahap efikasi sendiri guru Matematik dalam mengintegrasikan teknologi.
5. Kajian ini boleh dilanjutkan dengan melaksanakan kesan *mediated-moderation* dan *moderated-moderation* bagi pemboleh ubah kesan penyederhanaan dan pemboleh ubah kesan pengantara.
6. Kaedah pengumpulan data kualitatif selain temu bual juga boleh digunakan untuk mengumpul data tahap efikasi sendiri guru Matematik dalam mengintegrasikan teknologi. Analisis dokumen dan pemerhatian dalam proses pengajaran dan pembelajaran seperti yang disarankan oleh Merriam (2009) dapat memberikan maklumat terperinci untuk memahami dengan lebih mendalam tahap efikasi sendiri guru Matematik dalam mengintegrasikan teknologi.



AMALAN GURU BESAR DALAM KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL ABAD KE-21, PEMBANGUNAN PROFESIONALISME DAN KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL

JEFFRI MAT YASIM @ MAT YAMAN
RT 371.2012 JEF

ABSTRAK KAJIAN

Komuniti pembelajaran profesional (PLC) merupakan amalan yang perlu dilaksanakan dalam kalangan pemimpin sekolah dan guru bagi membentuk sekolah berkesan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap, hubungan dan sumbangan amalan guru besar dalam kepimpinan instruksional abad ke-21 serta amalan guru besar dalam pembangunan profesionalisme PLC di sekolah. Pengkaji menggunakan reka bentuk tinjauan yang menjurus kepada kaedah kuantitatif. Kajian kualitatif berfokus untuk mengkaji cabaran kepimpinan instruksional abad ke-21 guru besar dalam melaksanakan PLC di sekolah dan langkah mengatasinya. Data kajian diperolehi daripada 266 orang guru besar dari seluruh negeri Perak menerusi kaedah persampelan rawak mudah sistematik. Seterusnya, data temu bual pula melibatkan dua orang guru besar dari dua buah PLC *Showcase School* negeri Perak. Dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan guru besar dalam kepimpinan instruksional abad ke-21 berada pada tahap tinggi. Ketiga-tiga pemboleh ubah turut mempunyai hubungan dalam pembangunan profesionalisme. Kajian juga mendapati bahawa amalan guru besar dalam PLC adalah signifikan dan positif. Aspek sumbangan pula menunjukkan bahawa amalan guru besar dalam kepimpinan instruksional abad ke-21 dan amalan guru besar dalam pembangunan profesionalisme mempunyai pengaruh yang signifikan dan positif serta mempunyai perkaitan yang kuat dalam memastikan amalan guru besar untuk pelaksanaan PLC di sekolah ($r=0.786$). Selain itu, terdapat tiga faktor utama yang menjadi cabaran kepada guru besar dalam melaksanakan PLC di sekolah iaitu guru, masa dan sumber yang dikenal pasti melalui temu bual. Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi ruang dan peluang kepada pihak berkepentingan termasuk kementerian, jabatan pendidikan dan pejabat pendidikan membuat penambahbaikan dalam membantu pemimpin sekolah melaksanakan PLC di sekolah. Pengkaji turut mencadangkan suatu kajian yang lebih meluas dan mendalam dapat dilaksanakan dengan melibatkan barisan pemimpin pertengahan, pemimpin guru serta guru bagi mengenal pasti faktor yang mempengaruhi amalan kepimpinan instruksional abad ke-21, pembangunan profesionalisme dan pelaksanaan PLC dalam kalangan pemimpin serta guru di sekolah.


RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan amalan guru besar dalam kepimpinan instruksional abad ke-21 berada pada tahap tinggi. Ketiga-tiga pemboleh ubah turut mempunyai hubungan dalam pembangunan profesionalisme. Dapatan kajian juga membincangkan sumbangan antara pemboleh ubah dan mengenal pasti pemboleh ubah yang dominan. Kajian turut mendapati bahawa amalan guru besar dalam PLC adalah signifikan dan positif. Aspek sumbangan pula menunjukkan amalan guru besar dalam kepimpinan instruksional abad ke-21 dan amalan guru besar dalam pembangunan profesionalisme mempunyai pengaruh yang signifikan dan positif serta mempunyai perkaitan yang kuat dalam memastikan amalan guru besar untuk pelaksanaan PLC di sekolah. Selain itu, terdapat tiga faktor utama yang menjadi cabaran kepada guru besar dalam melaksanakan PLC di sekolah iaitu guru, masa dan sumber yang dikenal pasti melalui temu bual. Dapatan kajian ini dapat memberi input kepada pihak berkepentingan termasuk kementerian, jabatan pendidikan dan pejabat pendidikan membuat penambahbaikan dalam pelaksanaan PLC di sekolah.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti berikut:

1. Model ini boleh dijadikan pemboleh ubah tidak bersandar utama dalam mengkaji pemboleh ubah bersandar yang lain seperti efikasi guru, prestasi sekolah, pencapaian akademik murid, pembelajaran abad ke-21, pelaksanaan STEM pelaksanaan DLP, kualiti pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) guru, sekolah, pengurusan dan revolusi industri 4.0.
2. Penyelidik turut menekankan kepada model penilaian pembangunan profesionalisme Guskey (1997, 2002). Berdasarkan kajian terdahulu, tidak banyak kajian yang menjurus kepada penilaian pelaksanaan pembangunan profesionalisme atau pelaksanaan latihan. Model ini digunakan oleh pengkaji bagi memberi peluang kepada guru besar untuk membuat penilaian sendiri tentang perancangan dan pelaksanaan program-program pembangunan profesionalisme yang telah dilaksanakan sebelum ini. Ia bertujuan untuk mengenal pasti kesan pelaksanaan program tersebut kepada perubahan individu dan organisasi serta mengenal pasti kelemahan-kelemahan yang perlu ditambah baik. Justeru, penyelidik mencadangkan agar kajian lanjutan dapat dilaksanakan dengan menjadikan model penilaian pembangunan profesionalisme ini sebagai pemboleh ubah tidak bersandar. Model ini boleh menilai dan mengukur keberkesanan terhadap pemboleh ubah bersandar yang lain seperti kualiti pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) guru, ekualiti pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) murid, pencapaian akademik murid, kualiti kepimpinan, pelaksanaan STEM, pelaksanaan DLP, pengurusan konflik, pengurusan stres, prestasi sekolah dan efikasi guru.
3. Dalam kajian ini, komuniti pembelajaran professional (PLC) digunakan sebagai pemboleh ubah bersandar. Namun, penyelidik mencadangkan kajian lanjutan dijalankan dengan menjadikan komuniti pembelajaran professional (PLC) sebagai pemboleh ubah tidak bersandar untuk melihat pemboleh ubah bersandar yang lain. Terdapat banyak aspek yang boleh dijadikan pemboleh ubah bersandar termasuk kualiti pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) guru, kualiti pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) murid, pencapaian akademik murid, sekolah berkesan, pembangunan profesionalisme, pelaksanaan STEM, pelaksanaan DLP, kompetensi guru, disiplin murid dan prestasi sekolah.

- 
4. Kajian lanjutan juga dicadangkan untuk melibatkan pengujian kesan *moderated-mediation*, *mediated-moderation* dan *moderated-moderation* ke atas kepimpinan instruksional abad ke-21 dan amalan PLC untuk mendapatkan penjelasan seterusnya berkaitan dengan kesan penyederhana dan kesan pengantara ke atas hubungan antara pemboleh ubah kepimpinan instruksional abad ke-21 dengan amalan PLC.



EXPLORATION OF MALYSIAN ENGLISH AS A SECOND LANGUAGE PRE-SERVICE TEACHERS' TEACHING PRACTICES IN CONDUCTING DRAMA ACTIVITIES AS STUDENT-CENTERED APPROACH: A SELF STUDY

FAIZAH JAAFAR
RT 428.00712 FAI

ABSTRACT

Implementing a student-centred approach (SCA) in teaching is one of the underlying principles of the teaching curriculum in Malaysia. When teachers adopt SCA in school, they are implementing quality teaching according to guidelines from the Ministry of Education. However, studies on SCA indicated that Malaysian teachers' practices contradict with the suggested SCA approach. Instead, it was found that they adopted a teacher-centred approach (TCA). To ensure quality teaching takes place in the Malaysian English language classroom, pre-service teachers need to be exposed to quality teaching using a student-centred approach during their teacher training. Through self-study, the aim of this study is to explore the teaching practices of six pre-service TESL teachers in teaching English using drama activities to primary ESL Malaysian students during phase II practicum and whether the use of SCA practices contribute to quality teaching. It is assumed that the six pre-service teachers will adopt the SCA as exposure and experience were provided during their training. This study also enables myself as a researcher and teacher trainer to explore my own practices in teaching drama as a SCA teaching strategy to pre-service teachers. This study employed self-study research; a form of practitioner research done by teacher educators. Data were collected through semi-structured interviews, non-participant observations, and document analysis which include reflections and lesson plans. The finding reveals that the Malaysian pre-service TESL teachers adopted TCA in their teaching. Although some characteristics of SCA were observed in their practice, but teachers assumed total control of the teaching and learning process thus making it predominately teacher-centred. The pre-service TESL teachers revealed that the challenges they faced; students' low English proficiency level, time constraint, students' age, classroom management skills and passive activities hindered them from implementing SCA. In addition, it was found that the beliefs that they formed during teacher training prevented them from implementing SCA even though SCA was emphasised. This study has brought about some practical implications. This self-study changed the way the researcher viewed herself as a teacher educator. The experience in implementing of this self-study research will change the way the researcher approach courses she will teach in the future. She will integrate beliefs in the learning process of the pre-service teachers and make them aware of their own beliefs about student-centred approach. Furthermore, when teacher educators conduct self-study and critical reflections, it contributes to the transformation of pre-service teachers' thinking about the implementation of the student-centred approach in teaching, resulting in benefits for improvement of the English language proficiency of students.

SUMMARY OF FINDINGS

This study has provided the researcher with the opportunity to study the aspects of research through self-study method. Other than evaluating her own teaching, she was also able to make connections of her teaching practice to the pre-service TESL teachers' teaching practices as well as their beliefs. The findings of the study have broadened her understanding of how pre-service TESL teachers employed drama activities in teaching. The findings of this study revealed that the pre-service TESL teachers implemented teacher-centred approach in their teaching. However, they attempted to employ student-centred approach in teaching. This study also revealed that pre-service teachers admitted that drama activities benefited students. However, the challenges that they faced in employing drama activities such as low students' proficiency level, time-constraint, students' age, classroom management and passive activities which made them resort to implementing teacher-centred approach. The findings also revealed that other than the challenges that they had faced in teaching primary ESL students, as teacher educator, the way the researcher trained her pre-service TESL teachers in using drama activities had also affected their practices. The findings of this study has not only broadened the researcher's understanding about the importance of doing self-study research as well as student-centred approach. It also helped the researcher in giving better ideas on how to offer help and support to pre-service TESL teachers in order to promote the use of drama activities, student-centred approach as well as to improve their teaching practices.

RECOMMENDATIONS FOR FURTHER RESEARCH

Some recommendations for future research are as follows:

1. The result of this self-study had given insight about researcher's own teaching practice as teacher educator as well as pre-service TESL teacher. The researcher learned that her teaching practice had influenced the way pre-service TESL teachers implemented drama activities in teaching English and she also learned that they did not fully implemented student-centred approach in classroom. Therefore, other empirical research of self-study could be conducted to evaluate teacher educator's as well as pre-service TESL teachers' pedagogical practice. This could be beneficial for the teacher educators in order to realign their teaching with the goals set by the MoE.
2. This study showed that pre-service teachers did not implement student-centred approach in their teaching due to the challenges they faced in teaching. Therefore, the researcher would recommend more future self-study research on student-centred approach be carried out in the teacher education level which focuses on pre-service teachers' beliefs. Therefore, they will be able to change their practice in teaching English to ESL learners.
3. This study can also be extended to other areas of study. For instance, in teaching other approaches such as project-based approach. It can be used to study the implementation of certain rules on campus.
4. In this study, the participants were the TESL students and the course chosen LGA3043E, one of the TESL courses. This research design could also be used in courses other than TESL. It can be implemented by other teacher educator who uses bahasa Melayu as medium of instruction.



PEMBINAAN MODEL PENERIMAGUNAAN PERSEKITARAN PEMBELAJARAN MAYA DALAM KALANGAN GURU BAHASA MELAYU SEKOLAH MENENGAH DI SELANGOR

ZANARIAH HAMID
RT 499.230712 ZAN

ABSTRAK KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penerimgunaan Persekitaran Pembelajaran Maya serta menguji model cadangan yang menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi penerimgunaan persekitaran pembelajaran maya dalam kalangan guru bahasa Melayu sekolah menengah di Selangor. Selain itu, kajian mengenai pemboleh ubah perantara (keinginan untuk penerimgunaan) dan pemboleh ubah penyederhana (umur, pengalaman mengajar dan jantina) juga dikaji memandangkan kajian berkaitan perantara dan penyederhana masih kurang dijalankan di negara ini. Walaupun terdapat kajian mengenai persekitaran pembelajaran maya di Malaysia, namun kajian tersebut hanya memfokuskan kepada cabaran yang dihadapi oleh guru, manfaat aplikasi tersebut dalam pengajaran serta penerimaan aplikasi tersebut daripada murid dan guru pelatih serta tidak berkaitan dengan guru bahasa Melayu. Oleh itu, kajian ini cuba menghuraikan isu penerimgunaan guru bahasa Melayu dengan menggunakan pemboleh ubah yang terdapat dalam Model Penerimaan Teknologi (TAM), Teori Bersepadu Penerimaan dan Penggunaan Teknologi (UTAUT), Konsep Kepercayaan Guru dalam Pengajaran dan Model Syarat Perubahan Ely. Kajian ini ialah kajian tinjauan dengan menggunakan soal selidik. Sebanyak 400 orang guru yang mengajar bahasa Melayu sekolah menengah harian di Selangor telah dipilih secara rawak sebagai responden. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang diadaptasi daripada penyelidik terdahulu dengan tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang baik. Pemodelan Persamaan Struktur Kuasa Dua Terkecil Separa (PLS-SEM) telah digunakan untuk mengenal pasti kesahan, kebolehpercayaan dan menganalisis data struktural. Dapatan kajian mendapati tahap penerimgunaan guru bahasa Melayu adalah sederhana. Tujuh daripada lapan pemboleh ubah kajian menjadi peramal kepada penerimgunaan persekitaran pembelajaran maya iaitu sokongan pentadbir ($\beta = .230, p < .05$), persepsi kebergunaan ($\beta = .076, p < .05$), keinginan untuk penerimgunaan ($\beta = .347, p < .05$), keadaan kemudahan ($\beta = .304, p < .05$), kemahiran teknologi ($\beta = .136, p < .05$), kepercayaan guru terhadap pengajaran ($\beta = .146, p < .05$) dan sikap terhadap penerimgunaan ($\beta = .049, p < .05$). Walaupun begitu, pemboleh ubah persepsi mudah guna tidak menjadi peramal kepada penerimgunaan persekitaran pembelajaran maya ($\beta .030, p > .05$). Selain itu, pemboleh ubah keinginan untuk penerimgunaan berfungsi sebagai perantara separa ($\beta .061, p < .05$) dalam hubungan antara sikap terhadap penerimgunaan. Kajian ini mendapati bahawa umur berperanan sebagai penyederhana ($\beta = .065, p < .05$) dalam hubungan antara pemboleh ubah sikap terhadap penerimgunaan dengan penerimgunaan persekitaran pembelajaran maya. Nilai pekali penentuan (R^2) kajian ini adalah sebanyak 81.5% yang memberi maksud sebarang perubahan penerimgunaan persekitaran pembelajaran maya disumbangkan oleh gabungan perubahan oleh ketujuh-tujuh faktor kajian yang signifikan secara statistik manakala 18.5% oleh faktor-faktor lain yang tidak dikaji. Model kajian ini

mempunyai ramalan yang relevan (Q2) pada peringkat yang tinggi dengan nilai catatan sebanyak 0.465. Kesimpulannya, model penerimaan persekitaran pembelajaran maya dalam kalangan guru bahasa Melayu dapat membantu kejayaan penggunaan persekitaran pembelajaran maya dalam pengajaran bahasa Melayu.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Kajian ini telah membangunkan satu instrumen penyelidikan baharu yang menggabungkan lapan pemboleh ubah seperti sokongan pentadbiran, persepsi kegunaan, persepsi mudah guna, kemahiran teknologi, kepercayaan guru terhadap pengajaran, sikap terhadap penerimaan dan keinginan untuk penerimaan sebagai pemboleh ubah utama mengukur penerimaan Persekitaran Pembelajaran Maya. Model yang terbentuk berupaya menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan Persekitaran Pembelajaran Maya dalam kalangan guru bahasa Melayu sekolah menengah di Selangor. Kajian ini diharap dapat membantu meningkatkan penerimaan aplikasi ini dalam pengajaran guru dan dapat digunakan oleh murid. Kajian ini mendapati bahawa Persekitaran Pembelajaran Maya berupaya digunakan secara optimum untuk membantu meningkatkan kecemerlangan pengajaran bahasa Melayu.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti berikut:

1. Penyelidik menyesuaikan instrumen daripada pelbagai sumber melalui kajian literatur dan instrumen ini diuji pertama kali dalam kajian ini. Terdapat kemungkinan timbul bias dalam pengumpulan data. Oleh itu, penyelidikan pada masa akan datang disyorkan supaya mengumpul data menggunakan kaedah kualitatif seperti teknik pemerhatian langsung dan temu bual untuk tujuan mengesahkan dapatan yang diperolehi.
2. Kajian ini mempunyai batasan seperti penggunaan reka bentuk kajian rentas (*cross-sectional*). Walaupun boleh mengumpul data pada masa yang singkat tetapi boleh menyebabkan hubungan antara pemboleh ubah yang dikaji berubah dari semasa ke semasa mengikut peredaran masa (Cohen et al., 2011). Oleh itu, dicadangkan kajian pada masa hadapan dibuat dalam bentuk kajian tinjauan berulang (*longitudinal*) untuk melihat kesan pemboleh ubah kajian selari dengan perubahan masa (Gagnon et al., 2016).
3. Kajian ini menggabungkan tujuh faktor, iaitu persepsi kebergunaan, persepsi mudah guna, sokongan pentadbir, keadaan kemudahan, kemahiran teknologi, sikap terhadap penerimaan, kepercayaan terhadap pengajaran dan keinginan untuk penerimaan sebagai peramal penerimaan Persekitaran Pembelajaran Maya dalam kalangan guru bahasa Melayu di Selangor. Oleh itu, penemuan dan hasil kajian ini hanya boleh digunakan dan digeneralisasi terhadap semua guru bahasa Melayu sekolah menengah di Selangor. Untuk kajian selanjutnya, keputusan analisis kajian ini boleh diuji dan disahkan untuk guru-guru sekolah rendah, guru-guru subjek lain atau dijalankan di negeri lain. Walaupun analisis pekali penemuan kajian ini menunjukkan 81.5% varian disumbangkan oleh tujuh pemboleh ubah kajian ini, namun terdapat 18.5% disumbangkan oleh faktor-faktor yang lain. Justeru, pengkaji seterusnya boleh mengkaji penerimaan Persekitaran Pembelajaran Maya menggunakan pemboleh ubah lain yang terdapat dalam teori MPCU, TPB dan sebagainya.

4. Kajian ini menguji pemboleh ubah keinginan untuk penerimgunaan sebagai perantara dan pemboleh ubah umur, jantina dan pengalaman mengajar sebagai penyederhana. Penyelidik berharap kajian akan datang boleh menggunakan pemboleh ubah lain sebagai perantara antara pemboleh ubah bebas. Hal ini kerana tidak banyak kajian di Malaysia yang mengkaji kesan perantara. Manakala untuk penyederhana, pengkaji boleh menggunakan demografi guru seperti pengalaman menggunakan komputer dan kursus teknologi yang dihadiri untuk melihat kesan penyederhana untuk mendapat gambaran yang lebih jelas tentang kesan perantara dan kesan penyederhana dengan menggunakan pemboleh ubah kajian yang berbeza.
5. Penyelidik menyarankan agar kajian pada masa hadapan menggunakan responden seperti murid, guru pelatih atau pengetua dengan pemboleh ubah yang sama. Saranan ini dicadangkan kerana murid, guru pelatih dan pengetua untuk dibuat perbandingan pemboleh ubah yang signifikan dalam kajian ini dengan kajian tersebut.



SUMBANGAN AMALAN KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL DAN KUALITI PENYELIAAN PENGAJARAN TERHADAP KOMPETENSI PENGAJARAN GURU SAINS

MOHD ZAID ISMAIL
RT 371.2011 MZI

ABSTRAK KAJIAN

Tugas utama kepimpinan instruksional ialah melaksanakan penyeliaan berkualiti dan seterusnya meningkatkan lagi kompetensi pengajaran guru terutamanya guru Sains. Data keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di peringkat nasional menunjukkan bahawa pencapaian mata pelajaran Sains adalah sederhana dan rendah. Pencapaian yang rendah ini berpunca daripada pelbagai faktor antaranya berkaitan dengan kompetensi pengajaran guru Sains. Kajian ini bertujuan mengenal pasti sumbangan kepimpinan instruksional dan kualiti penyeliaan pengajaran terhadap kompetensi pengajaran guru Sains. Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan dengan pendekatan kuantitatif. Sampel kajian adalah seramai 311 orang guru Sains di sekolah menengah di Terengganu. Instrumen yang digunakan adalah diubah suai daripada instrumen *Principal Instructional Management Rating Scales* (PIMRS), Model Penyeliaan Berterusan dan Kerangka Awal Standard Guru Sains Malaysia. Data daripada soal selidik dianalisis menggunakan perisian SPSS 20.0 dan AMOS 18. Item statistik yang digunakan untuk analisis termasuk Ujian-t, ANOVA Sehalu, Analisis Pengesahan Faktor (CFA), Korelasi Pearson dan Model Persamaan Struktur (SEM). Dapatan kajian menunjukkan bahawa amalanan kepimpinan instruksional, kualiti penyeliaan pengetua serta kompetensi pengajaran guru berada pada tahap tinggi. Kombinasi kepimpinan instruksional dan kualiti penyeliaan pula menyumbang sebanyak 27.7 peratus terhadap kompetensi pengajaran guru Sains. Dapatan kajian memberi implikasi kepada dasar kerajaan berkaitan keperluan guru Sains dengan cadangan kajian seterusnya untuk mengenal pasti faktor lain yang menyumbang kepada kompetensi pengajaran guru Sains.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian mendapati bahawa tahap kepimpinan instruksional, kualiti penyeliaan dan kompetensi pengajaran guru berada pada tahap tinggi. Dapatan kajian ini juga mengesahkan bahawa kepimpinan instruksional dan kualiti penyeliaan menjadi peramal yang signifikan kepada kompetensi pengajaran guru. Dapatan ini selari dengan kebanyakan kajian yang telah dilaksanakan di Malaysia. Namun, peratus sumbangan kepimpinan instruksional dan kualiti penyeliaan hanya menyumbang sebahagian sahaja kepada kompetensi pengajaran guru. Justeru, kajian lanjutan dicadangkan agar mengenal pasti faktor lain yang menyumbang kepada kompetensi guru. Kajian ini juga memberi sumbangan kepada ilmu berkaitan komuniti dalam sektor pendidikan dan penyelidik seterusnya berhubung kepimpinan instruksional dan kualiti penyeliaan. Dapatan kajian ini diharap dapat menjadi rujukan kepada kepimpinan instruksional di Malaysia dalam pengurusan sekolah terutamanya melibatkan proses penyeliaan pengajaran.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti berikut:

1. Kajian ini dilaksanakan ke atas kepimpinan instruksional di Terengganu sahaja dan melibatkan guru Sains sahaja. Justeru, dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada kepimpinan instruksional di negeri-negeri lain di Malaysia. Oleh itu, dicadangkan kajian seterusnya dilaksanakan ke atas kepimpinan instruksional di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak serta melibatkan guru subjek lain selain Sains. Dengan itu, model sebenar kepimpinan instruksional dan kualiti penyeliaan yang menyeluruh dapat dibangunkan.
2. Kajian ini memberi fokus kepada kualiti penyeliaan sebagai dimensi utama kepimpinan instruksional. Hal ini kerana penyelidik mendapati secara praktikalnya, terdapat kekurangan dalam amalan penyeliaan di sekolah-sekolah. Namun, untuk kajian seterusnya, penyelidik mencadangkan agar penyelidikan memberi fokus kepada dimensi-dimensi lain dalam kepimpinan instruksional.
3. Kajian ini hanya melibatkan kompetensi pengajaran bagi guru Sains sahaja. Oleh itu, dicadangkan kajian seterusnya dilaksanakan ke atas guru selain subjek Sains. Dengan itu, dapatan kajian yang diperolehi boleh dibandingkan dengan dapatan kajian ini. Guru-guru yang mengajar bukan subjek Sains mungkin berbeza sedikit daripada guru subjek Sains dari segi falsafah, pemikiran dan pendekatan pengajaran. Melalui perbandingan ini, kaedah penyeliaan akan dapat disesuaikan berdasarkan subjek tertentu.
4. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif sepenuhnya. Hal ini menjadikan dapatan kajian tidak terperinci dan mendalam. Oleh itu, dicadangkan kajian lanjutan dilaksanakan menggunakan pendekatan gabungan (*mixed method*) yang lebih mendalam. Data kualitatif perlu dikumpulkan melalui pemerhatian ikut serta, temu bual dan analisis dokumen serta ditriangulasikan bagi memperolehi data yang lebih mantap dan meyakinkan.

5. Kajian ini mengenal pasti sumbangan dua pemboleh ubah bebas iaitu kepimpinan instruksional dan kualiti penyeliaan terhadap satu pemboleh ubah bersandar iaitu kompetensi pengajaran guru. Maka, dicadangkan kajian seterusnya menggunakan pemboleh ubah bersandar yang lain seperti efikasi guru, komitmen guru, pencapaian akademik murid dan sebagainya. Penyelidik seterusnya juga dicadangkan mencari mediator atau moderator dalam hubungan antara pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar.
6. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kepimpinan instruksional dan kualiti penyeliaan menjadi faktor peramal kepada kompetensi pengajaran guru. Namun, gabungan kedua-duanya hanya menyumbang 27.7% sahaja kepada kompetensi pengajaran guru. Sudah tentu terdapat faktor lain yang menjadi penyumbang kepada kompetensi pengajaran guru. Justeru, dicadangkan kajian seterusnya mengenal pasti faktor lain yang turut menjadi penyumbang kepada kompetensi guru.



KOMUNIKASI GURU AGAMA BERASASKAN PEMIKIRAN AL-GHAZALI DI ASRAMA AKHLAK WILAYAH UTARA SEMENANJUNG MALAYSIA

ROSNAH ALI
RT 371.1022 ROS

ABSTRAK KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk melihat dan meneroka sejauh mana komunikasi guru agama berasaskan pemikiran al-Ghazali di Asrama Akhlak Wilayah Utara Semenanjung Malaysia. Fokus kajian ini adalah berasaskan pemikiran yang diketengahkan oleh Al-Ghazali dalam kitabnya Iyya 'Ulumiddin melalui tiga aspek komunikasi iaitu kesantunan bahasa, contoh teladan dan penguasaan kaedah. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh guru agama dalam usaha untuk meningkatkan kualiti komunikasi guru ketika pengajaran. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang mana temu bual separa berstruktur sebagai data utama dan data pemerhatian tanpa penyertaan serta analisis dokumen sebagai data sokongan. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian NVivo versi 9.0 untuk mendapatkan tema bagi menjawab soalan kajian ini. Tiga orang guru agama yang memenuhi kriteria kajian telah dipilih sebagai peserta kajian secara *purposive sampling* dari Asrama Akhlak di wilayah Utara Semenanjung Malaysia. Keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan kesemua responden kajian mengamalkan komunikasi seperti yang diketengahkan oleh Al-Ghazali iaitu kesantunan bahasa, contoh teladan dan penguasaan kaedah. Walau bagaimanapun, dari aspek penguasaan kaedah, kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa item yang tidak menjadi amalan responden kajian secara formal semasa pengajaran di dalam kelas seperti persediaan awal PdP. Hasil kajian juga mendapati wujudnya cabaran dalam usaha meningkatkan kualiti komunikasi guru agama dalam pengajaran. Kajian ini memberi impak yang besar kepada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran guru yang mana tiga model konsep komunikasi guru telah dihasilkan bagi membantu guru dalam mewujudkan kualiti komunikasi guru semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas iaitu Model Kesantunan Bahasa, Model Contoh Teladan dan Model Penguasaan Kaedah. Kesimpulannya, komunikasi guru agama semasa pengajaran adalah selari dengan pemikiran Al-Ghazali.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Komunikasi guru yang baik akan menghasilkan pengajaran yang berkualiti. Justeru, dapatan kajian ini mendapati bahawa kemahiran guru dalam berkomunikasi semasa pengajaran bukan sahaja dapat mengelakkan berlakunya kekecewaan dalam diri murid, malahan mewujudkan interaksi yang harmonis, saling bantu membantu dan menghormati serta pengajaran berlaku secara bermakna dan berkesan. Berdasarkan perbincangan berkaitan komunikasi guru dalam pengajaran, dapatlah dirumuskan bahawa pengajaran yang bermutu dan berkesan boleh dihasilkan apabila perhubungan atau amalan komunikasi dalam kelas berlaku secara berkesan. Justeru, guru berjaya mewujudkan komunikasi yang baik adalah apabila interaksi guru dan murid atau antara sesama murid berlaku dalam suasana yang ramah, mesra, lembut, kasih sayang, hormat menghormati, sabar dan berdisiplin.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti berikut:

1. Kajian ini hanya melibatkan wilayah Utara sahaja. Oleh itu, pengkaji mencadangkan supaya kajian akan datang melibatkan responden yang lebih meluas dan mengikut zon iaitu zon Utara, Selatan, Timur dan Barat. Dengan ini, hasil kajian akan memberi gambaran yang lebih jelas mengenai komunikasi guru semasa pengajaran dengan berasaskan pandangan yang diketengahkan oleh Al-Ghazali.
2. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan data temu bual sebagai data utama dan disokong oleh data pemerhatian dan analisis dokumen. Oleh itu, pengkaji mencadangkan supaya kajian seterusnya menggunakan data kuantitatif sebagai data utama dengan disokong oleh dapatan data kualitatif. Dengan ini, dapatan kajian akan lebih menyeluruh dan boleh digeneralisasikan. Selain itu, kajian seterusnya juga boleh menggunakan data pemerhatian sebagai data utama dan analisis dokumen sebagai data sokongan.
3. Kajian ini hanya melibatkan guru agama di Institusi Pemulihan Akhlak iaitu Asrama Akhlak sahaja. Oleh itu, pengkaji mencadangkan supaya kajian seterusnya melibatkan guru di institusi yang berbeza seperti guru sekolah rendah, pensyarah Institut Pendidikan Guru dan guru JQAF dengan menggunakan konsep yang sama iaitu komunikasi guru yang diketengahkan oleh Al-Ghazali.
4. Kajian ini hanya mengambil kira pandangan guru sahaja dan tidak melibatkan persepsi murid. Oleh itu, kajian seterusnya boleh dilaksanakan dengan mengambil kira pandangan murid mengenai komunikasi guru semasa pengajaran mereka.



KAJIAN KUASI-EKSPERIMEN TERHADAP MODUL PENGINTEGRASIAN SAINS KESIHATAN DALAM KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM TINGKATAN SATU

MOHAMMAD SYUKOR MOHAMMAD GHULAM
RT 613.0712 MSM

ABSTRAK KAJIAN

Pengintegrasian Sains Kesihatan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) merupakan pendekatan pembelajaran dan pemudahcaraan dengan menggabungkan pengetahuan Sains tentang kesihatan dan pencegahan penyakit ke dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Pendidikan Islam perlu diintegrasikan dengan ilmu moden seperti Sains supaya kekal relevan. Hal ini kerana pengintegrasian tersebut dapat menarik minat murid serta menjadikan ilmu yang dipelajari lebih mudah untuk difahami. Hakikatnya, guru Pendidikan Islam bersedia menerima sebarang inovasi bagi meningkatkan tahap pengajaran mereka. Dalam masa yang sama, terdapat banyak amalan ibadah dalam Islam dikaitkan dengan kebaikan dari sudut kesihatan menurut perspektif Sains. Namun, hingga kini belum ada modul Pendidikan Islam yang diintegrasikan dengan Sains Kesihatan. Sehubungan itu, perlu dijalankan satu kajian mengenai pengintegrasian Sains Kesihatan dalam Pendidikan Islam. Fokus utama kajian ini ialah membina modul Pengintegrasian Sains Kesihatan dalam Pendidikan Islam KSSM Tingkatan 1 dan mengkaji keberkesanan penggunaan modul tersebut. Namun, secara terperinci, terdapat enam objektif yang dirangka dalam kajian ini iaitu (1) membina modul pengintegrasian Sains Kesihatan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan Satu, (2) mengenal pasti min markah ujian pra bagi responden kumpulan kawalan dan eksperimen, (3) mengenal pasti min markah ujian pasca bagi responden kumpulan kawalan dan eksperimen, (4) menganalisis perbezaan min markah ujian pra antara responden kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen, (5) menganalisis perbezaan min markah ujian Pasca antara responden kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen, (6) menganalisis tingkah laku minat belajar dalam kalangan peserta kumpulan eksperimen ketika proses pembelajaran dan pemudahcaraan. Kajian ini telah menghasilkan sebuah modul Pengintegrasian Sains Kesihatan dalam Pendidikan Islam KSSM Tingkatan Satu serta telah disahkan benar oleh beberapa orang pakar dalam bidang sains perubatan, pendidikan dan Pengajian Islam. Bagi menguji keberkesanan penggunaan modul tersebut, kajian ini telah menggunakan reka bentuk kuasi-eksperimen bagi memperolehi data secara kuantitatif. Kajian ini melibatkan seramai 50 orang murid yang terdiri daripada dua buah kelas yang dipilih secara persampelan mudah di sebuah sekolah di Pejabat Pendidikan Daerah Bangsar iaitu seramai 25 orang murid dipilih sebagai kumpulan kawalan dan 25 orang lagi sebagai kumpulan eksperimen. Sebagai sokongan bagi dapatan analisis keberkesanan, kaedah pemerhatian dilaksanakan bagi mengenal pasti tingkah laku minat belajar dalam kalangan kumpulan eksperimen dan didapati mereka menunjukkan beberapa tingkah laku minat belajar iaitu memberi tumpuan sepenuhnya kepada pengajaran guru, memberikan tindak balas yang positif kepada aktiviti pembelajaran serta melaksanakan tugas yang diberi dengan sempurna. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan modul

Pengintegrasian Sains Kesihatan dalam Pendidikan Islam KSSM Tingkatan Satu memberi kesan dalam menjadikan murid lebih memahami pembelajaran yang mereka lalui. Perkara ini diharapkan dapat menjadikan murid lebih berminat untuk mengamalkannya seterusnya mengurangkan masalah sosial dan masalah disiplin dalam kalangan mereka. Sehubungan itu, modul Pengintegrasian Sains Kesihatan dalam Pendidikan Islam KSSM Tingkatan Satu perlu diperkenalkan kepada para guru Pendidikan Islam untuk digunakan secara meluas dalam pengajaran mereka.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Kajian ini mendapati bahawa pembelajaran dan pemudahcaraan yang menggunakan modul Pengintegrasian Sains Kesihatan dalam Pendidikan Islam Tingkatan Satu dapat menarik minat peserta kajian. Semua tingkah laku yang terdapat di dalam Senarai Semak Pemerhatian telah dilakukan oleh peserta kajian. Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa semua peserta kajian berada dalam keadaan cergas dan tidak mengantuk ketika mengikuti pembelajaran dan pemudahcaraan bagi kesemua empat tajuk yang diajar.

Kajian juga mendapati bahawa para peserta kajian tidak melengahkan masa dan melaksanakan tugas yang diberi dengan baik, betul dan sempurna. Tuntasnya, modul pengintegrasian Sains Kesihatan dalam Pendidikan Islam diperlukan oleh sistem Pendidikan Islam di Malaysia kerana ia dapat menarik minat murid untuk belajar, menjadikan murid lebih memahami pembelajaran yang mereka lalui serta meningkatkan prestasi akademik murid. Ia merupakan satu inovasi dalam Pendidikan Islam yang telah dibuktikan keberkesanannya dalam kajian ini. Diharapkan agar modul yang telah dibina ini dapat digunakan oleh para guru Pendidikan Islam secara meluas khususnya di Malaysia dan boleh diperluaskan penggunaannya ke luar negara.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti berikut:

1. Sebagai kesinambungan Pembinaan Modul Pengintegrasian Sains Kesihatan dalam Pendidikan Islam, dicadangkan agar kajian seterusnya mengintegrasikan Pendidikan Islam dengan bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik. Sebagai contoh, pengintegrasian Pendidikan Islam dengan Sains Alam Sekitar dapat meningkatkan penghayatan tajuk Al-Asma' Al-Husna iaitu Al-Qawiy (bidang Akidah Tingkatan Dua). Melalui Sains Alam Sekitar, murid dapat memahami pentingnya menjaga alam sekitar. Modul yang menintegrasikan Pendidikan Islam dengan teknologi seperti penggunaan teleskop untuk melihat ruang angkasa juga wajar dibuat kajian agar dapat meningkatkan penghayatan tajuk Al-Asma' Al-Husna seperti Al-Khaliq (bidang Akidah Tingkatan Satu) serta Al-Qadir (bidang Akidah Tingkatan Dua). Pengintegrasian Pendidikan Islam dengan Geografi dan penggunaan teknologi seperti *google maps* dapat meningkatkan penghayatan tajuk hijrah Rasulullah (bidang Sirah Tingkatan Satu) bagi menghayati kesusahan Rasulullah berhijrah menuju Madinah yang jauh dan permukaan bumi yang bergunung-ganang.
2. Setelah terbinanya Modul Pengintegrasian Sains Kesihatan dalam Pendidikan Islam, disarankan agar Bahagian Pendidikan Islam di Kementerian Pendidikan Malaysia, Sektor Pendidikan Islam di Jabatan Pendidikan Negeri serta Pejabat Pendidikan Daerah agar menganjurkan kursus "Pengintegrasian Sains Kesihatan Dalam Pendidikan Islam" sebagai usaha peningkatan profesionalisme kepada guru Pendidikan Islam.



THE EFFECTIVENESS OF COLLABORATIVE WRITING OF NARRATIVE ESSAYS AMONG MALAYSIAN LOWER SECONDARY SCHOOL STUDENTS

JEYA CHITRAH MUNISWARAN
RT 808.042071 JEY

ABSTRACT

Pengajaran penulisan tradisional (PPT) dan teknik penulisan kolaboratif (TPK) telah digunakan dalam kajian kuasi eksperimen, yang melibatkan sejumlah 125 orang murid sekolah menengah rendah dari dua buah sekolah di Malaysia. Sebuah sekolah menggunakan PPT manakala sebuah sekolah yang lain menggunakan TPK. Pengumpulan data adalah selama lima bulan. Fokus kajian adalah untuk meneroka keberkesanan TPK dalam meningkatkan prestasi esei naratif para murid. TPK ialah teknik pembelajaran berpusatkan murid yang merangkumi perkembangan pelbagai kemahiran apabila murid terlibat dalam tugas menulis dari segi mental, fizikal, sosial dan emosi. Murid bekerja dalam kumpulan lima atau enam ahli untuk menulis esei naratif secara rangkaian. Mereka membaca, memikir, membincang, menganalisis dan mengarang perenggan untuk menyumbang kepada perkembangan satu esei naratif yang lengkap. Satu kitar lengkap struktur TPK 6-perenggan ialah hasil akhir penyertaan kolaboratif mereka. Kaedah gabungan rekabentuk penyelidikan membekalkan pengumpulan dan analisis data yang komprehensif. Secara kuantitatif, terdapat perbezaan signifikan skor esei pasca ujian antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Secara kualitatif, pengaruh TPK dalam kumpulan eksperimen dilihat dalam skrip esei yang ditulis secara kolaboratif dan pendapat murid terhadap TPK dalam temubual. Kesan TPK atas skrip esei kumpulan eksperimen mengemukakan tiga tema utama; (1) penggunaan bahasa dan idea yang berulang, (2) peringkat pembinaan bahagian plot dalam cerita dan (3) kesinambungan antara perenggan yang berterusan atau terganggu. Sementara itu, pengalaman pelajar terhadap TPK dikategorikan ke dalam dua tema utama; (1) pengalaman positif dan (2) pengalaman negatif. Secara keseluruhan, hasil kajian ini adalah positif terhadap penggunaan TPK. Hasil kajian dalam penggunaan TPK mempunyai implikasi pedagogi untuk kelas di Malaysia serta cadangan bagi penyelidikan masa hadapan.

SUMMARY OF FINDINGS

This study introduced the CWT in the Malaysian ESL writing classroom to enhance students' writing scores. The findings of the study showed that the CWT was effective to improve narrative writing scores. Students wrote on multiple scripts in their respective groups to complete the cycle of the 6-paragraph structure, which eventually produced completed and meaningful narrative essay. The effectiveness of the CWT was supported by quantitative and qualitative results. The comparison of the post-test scores of the narrative essays between the experimental and control groups showed a significant difference. The collaboratively written scripts also displayed enhanced use of common features in narrative essays. Additionally, students' positive experiences in practising the CWT also supplemented the effectiveness of the writing techniques. The CWT is consistent with a student-centred approach in the writing classroom. Although conflicts may occur among the writers in the CWT process, they can be managed by the teacher who can adapt the writing techniques to suit the setting and learners. The CWT can function as an eye opener in paving the way for effective writing instructions that can change the current perception of teachers and learners towards essay writing. In the socially connected CWT learning environment, multiple language skills are impacted. It is hoped that collaborative work will become a part of students' learning process, not just in the ESL writing classroom but also across multiple skills and disciplines. Working collaboratively does make a difference in the classroom.

RECOMMENDATIONS FOR FURTHER RESEARCH

Some recommendations for future research are as follows:

1. Future research can examine the transfer of effects from collaborative writing to individual writing. The individually written pre-test essays can be analysed to note the changes as a result of the CWT. Making a comparative analysis between the individually written essay scripts, before and after the CWT experience, will be able to show specific CWT influence on the individual learners.
2. To further note the prolonged effect of the CWT, a repeated measure experimental design can be carried out to check for retention of writing ability. A repeated measures study will provide data on students' continuous performance over a longer duration of time. A case study can also be conducted on selected individual students to have a deeper understanding on the changes they experience in terms of writing with regards to language and accuracy.
3. Another recommendation for future research is to make a comparative analysis between the experimental and control group. The present study can only involve the analysis of the jointly written scripts by the experimental group. A deeper analysis in comparing the essays written individually and jointly, may provide results indicating the extent of the CWT effect on writing as compared to the TWI. The comparative analysis can be carried out in two ways. Firstly, the jointly written essay scripts of the experimental group and individually written essay scripts of the control group from the CWT and TWI sessions can be compared. Secondly, the individually written pre-test and post-test essay scripts between the experimental and control groups can also be compared.

4. In assessing the quality of essays using quantitative measures, specific assessment in relation to each component of writing performance such as task fulfilment, language accuracy in terms of grammar, vocabulary and sentence structures is recommended for future research. Each component can be investigated in the writing classroom to see how it is affected by the CWT.
5. Future research can explore group discussions among students during the CWT sessions. An investigation on students' involvement in group discussion and the issues commonly highlighted can be carried out. The findings from the social interaction during the CWT process can provide insights into the collaborative efforts by the students.
6. The CWT can be investigated at different levels of education: for example, the primary, upper secondary, pre-university and university level to study the impact on students' writing performance. A comparative study on the findings of CWT at different levels of education can also be explored to note the difference in the CWT influence for learners at different maturity level.
7. CWT should also be explored for other genres of essays like expository or argumentative essays. Similar to pilot development for narrative essays, suitable paragraph development with a thesis statement, main ideas, supporting details and evidence should be examined in future studies. The CWT concept can also be applied in other subjects that require essay writing responses such as Science and History.



EMPLOYING ACTIVITY THEORY BASED GREEN CHEMISTRY EXPERIMENTS TO IMPROVE CHEMISTRY LEARNING AMONG MATRICULATION STUDENTS

YVONNE KULANDAISAMY
RT 540.78 YVO

ABSTRACT

The central role of laboratory work in learning of Science for example, Chemistry is fundamental. In learning Chemistry, the abstract concepts hinder students from relating their own experience of the concept and therefore unable to identify the importance of learning Chemistry. Effective instructional strategies are crucial for making abstract concepts more tangible. This study introduced the Activity Theory based Green Chemistry (ATGC) experiments as a laboratory instructional strategy. Simultaneously, this study measured the effectiveness of ATGC experiments on students' understanding of Chemistry concepts, Chemistry laboratory learning environment and critical thinking skills. Intervention mixed method design was employed for twelve weeks with 90 in Matriculation students. The effectiveness of ATGC experiments on students' understanding of Chemistry concepts was measured using the Chemistry Understanding Test (CUT). The Chemistry laboratory learning environment was measured using the Chemistry Laboratory Environment Inventory (CLEI) and Watson Glaser II Critical Thinking (WGCT) Appraisal measured the critical thinking skills. The ANOVA performed indicated that the ATGC experiments improved students understanding of Chemistry concepts ($F(2,88) = 150.276, p < 0.05, n_2 = 0.774$). The content analysis performed on the CUT showed improved ability of students to demonstrate fragments of conceptual understanding through the ATGC experiments. The MANOVA and ANOVA indicated that the ATGC experiments improved students Chemistry laboratory learning environment ($F(4, 86) = 21.102, p < 0.05, n_2 = 0.495$). The thematic analysis performed on the interview responses indicated that the ATGC experiments provided a more open-ended approach to experimentation, an adequate material environment and an integration of laboratory activities with theory. The MANOVA and ANOVA also indicated the ATGC experiments improved students critical thinking skills ($F(2,88) = 104.546, p < 0.05, 12 = 0.704$). The thematic analysis performed showed students were able to recognise assumptions, evaluate arguments and draw conclusion through the ATGC experiments. Collectively, the ATGC experiments improved the understanding of Chemistry concepts, the learning environment in the Chemistry laboratory and enhanced critical thinking skills of students.

SUMMARY OF FINDINGS

This study introduced the ATGC experiment as a laboratory instructional strategy as there were rooms for improving the teaching and learning in the Chemistry laboratory at the matriculation college. Implementing the ATGC Experiments in the laboratory to replace the existing laboratory sessions was a suitable intervention to be conducted as the experiments were in line with the syllabus. The findings of the study showed that the ATGC experiments were able to address students' lack of understanding of Chemistry concepts. The ATGC Experiment were also found to improve students' perception of the Chemistry laboratory learning environment by providing a positive learning environment and also engagement of students in the activities which enhanced students' critical thinking. The ATGC experiment used in the laboratory was successfully conducted as students and lecturers who participated in this study generally found the ATGC experiment approach feasible to be conducted and had successfully improved the teaching and learning in the chemistry laboratory.

RECOMMENDATIONS FOR FURTHER RESEARCH

Some recommendations for future research are as follows:

1. In order to generalise the findings, it is recommended to choose samples of students from other matriculation colleges in Malaysia. This study may also be conducted in other countries to observe fully the understanding of students, the perception of the laboratory learning environment and students' critical thinking skills.
2. The ATGC experiment as a whole or the framework of the activity theory will be more beneficial if it is introduced in the pre-service teacher's curriculum. It will be useful for the future teachers to apply this instructional strategy or framework to plan their teaching so that their students can experience a meaningful learning. Transforming the education curriculum, especially for Science teacher's training course, focusing on designing activities and also using the Green Chemistry approach if relevant, will be an advantage for future students in improving students' understanding of concepts, improving learning environment in the laboratory and also enhancing critical thinking skills. Additionally, exposing the usage of the activity theory for activities among students from younger age will also train them for a student centered and also helps them to grasp Science concepts more effectively.
3. It is recommended to conduct another study with laboratory work involving organic Chemistry experiment which encompasses the syllabus of the second semester at matriculation colleges. The framework of the study using activity theory may also be used for other subjects like Physics and Biology which will shift laboratory work from a traditional manner to a more exploratory one.
4. To further establish the findings on the effect of the ATGC experiments, it is recommended to have a controlled group in the study. Control group treatment allows a comprehensive comparison to be made and it will strengthen the findings obtained in the study. Moreover, a control group is useful to serve as a benchmark to measure the results of other groups.



PENGARUH SIKAP, ORIENTASI PEMBELAJARAN DAN MOTIVASI DIRI TERHADAP PENGUASAAN BAHASA CINA GURU PELATIH DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU

TAN CHOR TER
RT 495.10711/2 TAN

ABSTRAK KAJIAN

Pendidikan perguruan bahasa Cina merupakan satu bidang profesionalisme keguruan untuk meningkatkan kompetensi guru pelatih. Penguasaan bahasa Cina guru pelatih yang cemerlang menunjukkan guru pelatih bahasa Cina bersedia, berupaya dan berkebolehan menggunakan bahasa Cina dalam pengajaran dengan cekap. Namun demikian, faktor sikap, motivasi dan orientasi pembelajaran perbezaan individu dalam proses pembelajaran secara langsung mempengaruhi prestasi penguasaan yang berbeza. Perkembangan kuasa autonomi dan kawalan luaran dalam situasi pembelajaran juga menentukan arah dalam pembelajaran untuk mendapat kepuasan diri dalam proses pembelajaran. Oleh yang demikian, pengaruh sikap, orientasi pembelajaran dan motivasi diri berkesan menentukan prestasi pencapaian guru pelatih bahasa Cina. Dengan itu, kajian tinjauan dijalankan untuk mengumpul data tentang sikap, orientasi pembelajaran, motivasi, pencapaian bahasa Cina dan kemahiran bahasa guru pelatih bahasa Cina Institut Pendidikan Guru Malaysia. Seramai 398 orang guru pelatih program pendidikan perguruan bahasa Cina dari 16 buah Institut Pendidikan Guru Malaysia dipilih melalui kaedah persampelan kluster untuk menjawab ujian bahasa Cina dan soal selidik. Program perisian Smart PLS 3.0 digunakan untuk mengenal pasti kesignifikanan pengaruh sikap, orientasi pembelajaran dan motivasi terhadap pencapaian bahasa dan kemahiran bahasa Cina. Analisis kajian terbahagi kepada analisis model dan model struktural. Analisis model pengukuran reflektif menunjukkan semua indikator, subkonstruk dan konstruk mencapai kebolehpercayaan dan kesahan dalaman, konvergen dan diskriminasi untuk mendapatkan nilai laten variabel mewakili setiap konstruk dalam pembentukan model hierarki kedua. Seterusnya analisis peringkat kedua model pengukuran formatif dijalankan untuk mengenal pasti kesahan *Variance Inflation Factor* (VIF) setiap konstruk formatif dalam model peringkat kedua. Analisis struktural model ini menggunakan kaedah reflektif-formatif. Hasil analisis model struktural menunjukkan orientasi integrasi dan motivasi intrinsik mempunyai hubungan signifikan secara positif dengan pencapaian bahasa dan kemahiran bahasa. Motivasi intensiti sebagai faktor perantara memberi kesan secara tidak langsung antara hubungan orientasi integrasi, instrumental dan sikap terhadap situasi pembelajaran dengan pencapaian bahasa Cina. Akhirnya, analisis prestasi dan kepentingan menjangka orientasi integrasi dan motivasi intrinsik merupakan faktor-faktor pengaruh pencapaian bahasa Cina dan kemahiran bahasa guru pelatih bahasa Cina dalam model terakhir kajian ini. Penemuan ini menjelaskan kesignifikanan hubungan signifikan motivasi intrinsik dengan penguasaan bahasa Cina. Faktor sikap dan orientasi pembelajaran mempengaruhi motivasi intensiti seterusnya penguasaan bahasa Cina. Hal ini menjelaskan orientasi integrasi dan motivasi intrinsik merupakan dua faktor utama menjangka prestasi penguasaan bahasa Cina yang utama.


RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan kajian, dapat dirumuskan bahawa orientasi integrasi, orientasi instrumental dan sikap terhadap situasi pembelajaran berkesan mempengaruhi motivasi seterusnya penguasaan bahasa Cina. Oleh itu, motivasi berfungsi sebagai faktor perantara membangkitkan guru pelatih mencapai matlamat pembelajaran. Di samping itu, motivasi intrinsik sebagai faktor pengaruh menyumbang kepada penguasaan bahasa Cina secara positif. Dalam jangkaan prestasi kepentingan penguasaan bahasa Cina, kajian mendapati bahawa orientasi integrasi dan motivasi intrinsik penting dalam penguasaan bahasa Cina. Selain itu, model terakhir kajian ini iaitu model motivasi pembelajaran bahasa Cina berfungsi sebagai rujukan pembangunan program pendidikan perguruan. Berdasarkan hasil model terakhir, kajian menunjukkan motivasi intrinsik berfungsi sebagai faktor perantara di antara hubungan orientasi integrasi, orientasi instrumental dan sikap terhadap situasi pembelajaran dengan pencapaian bahasa Cina dan kemahiran. Faktor motivasi intrinsik mempengaruhi pencapaian bahasa Cina dan kemahiran bahasa secara langsung. Hasil kajian berjaya menggabungkan dua teori motivasi antara teori motivasi dan sikap pemerolehan bahasa kedua (Gardner, 1985:2001) dan teori penentuan diri dalam model motivasi pembelajaran bahasa Cina program pendidikan perguruan. Dari aspek metodologi, penyelidik berjaya menjalankan kajian model peringkat kedua untuk membentuk model lebih mudah dan ringkas. Dari aspek ilmu, kajian ini memberi ilmu baharu dalam motivasi pembelajaran bahasa Cina. Selain itu, hasil kajian menjelaskan orientasi pembelajaran, motivasi dan sikap berfungsi positif dan berkesan mempertingkatkan penguasaan bahasa Cina. Oleh yang demikian, ketiga-tiga faktor dipertimbangkan dalam penggubalan dasar dan hal-hal pengurusan pendidikan untuk kesejahteraan, minat, keseronokan dan kepuasan pembelajaran dalam kalangan guru pelatih bahasa Cina. Kajian ini menekankan bahawa situasi pembelajaran sebagai faktor utama yang mempengaruhi motivasi. Kajian motivasi pembelajaran bahasa Cina program pendidikan perguruan boleh dikembangkan dengan kajian lanjut secara perbandingan dalam bentuk model SEM-PLS tinggi dan memperkembangkan modal insan dalam kalangan guru pelatih.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti berikut:

1. Berdasarkan perbincangan, penyelidik mencadangkan kajian akan datang melihat teknologi maklumat komunikasi sebagai faktor pengaruh berhubung dengan motivasi intensiti, motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik untuk mengenal pasti sama ada kesan pengaruh secara positif teknologi maklumat komunikasi terhadap motivasi intensiti, motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik dalam pembelajaran bahasa Cina dalam kalangan guru pelatih bahasa Cina. Selain itu, kajian lanjutan ini bertujuan untuk melihat kemungkinan penggunaan teknologi komunikasi maklumat menjadi faktor perantara orientasi, sikap dan motivasi yang memberi kesan langsung terhadap penguasaan bahasa Cina.
2. Memperkembangkan kuasa sokongan autonomi dalam proses pembelajaran. Hasil dapatan kajian mendapati kepentingan perkembangan motivasi intrinsik daripada kuasa autonomi. Oleh itu, penyelidik mencadangkan kajian lanjutan untuk mempelbagaikan aktiviti pembelajaran guru seperti yang berikut:
 - i. tugasan kursus berbentuk inovasi, kreativiti dan pemikiran kritikal bertujuan memberi peluang kepada guru pelatih meneroka ilmu baharu dan mencapai keseronokan dalam pembelajaran;

- 
- ii. mempelbagaikan peluang pelibatan diri dalam aktiviti sosio budaya seperti pameran, ceramah dan khidmat sosial bertujuan untuk memperluaskan peluang interaksi di dalam dan luar institut pendidikan guru;
 - iii. memperkembangkan penggunaan teknologi maklumat komunikasi dan e-pembelajaran bagi meningkatkan kolaborasi berkesan; dan
 - iv. mengadakan program pertukaran jangka pendek dengan universiti luar negara untuk memperkembangkan interaksi dan komunikasi guru pelatih.
3. Kajian akan datang dicadangkan untuk memperkembangkan satu model motivasi dan sikap berdasarkan model kajian ini untuk penyelidikan bahasa lain bagi menambah baik dan memurnikan semula model yang dihasilkan dalam kajian ini.



MODEL AMALAN PENAAKULAN PEDAGOGI DAN TINDAKAN PENGAJARAN GURU PENDIDIKAN JASMANI SEKOLAH MENENGAH DI SELANGOR

MOHAMED FAIZUL MAT SOM
RT 796.0712 MOH

ABSTRAK KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menentukan tahap amalan dengan menggunakan kaedah tinjauan secara soal selidik. Sampel kajian terdiri daripada berjumlah 597 orang guru yang mengajar subjek Pendidikan Jasmani (PJ). Kajian ini juga turut menentukan tahap kesepadanan model amalan penaakulan pedagogi dengan mengetengahkan dimensi kefahaman, transformasi dan pengajaran sebagai pemboleh ubah eksogen. Manakala dimensi penilaian, refleksi dan kefahaman baharu adalah merupakan tindakan pengajaran guru, sebagai pemboleh ubah endogen. Kajian ini menggunakan kaedah analisis permodelan persamaan struktur (SEM), di mana hasil dapatan menjelaskan ujian *Goodness of fit Chi Square* kuasa dua dengan darjah kebebasan 53 adalah 111.298, CMIN F ialah 2.100 (<5), *Comparative Fit Index* (CF) ialah .993 ($>.90$), *Tucker Lewis Index* (TL) ialah .989 ($>.90$). Manakala *Root Mean Square Error of Approximation* (RMSEA) adalah pada nilai .044 ($<.05$). Justeru, model pengukuran telah dapat menjelaskan wujudnya kesepadanan model dengan data kajian yang baik. Sumbangan asas kajian ini adalah penentuan kesan amalan yang signifikan antara penaakulan pedagogi dan tindakan pengajaran guru Pendidikan Jasmani (GPJ) dalam model persamaan struktur yang dinyatakan. Model amalan penaakulan pedagogi dan tindakan pengajaran guru dapat diterjemahkan kepada pengajaran Pendidikan Jasmani serta mengesahkan fenomena pengajaran yang berlaku secara langsung adalah berkaitan dengan fenomena sebenar dalam kajian pengkaji di sekolah menengah di negeri Selangor.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Rumusan kajian ini menyentuh dapatan kajian yang signifikan dan model yang sepadan dengan data kajian serta kaitannya dengan kajian-kajian lepas serta aspek teoritikal kajian. Kajian mendapati bahawa pengajaran yang baik adalah apabila guru dapat mengamalkan model yang telah dihasilkan oleh pengkaji dengan melalui keenam-enam proses amalan tersebut. Hal ini kerana, amalan tersebut merupakan turutan disiplin yang sangat penting bagi seseorang guru dalam menjadikan pengajarannya lebih berkesan sekali gus membina ciri-ciri GPJ yang berkualiti. Elemen yang dimaksudkan adalah Model Amalan Penaakulan Pedagogi dan Tindakan Guru terhadap pengajarannya yang merupakan model amalan dalam kajian pengkaji. Kesimpulannya, guru harus memiliki pengetahuan, kefahaman dan kemahiran dalam menghasilkan kaedah pengajaran yang sesuai dan berkesan di samping berkeupayaan dalam mengatur aktiviti yang sesuai dengan kemampuan dan keperluan murid. Seajar dengan pandangan Ali S.K.S et al. (2014), warga pendidik hendaklah bersedia mengadakan revouisi dalam pengajaran yang dapat mengubah cara pembentukan dan perkembangan murid dari segi minat dan penguasaan sesuatu kemahiran.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti berikut:

1. Kajian ini lebih memfokuskan kepada guru Pendidikan Jasmani (GPJ) dan terbatas kepada sekolah menengah kebangsaan (SMK) di Selangor dengan melibatkan 10 daerah. Justeru, untuk kajian lanjutan dicadangkan agar kajian lebih meluas dijalankan ke peringkat nasional agar maklumat yang menyeluruh dan komprehensif dapat diperoleh.
2. Kajian lanjutan perlu mengkaji dengan lebih spesifik dan menumpukan kepada satu-satu amalan pedagogi dan tindakan pengajaran dengan lebih meluas. Hasil penyelidikan ini dapat dijadikan rujukan bagi pihak berkepentingan untuk merangka strategi pengajaran Pendidikan Jasmani ke arah melahirkan amalan pedagogi dan tindakan pengajaran yang lebih bekesan.
3. Kajian ini dijalankan secara kuantitatif secara tinjauan menggunakan instrumen soal selidik sebagai kajian utama. Kajian lanjutan dicadangkan agar menjalankan kajian secara kualitatif menggunakan beberapa kaedah sama ada kaedah pemerhatian atau analisis dokumen dengan lebih mendalam.
4. Kajian dijalankan untuk menilai pelaksanaan KPI sekolah menengah dengan menggunakan Model Penaakulan Pedagogi dan Tindakan Pengajaran oleh Shulman (1987) serta teori PCK oleh Shulman (1986). Untuk kajian akan datang, dalam amalan pedagogi dan tindakan pengajaran guru, dicadangkan model yang lebih terkini dan efektif digunakan kerana terdapat banyak lagi model pengajaran yang dihasilkan oleh pakar kurikulum di seluruh dunia.
5. Kajian masa hadapan juga perlu melibatkan jumlah sampel yang lebih besar. Selain itu, kajian yang dijalankan perlu menguji pelbagai komponen prestasi fizikal seperti tahap keupayaan guru dalam menguasai kemahiran dan minat guru mengajar subjek Pendidikan Jasmani di sekolah.
6. Kajian lebih besar perlu dijalankan melibatkan negeri dan daerah yang berbeza di Malaysia untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi dalam amalan pengajaran di sekolah. Kajian masa hadapan boleh memberi fokus kepada satu analisis secara perbandingan terhadap persepsi amalan pedagogi dan tindakan pengajaran GPJ di Malaysia dan negara membangun lain tentang cara dan sistem masing-masing.



PEMBANGUNAN MODEL REKA BENTUK PRODUK BERKUALITI BERASASKAN *COMPUTER AIDED DESIGN (CAD)*

BAHARUDIN SALEH
RT 620.00712 BAH

ABSTRAK KAJIAN

Reka bentuk produk adalah satu proses yang kompleks dan memerlukan spesifikasi bersistematik untuk menghasilkan reka bentuk produk berkualiti supaya kekal berdaya saing. Penghasilan reka bentuk produk berkualiti bagi memenuhi kehendak pengguna seperti elemen estetika (rupa bentuk produk, kemasan akhir dan fungsi produk) serta elemen ergonomik (keselesaan produk dan kebolehfungsian produk) masih perlu dipertingkatkan. Kajian ini bertujuan untuk membangunkan Model Reka Bentuk Produk Berkualiti Berasaskan *Computer Aided Design (CAD)* bagi pengajian program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) bidang Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) Institut Pendidikan Guru (IPG). Pembinaan model ini bertujuan untuk memandu dan membantu pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi meningkatkan kualiti reka bentuk produk terhadap pelajar PISMP yang mengikuti bidang RBT. Kajian ini mengaplikasikan kajian reka bentuk dan pembangunan (*Design and Development Research*) yang melibatkan tiga fasa pembangunan model iaitu (i) analisis keperluan, (ii) reka bentuk dan pembangunan dan (iii) penilaian kebolegunaan model. Fasa analisis keperluan berdasarkan keputusan panel pakar yang terdiri daripada 16 orang menerusi pendekatan *Modified Delphi Technique (MDT)*. Fasa reka bentuk dan pembangunan model melibatkan dua sub fasa, iaitu fasa mengenal pasti elemen oleh sembilan orang panel pakar dalam sesi perbengkelan *Nominal Group Technique (NGT)* ubah suai. Fasa pembangunan model, pendekatan *Interpretive Structural Modelling (ISM)* melalui undian oleh sembilan orang panel pakar. Fasa penilaian kebolegunaan model berdasarkan kepada respon enam orang penilai (*inter-rater*) melalui borang soal selidik. Dapatan kajian analisis keperluan telah mengenal pasti sebanyak 75 elemen yang perlu disenaraikan sebagai elemen reka bentuk produk melalui Modified Delphi Technique (MDT). Seterusnya, sebanyak 71 elemen telah dipilih sebagai elemen dalam model menerusi sesi perbengkelan *Nominal Group Technique (NGT)* ubah suai. Kesemua elemen yang dipilih mengikut susunan keutamaan yang telah dinilai melalui undian oleh panel pakar menggunakan pendekatan ISM dengan bantuan perisian *Concept Star*. Model yang terbentuk terdiri daripada gabungan sepuluh komponen sub model iaitu model kajian maklumat, model spesifikasi, model penghasilan konsep, model lakaran, model pemilihan, model lukisan pemodelan 3 dimensi, model lukisan terperinci, model penilaian kefahaman, model pemindahan idea dan model kualiti reka bentuk produk. Kesemua komponen sub model reka bentuk digabungkan dalam komponen utama iaitu keperluan, konsep, perincian dan penilaian reka bentuk produk bagi memperlihatkan keseluruhan proses berlaku secara pusingan yang berterusan. Fasa menentusahkan kebolegunaan model menunjukkan model yang dibangunkan ini mencapai satu standard yang sesuai untuk digunakan berdasarkan nilai antara penilai (*inter-rater*) yang tinggi diperolehi daripada barisan penilai.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Model Reka Bentuk Produk Berasaskan *Computer Aided Design* (CAD) dibina bagi menjawab persoalan kajian I hingga 12 menerusi pendekatan kajian reka bentuk dan Pembangunan (DDR). Kajian terhadap pembangunan model reka bentuk produk khusus untuk keperluan dan penggunaan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran (PdP) kursus reka bentuk produk berbantu komputer di Institut Pendidikan Guru (IPG). Kursus reka bentuk berbantu komputer (CAD) merupakan kursus penting yang ditawarkan khusus dalam pengajian bidang Reka Bentuk dan Teknologi (RBT).

Kursus ini dibangunkan berdasarkan kurikulum pengajian mengikut keperluan *Malaysian Quality Accreditation* (MQA). Melihat kepada kepentingan kepada bidang RBT murid perlulah berupaya menguasai kandungan kursus ini dengan baik. Berdasarkan analisis pencapaian prestasi murid bagi kursus reka bentuk berbantu komputer (CAD) pada tahun 2016, didapati pencapaian pelajar berada pada tahap sederhana dan tidak memberangsangkan. Ini menunjukkan bahawa kaedah penyampaian yang diamalkan masih boleh dipertingkatkan dengan menyediakan panduan dan bahan sokongan PdP untuk digunakan oleh pensyarah dan pelajar IPG.

Sebelum penyelidik menetapkan pembangunan Model Reka Bentuk Produk Berkualiti Berasaskan CAD, penyelidik telah menjalankan kajian awal untuk mengenal pasti keperluan pelaksanaan Model Reka Bentuk Produk Berasaskan CAD di IPG. Hasil daripada dapatan kajian awal, penyelidik menyimpulkan bahawa masalah utama dalam kursus CAD adalah keupayaan pelajar melakukan proses pencarian maklumat, penyelesaian masalah dan kekurangan panduan dan bahan sokongan pembelajaran yang mengkhususkan kepada kursus CAD. Pelajar tidak berupaya menguasai proses pembangunan reka bentuk produk berkualiti dalam konteks penguasaan kandungan pembelajaran. Tambahan pula, pelajar hanya belajar di dalam makmal komputer dan tidak berupaya melakukan latihan dan memahami kandungan. Perkara ini menyebabkan pelajar lambat menguasai kandungan dan tidak berupaya melakukan proses pencarian maklumat dan menyelesaikan masalah yang baik dan memberi kesan terhadap pencapaian dan hasil reka bentuk produk pelajar. Pembangunan Model Reka Bentuk Produk Berasaskan CAD ini menyediakan panduan dan bahan sokongan kepada pensyarah dan pelajar IPG.

Model Reka Bentuk Produk Berasaskan CAD ini dibangunkan bagi membantu Pensyarah dan pelajar IPG meningkatkan keupayaan penyelesaian masalah sekali gus dapat meningkatkan penghasilan rekaan produk yang berkualiti di IPG. Kajian awal dilaksanakan terhadap pelajar IPG mendapati kelemahan pelajar dalam pencarian maklumat, penyelesaian masalah dan menetapkan kualiti produk dari segi ergonomik dan estetika dalam reka bentuk. Model Reka Bentuk Produk Berasaskan CAD adalah merujuk kepada bahan sokongan pembelajaran yang mengimplicasikan pembelajaran rekaan produk yang dibangunkan berdasarkan pendekatan kajian DDR dengan bersistematik dan terancang yang menerapkan model proses reka bentuk French (1911) dan model reka bentuk Pahl dan Beitz (2013). Pembangunan Model Reka Bentuk Produk Berasaskan CAD ini mengaplikasikan teori pembelajaran *Constructionism* dan model lima fasa Needham bagi menghasilkan bahan sokongan berkesan dalam konteks proses pembelajaran pelajar. Penyelidik telah yang menggabungkan elemen reka konsep dan proses reka bentuk dalam pembangunan model ini.

Bagi memastikan Model Reka Bentuk Produk Berasaskan CAD berupaya memberi impak dalam membantu pelajar menghasilkan rekaan produk, proses penerapan model dan teori dilakukan dengan teliti. Model Lima Fasa Needham dan Teori Constructionism diterapkan melalui komponen utama dalam model. Keperluan reka bentuk produk merupakan komponen pertama untuk memastikan pelajar merancang untuk menghasilkan rekaan produk yang berkualiti serta memastikan pelajar memahami keperluan sesuatu produk yang dihasilkan. Teori yang diterapkan pada komponen ini adalah teori konstruktivisme di mana pelajar akan berusaha untuk memahami dan menguasai pembelajaran seterusnya dapat menyenaraikan keperluan rekaan sesuatu produk.

Komponen kedua adalah reka bentuk konsep produk iaitu komponen yang menekankan penguasaan pembelajaran untuk memastikan pelajar mampu menjana idea, meneroka penyelesaian masalah, memilih dan melaksanakan proses reka bentuk produk. Teori yang diterapkan pada komponen ini adalah teori konstruktivisme dimana pelajar akan memilih dan menyelesaikan permasalahan reka bentuk bermakna melalui tugas yang diberikan. Komponen ketiga pula adalah reka bentuk terperinci produk yang memastikan pelajar mampu menterjemahkan idea atau konsep reka bentuk kepada bentuk visual yang mempamerkan lukisan dalam bentuk digital.

Komponen keempat adalah penilaian reka bentuk produk iaitu komponen yang memastikan pelajar melakukan penilaian dan refleksi pembelajaran untuk memastikan pelajar berupaya melakukan penilaian diri terhadap pembelajaran. Teori konstruktivisme dan model proses reka bentuk diterapkan di mana pelajar akan menilai kelemahan dan kebolehan diri dalam melakukan tugas penghasilan produk.

Dalam proses pembangunan Model Reka Bentuk Produk Berkualiti Berasaskan CAD, penyelidik menentukan setiap komponen utama mengandungi aspek model yang sesuai dan diperlukan pelajar dalam penghasilan reka bentuk produk berkualiti. Justeru itu, berdasarkan hasil dapatan kajian telah berjaya membangunkan Model Reka Bentuk Produk Berkualiti Berasaskan *Computer Aided Design* (CAD) secara empirikal dan sistematik. Sepuluh aspek model telah dibentuk mengandungi model kajian maklumat, model spesifikasi reka bentuk, model penghasilan reka bentuk konsep, model lakaran reka bentuk konsep, model pemilihan konsep produk, model lukisan pemodelan 3 Dimensi (3D), model lukisan reka bentuk terperinci, model penilaian kefahaman reka bentuk produk, model pemindahan idea reka bentuk produk dan model kualiti reka bentuk produk. Setiap model ini juga merangkumi 71 elemen yang telah dipersetujui oleh panel pakar. Justeru, kesemua sepuluh aspek reka bentuk ini adalah tunjang kepentingan kepada pensyarah IPG untuk menerapkan, mengaplikasikan dan memperkasakan elemen reka bentuk produk berkualiti kepada pelajar IPG.

Keunikan Model Reka Bentuk Produk Berkualiti Berasaskan CAD berbanding dengan model-model sedia ada yang seumpama dengannya ialah kesepaduan mantap antara elemen reka bentuk produk berkualiti dalam sesi pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dalam bentuk aktiviti dan penilaian di IPG bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Keberhasilan dan penambahan komponen utama, aspek reka bentuk, aktiviti pembelajaran dan penilaian di IPG secara jelas dapat menjadi garis panduan kepada pensyarah dalam menerapkan, mengaplikasikan dan memperkasakan pelajar IPG dalam mengembangkan idea awalan yang inovatif dan kreatif dalam menghasilkan reka bentuk produk berkualiti. Sehubungan itu, dengan kewujudan elemen ini juga membolehkan proses PdP di bilik darjah dan bengkel mampu untuk dilaksanakan dengan lebih fleksibel dan teratur. Penerapan idea awalan ini penting dalam memperkasakan pemikiran pelajar ke arah budaya penciptaan produk baru mahupun inovasi produk sedia ada. Justeru, asas dalaman pelajar akan terbina dengan teknik penghasilan reka bentuk produk yang bersistematik dan seterusnya mampu memberi nilai tambah kepada industri pembuatan negara. Bertepatan dengan usaha kerajaan yang mahu meningkatkan daya saing dan inovasi di peringkat antarabangsa melalui *Global Competitiveness Index* (GCI) dan *Global Index* (GI) yang meletakkan Malaysia di kedudukan ke-20 daripada 144 negara, lebih baik berbanding kedudukan ke-24 daripada 133 negara pada tahun 2019.

Selain itu, model yang telah dibangunkan ini berperanan sebagai alternatif bagi menambah baik program sedia ada yang memberi fokus pada memperkasakan elemen bentuk produk berkualiti berasaskan CAD. Elemen reka bentuk produk berkualiti ini dapat dijadikan panduan dan rujukan kepada para pensyarah IPG bidang Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) untuk membimbing murid yang terlibat secara langsung dengan suasana pembelajaran dengan penghasilan reka bentuk produk berkualiti dan mengikut piawai yang ditetapkan.

Dimensi yang lebih spesifik, elemen-elemen dalam model yang telah dipersetujui oleh panel pakar boleh dijadikan panduan dan rujukan yang efektif kepada penyedia latihan (dalam konteks kajian ini adalah IPG) membantu pelajar menghasilkan reka bentuk produk yang berkualiti berasaskan CAD. Pelaksana latihan boleh memanfaatkan model yang dibangunkan melalui kajian ini dengan mempertimbangkan aspek dan elemen penting yang dapat membantu dalam proses pembangunan reka bentuk produk berkualiti. Aspek dan elemen yang dirujuk melalui model boleh dijadikan asas dalam penerokaan dan penjanaan idea awalan yang kreatif dan inovatif dalam merangka dan membina reka bentuk produk berkualiti serta memiliki ciri autentik

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti berikut:

1. Kajian boleh dijalankan dengan membangunkan modul berkaitan elemen reka bentuk produk berkualiti berasaskan CAD yang merangkumi 18 elemen keperluan reka bentuk, 21 elemen reka bentuk konsep produk, 15 elemen reka bentuk terperinci dan 17 elemen penilaian reka bentuk produk telah melalui penilaian dan kesepakatan panel pakar sebagai elemen yang diperlukan bagi pembangunan reka bentuk produk oleh pelajar IPG.
2. Kajian lanjutan juga dicadangkan untuk membangunkan satu model latihan yang menekankan kemahiran mereka bentuk produk terhadap golongan pelajar di peringkat sekolah rendah dan menengah. Perkara ini menunjukkan bahawa program pembangunan reka bentuk produk dengan bantuan CAD tidak dipisahkan dalam pembangunan modal Insan berketerampilan dalam negara seiring era pendigitalan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) masa kini.
3. Melakukan penilaian keberkesanan terhadap reka bentuk produk berkualiti berasaskan CAD yang dihasilkan. Hal ini boleh diimplementasikan melalui pembangunan modul khusus yang menekankan kepada elemen konsep reka bentuk produk yang dapat meningkatkan kemahiran berfikir secara kreatif murid. Penilaian keberkesanan juga boleh dijalankan ke atas murid dalam tempoh masa yang ditetapkan dengan memberi pendedahan intervensi modul khusus tersebut. Pendekatan kajian berbentuk eksperimen boleh dijalankan untuk mengetahui sama ada model reka bentuk produk berkualiti berasaskan CAD memberi impak kepada murid serta sesuai untuk dijadikan bahan alternatif di IPG.
4. Membangunkan satu aplikasi berdasarkan elemen dalam model reka bentuk produk berkualiti berasaskan CAD. Pembangunan aplikasi ini dicadangkan mempunyai aktiviti yang boleh menggalakkan penjanaan idea kreatif dan inovatif semasa proses reka bentuk produk. Aplikasi berbentuk *e-learning* melalui peranti digital seperti komputer, tablet dan telefon pintar yang bertujuan untuk menyokong proses PdP reka bentuk produk di bilik kuliah. Elemen-elemen yang terkandung dalam model diterapkan dalam bahan PdP melalui media yang mempunyai teks, grafik, animasi, simulasi, audio dan video. Malah *e-learning* juga boleh disediakan sebagai kemudahan untuk perbincangan kumpulan serta bimbingan secara dalam talian.



BAHASA ANTARA DALAM KOMUNIKASI KANAK-KANAK ORANG ASLI

MOHD TAUFIK HAJI AHMED
RT 401.93 MOH

ABSTRAK KAJIAN

Komunikasi merupakan proses sosial yang sangat penting dalam kehidupan kanak-kanak Orang Asli dan didapati mereka menggunakan pencampuran bahasa kerana sering menghadapi masalah kekurangan kosa kata. Seiringan dengan itu, ketidaklancaran dalam komunikasi ini menyebabkan berlakunya bahasa antara dalam komunikasi kanak-kanak Orang Asli. Permasalahan penggunaan bahasa antara dalam komunikasi kanak-kanak Orang Asli ini menuntut lebih perhatian oleh para penyelidik bagi mendapatkan pemahaman dan rumusan yang tuntas. Kajian yang dijalankan ini merangkum tiga objektif, iaitu mengenal pasti proses penghasilan bahasa antara dalam komunikasi kanak-kanak Orang Asli, menganalisis bahasa antara dalam komunikasi kanak-kanak Orang Asli dan seterusnya merumuskan pola bahasa antara dalam komunikasi kanak-kanak Orang Asli. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berdasarkan kajian lapangan, iaitu kaedah pemerhatian dan temu bual. Data kajian dianalisis berdasarkan proses penghasilan bahasa antara yang menggunakan Teori Bahasa Antara Selinker (1972). Kajian ini telah dilaksanakan ke atas 15 orang responden di tiga buah perkampungan Orang Asli negeri Perak. Hasil kajian mendapati empat daripada lima proses bahasa antara telah digunakan oleh responden. Dapatan kajian turut memaparkan bahawa proses strategi komunikasi amat ketara digunakan, iaitu 562 penggunaan berbanding dengan proses Pemindahan Bahasa, Pemindahan Latihan dan Strategi Pembelajaran, manakala proses Generalisasi Terlampau didapati tidak digunakan langsung. Keseluruhan bahasa antara yang dikenal pasti ialah 634 penggunaan. Lapan elemen yang paling kerap digunakan ialah aspek Parafrasa, iaitu sebanyak 297 penggunaan, Penghampiran sebanyak 146 penggunaan, Pembentukan Kata sebanyak 121 penggunaan manakala Penghuraian mencakupi sebanyak 30 penggunaan. Elemen Penghampiran yang ditemukan mempunyai empat pola bunyi, iaitu suku kata "aiei"(sungai - sungei), suku kata akhir yang mempunyai "ng — n" (cacing-cacing), suku kata awal yang mempunyai huruf vokal "o-u"(bola-bula) dan pengguguran konsonan "b— m"(timbul-timul). Kajian ini merumuskan bahawa terdapat empat faktor, iaitu penggunaan aspek parafrasa, latar linguistik, sikap individu dan pengaruh ekonomi yang menyebabkan pembentukan bahasa antara dalam komunikasi kanak-kanak Orang Asli.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Hasil keseluruhan kajian berdasarkan konteks penyelidikan ini menunjukkan bahawa teori bahasa antara Selinker (1972) digunakan untuk mengenal pasti dan menganalisis bahasa antara dalam komunikasi Kanak-kanak Orang Asli (KKOA). Aspek parafrasa dan elemen yang paling kerap digunakan ialah Penghampiran. Pola bahasa antara dalam komunikasi KKOA yang telah dikenal pasti ialah Penghampiran berdasarkan perkaitan dan penghampiran bunyi suku kata. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa KKOA mewujudkan bahasa antara melalui proses yang dikemukakan oleh Selinker (1972), iaitu Strategi Pembelajaran, Pemindahan Bahasa, Pemindahan Latihan dan Strategi Komunikasi. Dalam konteks kajian ini, KKOA tidak menggunakan proses Generalisasi Terlampau dalam komunikasi mereka. Dalam hal ini, penyelidik telah menemui satu bentuk sistem bahasa antara yang digunakan oleh KKOA. Peraturan yang telah ditemui ini didapati tidak selari dengan peraturan tatabahasa bahasa Melayu. Peraturan yang diwujudkan dalam bahasa antara komunikasi KKOA ini adalah seperti empat jenis penghampiran bunyi yang ditemui, iaitu suku kata "ai" ditukar kepada "ei", suku kata akhir "ng" akan digugurkan konsonan "n", suku kata awal yang mempunyai huruf vokal "o" ditukar menjadi vokal "u" dan pengguguran konsonan "b" apabila bertemu konsonan "m". Selain elemen penghampiran, terdapat juga elemen lain yang kerap digunakan oleh KKOA seperti elemen Pembentukan Kata Baharu (PMK).

Hasil kajian ini juga telah menemui PMK dalam bahasa antara semasa responden berkomunikasi. Elemen pembentukan kata dalam konteks kajian ini membawa maksud perkataan itu sebenarnya tidak wujud alam bahasa ibunda mereka mahu pun bahasa sasaran. Hasil kajian ini, didapati pembentukan kata telah diwarisi secara tidak langsung oleh generasi muda Orang Asli (OA) hari ini. Hal ini demikian kerana berdasarkan pemerhatian, didapati perkataan yang mempunyai elemen pembentukan kata juga digunakan oleh ibu bapa KKOA. Secara tidak langsung, sistem bahasa antara yang digunakan ini telah diterima oleh masyarakat OA. Kewujudan bahasa antara dalam komunikasi yang ditemui adalah berdasarkan beberapa faktor seperti pengaruh bahasa, pengaruh penghampiran bunyi dan faktor perkembangan semasa termasuklah media sosial. Pembentukan kata ini wujud hasil daripada penciptaan bahasa yang menjurus kepada konsep baharu dalam Masyarakat OA. Sebagai contoh, perkataan "selefon" berasal daripada perkataan "telefon" yang merupakan alat perhubungan yang popular pada hari ini. Peraturan-peraturan yang dibincangkan ini merupakan intepretasi penyelidik berdasarkan analisis bahasa antara yang telah digunakan. Dalam kajian ini, didapati pembentukan tabiat dan bukti yang menunjukkan konstruksi kreatif peraturan telah dilakukan oleh KKOA dalam sistem bahasa antara.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti berikut:

1. Kajian akan datang dicadangkan untuk mengkaji berkaitan pemerolehan bahasa KKOA dan bahasa yang lebih relevan dalam situasi semasa. Berdasarkan kajian ini, adalah disarankan pengkaji akan datang menggunakan teori-teori bahasa yang lain dan bersesuaian dengan pengguna bahasa tertentu untuk melihat kewujudan bahasa antara dalam berkomunikasi.

2. Kajian selanjutnya boleh mengkaji berkaitan penggunaan bahasa antara dalam kalangan KKOA di negeri lain. Dalam konteks kajian ini, penyelidik hanya memfokuskan kepada Strategi Komunikasi dan merumuskan pola bahasa dalam komunikasi KKOA sahaja. Oleh itu, kajian selanjutnya boleh diperluaskan lagi terutama memberi fokus kajian berdasarkan elemen lain yang relevan contohnya, penggunaan bahasa antara dalam Strategi Pembelajaran, Pemindahan Bahasa, Pemindahan Latihan dan Generalisasi Terlampau.
3. Kajian ini mengambil inisiatif dengan menggunakan dapatan yang diperoleh untuk dibukukan dan dijadikan sebagai rujukan serta panduan kepada pengkaji akan datang. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu pihak Dewan Bahasa dan Pustaka memperluaskan lagi penggunaan leksikal bahasa antara dalam komunikasi KKOA dalam bentuk perkamusan yang dikhususkan untuk murid-murid OA di sekolah.
4. Hasil dapatan kajian ini dapat membantu JAKOA dalam merungkai masalah keciciran pelajaran KKOA terutamanya penguasaan bahasa kedua (B2). Hal ini kerana organisasi ini berperanan dalam menjaga hal ehwal kebajikan dan kemajuan OA. Oleh yang demikian, pendidikan masyarakat OA juga perlu diambil perhatian. Sehubungan dengan itu, disarankan agar kajian yang dihasilkan ini dapat membantu pihak JAKOA dalam meningkatkan lagi penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan KKOA. Hasil kajian ini juga boleh digunakan sebagai panduan dalam membentuk kaedah pengajaran bagi program KEDAP yang telah dijalankan oleh JAKOA.



PENGARUH FAKTOR DALAMAN TERHADAP RESILIENT DENGAN FOKUS REGULASI SEBAGAI MEDIATOR DALAM KALANGAN REMAJA JUVANA

HAFIAH ISMAIL
RT 364.36 HAF

ABSTRAK KAJIAN

Remaja juvana mempunyai peluang yang tinggi untuk membina resiliens berdasarkan faktor-faktor pelindung yang terdapat di pusat pemulihan. Kajian resiliens yang sedia ada lebih tertumpu kepada faktor pelindung melibatkan aspek luaran individu seperti persekitaran. Namun begitu, terdapat segelintir pengkaji dalam kajian resiliens memberikan tumpuan kepada aspek dalaman individu. Terdapat jurang dalam mengkaji variabel-variabel aspek dalaman individu yang mempengaruhi resiliens. Oleh itu, kajian menguji pengaruh aspek dalaman iaitu dimensi regulasi emosi (yang diwakili dimensi strategi penilaian semula dan strategi pemendaman perasaan), dimensi kepercayaan metakognitif (yang diwakili dimensi kepercayaan metakognitif positif, kepercayaan metakognitif negatif, kepercayaan metakognitif keyakinan kognitif, kepercayaan keperluan kawalan pemikiran dan kepercayaan metakognitif kesedaran sendiri kognitif), efikasi sendiri dan fokus regulasi (fokus promosi dan fokus pencegahan) terhadap resiliens remaja juvana Sekolah Tunas Bakti (STB). Kajian dilaksanakan berdasarkan gabungan beberapa teori kognitif daripada perspektif Islam dan Barat. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan campuran (*mix-method*) iaitu pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Bahagian kuantitatif melibatkan lima instrumen iaitu Skala Resiliens Remaja, Soal Selidik Regulasi Emosi, Soal Selidik Metakognisi, Skala Efikasi Diri Umum dan Soal Selidik Fokus Regulasi manakala bahagian kualitatif menggunakan protokol temu bual separa berstruktur. Sampel kajian terdiri daripada 313 remaja juvana STB yang dipilih melalui pensampelan berkelompok. Data kajian dianalisis menggunakan *Partial Least Squares Structural Equation Modelling* (PLS-SEM) berbantuan perisian SmartPLS 3.0 manakala kaedah kualitatif menggunakan teknik analisis rangkaian tematik. Dapatan kajian menunjukkan strategi penilaian semula, kepercayaan metakognitif kesedaran sendiri kognitif dan efikasi sendiri mempengaruhi resiliens remaja juvana STB. Analisis juga menunjukkan fokus promosi berperanan sebagai mediator bagi pengaruh antara strategi penilaian semula, kepercayaan metakognitif kesedaran sendiri kognitif, dan efikasi sendiri terhadap resiliens. Walau bagaimanapun, fokus pencegahan tidak dapat diuji peranannya sebagai mediator dalam kajian ini. Dapatan kualitatif pula menjelaskan fenomena yang berlaku dalam inferensi kuantitatif. Secara tuntas, aspek dalaman memainkan peranan penting kepada remaja juvana untuk bangkit semula atau bersedia untuk dipulihkan. Kecenderungan individu dalam melakukan regulasi akan menentukan pemikiran, mencetuskan daya tindak dan menimbulkan kepercayaan kepada remaja juvana STB untuk berhadapan dengan persekitaran kehidupan.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Secara keseluruhannya, kajian ini telah mencapai objektif dan menjawab kesemua soalan kajian. Kajian ini berhasil menjelaskan aspek dalaman iaitu dimensi regulasi emosi (penilaian semula dan pemendam perasaan), dimensi kepercayaan metakognitif positif, kepercayaan metakognitif negatif, kepercayaan metakognitif keyakinan kognitif, kepercayaan metakognitif keperluan kawalan pemikiran dan kepercayaan metakognitif kesedaran kognitif), efikasi sendiri dalam mempengaruhi fokus regulasi (fokus promosi dan fokus prevensi) dan resilien remaja juvana STB di Semenanjung Malaysia. Kajian ini mengemukakan gabungan pendekatan kuantitatif dan kualitatif.

Kajian ini mendapati bahawa fokus promosi menjadi mediator bagi hubungan antara strategi penilaian semula, kepercayaan metakognitif kesedaran sendiri dan efikasi sendiri terhadap resilien. Oleh tu, dapatan ini dapat dijadikan rujukan dan panduan kepada pihak yang berkenaan seperti KPWK, JKM, KPM, pentadbir STB dan kaunselor dalam usaha meningkatkan keberkesanan program pemulihan secara berterusan kepada remaja yang terlibat dalam kes juvana. Secara umumnya, pihak terbabit dapat melaksanakan dan memantapkan latihan atau program pemulihan yang belum, sedia ada atau telah dilaksanakan berasaskan kepada ketiga-tiga faktor tersebut bagi memastikan resilien remaja juvana STB sentiasa utuh.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tiga tema utama telah dikenal pasti iaitu daya tindak, regulasi kognitif dan kepercayaan diri. Daya tindak merupakan tema yang mempengaruhi dimensi regulasi emosi, bagi dimensi regulasi kognitif pula, tema yang mempengaruhi ialah kepercayaan metakognitif manakala kepercayaan diri merupakan tema yang mempengaruhi dimensi efikasi sendiri.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti berikut:

1. Kajian ini merupakan kajian penerokaan untuk mengenal pasti aspek dalam fenomena resilien remaja juvana STB. Terdapat beberapa kekurangan dalam aspek kajian yang mempengaruhi pembentukan resilien remaja juvana STB. Kajian akan datang boleh memasukkan lebih banyak variabel bebas aspek dalaman yang lain yang boleh diuji dan boleh digeneralisasikan dalam konteks remaja juvana di Malaysia.
2. Kajian ini secara khususnya telah menggunakan sampel daripada remaja juvana STB sahaja. Oleh itu, dicadangkan agar kajian akan datang diperluas kepada sampel pusat pemulihan akhlak yang lain seperti sekolah Henry Gurney. Kajian juga boleh diperluas dengan membandingkan remaja di pusat pemulihan yang lain. Perbandingan tersebut juga dapat menggambarkan perbezaan dan persamaan resilien di sekolah-sekolah pemulihan akhlak serta faktor yang mempengaruhinya.
3. Kajian ini hanya melibatkan soal selidik dan temu bual berstruktur. Dengan itu, kajian lanjutan dicadangkan menggunakan kajian kes untuk menyelidiki aspek resilien remaja juvana. Kaedah tersebut merupakan penyelidikan kualitatif yang menghasilkan analisis serta huraian dengan lebih terperinci dan holistik (Merriam, 1998). Sekiranya kajian dilakukan dengan kaedah kualitatif, pelbagai dapatan baharu yang tidak dijangkakan diperolehi pengkaji. Dengan itu, dapatan yang diperolehi adalah lebih mendalam dan berupaya memahami isu tersebut dengan lebih baik.



4. Pengkaji akan datang juga boleh menggunakan teori-teori lain yang boleh dikaitkan dan diuji dalam aspek kognitif remaja juvana. Pengkaji akan datang juga boleh menggabungkan teori-teori lain dengan teori yang digunakan dalam kajian ini untuk menjelaskan fenomena resilien dalam kalangan remaja juvana. Dengan itu, satu kerangka kajian yang lebih kompleks dapat dihasilkan dalam menggambarkan resilien remaja juvana.
5. Kajian berbentuk longitudinal juga boleh dijalankan pada masa hadapan dalam meneroka resilien remaja juvana. Suatu perbandingan dapat dijalankan terhadap resilien remaja juvana semasa berada di pusat pemulihan dan selepas keluar daripada pusat pemulihan serta faktor-faktor yang mempengaruhinya. Hal ini dapat memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang perkembangan resilien remaja juvana.





PELAKSANAAN KURIKULUM STANDARD PRASEKOLAH KEBANGSAAN DI TERENGGANU

ROSMAH ABD. GHANI
RT 372.21 ROS

ABSTRAK KAJIAN

Kajian ini bertujuan meneroka pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) oleh guru prasekolah di Terengganu. Fokus kajian adalah untuk mengkaji proses sebenar yang berlaku dalam amalan pengajaran dalam pembelajaran di kelas prasekolah melibatkan fasa-fasa perancangan, penyampaian dan pentaksiran. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk memahami fenomena yang dikaji secara mendalam melibatkan empat orang peserta kajian terdiri daripada guru prasekolah yang mengajar di Terengganu. Mereka dipilih secara bertujuan berdasarkan latar belakang pendidikan, latihan dan pengalaman mengajar. Data dikumpul dan di analisis melalui kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen berkaitan terhadap pengajaran dalam pembelajaran guru tersebut selama enam bulan, kaedah temu bual dengan guru dan analisis kandungan dokumen kurikulum yang berkaitan. Pemerhatian pengajaran dalam pembelajaran yang meliputi Tunjang Bahasa dan Komunikasi, Tunjang Sains dan Teknologi, Tunjang Fizikal dan Kreativiti, Tunjang Kerohanian dan Moral, Tunjang Kemamusiaan dan Tunjang Keterampilan Diri (Sosioemosi). Kesahan dan kebolehppercayaan dapatan dipertingkatkan dengan menggunakan strategi triangulasi, pemerhatian jangka masa panjang, semakan ahli, menyatakan bias pengkaji dan jejak audit. Strategi triangulasi, pemerhatian pada jangka masa panjang atau *long-term observation*, semakan ahli atau member *checking* dan *peer review* digunakan untuk mempertingkatkan kesahan dalaman. Kajian mendapati peserta kajian mempunyai konsepsi yang baik terhadap KSPK, namun masih terdapat peserta kajian yang belum memiliki konsepsi yang sempurna dan menyeluruh berkaitan dengan kandungan KSPK, pedagogi, pengetahuan teknologi, dan pentafsiran dalam pendidikan prasekolah sebagaimana Saranan KSPK. Dari aspek pelaksanaan KSPK, data menunjukkan guru prasekolah merancang, menyampaikan pengajaran dan melaksanakan pentaksiran mengikut saranan KSPK. Namun masih terdapat beberapa aspek perincian tertentu tidak dilaksanakan sepenuhnya. Kajian ini telah mengenal pasti beberapa permasalahan dalam aspek pelaksanaan KSPK yang masih perlu dibuat penambahbaikan sama ada dari aspek konsepsi guru prasekolah terhadap KSPK dan aspek pelaksanaan KSPK yang meliputi aspek perancangan, pelaksanaan PdP, pentaksiran dan lain-lain aspek yang berkaitan dengan pelaksanaan program pendidikan prasekolah. Kajian ini juga telah mencadangkan beberapa cadangan penambahbaikan yang perlu dibuat bagi meningkatkan keberkesanan dan kualiti pendidikan prasekolah. Kajian juga turut mendapati faktor guru opsyen bukanlah faktor utama yang menentukan keberkesanan sesebuah kurikulum. Sebaliknya, kajian ini mendapati guru bukan opsyen prasekolah juga boleh melaksanakan PdP dengan baik dan berkesan sekiranya guru berkenaan mempunyai sikap, minat dan komitmen yang tinggi. Kajian ini diharap dapat membantu guru prasekolah melaksanakan pengajaran serta pentaksiran dengan lebih berkesan. Hasil kajian ini juga

diharapkan dapat menyumbang kepada penambahan ilmu berkaitan pelaksanaan kurikulum prasekolah serta membawa implikasi kepada penggubal dasar, penyediaan program prasekolah serta kepada pentadbiran dan kepimpinan sekolah.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meneroka dan menganalisis pelaksanaan KSPK dalam kalangan guru prasekolah dengan memberi fokus kepada konsepsi guru prasekolah terhadap KSPK dan pelaksanaan KSPK oleh guru prasekolah pada peringkat perancangan, penyampaian dan pentaksiran sepanjang tempoh PdP.

Dalam aspek perancangan, kajian mendapati bahawa elemen perancangan yang mempengaruhi peserta kajian adalah dokumen rasmi seperti Dokumen Standard Prasekolah Kebangsaan, modul asal, modul bertema dan rancangan tahunan, kemudahan dan peralatan yang ada di sekolah, pengalaman, pengetahuan, kemahiran dan minat guru serta ciri-ciri murid yang diajar termasuk pengetahuan sedia ada mereka.

Aspek penyampaian atau pelaksanaan pula membincangkan elemen pengurusan dalam penyampaian kurikulum dan elemen pengendalian aktiviti PdP. Bagi elemen pengurusan, guru memberi perhatian kepada amalan rutin, perbualan pagi, disiplin murid dan kawalan kelas, kehadiran murid, kebersihan diri dan pakaian murid.

Dalam aspek pentaksiran, kajian menunjukkan bahawa peserta kajian melaksanakan pentaksiran namun pentaksiran yang dilaksanakan tidak menyeluruh kerana tidak melibatkan keenam-enam tunjang yang telah digariskan dalam KSPK. Kajian ini mendapati pentaksiran yang dilaksanakan oleh guru prasekolah lebih tertumpu kepada melaporkan kemajuan murid kepada ibu bapa, sedangkan pentaksiran adalah lebih daripada itu. Guru kurang memanfaatkan hasil pentaksiran murid untuk mengenal pasti masalah pembelajaran bagi tujuan penambahbaikan pengajaran dalam pembelajaran. Peserta kajian juga didapati kurang merekod maklumat pentaksiran bagi tujuan penambahbaikan PdP mereka sebaliknya lebih banyak merekod maklumat pentaksiran bagi tujuan semakan pihak pentadbir sekolah, PPD, JPN dan KPM sahaja. Guru juga tidak menyerahkan portfolio pentaksiran kepada guru tahun satu bagi tujuan pentaksiran berterusan murid serta untuk makluman ibu bapa. Dapatan kajian turut mendapati pentadbir sekolah tidak membuat pemantauan pematuhan atau pelaksanaan pentaksiran di kelas prasekolah kerana mereka tidak diberi pendedahan sama ada di peringkat PPD atau JPN. Pengkaji juga telah mengenal pasti beberapa permasalahan KSPK dan permasalahan yang dihadapi oleh guru prasekolah meliputi aspek konsepsi guru prasekolah terhadap KSPK, aspek perancangan PdP, penyampaian dan pelaksanaan KSPK seta pelaksanaan pentaksiran.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti berikut:

1. Kajian terhadap pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) membantu guru memahami pelaksanaan kurikulum yang berlaku pada realiti sebenar di sesebuah kelas prasekolah. Selain itu, kajian terhadap pelaksanaan kurikulum juga memberi kefahaman tentang sejauh mana kurikulum dilaksanakan seperti mana yang dihasratkan. Menurut Dusembury et al. (2003), dengan menjalankan kajian terhadap faktor-faktor penyebab, kejayaan dan kegagalan dikenal pasti serta dapat diperbaiki.

2. Kajian kualitatif ini bertujuan meneroka dan menganalisis pelaksanaan KSPK di kelas prasekolah. Fokus kajian adalah kepada proses yang berlaku dalam amalan PdP di kelas prasekolah yang melibatkan rantaian perancangan, penyampaian dan pentaksiran.
3. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan pelbagai kaedah kutipan data seperti pemerhatian, temu bual dengan guru dan murid dan analisis dokumen yang berkaitan. Justeru, pengkaji mencadangkan agar pengkaji seterusnya menggabungkan kedua-dua kaedah iaitu kuantitatif dan kualitatif sebagai prosedur untuk mengutip data. Gabungan kedua-dua kaedah ini memantapkan lagi data yang diperolehi. Ini bertepatan dengan kenyataan Wiersma (1995) yang menyatakan ramai penyelidik menggabungkan kedua-dua kaedah ini untuk memperoleh data yang lebih bermakna dan terperinci.
4. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru berhadapan dengan kekangan daripada aspek kemudahan infrastruktur, peralatan, masa pengajaran yang terlalu panjang yang menyumbang kepada ketidakberkesanan PdP. Oleh itu, kajian lanjutan dicadangkan untuk mendapatkan amalan terbaik (*best practices*) yang bertujuan membantu guru-guru yang berhadapan dengan kekangan sedemikian, tetapi mempunyai hasrat untuk menepati kehendak sukatan pelajaran iaitu Dokumen Standard Prasekolah Kebangsaan.
5. Pengkaji menjalankan kajian dengan melihat pelaksanaan yang berlaku berbanding kurikulum yang dihasratkan dari perspektif guru. Justeru, disarankan agar satu kontinum yang lengkap dari perspektif guru sebagai pelaksana kurikulum untuk mengetahui elemen yang mereka pelajari menerusi kurikulum itu dijalankan. Hal ini bakal memberi satu gambaran lengkap mengenai pelaksanaan KSPK di Malaysia.
6. Kajian ini juga mendapati bahawa terdapat ketidakpuasan hati peserta kajian terhadap peranan yang dimainkan oleh pihak pentadbir terhadap pelaksanaan KSPK. Justeru, adalah dicadangkan agar satu kajian dijalankan dalam kalangan pentadbir sekolah bagi mengetahui konsepsi, peranan dan penglibatan atau sumbangan mereka dalam memartabatkan KSPK di kelas prasekolah.
7. Menjalankan kajian berkaitan bidang tugas serta jumlah waktu PdP guru prasekolah. Rungutan beban tugas guru prasekolah terlalu banyak sehingga menyebabkan guru prasekolah tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk merancang, melaksana PdP dan pentaksiran mengikut sasaran KSPK.
8. Untuk memahami sepenuhnya pelaksanaan KSPK di sekolah, kajian juga harus dijalankan di luar batasan sekolah khususnya terhadap ibu bapa dan masyarakat. Hal ini bertujuan mendapatkan pandangan atau perspektif mereka agar cadangan atau pandangan khususnya yang bersifat empirikal dapat diguna pakai bagi tujuan transformasi kurikulum pada masa akan datang.



STRES DALAM KALANGAN KANAK-KANAK PRASEKOLAH ORANG ASLI KAUM SENOI: KAJIAN KES

NOR AIMI HARUN
RT 155.418 NAH

ABSTRAK KAJIAN

Kanak-kanak Orang Asli di pedalaman didapati turut berhadapan dengan pengaruh stres dan masalah ini masih belum dibincangkan secara meluas di Malaysia. Berdasarkan kajian lepas, kajian kes kualitatif ini ditadbirkan untuk mengenal pasti fenomena stres yang berlaku dalam kalangan murid prasekolah Orang Asli kaum Senoi. Pemilihan sampel kajian yang melibatkan seorang kanak-kanak prasekolah Orang Asli kaum Senoi adalah berdasarkan ujian Instrumen Pengukuran *Stres: Child and Adolescent Survey of Experiences* (CASE). Instrumen pengumpulan data yang telah digunakan dalam kajian ini adalah temu bual, senarai semak, pemerhatian dan rujukan dokumen. Analisis transkrip data menggunakan perisian Nvivo 0.8 bagi membantu memproses dan penyimpanan maklumat. Dapatan menunjukkan simptom stres yang telah dikenal pasti adalah *underachievement*, ketidakupayaan dipelajari, PTSD, masalah mood dan menggigit kuku. Kajian ini juga mendapati faktor keluarga, sekolah dan sendiri telah dikenal pasti sebagai penyumbang kepada stres. Kesan tingkah laku stres yang telah ditunjukkan oleh sampel kajian adalah tingkah laku *delinkuen* yang terdiri dari masalah tingkah laku agresif, vandalisme dan ponteng sekolah. Tindakan *reexperiencing*, isolasi sosial dan kebisuan selektif juga merupakan tingkah laku kesan dari rangsangan stres terhadap kanak-kanak Orang Asli kaum Senoi. Kajian juga mendapati strategi daya tindakan yang telah dibangunkan sewaktu berhadapan dengan rangsangan stres adalah menggigit kuku, isolasi sosial, tingkah laku agresif, berbohong dan sandaran. Kajian ini memberi implikasi kepada guru-guru prasekolah, ibu bapa dan pihak berkepentingan secara kolektif dan proaktif bagi menyediakan pelbagai bentuk inisiatif dan program bagi membangunkan dan menyokong perkembangan kanak-kanak Orang Asli kaum Senoi sebagai usaha melindungi mereka dari ancaman stres di masa depan.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Secara keseluruhannya, kajian ini telah menyingkap tentang permasalahan stres yang dihadapi oleh kanak-kanak Orang Asli kaum Senoi. Pada peringkat awal, kajian lebih berfokus untuk mengenal pasti tahap stres yang dihadapi oleh kanak-kanak Orang Asli kaum Senoi berdasarkan ujian CASE. Peringkat seterusnya adalah mengenal pasti simptom stres berdasarkan indikator yang telah diambil melalui kajian lapangan. Kajian telah dikembangkan lagi dengan melihat faktor penyumbang yang merupakan sumber stres yang dialami oleh subjek kajian. Pada peringkat perkembangan, kajian telah melihat kepada kesan tingkah laku yang terhasil daripada rangsangan stres dan akhirnya kajian telah meneroka bentuk strategi daya tindak yang diaplikasikan sewaktu berhadapan dengan rangsangan stres.

Dalam usaha mengenal pasti simptom stres, kajian telah melihat segala bentuk perubahan tingkah laku yang berlaku berdasarkan beberapa indikator stres yang ditunjukkan. Antara indikator stres yang telah dikenal pasti adalah perubahan tingkah laku jangka pendek (*short-term behavioral changes*) seperti perubahan mood dan tingkah laku. Selain itu, terdapat juga tingkah laku menarik diri dari persekitaran sosial, menggigit jari atau onychophagia sewaktu sedang bergelut dengan rangsangan stres. Indikator lain yang ditunjukkan oleh kanak-kanak yang berhadapan dengan stres adalah terdapatnya tanda kegagalan menumpukan perhatian kepada aktiviti pembelajaran di sekolah seperti mengalami masalah prestasi akademik, *learned helplessness*, *silence mutism* dan *underachievement*.

Masalah stres semakin membimbangkan apabila kanak-kanak yang terlibat mula menipu, membuli, menentang autoriti seperti guru dan bertindak balas keterlaluan dalam sesuatu masalah yang kecil. Tingkah laku tersebut telah dikaitkan dengan faktor persekitaran keluarga, sekolah dan sendiri sebagai penyumbang kepada masalah stres dalam kalangan kanak-kanak Orang Asli.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti berikut:

1. Aspek pertama yang dicadangkan kepada penyelidik seterusnya adalah melaksanakan kajian stres kanak-kanak prasekolah Orang Asli dalam reka bentuk kajian kuantitatif. Hal ini kerana kajian kuantitatif dapat menyediakan data keseluruhan populasi kanak-kanak prasekolah orang asli yang mengalami stres. Pelaksanaan kajian berbentuk kuantitatif adalah penting bagi mengukur jumlah keseluruhan kanak-kanak prasekolah yang mengalamai stres di seluruh Semenanjung Malaysia. Kajian lanjutan ini penting untuk mendapatkan maklumat dan mengukur keseluruhan populasi kanak-kanak prasekolah Orang Asli yang terkesan dengan stres. Hal ini kerana dikhuatiri populasi kanak-kanak Orang Asli yang mengalami stres dipelbagai peringkat telah meningkat tanpa disedari dan menyebabkan tiada perancangan dibuat secara proaktif di peringkat atasan untuk mengawalinya.
2. Aspek kedua cadangan kajian seterusnya adalah program intervensi bagi membantu kanak-kanak orang asli yang telah dikenal pasti mengalami stres. Program intervensi yang dicadangkan adalah merujuk kepada program bimbingan dan kaunseling yang komprehensif yang boleh dilakukan secara individu, kumpulan kecil atau kumpulan yang lebih besar seperti Program Pembimbing Rakan Sebaya atau konsultasi yang sesuai dengan tahap umur kanak-kanak prasekolah. Program intervensi dalam kajian selanjutnya juga dicadangkan menggunakan asas teori Strickler & Bonnefil (1974) yang lebih menekankan isu-isu seperti berikut:



- i. Menstrukturkan dan meningkatkan kecekapan rawatan menggunakan kemahiran penyelesaian masalah.
- ii. Sasaran rawatan yang spesifik dan mengaitkan konflik interpersonal dengan ketidakfungsian peranan.
- iii. Kawalan permasalahan menggunakan teknik pemfokusan masalah secara aktif.
- iv. Intervensi rawatan yang disesuaikan dengan tahap sedar dan konflik emosi separa sedar, kaitan modifikasi trait karakter dan bentuk personaliti.





ANALISIS KECEKAPAN TERJEMAHAN BAHASA ARAB-BAHASA MELAYU: IMPLIKASI TERHADAP KURSUS TERJEMAHAN DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA (IPGM)

NAZIRAH RADIN SALIM
RT 418.02071 NAZ

ABSTRAK KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti perbezaan bentuk dan tahap ketepatan hasil terjemahan oleh penterjemah pelatih berdasarkan domain-domain kecekapan terjemahan dan mengenal pasti sejauh mana penguasaan mereka terhadap domain-domain kecekapan terjemahan tersebut. Selain itu, kajian ini juga ingin mengenal pasti perbezaan penguasaan kecekapan terjemahan mengikut pemboleh ubah yang telah ditetapkan, di samping meninjau keperluan penawaran kursus terjemahan lanjutan pada peringkat ijazah. Kajian ini dijalankan berlandaskan kepada teori kecekapan terjemahan oleh Neubert (2000) yang membentangkan lima subkecekapan iaitu kecekapan bahasa, kecekapan budaya, kecekapan teks, kecekapan subjek dan kecekapan pemindahan, di samping mengadaptasi 10 prosedur terjemahan oleh Vinay dan Darbelnet (1995). Kajian ini menggunakan kaedah mod campuran kuantitatif-kualitatif, sementara instrumen kajian pula terdiri daripada satu set borang soal selidik, satu set borang ujian kecekapan terjemahan dan temu bual semi struktur. Sampel kajian terdiri daripada 90 orang pelajar Program Ijazah Sarjana Muda (PISMP) Pendidikan Bahasa Arab dari dua buah Institut Pendidikan Guru (IPG) yang menawarkan kursus terjemahan. Data dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS versi 21) bagi memperoleh min, kekerapan, peratusan dan sisihan piawai. Sementara ANOVA, ujian-t dan Pearson R digunakan untuk melihat perbezaan dan korelasi antara penguasaan kecekapan terjemahan dengan pemboleh ubah. Dapatan kajian memperlihatkan kepelbagaian bentuk terjemahan yang dihasilkan oleh penterjemah pelatih, khususnya bagi kecekapan bahasa dan budaya. Situasi ini sekaligus mempamerkan ketidakseimbangan penguasaan kecekapan terjemahan dalam kalangan penterjemah pelatih terhadap domain-domain kecekapan yang diuji. Dapatan kajian juga mendapati bahawa kebanyakan pemboleh ubah yang ditetapkan tidak mempunyai perbezaan dalam skor penguasaan kecekapan terjemahan penterjemah pelatih. Implikasi dan cadangan turut dikemukakan kepada pihak-pihak yang berkenaan seperti penganjuran latihan terjemahan yang berorientasikan kecekapan serta membuat penawaran kursus terjemahan pada peringkat ijazah kepada pelajar jurusan bahasa Arab di IPG.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Kajian ini telah membuktikan tentang kepentingan pengetahuan elemen-elemen kecekapan terjemahan dan hubungannya dalam penghasilan terjemahan yang baik. Justeru, seseorang penterjemah haruslah mempersiapkan diri dengan elemen tersebut supaya kredibiliti sebagai seorang penterjemah yang dapat menghasilkan suatu terjemahan yang berkualiti dan dapat difahami dengan baik oleh pembaca sasaran dapat dipertingkatkan. Dalam konteks ini, seseorang penterjemah perlu memiliki kecekapan dalam aspek penterjemahan serta bersedia dengan pengetahuan yang baik mengenai tahap budaya, status sosial, status teks terjemahan dan seumpamanya. Penemuan dalam kajian ini diharap dapat membantu pihak berautoriti agar mengambil perhatian terhadap penambahbaikan kursus terjemahan sedia ada dan membuat perancangan dan penelitian yang lebih komprehensif terhadap kursus terjemahan lanjutan.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti berikut:

1. Penyelidik akan datang disarankan agar dapat mempelbagaikan instrumen ujian antaranya dengan menambahkan teks ujian daripada bahasa Melayu kepada bahasa Arab. Dapatan kajian tersebut akan dapat memperlihatkan sejauh mana perbezaan hasil terjemahan antara terjemahan ke dalam (*in-bound*) dan terjemahan ke luar (*out-bound*) seterusnya perbandingan hasil terjemahan antara kedua-dua jenis terjemahan tersebut dapat dibuat.
2. Memandangkan kajian ini melibatkan model kajian Neubert (2000) sebagai asas teori utama kecekapan terjemahan yang dikaji, penyelidikan akan datang disarankan agar memperluaskan penggunaan model kajian kepada model-model lain yang bersesuaian dengan penyelidikan yang akan dibuat, umpamanya model kecekapan Kumpulan PACTE (2005) yang dilihat bersesuaian dengan penyelidikan yang melibatkan pelajar jurusan terjemahan.
3. Penyelidikan akan datang juga disarankan agar menjalankan kajian dengan memperluaskan sampel kajian ke Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) seperti Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) dengan melibatkan pelbagai skop kajian, misalnya terjemahan genre teks dan terjemahan unsur budaya secara khusus. Dalam pada itu, penyelidik juga disarankan supaya menjalankan kajian di sekolah menengah dengan melibatkan murid tingkatan enam yang mengambil Sijil Tinggi Agama Menengah (STAM) atau murid menengah atas, sama ada murid tingkatan empat atau tingkatan lima yang mengambil subjek bahasa Arab. Pendedahan terhadap kemahiran terjemahan sebaiknya bermula dari sekolah menengah supaya dapat menarik minat murid untuk mengikuti bidang terjemahan secara khusus pada peringkat universiti kelak.
4. Pbolehkan ubah dalam kajian ini hanya melihat kepada dua faktor utama iaitu faktor luaran dan faktor dalaman. Kajian ini juga boleh dilanjutkan dengan melihat faktor-faktor lain yang berupaya mempengaruhi tahap penguasaan kecekapan terjemahan dalam kalangan murid seperti faktor amalan guru dan tenaga pengajar kursus terjemahan dalam pengajaran aspek terjemahan, faktor amali dan praktikal terhadap pembelajaran elemen-elemen terjemahan secara khusus serta faktor pendedahan penggunaan alat bantu terjemahan semasa pengajaran dan pembelajaran subjek terjemahan.

5. Dapatan kajian ini telah diproses secara mod campuran kuantitatif dan kualitatif. Kajian seterusnya boleh dilakukan secara kuantitatif sahaja seperti kajian berbentuk tindakan iaitu dengan membahagikan murid kepada dua kumpulan iaitu kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Kumpulan rawatan diberi pendedahan tentang domain-domain kecekapan terjemahan dan amali serta praktikal secara khusus oleh penyelidik. Melalui dapatan kajian tindakan tersebut, analisis perbandingan boleh dibuat terhadap kepentingan pengetahuan domain-domain kecekapan terjemahan dalam melakukan sesuatu proses terjemahan.
6. Memandangkan dapatan kajian ini boleh dikembangkan dan diperjelaskan secara lebih terperinci, maka kajian selanjutnya boleh dilakukan melalui kaedah kualitatif iaitu dengan menjalankan pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual terhadap responden yang terpilih. Hal ini bagi memperoleh maklumat dan dapatan yang lebih mendalam berkaitan peranan elemen-elemen kecekapan terjemahan dalam penghasilan terjemahan yang lebih baik dan berkualiti. Pemerhatian dan temu bual juga memungkinan kajian menjadi lebih menarik dan berupaya mendapatkan penemuan di luar jangkaan yang gagal dikesan dengan baik melalui soal selidik atau ujian semata-mata.



DEVELOPMENT OF SYMPTOMATIC BEHAVIOUR SCREENING TOOL (SYMBEST) FOR EARLY IDENTIFICATION OF DEVELOPMENTAL DELAYS AMONG CHILDREN AGE 3 – 4

SHYIELATHY ARUMUGAM
RT 305.231 SHY

ABSTRACT

This study aimed to develop a Symptomatic Behaviour Screening Tool (SymBest) for early childhood education (ECE) educators to identify symptomatic behaviours among children aged 3 to 4 years old. Three main objectives of this research were identified; the needs to develop SymBest based on expert's opinions and to test the usability of SymBest. This is a design and development study based on the model of Richey & Klien (2007) with 3 phases. In phases (i), 434 ECE educators was selected for an online need analysis survey and the data was analysed with descriptive statistics for mean score and percentage. In phase, (ii) 18 experts were selected for constructs and items validation using the Fuzzy Delphi Method (FDM). In phase (iii) to test the usability of SymBest, 21 ECE educators were selected and the Modified Nominal Group Technique was employed to analyse the responses. Data findings of phase (i) showed that educators are able to handle children's classroom behaviours ($M=3.75$, $SD=0.68$), use behavioural management techniques in classroom ($M=3.09$, $SD=1.28$), receive support moderately from the school climate to manage children's behaviour ($M=2.43$, $SD=1.25$) and finally strongly agreed the needs of a screening tool for early identification of symptomatic behaviours ($M=4.36$, $SD=0.60$). Findings phase (ii) reports, four constructs of child development is accepted because it has met the threshold value (d) 0.2 and the experts' consensus $\geq 70\%$. Further, the items are ranked in sequence based on the Fuzzy scores. Finally, in phase (i), all the constructs and items of SymBest has reached the agreement of usability according to the perception of the expert participants with group consensus $\geq 70\%$. As a conclusion, the development of SymBest encourages early childhood educators to practice early identification of developmental delays among children based on their symptomatic behaviours. This study implicates that the availability of SymBest can enhance educator's knowledge on the functions of behaviours among young children and suggest for medical referrals.

SUMMARY OF FINDINGS

The study yielded results which will contribute to those educators who attempt to recognise and understand children and the symptomatic behaviours in the ECE classrooms. It is well verified that early identification skills of symptomatic behaviours amongst ECE educators are essential for effective referral decisions and early intervention planning. The current practice in Malaysia is, screening and early identification of symptomatic behaviours at risk of disorders are shouldered by the Ministry of Health alone. Unlikely, screenings tools available in the education system is more on assessing children's academic skills for class or school placement. Successful application and practice of early identification with brief and validated tools in schools, especially in ECE may encourage educators to recognise symptoms in prior without having to wait for medical diagnosis. Hence, in this study, through the need analysis phase, a symptomatic behaviours screening tool (SymBest) was developed by adopting the theory of maturation and the theory of cognitive development supported by developmentally appropriate practice framework. This study is significant to adopt a formal early identification practice amongst the ECE educators in the country. Generally, positive responses from 434 ECE educators in the need analysis indicate that it is important to provide ECE educators with a brief and practical early identification tool for symptomatic behaviours at risk of developmental delays to improve their recognition practice and decision making.

RECOMMENDATIONS FOR FUTURE RESEARCH

Some recommendations for future research are as follows:

1. SymBest was designed to identify symptomatic behaviours of children age 3 to 4 years old according to the four developmental domains, which are sensorimotor, language and communication, cognitive and social and emotional. In SymBest, the measurement age was focussed just on 3 to 4 years old because this is a prominent period for early intervention. The symptomatic behaviours are also strongly visible at this age to educators' awareness. However, in future research, SymBest can be improved by including developmental milestones of children from three months to six years old and can be kept as an ongoing screening record. This will be a great help to ECE educators, especially those who are educating children below the age of 4. Government ECE institutions like Genius Negara and KEMAS are receiving children as early as three months' old.
2. SymBest is designed to be used in the school environment for educators. We believe symptomatic behaviours are noticed by educators when children are included as one in a typical classroom. The main objective of SymBest is to pick up symptomatic behaviours, which are deviating from the developmental norms. Hence, the tool serves as an early identification procedure for further decisions like a referral for standard diagnosis, parents conference and intervention plans. Since SymBest is for early identification and the items are universal, in future, the tool can be focussed on the parents' population to screen children in the home environment. If parents have some suspicion on children's behaviours, SymBest can be used as a first-hand tool before a formal assessment.

3. The study covered the entire process of developing SymbBest and the usability of the screening tool. The needs of having an early identification tool were sought, the development and the validation of the tool were elaborated and finally the usability of the tool from ECE educator's perception was obtained. To determine the score indicator of SymbBest, a brief pilot test was conducted with a sample size of 42 special needs children diagnosed with conditions like Autism, ADHD, GDD and any other category of social, emotional and behaviour difficulties. The purpose of the pilot test was to adopt a scoring indicator as a reference to determine children being screened to be at-risk or not. Typically, in the medical field, a developed screening tool will be applied to a broader population to obtain a more reliable scoring indicator. Therefore, to improve SymbBest in the future, the tool can be applied to a larger number of children diagnosed as special needs for a more reliable scoring indicator.
4. The tolerance level of ECE educators to have children with special needs in the classroom is a scope to be identified in the future. A child can be screened early and accepted into an inclusive setting. However, awareness and acceptance alone will not help if the tolerance level among educators is low. If tolerance towards children with special needs is low amongst educators and management, it defeats the purpose of inclusion. In many cases, children with special needs are accepted in some educational programmes initially, only to be denied the opportunity to continue later on due to low tolerance levels of educators. A research on inclusive education was conducted by Miller et al. (2017) which implicates that there is identification of higher rates of expulsion at a preschool level due to low tolerance levels amongst educators. Although expulsion is not legally practised in Malaysia, low tolerance levels of educators were commonly reported in research studies. Obviously, tolerance with kids is very important in figuring out the right intervention plans.
5. Qualitative studies are suggested in future research to focus on empowering ECE educators to plan and execute intervention strategies within their means of support upon screening with SymbBest. Intervention is a progressive process and most effective when done patiently, as it reveals more vital clues in ensuring the intervention works. The objective of this study is mainly on the development of SymbBest tool itself. Hence, guidance on intervention planning and execution for educators are not included.



A CASE STUDY ON THE CONSTRUCTIVE ALIGNMENT OF CO-CURRICULAR MARKING SYSTEM WITH RESPECT TO SCHOOL STUDENT'S CHARACTER DEVELOPMENT

MUHAZIAN MD. NOOR
RT 371.89 MUH

ABSTRACT

Co-curricular activities (Cca) has long been a part of the education system in Malaysia. In 2005, the importance of systematically addressing Cca has been raised after realising that many positive attributes could be achieved through Cca such as physical and health, racial integration, patriotism, discipline and leadership development. For these reasons, the Co-curricular Marking Scheme (CMS) assessment tool was introduced in 2007 to highlight the importance of the co-curricular segment in education system. The three components in Cca are the uniform units, clubs and societies as well as sports and games. Students are assessed cumulatively for five years beginning from Form 1 up to Form 5. Since 2007, CMS has gone through several revisions in its assessment system and criteria. The marking criteria are based on several elements namely; attendance, level of attainment, level of participation, post held, commitment and contribution and extra curricular. The aim of this study was to investigate whether the CMS is able to grasp students' character development. This study used the constructive alignment approach to study the development of students' character through the use of the CMS in assessing Cca. This study included 18 government documents and interview sessions with three experts who were involved in the formulation of CMS. Another interview was carried out with five Co-curricular Senior Assistants (CCSAs) of sub-urban schools in Pasir Gudang. Through the instruments used in the study, the fundamentals of various elements assessed in Cca using the CMS assessment tool were established, through constructive alignment approach towards achieving the intended learning outcome (ILO). Furthermore, it was established that Cca complements both the affective and psychomotor learning domains. The findings on CMS elements marking criteria suggested that some elements are overly assessed while some positive values on the development of students' character are not clearly and directly assessed. In addition, the criteria for marks in CMS emphasised heavily on positions held and attainment level. Through the interviews with CCSAs, the implementation of CMS that was constructively aligned to character development was revealed. They raised concerns that some of the criteria in CMS is more inclined towards post held and attainment level. Although the CMS addresses on certain positive values, there are rooms for improvement in designing a clearer and focussing on towering personality and character development. The findings of this study have contributed to the understanding of fundamental criteria of CMS as the assessment tool of Cca. The elements in the marking criteria in CMS related to the students' character development are also established. In addition, it was found that the implementors' (CCSAs) perspectives on the role of CMS is cumulatively aligned to their students' character development. As CMS is assessed cumulatively for a period of five years, it is recommended that a constructive aligned assessment tool in guiding and motivating students to develop positive characters be developed. In line to that, a systematic and clear marking elements criterion addressing the values to be inculcated could be integrated in CMS.

SUMMARY OF FINDINGS

The study aimed to investigate the constructive alignment approach towards the students' character development through CMS as the assessment tool of Cca. This study includes review of 18 government documents, interview sessions with three experts that involved in the formulation of CMS and five CCSAs of sub-urban schools in Pasir Gudang as implementers' perspectives at school level. Three research questions were outlined to achieve the objectives. Through comprehensive review of documents and interviews with experts, three themes emerged on fundamental of co-curricular education, background of CMS and intended learning outcomes on students' character development.

Through these findings, the fundamentals of various elements assessed in CMS as the Cca assessment tool, through constructive alignment approach towards achieving the ILO is established. Three components in Cca were selected which are uniformed units, clubs and societies, sports and games. These components were selected in the hope that each component could instil different attributes such as discipline, patriotism, racial integration, leadership, physical health and well-being. These positive values are part of the desired aspirations of the government and ILO.

The findings on CMS elements marking criteria suggested that some elements are overly assessed while some positive values on development of students' character are not clearly and directly assessed. These overly assessed elements include leadership, discipline and attainment. While patriotism, racial integration, language and communication are vague. In addition, findings suggest the criteria for marks in CMS emphasis heavily on position held and attainment level rather than the development of spiritual, personality, social and competitive attitude. As CMS is assessed cumulatively for a period of five years, it could be a constructive aligned assessment tool in guiding and motivating students to develop positive characters. In line to that, a systematic and clear marking elements criterion addressing the values to be instilled could be integrated in CMS.

Through the interviews with CCSAs, the implementation of CMS that constructively aligned to character development of students was revealed. Two themes emerged from the CCSAs perspective namely implementation of CMS as an assessment tool for Ccs and recommendations for constructive alignment towards character development. Through this phase, research question 3 and objective 2 are addressed. The implementers suggested that some marking criteria in CMS such as level of attainment is too difficult to achieve and the marks difference between international and school level is too far. In addition, leadership criteria limit the majority of students to gain the marks. They raised similar concerns that some of the criteria in CMS is too inclined towards post held and attainment level. Although the CMS address on certain positive values, there are some rooms for improvement in designing a clearer and focussed positive character development. Among the values mentioned are patriotism, racial integration, religiosity and ethics, social attitudes and leadership skills. They suggested that CMS looks upon the process of character development in students rather than level of attainment and posts held.



RECOMMENDATIONS FOR FUTURE RESEARCH

Some recommendations for future research are as follows:

1. This study has found interesting findings on the role of CMS to constructively align towards students' character development. Further areas could be explored. Future study could be carried out in different demographic and socio-economic background in schools.
2. Students' perspectives on CMS could be investigated.
3. Co-curricular activities implementation could be studied in primary level.





PENGARUH PUSAT SUMBER SEKOLAH, ICT DAN SURI TELADAN TERHADAP CELIK ALAM SEKITAR DALAM KALANGAN PELAJAR DI NEGERI SABAH

MUHAMAD OMAR
RT 577.071 MUH

ABSTRAK KAJIAN

Pembangunan mampan akan tercapai sekiranya murid dapat mengaplikasi elemen kelestarian dalam kehidupan sehariannya. Realitinya, ini boleh diterjemahkan dengan sokongan elemen media dan faktor galakan kemanusiaan melalui Pendidikan Alam Sekitar yang terdapat dalam mata pelajaran Sains. Justeru, kajian ini bertujuan melihat sejauh mana faktor Pusat Sumber Sekolah (PSS), Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT) dan galakan suri teladan boleh menjadi dorongan kepada murid sebagai individu yang celik alam sekitar. Persampelan rawak berkelompok dan rawak mudah yang digunakan dalam kajian ini memperoleh sejumlah 400 orang responden dalam kalangan murid tingkatan 5 yang mengambil mata pelajaran Sains Am di beberapa sekolah menengah bandar bagi setiap daerah di Sabah. Pendekatan kuantitatif dengan kaedah tinjauan dalam kajian ini menuntut penggunaan soal selidik dan kertas ujian (UPCAS) sebagai instrumen bagi mengumpul data kajian yang dikehendaki. Hasil kajian mendapati pemboleh ubah tak bersandar iaitu PSS < ICT dan suri teladan serta pemboleh ubah bersandar kajian iaitu celik alam sekitar memperoleh tahap tinggi. Kajian ini juga mendapati hanya faktor demografi khususnya penyertaan murid dalam kelab atau persatuan sahaja yang menunjukkan perbezaan yang signifikan pada celik alam sekitar. Selain itu, PSS, ICT dan suri teladan didapati mempamerkan hubungan yang positif dengan celik alam sekitar. Ujian regresi berganda menunjukkan hanya ICT dan suri teladan memberikan pengaruh terhadap celik alam sekitar. Rumusan daripada kajian ini ialah unsur PSS, ICT dan suri teladan memberikan pengaruh dan implikasi yang baik dalam menterjemahkan individu yang celik alam sekitar. Akhirnya, kajian ini memberikan beberapa cadangan untuk meningkatkan kemenjadian individu yang celik alam sekitar dalam kalangan murid pada semua peringkat.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan perbincangan hasil dapatan kajian, dapatlah disimpulkan bahawa kajian ini mendapati ketiga-tiga pemboleh ubah bebas seperti Pusat Sumber Sekolah (PSS), teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta suri teladan menunjukkan bacaan tahap, perbezaan, hubungan dan pengaruh yang signifikan terhadap kemenjadian celik alam sekitar (CAS) dalam kalangan murid tingkatan lima di negeri Sabah. Hal ini menunjukkan bahawa dapatan kajian ini menepati kerangka konseptual yang telah ditetapkan lebih awal oleh pengkaji, selain dijadikan sebagai panduan dan bimbingan kepada pengkaji semasa menjalankan kajian ini. Diharapkan kajian ini memberi sumbangan ilmiah terhadap pihak tertentu bagi menentukan cara berfikir dan bertindak dalam pelbagai medium untuk menghasilkan individu yang celik alam sekitar.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti berikut:

1. Kajian ini berfokuskan kepada responden yang terdiri daripada murid sekolah menengah yang menuntut di negeri Sabah. Pengkaji lain dituntut untuk menyesuaikan kajian ini dengan tahap perkembangan murid apabila memilih responden dalam lingkungan umur yang berbeza sama ada dalam peringkat prasekolah, sekolah rendah mahupun yang menuntut di institut pengajian tinggi. Pengkaji juga boleh menggunakan asas demografi responden yang berlainan apabila meletakkan kajian yang hampir serupa di negeri lain atau negara luar. Perkara ini penting untuk melihat adakah faktor umur dan kematangan, faktor masa dan jenis kaedah yang bersesuaian dengan keperluan kajian dan kekangan lain seperti kemahiran instrumen kajian atau kaedah kajian, faktor domestik dan sebagainya.
2. Dalam kajian ini, murid sekolah menengah yang terpilih dijadikan sebagai responden kajian. Oleh itu, maklumat dan data yang diperolehi adalah semata-mata gambaran dan persepsi yang diletakkan melalui mata kasar dan takrifan minda murid tersebut. Ini menggambarkan bahawa respon dan maklumat ini hanya berdasarkan satu pihak sahaja. Maka, untuk kajian yang selanjutnya, dicadangkan agar pengkaji lain memilih responden lain seperti guru, guru besar atau pengetua, ibu bapa mahupun pihak pemegang polisi yang berwajib seperti KPM untuk melihat corak yang pelbagai dari variasi respon yang mewakili golongan tersebut. Kaedah triangulasi ini telah menunjukkan hasil yang mendalam dan tepat bagi menjawab soalan kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji lain nanti.



TEACHER IDENTITY AND PEDAGOGICAL CONTENT KNOWLEDGE IN GRAMMAR TEACHING AMONG ESL PRIMARY SCHOOL TEACHERS

NORHAKIMAH KHAIESSA AHMAD
RT 371.102 NKA

ABSTRACT

This study explored how teachers who are engaged with young learners used self-constructed metaphors to conceptualise their identity in grammar teaching. The examination of teacher identity was conducted through qualitative approach. Three experienced teachers were involved in this study. Employing a multiple case study design, data sources were collected from semi-structured interviews, stimulated recall interviews, lesson observations, observation field notes, and Picture Perfect (teaching metaphors reflected in the form of pictures). To answer each research question, data were analysed through coding, categorizing, and identifying sub-themes for the development of the main theme. The findings revealed that teacher as Structural Builder emerged as the primary role in grammar teaching. The sub-identities of knowledge provider, chef, planner, diagnostician, and gem carver illustrated the participants planned, designed, and occasionally modified the grammar tasks to enhance children's understanding and enable them to construct the structure of grammar items before they used it in written or spoken form. Teacher as Classroom Manager was the secondary role in grammar teaching. The sub-identities included the roles of manager, mother, and juggler, wherein teachers adopted these roles to manage both lessons and pupils in grammar lessons. These findings imply that identities were individually constructed on a moment-to-moment basis and evolved based on the pedagogical techniques and grammar tasks. All teachers practised balanced knowledge of learners and self. This outcome exhibits that the construction and negotiation of identities were accomplished by teacher-pupil interactions, classroom practices, personal language learning experience, and balanced knowledge of learners and self. This study benefits the stakeholders due to the pressing need for continuing professional development programme to cultivate self-understanding among in-service teachers in structuring their pedagogical reasoning and raising awareness of factors that may impede or facilitate identity development in grammar teaching. It is recommended that further examination on the primary and secondary role identities among teachers of young learners in grammar teaching is conducted in different type of primary school.

SUMMARY OF FINDINGS

There are two clusters of teachers' professional role identities in grammar teaching:


- i. **Teacher as Structural Builder (primary role)**
Teachers' expected role in grammar teaching reflects careful planning, designing and overseeing the process of building stable and secure grammar structures by taking into account the pupils' cognitive, affective and existing knowledge about grammar as parts of the teaching process.
- ii. **Teacher as Classroom Manager (secondary role)**
Teachers' adopted role in grammar teaching is managing the lessons and pupils for meaningful learning. Apart from teaching grammar structure, the teachers also displayed managerial skills in managing time, choosing instructional strategies to engage learning and showing strong empathy by giving equal learning opportunities.

The teachers displayed balanced knowledge of learners and self. The balance between social and cognitive knowledge of learners, as well as self as personal and self as professional, led to the enactment of identities in teaching practice and teacher-pupil interactions. Identity influenced the enactment of Pedagogical Content Knowledge (PCK) and it was evident in the multiple interactions among PCK categories within each teaching episode in a lesson.

RECOMMENDATIONS FOR FURTHER RESEARCH

Some recommendations for future research are as follows:

1. In this study, the participants were experienced teachers, from two high-performing schools, who have served for more than 12 years in the national primary school setting. Future studies can involve other type of national schools, such as school in hospital, teachers who are directly involved in teaching children with chronic and terminal illness in the hospital. Additionally, future studies can also include the national types of primary school; Sekolah Jenis Kebangsaan Cina and Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, as different school context may provide different descriptions of subject-specific teacher identities.
2. To further enhance the quality of training during teacher education programme among the teacher educators, it would be appealing to explore how the primary and secondary professional roles in grammar teaching are congruent or divergent with the present sub-identities that reflect the teachers' identity.
3. The study was conducted in the 21st century classrooms that were equipped with internet access, desktop computer, television, LCD projector and pupils' workstation. However, there are various types of other primary classrooms settings which slightly different from the mainstream such as small classroom at the low enrolment schools, classes of special needs children such as autism, dyslexia and down syndrome as well as classes of children with physical impairments. Assessing various classroom settings adds to the literature of teacher identity in understanding the effect of such contextual factors on the construction of teacher identity. Future studies may also focus on settings where these resources are not at all available (for example in remote or rural areas) in order to investigate how teachers develop their identities in such settings.

- 
4. The data collection for this study was conducted within six months, which might be inadequate to investigate the development of teacher identities. Thus, future studies can include a longitudinal approach in order to explore the construction, negotiation and the evolution of identities as a complex phenomenon. The transformation or development of identities over time can also include the potentially changing of internal (for example emotion) and external (for example life experiences, institutional contexts, job expectations) factors. Longitudinal studies seem to be a feasible approach to affirm if one's identities are contested or resisted, or to investigate and frame the scale of context for identities that may either change or remain stable. A longer time frame, such as observing over an academic year, may also provide rich and thick data description to illustrate the process of identity transformation.



THE RELATIONSHIPS AMONG PRINCIPALS' INSTRUCTIONAL LEADERSHIP, TEACHERS' INSTRUCTIONAL PRACTICES AND PERFORMANCE OF RURAL PUBLIC SECONDARY SCHOOLS IN MALAYSIA

MAHIDAH AB WAHAB
RT 371.2012 MAH

ABSTRACT

This study investigated the relationships between principals' instructional leadership, teachers' instructional practices and performance of rural public secondary schools in Malaysia. The respondents of this study were 379 teachers from rural public secondary schools in Malaysia. Multi-stage cluster sampling was used to select the respondents. The quantitative data was collected through a questionnaire survey. Data collected was screened and cleaned before the validity and reliability of the questionnaire was determined. The data was subjected to descriptive and inferential analyses. Descriptive analysis indicated that the levels of principals' instructional leadership, teachers' instructional practices, and the rural public secondary schools, overall and according to regions were high. The research finds that the overall level of principals' instructional leadership is high (mean = 4.023, SD = 0.313), teachers' instructional practices is high (mean = 3.868, SD = 0.454) and performance of rural public secondary schools (mean = 5.402, SD = 0.506). Pearson product moment correlation analyses showed a negative and significant relationship between principals' instructional leadership practices and performance of rural public secondary schools where $r = -0.266$ and $\text{sig} = 0.000$ ($p < 0.05$). There is also a significant relationship between teachers' instructional practices and performance of rural public secondary schools, where $r = -0.316$ and $\text{sig} = 0.000$. Based on the multiple regression analyses, the dimensions under principals' instructional leadership that significantly predict school performance are managing instructional program and creating a positive school climate. For teachers' instructional practices, all three dimensions: instructional strategies, teaching techniques, and instructional materials and tools, are the significant predictors of school performance. The findings of this study support both the principals' instructional leadership theory and contingency theory, and further illuminate that principals' instructional leadership and teachers' instructional practices are catalysts in achieving the nation's aspirations for improved performance of rural public secondary schools.

SUMMARY OF FINDINGS

Findings showed the overall level of principals' instructional leadership (PIL) was high, and it was also noted that the levels for individual regions were also high. This indicated that, from the perception of teachers, principals were actively engaged in carrying out instructional leadership which contributes to the performance of the rural public secondary schools. As for teachers' instructional practices, the overall level was high, and the levels according to individual regions were also high.

Thus, findings also established that principals' instructional leadership had significant relationship with performance of rural public secondary schools. This signifies that the role of principals goes beyond being administrative leaders; they are instructional leaders who are responsible for developing the standard of teaching and learning in their schools, and Malaysian Educational Blueprint (2013-2025) in transforming the teaching profession and creating a culture of excellence in teacher professionalism in school.

Besides, the findings of this study also implied that teachers in rural public secondary schools were encouraged to improve instructional time by using new skills and concepts during their class time. As instructional leaders, the principals should always lead their followers especially the teachers to gather knowledge to ensure continuous development of themselves and their students.

Furthermore, the findings reveal that principals in these investigated schools have shown their guidance for improving the teaching and learning practices in schools. A good teacher in a classroom embraces best practices for performance of rural public secondary schools. A good instructional technique motivates learners by engaging them in the learning process, stimulate thinking and reasoning by encouraging learners to reflect on what they are learning, why they are learning it, and aim at achieving desired outcomes in the learner. The difference between creative and uninspired teaching is determined by the techniques teachers use in teaching to change the attitudes, values, knowledge, and skills of learners.

Study shows that principals as instructional leaders can build a supportive school culture. Principals may undertake some steps to train teachers to practise teamwork and inculcate a culture of lifetime learning and promoting positive relationships among all school members. There is an indication that teachers in this study have engaged in best practices in their classrooms. Since school is a social organisation, it is required to establish assets to develop smooth running within classrooms in these schools. Since teachers are assets to create and cultivate today's children for future national growth, hence, the schools progress is dependent on teacher quality.

From these findings, some detailed ongoing programs that can be worked out to increase the performance of rural public secondary schools in Malaysia are:

- i. The School Improvement Specialist Coach Plus, SIP or SISC+ program has been suggested as an in-situ Continuous Professional Development (CPD) measure to improve teaching and learning in Malaysian schools should cover rural public secondary schools.
- ii. The current Transformational Schools (2025) or TS25 if carried out effectively should update the criteria of rural public secondary schools.
- iii. Professional Learning Community is a good method and must be practised to foster collaborative learning among teacher communities in rural public secondary schools.

- iv. Performance dialogue that includes data analysis and decision made based on data from all schools and to emphasize on rural public secondary schools should be conducted.
- v. Rural Development policy in the *Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)* or the Orang Asli Development Department should incorporate education programmes.

RECOMMENDATIONS FOR FURTHER RESEARCH

Some recommendations for future research are as follows:

1. Future studies in this field could focus on comparative studies of Principals' Instructional Leadership and Teachers' Instructional Practices between urban and rural regions or within states and countries. This will broaden the scope of population.
2. The researcher recommends that future research should use mixed methods, both qualitative and quantitative, in order to obtain a detailed outcome based on surface and deep data gathered through various qualitative and quantitative instruments.
3. Even though there are differences between the levels of instructional leadership practices among the principals in comparison to other past studies, it is found that the differences in those studies are due to the difference in populations and selected research samples. Besides, it could also be associated to demographic factors such as gender, age, school-grade differences, and types of school, teachers' and principals' educational levels. It is recommended for future researchers to look into these matters in detail and in-depth when conducting studies on the level of instructional leadership practised and teachers' instructional practices.
4. Aminuddin Baki Institute (IAB) has developed various training programmes for improving the competency of leadership practices of school leaders. The results of this study found that principals have to take some initiatives to frame and communicate school goals and mission effectively. Therefore, further research might preferably address the effectiveness of alternative leadership training programs and instructional leadership practices that focuses on communicating school goals and mission effectively.
5. The findings of this study suggest that principals' instructional leadership have an influence on performance of rural public secondary schools. This study used Hallinger and Murphy's model (1985). Future research might use other leadership Models to investigate the impact of leadership on the performance of rural public secondary schools.
6. The sample of this study only focused on rural public secondary school teachers from West Malaysia. It is recommended that future research include schools from both East and West Malaysia. Further research might also investigate other education levels, such as primary or elementary schools or universities to add to the growing body of knowledge in the field. Another approach might explore comparative case studies of schools using instructional leadership practices and teachers' instructional practices and the consequential effect on learning.
7. Future research could also include the influence of other members of the school management team, such as vice principals, or a curriculum leader or head of different committee or team leader of teachers. This will widen the perspectives explored on the influence of principals' instructional leadership and teachers' instructional practices on the performance of rural public secondary schools.



KESAN PENDEKATAN PENGAJARAN KOLABORATIF TERHADAP PENGUSAHAAN LITERASI MENULIS BAHASA MELAYU MURID BERMASALAH PEMBELAJARAN

MOHD ASNORHISHAM ADAM
RT 371.9 MAA

ABSTRAK KAJIAN

Penguasaan literasi menulis bahasa Melayu dalam kalangan murid masih menghadapi banyak masalah dan cabaran. Oleh itu, isu kritikal ini perlu ditangani dengan melaksanakan pendekatan yang sesuai dan berimpak. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji keberkesanan penggunaan pendekatan pengajaran kolaboratif terhadap penguasaan literasi bahasa Melayu dalam kalangan murid yang mempunyai masalah pembelajaran. Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah kuasi eksperimen yang mana pendekatan pengajaran kolaboratif digunakan untuk kumpulan eksperimen berbanding dengan pendekatan pengajaran konvensional untuk kumpulan kawalan. Kajian ini dilaksanakan di sebuah sekolah rendah di daerah Pasir Gudang yang melibatkan sampel kajian seramai 68 orang murid tahun dua yang dibahagikan kepada kumpulan eksperimen (35 orang murid) dan kumpulan kawalan (32 orang murid). Data kuantitatif yang digunakan dalam kajian ini dikumpul menerusi ujian pra dan pasca serta temu bual digunakan bagi data kualitatif. Min dan ujian-t digunakan untuk pengujian hipotesis yang dibina. Manakala data kualitatif diperolehi melalui temu bual separa berstruktur daripada kumpulan eksperimen dan dianalisis menggunakan kaedah tematik. Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan eksperimen yang menggunakan pendekatan pengajaran kolaboratif dengan kumpulan kawalan yang menggunakan pendekatan konvensional dalam pencapaian keseluruhan literasi menulis bahasa Melayu. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan pendekatan pengajaran kolaboratif mampu meningkatkan tahap penguasaan literasi menulis bahasa Melayu dengan berkesan. Selanjutnya hasil kajian juga menunjukkan bahawa tahap kesukaran kemahiran literasi bahasa Melayu adalah pada bahagian menulis perkataan yang mengandungi gabungan suku kata Konsonan Vokal dan Konsonan (KVKK), digraf, vokal berganding dan diftong. Satu rancangan pengajaran harian dan senarai (*headcount*) pendekatan pengajaran kolaboratif telah dibina daripada hasil kajian ini serta memberi kesan terhadap peningkatan penguasaan literasi menulis bahasa Melayu murid bermasalah pembelajaran.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kumpulan eksperimen yang menerima rawatan iaitu PdPc dengan menggunakan pendekatan pengajaran kolaboratif mencatatkan peningkatan pada peringkat ujian pasca berbanding penguasaan rendah atau belum menguasai sebelumnya pada peringkat ujian pra. Sementara itu, bagi kumpulan kawalan yang menggunakan pendekatan sedia ada mencatatkan tahap yang sederhana pada peringkat ujian pasca dan tahap ini tidak berubah pada peringkat ujian pra. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa tahap kesukaran kemahiran literasi bahasa Melayu adalah pada bahagian menulis perkataan yang mengandungi gabungan suku kata Konsonan Vokal dan Konsonan (KVKK), digraf, vokal berganding dan diftong. Satu rancangan pengajaran harian dan senarai (*headcount*) pendekatan pengajaran kolaboratif telah dibina daripada hasil kajian ini serta memberi kesan terhadap peningkatan penguasaan literasi menulis bahasa Melayu murid bermasalah pembelajaran. Kesimpulannya, pendekatan pengajaran kolaboratif dapat membantu meningkatkan tahap penguasaan literasi menulis bahasa Melayu murid.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti berikut:

1. Kajian ini terhad atau hanya memberi fokus kepada dua model secara gabungan yang diperkenalkan oleh *Cook and Friend* (2010) di mana seorang mengajar dan seorang membantu secara pengajaran berpasukan. Justeru, kajian selanjutnya dicadangkan diperluaskan kepada model-model lain dalam kelas aliran perdana.
2. Kemahiran literasi bahasa Melayu dalam kajian ini berfokus kepada aspek penguasaan kemahiran menulis sahaja, maka kajian selanjutnya boleh difokuskan atau digabungkan dengan kemahiran lain seperti membaca, aspek tata bahasa dan seni bahasa serta kemahiran mendengar dan bertutur. Dicapangkan juga agar pendekatan ini diuji kepada mata pelajaran atau bidang lain dalam pendidikan.
3. Kumpulan sampel kajian juga boleh ditambah atau diperluaskan dalam kalangan guru dan murid beserta jenis sekolah. Dalam kajian ini, sampel hanya khusus kepada murid di sekolah kebangsaan sahaja dan guru sebagai pemudah cara. Jenis sekolah melibatkan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil atau dibandingkan mengikut jenis kumpulan sampel. Guru dalam kajian ini melibatkan GPK dan GLBM sahaja. Justeru, kajian selanjutnya dicadangkan dijalankan dalam kalangan guru aliran perdana atau melibatkan pihak lain seperti pentadbir, pembimbing, pegawai PPD/JPN/KPM dan pakar bidang tertentu dalam pelbagai disiplin.



PEMBANGUNAN MODEL PENERIMAAN GeSVa DALAM m-PEMBELAJARAN INSTITUT PENDIDIKAN GURU

MUHAMMAD FARIDUDDIN WAJDI ANTHONY
RT 370.711 MFW

ABSTRAK KAJIAN

Kajian ini bertujuan membangunkan Model Penerimaan GeSVa (*Generic Skills and Values*) dalam m-Pembelajaran dalam konteks guru pelatih Institut Pendidikan Guru di Malaysia. Penyelidikan ini menggunakan kajian Reka Bentuk dan Pembangunan (*Design and Development Research-DDR*) dan objektif kajian penyelidikan adalah untuk mengenal pasti keperluan elemen kemahiran generik dan nilai dalam model penerimaan m-Pembelajaran, membangunkan model penerimaan yang berasaskan kemahiran generik dan nilai serta menilai penerimaan dan kebolegunaan model yang dibangunkan. Pembinaan model ini berasaskan Teori Penerimaan Bersepadu dan Penggunaan Teknologi (UTAUT) oleh Venkatesh (2003), manakala kemahiran generik berasaskan Model Sumber Pembangunan Manusia oleh McLagan (1989) dan aspek nilai pula adalah bersandarkan Teori Sumber Pembangunan Manusia oleh Swanson (2001). Fasa satu kajian iaitu analisis keperluan melibatkan penggunaan soal selidik yang dijalankan ke atas 234 guru pelatih Institut Pendidikan Guru di Malaysia untuk mendapatkan maklumat tentang keperluan kemahiran generik dan nilai dalam model penerimaan. Temu bual terhadap lima orang pakar dijalankan untuk mendapat pandangan dan persetujuan pakar terhadap rasionalisasi pembinaan model. Data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif menggunakan IBM *Statistical Packages for the Social Sciences* (SPSS) versi 22.0 dan temu bual pakar dianalisis berdasarkan analisis tematik. Dapatan keseluruhan fasa pertama menunjukkan bahawa purata skor min persetujuan bagi keperluan elemen utama dan item dalam model adalah tinggi ($\text{min}=4.239$). Hasil temu bual pakar pula menunjukkan persetujuan semua pakar dengan kemahiran generik dan aspek nilai sebagai keperluan kepada pembinaan model. Fasa kedua dalam kajian pembangunan model menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM) dan *Interpretive Structural Modelling* (ISM) melibatkan 25 pakar dalam FDM dan 11 pakar dalam ISM. Dalam fasa kedua dapatan konsensus pakar menunjukkan kesemua konstruk model mencapai konsensus pakar iaitu melebihi 75% kesepakatan pakar, nilai *threshold* (d) adalah kurang daripada < 0.2 dan *defuzzification* (Amax) melebihi > 0.5 seperti yang telah ditetapkan. Fasa ketiga adalah fasa penilaian penerimaan dan kebolegunaan model GeSVa yang telah dijalankan melibatkan temu bual dengan dua orang pensyarah dan tiga orang guru pelatih. Dapatan fasa ketiga menunjukkan bahawa responden berpuas hati dengan penggunaan model penerimaan yang berasaskan kemahiran generik dan nilai dari aspek penerimaan, kebolegunaan dan pembelajaran. Secara keseluruhan dapatan kajian mendapati bahawa elemen GeSVa menyumbang kepada penerimaan m-Pembelajaran di Institut Pendidikan Guru.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Secara keseluruhannya, kajian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji adalah bagi mencapai objektif kajian iaitu untuk membina model penerimaan m-Pembelajaran berasaskan kemahiran generik dan nilai dalam konteks pelajar di Institut Pendidikan Guru (IPG) di Malaysia. Kajian reka bentuk dan pembangunan model melibatkan tiga fasa utama iaitu fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan pembangunan model dan fasa penilaian penerimaan dan kebolehgunaan model.

Dalam fasa I, kajian tinjauan dijalankan terhadap pelajar IPG seramai 24 orang. Manakala pada bahagian kedua, melibatkan temu bual dengan lima orang pakar terhadap keperluan membangunkan model penerimaan m-Pembelajaran yang berasaskan kemahiran generik dan nilai di IPG.

Dalam fasa II, bagi reka bentuk elemen dalam model, kajian literatur digunakan untuk memperoleh sumber. Bagi penganalisan data, kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM) digunakan melibatkan 25 orang responden terdiri daripada pakar dalam pelbagai bidang yang disesuaikan dalam konteks kajian. Dapatan yang diperolehi daripada reka bentuk elemen model mendapati kesemua 25 orang pakar mencapai kesepakatan terhadap elemen yang dihasilkan dan sesuai untuk dibentuk menjadi model.

Dalam fasa III, iaitu fasa penilaian dan kebolehgunaan model, dua orang pensyarah dan tiga orang pelajar IPG bertindak sebagai responden. Dapatan daripada temu bual dengan responden terhadap penerimaan kepada model penerimaan GeSVa dalam m-Pembelajaran di IPG yang dibangunkan adalah positif. Model GeSVa yang mengaplikasikan m-Pembelajaran sebagai medium dalam PdP adalah relevan dengan pedagogi dalam pembelajaran abad ke-21.

Penemuan terpenting dalam kajian ini adalah aspek kemahiran generik dan nilai yang memainkan peranan penting dalam penentuan kepada penerimaan m-Pembelajaran di IPG, disamping pembangunan model penerimaan m-Pembelajaran yang berteraskan pemboleh ubah kemahiran generik dan nilai yang kurang diterokai sebelum ini. Hal ini adalah sejajar dengan perkembangan tamadun manusia yang bukan sahaja berkembang maju dari aspek teknologi malahan perlu seiring dengan nilai etika dan nilai kemanusiaan dalam menjalani kehidupan seharian.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti berikut:

1. Dalam pembangunan model ini, terdapat satu teori dan dua model digabungkan iaitu teori *Human Resource Development* (HRD), Model HRD dan Model *Unified Theory of Acceptance and Use of Technology* (UTAUT) bagi membentuk model penerimaan GeSVa dalam m-Pembelajaran. Pengkaji akan datang disarankan supaya menggunakan teori yang lain untuk dikaitkan dan diuji dalam konteks kajian akan datang. Sehubungan dengan itu, penggabungan teori-teori yang lain dengan teori ini boleh dilakukan oleh pengkaji dalam membangunkan satu kerangka model yang lebih komprehensif bagi menghuraikan dan menggambarkan penerimaan m-Pembelajaran dalam kalangan mahasiswa di Malaysia.

2. Kajian ini hanya menggunakan dua pemboleh ubah baharu iaitu konstruk kemahiran generik dan nilai yang diuji dalam konteks pelajar IPG. Justeru, pengkaji akan datang dicadangkan untuk menggunakan pemboleh ubah yang lain untuk duji dan boleh digeneralisasikan dalam konteks mahasiswa.
3. Kajian ini secara spesifiknya hanya menggunakan sampel yang terdiri daripada pelajar (guru pelatih) IPG dari Zon Utara di Semenanjung Malaysia sahaja. Oleh itu, pengkaji akan datang dicadangkan untuk memperluaskan skop kajian kepada pelajar (mahasiswa) Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Malaysia atau membuat perbandingan dengan negara lain. Memandangkan sampel kajian hanya melibatkan guru pelatih peringkat sarjana muda sahaja, dicadangkan agar pengkaji selanjutnya supaya memperluaskan skop kajian kepada mahasiswa peringkat sarjana dan doktor falsafah agar kajian dapat mewakili sampel yang lebih menyeluruh.



MODEL PENGETAHUAN MATEMATIK UNTUK PENGAJARAN GURU PRA PERKHIDMATAN DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU

MUHAMAD NAZRI ABDUL RAHMAN
RT 370.711 MNA

ABSTRAK KAJIAN

Isu terhadap penguasaan pengetahuan matematik yang rendah dalam kalangan guru pra perkhidmatan telah menimbulkan persoalan terhadap keberkesanan program pendidikan guru matematik yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh pihak Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). Kajian ini telah dijalankan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan pengetahuan matematik untuk pengajaran (PMUP) dalam kalangan guru pra perkhidmatan di Institut Pendidikan Guru (IPG). Pengaruh faktor kepercayaan matematik (KM), kepercayaan efikasi pengajaran matematik (KEPM) dan peluang untuk belajar (PUB) telah diuji bagi menjelaskan faktor mempengaruhi PMUP. Kajian kuantitatif menggunakan reka bentuk kolerasi telah dijalankan ke atas 132 orang guru pra perkhidmatan di IPG seluruh negara. Data-data kajian telah dipungut dengan menggunakan borang soal selidik dan ujian pensel dan kertas yang diadaptasi daripada kajian lepas. Teknik analisis data deskriptif telah dijalankan menggunakan perisian SPSS versi 23, manakala analisis inferensi pula telah dijalankan menggunakan teknik analisis Pemodelan Kuasa Dua Terkecil Separa (PLS-SEM). Perisian SmartPLS 3.0 telah digunakan untuk menguji model pengukuran dan model struktural kajian. Berdasarkan analisis deskriptif yang telah dijalankan, didapati tahap penguasaan PMUP dalam kalangan guru pra perkhidmatan di IPG adalah pada tahap sederhana (Min=54.98, S.P=7.49). Skor minimum yang diperolehi adalah 41% manakala skor maksimum pula adalah sebanyak 75%. Tahap kepercayaan matematik, KEPM dan peluang untuk belajar pula adalah sederhana tinggi dengan (Min=3.16, S.P=0.418), (Min=3.24, S.P=0.483) dan (Min=3.92, S.P=0.453) masing-masing. Selain itu, berdasarkan analisis yang telah dijalankan didapati faktor kepercayaan matematik mempunyai hubungan yang signifikan dengan PMUP ($\beta=0.486$, $t=7.703$, $p<0.001$). Dapatan daripada analisis yang telah dijalankan juga mendapati faktor KEPM mempunyai hubungan yang signifikan dengan PMUP ($\beta=0.290$, $t=5.144$, $p<0.001$). Seterusnya, didapati faktor peluang untuk belajar juga mempunyai hubungan yang signifikan dengan PMUP ($\beta=0.254$, $t=3.436$, $p<0.005$). Analisis lanjutan yang telah dijalankan mendapati faktor kepercayaan matematik dan KEPM berperanan sebagai perantara hubungan di antara PUB dengan PMUP secara signifikan. Selain itu, analisis lanjutan yang telah dijalankan juga turut mendedahkan bahawa faktor jantungina tidak berperanan sebagai moderator hubungan di antara KEPM dengan PMUP. Secara keseluruhannya, didapati model faktor yang mempengaruhi PMUP guru pra perkhidmatan yang telah dihasilkan ini adalah sah dan mempunyai kekuatan peramalan. Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, didapati ketiga-tiga faktor, iaitu KM, KEPM dan PUB telah menyumbang sebanyak 88.9% terhadap PMUP. Ini bermaksud, secara keseluruhannya model ini mempunyai kekuatan peramalan

yang besar. Kajian ini telah memberikan implikasi yang positif kepada teori dan amalan pendidikan matematik kerana telah berjaya menghasilkan sebuah model yang mampu meramal faktor-faktor mempengaruhi PMUP guru pra perkhidmatan. Selain itu, kajian ini juga turut memberikan sumbangan yang signifikan dari aspek empirikal dan metodologi kerana telah berjaya menguji peranan pemboleh ubah perantara dan moderator serta penggunaan pelbagai kaedah bagi memastikan item-item yang digunakan adalah sah dan boleh dipercayai. Selain daripada faktor-faktor yang diuji dalam kajian ini, faktor lain seperti status sosio ekonomi dan penglibatan dalam pengajaran dan penyelidikan juga turut didapati mempengaruhi penguasaan PMUP guru. Justeru terdapat keperluan untuk menjalankan kajian lanjutan pada masa akan datang dengan mengambil kira faktor yang telah dicadangkan bagi meningkatkan kekuatan peramalan model ini.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi pengetahuan Matematik untuk pengajaran dalam kalangan guru pra perkhidmatan di IPG. Berdasarkan analisis tahap PMUP yang telah dijalankan, didapati tahap PMUP dalam kalangan guru pra perkhidmatan di IPG secara purata adalah sederhana. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru pra perkhidmatan yang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Pendidikan Matematik Sekolah Rendah di IPG yang terlibat masih kurang menguasai PUMP dengan baik walaupun sudah berada pada semester akhir. Tahap penguasaan PUMP yang rendah dalam kalangan guru pra perkhidmatan telah menimbulkan persoalan berkaitan keberkesanan program pendidikan guru yang dilaksanakan oleh IPGM.

Dapatan kajian ini juga mendedahkan bahawa faktor utama yang mempengaruhi tahap penguasaan PUMP seseorang guru pra perkhidmatan adalah kepercayaan matematik. Penyediaan peluang untuk mengikuti program pendidikan guru yang koheren serta peluang untuk menjalani latihan mengajar oleh pihak IPG juga turut didapati telah mempengaruhi PUMP mereka secara positif. Justeru, pada masa akan datang dicadangkan supaya pihak IPG menyediakan lebih peluang untuk belajar kepada guru pra perkhidmatan bagi membantu mereka meningkatkan penguasaan PMUP.

Selain daripada faktor peluang untuk belajar, kedua-dua faktor KEPM dan KM juga didapati turut mempengaruhi PMUP seseorang guru pra perkhidmatan. Dapatan tersebut adalah selari dengan dapatan kajian terdahulu. Selain daripada mempengaruhi PMUP secara langsung, kedua-dua faktor kepercayaan guru tersebut didapati berperanan sebagai perantara hubungan antara PUB dengan PMUP. Justeru, pada masa akan datang, kedua-dua faktor kepercayaan guru tersebut perlu dititikberatkan dalam usaha memperkasakan pendidikan guru. Dapatan daripada analisis yang dijalankan mendapati bahawa faktor jantina tidak berperanan sebagai moderator hubungan kedua-dua pemboleh ubah tersebut.

Secara keseluruhannya, didapati model faktor yang mempengaruhi PMUP guru pra perkhidmatan yang dihasilkan ini adalah sah dan mempunyai kekuatan peramalan. Berdasarkan analisis yang dijalankan, didapati ketiga-tiga faktor iaitu KM, KEPM dan PUB telah menyumbang sebanyak 88.9 peratus terhadap PMUP. Ini bermaksud bahawa secara keseluruhannya, model ini mempunyai kekuatan peramalan yang besar. Justeru, terdapat keperluan untuk menjalankan kajian lanjutan pada masa akan datang dengan mengambil kira faktor yang telah dicadangkan bagi meningkatkan kekuatan peramalan model.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti berikut:

1. Kajian ini hanya memfokuskan faktor-faktor yang mempengaruhi PMUP dalam kalangan guru pra perkhidmatan sahaja. Justeru, pengkaji akan datang dicadangkan memperluaskan skop kajian kepada guru Matematik dalam perkhidmatan dan pensyarah Matematik di IPG dan IPTA.
2. Kajian ini dicadangkan juga untuk diperluaskan kepada guru pra perkhidmatan dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak dan pemulihan. Hal ini kerana kedua-dua bidang tersebut turut memerlukan penguasaan PMUP dalam melaksanakan pengajaran mereka.
3. Dari sudut pengujian model pula, dicadangkan pada masa akan datang pengujian faktor seperti status sosio ekonomi dan penglibatan dalam pengajaran dan penyelidikan (*teaching and research*) digunakan sebagai pemboleh ubah yang mempengaruhi PMUP. Hal ini kerana menurut Totto et al. (2015) faktor status sosio ekonomi turut mempengaruhi penguasaan PK dan PPK guru pra perkhidmatan. Sementara itu, kajian oleh Mu et al. (2018) pula mendapati faktor penglibatan dalam pengajaran dan penyelidikan turut mempengaruhi pengetahuan seseorang guru. Justeru, pada masa akan datang dicadangkan kedua-dua faktor tersebut dimasukkan dan diuji dalam model faktor-faktor yang mempengaruhi PMUP guru pra perkhidmatan.
4. Daripada aspek peluasan konstruk, dicadangkan kajian selanjutnya memasukkan konstruk kepercayaan epistemologi sebagai salah satu konstruk untuk mengukur kepercayaan matematik guru selain daripada kepercayaan berkaitan pengajaran dan pembelajaran. Bagi konstruk peluang untuk belajar pula, selain daripada PUB-Praktikum dan PUB-Program, dicadangkan untuk kajian akan datang dimasukkan konstruk peluang untuk belajar kandungan matematik (PUB-Kandungan), peluang untuk belajar pedagogi umum (PUB-Pedagogi umum) dan peluang untuk belajar pedagogi matematik (PUB-Pedagogi matematik) sebagai konstruk untuk mengukur pemboleh ubah PUB).
5. Penyelidikan akan datang juga dicadangkan turut menguji model struktural hubungan antara faktor kepercayaan matematik dengan kepercayaan efikasi pengajaran matematik. Menurut Chrystomus (2010) kepercayaan efikasi seseorang guru juga dipengaruhi oleh faktor kepercayaan epistemologi. Selain itu, dapatan kajian oleh Briley (2012) turut mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kepercayaan matematik dengan KEPM. Justeru, selain daripada menguji kedua-dua faktor tersebut sebagai pemboleh ubah yang mempengaruhi PMUP secara langsung, dicadangkan agar pada masa akan datang pengaruh faktor KEPM diuji sebagai perantara hubungan antara kepercayaan matematik dengan PMUP.



MODEL INTEGRASI DISIPLIN STEM (MIDI-STEM) DALAM KALANGAN SAINTIS DI SEBUAH UNIVERSITI AWAM MALAYSIA

MOHD RAZIP BAJURI
RT 507.1 MRB

ABSTRAK KAJIAN

Fenomena integrasi disiplin Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) merupakan fenomena global dalam dunia pendidikan. Namun begitu kurangnya kefahaman yang membina pemikiran terhadap konsep dan dimensi melibatkan aspek ontologi, epistemologi dan aksiologi STEM telah menyebabkan timbulnya masalah integriti setiap disiplin ilmu dalam disiplin STEM yang ingin ditonjolkan. Dalam hal tersebut, saintis universiti awam telah dikenal pasti antara mereka yang sinonim dengan pendekatan STEM melalui penggunaan pemodelan matematik. Oleh itu, kajian ini telah dijalankan dengan sokongan teori metakognitif, konstruktivisme dan perkembangan kognitif sosial untuk meneroka Model Integrasi Disiplin STEM (MIDI STEM) dalam kalangan saintis yang pernah menggunakan pemodelan matematik. Untuk tujuan tersebut kaedah kajian kualitatif bentuk fenomenologi dengan mengekalkan kepelbagaian konsep dan dimensi yang muncul telah digunakan. Melalui kaedah tersebut peserta kajian telah dipilih secara bertujuan dan satu set protokol yang mengandungi panduan temu bual separa struktur, senarai semak pemerhatian serta dokumen telah dihasilkan dan disemak oleh pakar. Teknik analisis tema berdasarkan strategi untuk menerbitkan konsep dan dimensi digunakan dalam membina MIDI-STEM. Dengan mengaplikasikan kaedah yang telah dipilih, tanda ketepuan data telah dicapai pada bilangan peserta yang ketujuh. Seterusnya melalui teknik perbandingan data secara berterusan, sebanyak enam konsep dan lapan dimensi telah muncul. Tiga daripadanya dalam bentuk konsep kerja manakala tiga lagi dalam bentuk konsep pemikiran manakala lapan dalam bentuk dimensi penghasilan. Dengan mengekalkan kepelbagaian konsep dan dimensi, kesemua konsep dan dimensi yang muncul telah melalui proses pengesahan Cohen Kappa oleh dua orang pakar. Corak konsep dan dimensi yang terhasil akhirnya menghasilkan binaan MIDI-STEM yang menghubungkan antara konsep dan dimensi melalui interaksi yang berkaitan. Seterusnya MIDI-STEM yang diperoleh telah mengimplikasikan dua sumbangan dari aspek badan pengetahuan. Sumbangan pertama menghasilkan teori substantif yang dapat menjangkakan perubahan dimensi melalui proses mempraktikkan konsep yang dicadangkan. Sumbangan kedua pula adalah dari aspek praktikal yang mana MIDI-STEM mencadangkan tema-tema dalam bentuk konsep dan dimensi yang boleh digunakan untuk membangunkan kurikulum, mereka bentuk kursus profesionalisme, merancang pengajaran dan pembelajaran dan menghasilkan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran berkaitan integrasi disiplin STEM. Kesimpulannya, MIDI-STEM yang dihasilkan telah menawarkan penyelesaian terhadap permasalahan yang berpunca dari aspek konsep dan dimensi yang dihadapi oleh spektrum kumpulan sasar untuk mempraktikkan pendekatan integrasi STEM secara holistik. Seterusnya, kajian ini mencadangkan kajian lanjutan untuk menguji hipotesis yang dihasilkan dan mencadangkan pelaksanaan dengan peserta kajian yang lebih ramai dengan kepelbagaian data.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Kajian yang telah dijalankan dapat menjawab persoalan kajian tentang konsep dan dimensi integrasi disiplin STEM dan interaksi antara konsep dan dimensi yang muncul. Ia terdiri daripada enam konsep dan lapan dimensi yang kemudiannya dibentuk dalam satu model asas MIDi-STEM. Sebagai rumusan, kajian ini telah menemukan pengkaji dengan empat belas fenomena. Lapan fenomena dalam bentuk dimensi yang berupa ciri-ciri dan sifat yang menjelaskan corak integrasi disiplin STEM. Tiga fenomena adalah dalam bentuk konsep yang lebih bersifat konsep kerja. Tiga lagi fenomena adalah konsep yang lebih bersifat fenomena konsep pemikiran yang terbina setelah mencapai sesuatu fasa dimensi. Kesemua dimensi dan konsep yang diperolehi dapat dijelaskan mengikut teori metakognitif. Konsep dan dimensi telah diteroka dari aspek bagaimana ianya terbina dan berinteraksi, iaitu sama ada secara adaptasi, adopsi, sosialisasi dan secara intelektual. Kelapan-lapan dimensi tersebut dicadangkan untuk diterapkan dalam pembinaan kurikulum STEM dalam sesuatu PdPc STEM. Setiap konsep kerja dalam MIDi-STEM yang mengandungi prinsip-prinsip tertentu perlu diterapkan dalam sesuatu kurikulum atau pembangunan PdPc. Langkah penerapan konsep dan dimensi tersebut dilakukan agar tahap minat kumpulan sasar dalam kerjaya STEM dapat ditingkatkan dan seterusnya memberikan kefahaman, kesedaran dan kemahiran dalam bidang kerjaya pada masa hadapan.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti berikut:

1. Oleh kerana hasil daripada kajian ini masih berada pada tahap substantif, maka ia terbuka untuk ditambah baik agar suatu teori formal dapat dibina. Untuk tujuan tersebut, kajian perlu dijalankan bagi mengenal pasti beberapa konsep dan dimensi yang mana elemennya masih tidak mencapai tahap ketepuan data dan masih tidak mencapai triangulasi dari sumber data pemerhatian secara konsisten. Sekiranya kesemua konsep dan dimensi yang dicadangkan dapat dipastikan tahap konsisten, maka setiap fenomena integrasi STEM juga boleh dijelaskan dan diramal dengan lebih tajam hubungannya dengan konsep yang dicadangkan.
2. Satu kajian perlu dijalankan untuk memastikan agar konsep dan dimensi serta bagaimana konsep dan dimensi tersebut berinteraksi boleh berlaku dalam kalangan peserta yang berada dalam bidang yang lain. Ia juga boleh dijalankan pada tahap pencapaian yang berbeza, misalnya tahap pendidikan pada peringkat rendah, menengah, pengajian tinggi dan seterusnya kepada pensyarah dan penyelidik profesional.
3. Oleh kerana hasil kajian ini menghasilkan tema-tema dalam bentuk konsep dan dimensi yang bersifat asas yang bersumberkan data daripada peserta yang berpengalaman, maka kajian untuk membangunkan suatu modul PdPc atau kurikulum pendidikan STEM berasaskan model MIDi-STEM ini juga boleh dilakukan. Sebagai contoh, kajian pembinaan model pembelajaran STEM untuk membangunkan dimensi kompetensi dalam kerjaya STEM dengan menggunakan konsep gabung-jalin bidang ilmu.



PENILAIAN PENGGUNAAN PERANTI INPUT TANPA SENTUHAN TERHADAP KEMAHIRAN META KOGNITIF DALAM KALANGAN KANAK-KANAK

SUHAIRUN NIZAM SUPAL
RT 303.483083 SUH

ABSTRAK KAJIAN

Kajian ini bertujuan mengukur penggunaan peranti input tanpa sentuhan dalam meningkatkan kemahiran meta kognitif dalam kalangan kanak-kanak. Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian lapangan dilaksanakan dalam kajian ini. Data dari lapangan dikumpulkan menggunakan teknik temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Proses triangulasi dilakukan bagi mengesahkan data dari tiga teknik pengumpulan data yang dijalankan. Responden terdiri daripada sepuluh orang kanak-kanak berumur di bawah empat tahun dari Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Negara (NCDRC), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bersama empat orang guru taska. Data dianalisa menggunakan kaedah tipologi dengan pengkelasan data mengikut kategori bersistematik. Inventori Kesedaran meta-kognitif diadaptasikan sebagai instrumen kajian untuk menentukan tahap strategi kesedaran meta kognitif dalam kalangan kanak-kanak. Hasil menunjukkan penggunaan peranti input tanpa sentuhan meningkatkan kemahiran skil motor halus kanak-kanak dari segi pengawalan pergerakan tangan. Wujud perbezaan meta-tumpuan mengikut umur dan terdapat peningkatan meta-pemahaman dari aspek penerimaan dan adaptasi terhadap interaksi penggunaan peranti berkenaan. Hasil kajian menyatakan bahawa masih terlalu awal untuk menilai hubungan pengalaman kanak-kanak dalam setiap fasa meta kognitif yang dikaji (menilai, memantau dan regulasi). Hasil kajian ini turut menyokong teori Model Penerimaan Teknologi dari aspek meningkatkan kemahiran meta kognitif (menilai, memantau dan regulasi). Kesimpulannya, kajian ini telah mengenal pasti tiga tema utama iaitu meta-tumpuan, meta-pemahaman dan refleksi dalam memberi kesan yang positif terhadap peningkatan kemahiran meta kognitif. Kajian ini memberi implikasi bahawa peranti input tanpa sentuhan sesuai digunakan untuk meningkatkan kemahiran meta kognitif dan kemahiran motor halus dalam kalangan kanak-kanak.



RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Kajian ini mendapati bukan sahaja pembangunan meta kognitif kemahiran kanak-kanak meningkat, bahkan kemahiran motor halus mereka mula terbina dengan cara mereka mengawal pergerakan tangan mereka dengan gerakan asas kawalan motor halus. Begitu juga perkembangan sosio-emosi mereka juga menginjak ke tahap yang lebih baik dengan cara berinteraksi serta memberi tindak balas terhadap aktiviti bersama mengikut norma. Walaupun pada tahap umur mereka agak sukar menerima perspektif orang lain, tetapi mereka mula berperanan membantu dan menyusun strategi bersama-sama rakan sebaya.

Secara keseluruhannya, kajian ini telah membentangkan suatu spektrum heuristik tentang penilaian penggunaan peranti berkapasiti tanpa sentuhan terhadap kemahiran meta kognitif dalam kalangan kanak-kanak. Kajian ke atas penggunaannya membawa implikasi tentang peralihan paradigma terhadap penggunaan peranti berkapasiti tanpa sentuhan dan kesan kepada kanak-kanak dalam meningkatkan kemahiran meta kognitif dalam proses pembangunan kanak-kanak mengikut fasa untuk persediaan generasi Alfa.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti berikut:

1. Penggunaan peranti berkapasiti sentuhan ini boleh dilakukan penambahbaikannya dari segi penilaian aplikasi yang digunakan dan pada golongan sasaran pengguna.
2. Berdasarkan analisis terhadap model infusi yang digunakan serta soal selidik temu bual pada aspek reka bentuk yang diperolehi dalam kajian ini, penyelidik boleh membina sebuah instrumen piawai atau soal selidik dalam menilai keberhasilan penggunaan peranti dan juga penerimaan terhadap elemen grafik dan multimedia pada aplikasi yang digunakan.
3. Skop aktiviti ini diperluaskan lagi kepada peringkat umur yang berbeza seperti prasekolah atau sekolah rendah mahupun sekolah menengah dalam topik pembelajaran.
4. Suatu model pembelajaran baharu yang melibatkan aspek hubungan, interaksi dan reka bentuk grafik dan multimedia dapat dikaji dengan lebih terperinci dengan memperluaskan indikator meta kognitif pada aspek menilai, memantau dan regulasi yang bersesuaian dengan persekitaran pembelajaran yang dipraktikkan.





PEMBANGUNAN KERANGKA KONSEPTUAL KEMAHIRAN HAYAT MELALUI SUKAN SEKOLAH

ZALI A. RAHMAN
RT 796.019 ZAR

ABSTRAK KAJIAN

Penyelidikan pembangunan kemahiran hayat berpandukan pendekatan Pembangunan Belia Positif (*Positive Youth Development*) dilaksanakan untuk membentuk remaja yang mampu menghadapi cabaran hidup di sekolah dan komuniti setempat mereka. Tujuan kajian ini adalah untuk menerokai konsep pembangunan kemahiran hayat melalui pelaksanaan Dasar Satu Murid Satu Sukan (IMIS) sekolah di Malaysia melalui kajian penerokaan Analisis Tafsiran Fenomenologi (*Interpretative Phenomenological Analysis*). Kaedah temu bual separa berstruktur telah diaplikasikan sebagai sumber utama untuk menilai sumbangan persekitaran sukan sekolah, pemupukan kemahiran hayat, falsafah dan strategi-strategi kejurulatihan; dan pemindahannya melalui sukan sekolah. Peserta kajian terdiri daripada pengurus sukan dan murid. Pemilihan pengurus sukan berdasarkan persampelan bertujuan, sementara murid dipilih menggunakan persampelan bola salji (*snowball sampling*). Dapatan kajian yang dianalisis menggunakan perisian Mvivo-I12 menunjukkan bahawa persekitaran sukan sekolah menyumbang kepada pembangunan kemahiran hayat murid di bawah sepuluh tema utama, iaitu; jurulatih, bantuan kewangan, ganjaran, pembangunan kepakaran, sokongan pihak pengurusan, sokongan ibu bapa, kemudahan sukan, penganjuran pertandingan, sokongan agensi luar dan penganjuran program motivasi. Analisis tema dan sub-tema bawah pembangunan kemahiran hayat menunjukkan dua kategori kemahiran hayat, dipupuk secara implisit dan eksplisit, iaitu enam kemahiran sosial dan tujuh kemahiran peribadi. Enam sub-tema kemahiran sosial yang dapat dibangunkan melalui sukan sekolah ialah komunikasi, kerjasama, kepimpinan, hubungan sosial, mematuhi arahan dan hormat. Manakala tujuh sub-tema bagi pembangunan kemahiran peribadi ialah pengurusan diri, kawalan emosi, penetapan matlamat, usaha, pengurusan masa, tanggungjawab dan keyakinan diri. Guru sukan dalam kajian ini berpendapat bahawa pembangunan diri murid adalah lebih penting daripada kemenangan dalam pertandingan yang disertai sebagai satu falsafah dalam pembangunan kemahiran hayat. Terdapat lima strategi kejurulatihan kemahiran hayat iaitu: sebagai suri teladan, pemangkin jaringan perhubungan, bersikap tegas, pemberi motivasi dan penghargaan dalam amalan kejurulatihan. Kesemua peserta kajian percaya bahawa kemahiran hayat yang dipelajari melalui sukan sekolah boleh dipindahkan ke pelbagai bidang kehidupan murid, seperti dalam konteks pendidikan, keluarga dan komuniti setempat. Akhirnya, Kerangka Konseptual Pembangunan Kemahiran Hayat melalui Sukan Sekolah telah berjaya dibina ke arah mencapai pembangunan insan yang positif dalam usaha menangani cabaran Pembelajaran Abad ke-21.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa persekitaran sukan sekolah menyumbang kepada pembangunan kemahiran hayat dalam kalangan murid. Terdapat kekuatan atau sokongan dalam persekitaran sukan sekolah dari segi jurulatih, bantuan kewangan, ganjaran, pembangunan kepakaran, ibu bapa, kemudahan alatan dan padang, pernganjaran pertandingan, pengurusan, sokongan agensi luar dan program motivasi. Namun begitu, analisis data komponen persekitaran sekolah menunjukkan masih terdapat cabaran yang dihadapi oleh pihak pengurusan sukan sekolah dalam usaha memastikan aktiviti sukan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa aktiviti sukan sekolah dapat memupuk kemahiran hayat sosial dan peribadi dalam kalangan murid. Secara semulajadi, sukan itu sendiri secara tidak langsung dapat memupuk kemahiran hayat dalam diri murid (Camire, 2012). Namun begitu, menurut Gouff dan Carson (2008), pemupukan kemahiran hayat dalam diri murid menjadi lebih berkesan sekiranya disampaikan secara langsung dalam amalan kejurulatihan guru sukan. Kemahiran yang digariskan dalam dapatan kajian ini dapat dijadikan panduan kepada guru sukan dalam amalan kejurulatihan.

Dapatan kajian juga menunjukkan peserta bersetuju bahawa berlakunya pemindahan kemahiran hayat yang dipupuk dalam sukan sekolah terhadap kehidupan seharian murid. Kebolehpindahan kemahiran hayat berlaku dalam kalangan murid yang terlibat aktif dalam sukan, di mana mereka mempunyai kecenderungan pembangunan diri ke arah yang lebih positif di sekolah, rumah dan masyarakat.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti berikut:

1. Penerokaan dalam konteks pembangunan hayat sebagai satu set pembangunan dalaman diri remaja yang positif dalam konteks sukan sekolah merupakan dapatan penting dalam kajian ini. Oleh itu, kajian penerokaan lanjut perlu dijalankan untuk meneroka pembangunan kemahiran hayat dalam kalangan murid. Sejauh mana kemahiran hayat dipupuk dan dipindahkan ke dalam kehidupan seharian juga perlu dikaji.
2. Kajian ini melihat apa dan bagaimana kemahiran hayat dapat dipupuk dalam sukan sekolah. Ia merupakan kajian daripada peringkat awal kerana belum ada kajian yang mengkonsepsikan kemahiran hayat di negara ini, khususnya dalam pelaksanaan dasar 1M1S. Sehubungan dengan itu, pengkaji mencadangkan satu kajian yang meneroka keberkesanan pembangunan kemahiran hayat dalam pelaksanaan satu jenis sukan secara spesifik berdasarkan kelompok individu tertentu. Hal ini akan dapat membantu dalam usaha membuat generalisasi kemahiran hayat dengan lebih jelas dan bermakna.
3. Dapatan kajian ini juga mencadangkan strategi pengajaran kemahiran hayat secara langsung dalam aktiviti sukan. Berdasarkan dapatan kajian ini, pengkaji mencadangkan agar kajian lanjut bagi pembinaan modul pembangunan kemahiran hayat melalui sukan spesifik yang telah dilaksanakan di Barat dijalankan. Kajian secara eksperimental boleh dilakukan oleh pengkaji bagi melihat keberkesanan pemupukan kemahiran hayat dalam diri murid sebelum, semasa dan selepas proses pengajaran dilakukan. Kajian yang menggunakan kaedah eksperimental juga dapat memberi fokus kepada sukan tertentu dan kelompok sasaran berdasarkan latar belakang yang tertentu juga. Sebagai contoh, program pendidikan spesifik berteraskan kemahiran hayat dilaksanakan terhadap murid yang menghadapi masalah disiplin.

4. Dalam aspek perkembangan psikologi remaja, kajian lepas menunjukkan perkembangan ciri-ciri psikologi remaja juga berkemungkinan hasil daripada interaksi dinamik antara beberapa faktor seperti pengalaman sukan, pengaruh rakan, juru latih dan ibu bapa (Gould & Carson, 2002 8a). Oleh itu, pengkaji mencadangkan kajian penerokaan pengalaman kemahiran dapat dijalankan dari perspektif murid dan ibu bapa bagi mendalami aspek pemindahan dengan lebih berkesan.
5. Dalam kajian lepas, terdapat pengkaji yang mengukur kemahiran hayat yang dapat dibangunkan dalam aktiviti ekstra kurikulum termasuk sukan di negara ini. Namun begitu, belum ada lagi instrumen pengukuran kemahiran hayat dalam pelaksanaan Dasar 1M1S. Oleh itu, dalam pelaksanaan sukan sekolah, pengkaji mencadangkan satu kajian bagi pembinaan instrumen untuk mengukur sejauh mana kemahiran hayat dapat dipupuk dalam kalangan murid dalam sukan sekolah.
6. Dapatan kajian ini boleh menjadi garis panduan awal dalam usaha menyediakan elemen-elemen bagi instrumen kajian tersebut. Kajian secara kuantitatif yang melihat hubungan dan perbezaan kemahiran hayat dalam kalangan murid dalam pelbagai latar belakang akan dapat menerokai bidang ini dengan lebih mendalam. Dapatan kajian kuantitatif ini juga dapat mengukur sejauh mana sumbangan pelaksanaan program sukan yang dilaksanakan terhadap golongan sasaran tertentu. Sehubungan itu, perancangan pelaksanaan program pembangunan kemahiran hayat melalui sukan akan dapat dilaksanakan dengan lebih terancang dan mempunyai asas justifikasi yang kukuh.



PENGARUH PENGURUSAN BAKAT TERHADAP PEMBANGUNAN KEPIMPINAN MELALUI KETERLIBATAN KERJA GURU

NOOR HASLINDA HARUN
RT 371.2012 NHH

ABSTRAK KAJIAN

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 merupakan satu wadah untuk memartabatkan sistem pendidikan negara ke arah mencapai kecemerlangan pendidikan berkualiti dan lebih bersifat global. Oleh itu semua pihak yang terlibat terutamanya guru memainkan peranan penting sebagai pemangkin kecemerlangan sekolah. Guru merupakan modal insan terpenting dalam pelan penggantian kepimpinan sekolah pada masa hadapan. Tujuan penyelidikan ini adalah untuk mengkaji pengaruh pengurusan bakat terhadap pembangunan kepimpinan guru melalui keterlibatan kerja guru. Kajian ini mencadangkan empat hipotesis asas untuk mengkaji tiga pemboleh ubah. Kajian ini dilakukan dalam kalangan guru sekolah di 30 buah sekolah menengah harian di zon Timur Semenanjung Malaysia. Kaedah tinjauan yang menggunakan soal selidik di gunakan bagi pengumpulan data. Soal selidik ini menggunakan tiga instrumen; *Talent management in Education*, UWES (*Utrecht Work Engagement Scale*) dan TLSA (*Teacher Leadership Self Assessment*) bagi mengukur pemboleh ubah bebas (pengurusan bakat), pemboleh ubah pengantara (keterlibatan kerja guru) dan pemboleh ubah bersandar (pembangunan kepimpinan guru). Sebanyak 600 soal selidik diedarkan, dan hanya 473 dianalisis menggunakan SPSS (*Statistical Package for Social Science*) versi 23 dan PLS SEM (*Partial Least Square Structural Equation Modelling*) versi 3. Hasil kajian menunjukkan bahawa semua faktor pengurusan bakat mempunyai hubungan yang signifikan dan menyumbang kepada pembangunan kepimpinan guru dan keterlibatan kerja guru. Disamping itu, keterlibatan kerja guru turut memainkan peranan sebagai pemboleh ubah pengantara antara pemboleh ubah bebas dan bersandar. Pelaksanaan pengenpastian bakat, pembangunan bakat dan budaya bakat jelas menunjukkan bahawa pembangunan kepimpinan guru yang akan menjadi elemen penting bagi pemimpin sekolah pada masa hadapan. Sebagai kesimpulan, hasil kajian ini dapat menyumbang kepada cadangan pada masa hadapan bagi pengurusan bakat dan pembangunan kepimpinan guru sehingga pendidikan di Malaysia akan terus cemerlang di peringkat global.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi menentukan amalan pengurusan bakat yang dipraktikkan di sekolah, keterlibatan guru dalam program serta aktiviti yang dianjurkan di dalam atau luar sekolah dan menentukan pembangunan kepimpinan guru sedia ada. Kajian mendapati bahawa setiap pemboleh ubah yang dikaji berada pada tahap sederhana. Ujian SEM yang menggunakan perisian SmartPLS menunjukkan bahawa tidak terdapat kesan secara langsung yang signifikan antara identifikasi bakat, pembangunan bakat dan budaya bakat dengan pembangunan kepimpinan guru. Manakala, terdapat kesan secara langsung yang signifikan antara identifikasi bakat, pembangunan bakat dan budaya bakat dengan pembangunan kepimpinan guru. Ujian SEM juga menunjukkan terdapat kesan pengantara *full mediation* daripada keterlibatan guru, hubungan antara identifikasi bakat, pembangunan bakat dan budaya bakat dengan pembangunan kepimpinan guru.

Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa semua faktor pengurusan bakat mempunyai hubungan yang signifikan dan menyumbang kepada pembangunan kepimpinan guru dan keterlibatan kerja guru. Di samping itu, keterlibatan kerja guru turut memainkan peranan sebagai pemboleh ubah pengantara antara pemboleh ubah bebas dan bersandar. Pelaksanaan pengenalan bakat, pembangunan bakat dan budaya bakat jelas menunjukkan bahawa pembangunan kepimpinan guru menjadi elemen penting bagi pemimpin sekolah pada masa hadapan.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti berikut:

1. Proses pembinaan model kajian ini menggunakan model Groves (2007), model SHRM oleh Annand dan Ali (2017), teori pertukaran sosial dan model pembangunan kepimpinan guru. Maka, penyelidik akan datang boleh menggunakan teori lain yang sesuai dengan bidang kajian dan organisasi mereka. Penyelidik juga boleh menggabungkan teori dan model lain yang boleh membentuk kerangka model yang lebih kompleks dalam menghuraikan pengurusan bakat, keterlibatan guru serta pembangunan kepimpinan guru.
2. Kajian ini menggunakan keterlibatan guru sebagai pemboleh ubah pengantara manakala penyelidik akan datang boleh menggunakan pemboleh ubah lain seperti budaya organisasi, organisasi pembelajaran, pemindahan pengetahuan dan lain-lain yang dikira sesuai untuk organisasi masing-masing.
3. Penyelidik akan datang juga boleh menggunakan moderator seperti jantina, umur dan kelayakan serta pengalaman atau tempoh masa bertugas dalam kajian seterusnya.
4. Proses menganalisis model melibatkan kaedah tinjauan yang menggunakan kaedah soal selidik dan analisis yang digunakan adalah PLS SEM. Maka, penyelidik akan datang disarankan menggunakan kaedah eksperimen kualitatif agar dapatan lebih mendalam dan berupaya menyelesaikan isu dengan lebih baik.
5. Sampel kajian hanya melibatkan guru zon Timur. Penyelidik akan datang boleh melibatkan keseluruhan zon di Malaysia. Selain itu, penyelidik disarankan untuk melibatkan guru sekolah rendah harian serta guru sekolah jenis kebangsaan sebagai sampel kajian.



CONTEXT EVALUATION OF THE IMPLEMENTATION OF SCIENCE, TECHNOLOGY, ENGINEERING AND MATHEMATICS EDUCATION IN LOWER SECONDARY SCHOOL

LOH SU LING
RT 507.0712 LOH

ABSTRACT

Science, Technology, Engineering, and Mathematics (STEM) education is one of the learning approaches in the new Secondary School Standard Curriculum (Kurikulum Standard Sekolah Menengah, KSSM) in Malaysia. A lot of efforts have been carried out in promoting awareness and interest in STEM education in primary and secondary schools by various sectors. However, not many studies are done to evaluate the context of STEM education implementation. Context evaluation guides the choice of interventions and justifies any decisions made that addresses the gaps and using the available opportunities for the implementation of a STEM education programme. It facilitates the formulation of the objectives of STEM education programmes. Otherwise, activities, programmes, and projects on integrated STEM education will just be carried out without meeting the needs and thus not achieving the desired result. This study presents a qualitative case study of context evaluation of STEM education at the lower secondary school level. Three schools were selected through a purposive sampling strategy to reveal some critical shared patterns. Open-ended interviews were conducted among lower secondary Science, Mathematics, Basic Computer Science, and Design of Technology subject teachers. Data were also collected through the analysis of the individual STEM subjects' curriculum standards documents and yearly teaching plans. The yearly teaching plans are consolidated and translated into a planned curriculum map to identify gaps and possibilities of integration. The findings revealed the need for STEM subjects' integration and more emphasis on contextual problem-solving. The lack of pedagogical content knowledge (PCK), time constraint, lack of teachers' collaboration, lack of STEM expertise, lack of resources and facilities, and student ability are the casual factors revealed in the study. Opportunities such as 21st century learning skills, teachers' potential, and the possibilities of standard-based STEM integration are also identified. Four objectives of a STEM education programme are formulated to address the problems and complement the available opportunities. Implications of the study are discussed, and several recommendations are presented in the hope of improving the implementation of STEM education at the lower secondary school level.

SUMMARY OF FINDINGS

This study revealed that there was a gap in the implementation of integrated STEM education. The teachers admitted there were, yet any integrated STEM education programmes implemented in their respective schools that focus on STEM education as an approach that involves integration and contextual problem solving. The review of the documents further showed that STEM subjects were not explicitly integrated and there was not much emphasis on solving contextual problems. Teachers' pedagogical content knowledge was one of the main problems in implementing integrated STEM education in and outside the classroom. Teachers were not familiar with STEM subject integration, its approach, and how to apply them in solving contextual problems. Some teachers, especially the *Reka Bentuk Teknologi* (RBT) and *Asas Sains Komputer* (ASK) teachers were not familiar with the content of their subject as these two subjects were newly introduced in 2017. Teachers are also not exposed to STEM in the real world, causing them unable to relate the STEM content with the contextual situation. There seems to be a lack of collaboration with the STEM expertise and community of practice. Content-driven and examination-oriented culture in the school caused teachers to put in time and effort in completing the curriculum standards, drilling, and preparing the students in facing the high-stake standardised examinations. Lack of resources and facilities were also mentioned as one of the obstacles in teaching and learning in the respective STEM subjects. They also shared some of their negative perception towards the ability and readiness of their students in carrying out STEM activities. Teachers then expressed some of the needs that correspond to the problems mentioned.

On the other hand, the review of documents and the synthesis of curriculum maps from the yearly teaching plan showed many possibilities for integration. Four possible design projects based on the contextual problems on the SDGs and related to the existing curriculum standards were formulated. There are also indications of teachers' potentials, creativities and enthusiasm as they shared some ideas on how to plan and carry out integrated STEM projects. They admitted that this type of project would be an excellent platform for the inculcation of twenty-first-century learning skills among students.

RECOMMENDATIONS FOR FURTHER RESEARCH

Some recommendations for future research are as follows:

1. For future research, impact study of any STEM education professional development programme either training or PLCs for teachers, can be carried out to determine how it affects teachers' PCK and efficacy in teaching and implementing integrated STEM lessons or programmes. More STEM education training can be designed and developed for different groups of teachers such as pre-schools, primary, secondary and pre-university level. Longitudinal studies can be conducted to determine its effectiveness in increasing teachers' PCK, efficacy, and students' learning in integrated STEM education. For example, impact studies can be carried out on the effectiveness of Inquiry-based Science Education (IBSE) Training conducted nationwide for the science teachers by the National STEM Centre (Pusat STEM Negara). At the time of writing, there is no documented study on how the IBSE training increases teachers' PCK and efficacy in conducting STEM education in schools. There is also no documented study on professional development that focuses on STEM education as an integrated approach with the inclusion of EDP that focuses on contextual problem-solving.

2. At school level, research on integrated STEM education lessons or programmes lesson studies can be conducted. Lesson study is research by itself that focuses on education innovation to improve teaching and learning. At this point of writing, there is no documented study on the design, development and implementation of STEM education lesson studies in schools. Apart from that, research can be carried out to study collaboration with the STEM community of practice in mediating teachers' acquisition of PCK. Similarly, collaboration with the STEM community of practice can impact students' learning outcomes in STEM education.
3. This study also looked into the opportunities in integrated STEM education, which revealed the possibilities of planning design challenge that integrates the available curriculum standards to solve contextual problems based on the SDG themes. For future research, each of the planned standard-based integrated STEM design challenges has to be written in measurable learning objectives. Clear and precise learning objectives are crucial in linking instruction and assessment. Multi-dimensional assessment plan that aligns with the standards can be developed to validly measure students' learning of STEM content and skills. This may include the development of rubrics that focuses on evaluating the learning process throughout the design challenge. These need to be tested iteratively through pilot implementations using appropriate instructional strategies. This helps to ascertain the relevancy of the various standards to the respective design challenge and whether there is a need for other essential concepts and skills to be included. It also helps to identify any problems that need to be addressed and reflected. The pilot implementation will facilitate the verification process through expert reviews that will provide the validity and reliability of these programmes.



BIOAVAILABLE HEAVY METAL CONCENTRATION IN CLASSROOM DUST AND RELATED HEALTH RISK ASSESSMENT OF PRIMARY CHILDREN IN RAWANG, MALAYSIA

TAN SOCK YIN
RT 371.71 TAN

ABSTRACT

Children are vulnerable to heavy metals in classroom dust. A total of 51 classroom dust samples were collected from children's palms using wet tissue wiping method from April to June 2016. Physiologically Based Extraction Test (PBET) was applied to determine bioavailable heavy metal concentrations and potential health risks among the school children were estimated. The highest mean of bioavailable heavy metal concentration in classroom dust was Zn (12.5103 $\mu\text{g/g}$), followed by Cu (0.9585 $\mu\text{g/g}$), Ni (0.5340 $\mu\text{g/g}$), Cr (0.0472 $\mu\text{g/g}$), Co (0.0234 $\mu\text{g/g}$), As (0.0177 $\mu\text{g/g}$), Cd (0.0096 $\mu\text{g/g}$), and Pb (0.0050 $\mu\text{g/g}$). Principal Component Analysis (PCA) was used to determine heavy metal sources in classroom dust. Heavy metals in PC1 (As, Cd, Co, Cu, Zn) were mostly linked with natural and anthropogenic sources, while PC2 (Cr, Ni) were more related to anthropogenic activities (industrial activities, traffic congestion). Hierarchical cluster has indicated three clusters, namely Cluster 1 (S3, S4, S6, S15) as residential areas, Cluster 2 (S7, S9, S10, S12) as industrial area and Cluster 3 (S1, S2, S5, S8, S14, S11, S13, S16, S17) as a mixed land use area (residential, industrial, plantation). Emissions from vehicles, plantations and industrial activities were the main heavy metal sources in classroom dust. The relationship between bioavailable heavy metal concentrations in classroom dust with school and classroom characteristics was done using Spearman's Rho. Only Cu ($r = 0.767$, $p = 0.016$) was found significant related with distance between school and traffic road, while Cd ($r = -0.725$, $p = 0.027$) was found negatively related to classroom floor level. There was no potential health risks (non-carcinogenic and carcinogenic) of ingestion pathway reported.

SUMMARY OF FINDINGS

The highest mean of bioavailable heavy metal concentration in classroom dust was Zn (12.5103 µg/g), followed by Cu (0.9585 µg/g), Ni (0.5340 µg/g), Cr (0.0472 µg/g), Co (0.0234 µg/g), As (0.0177 µg/g), Cd (0.0096 µg/g), and Pb (0.0050 µg/g). Principal Component Analysis (PCA) showed two Principal Component (PC), accounting 69.22% of bioavailable heavy metal concentration variances were found in this study. The PC1 included As, Cd, Co, Cu and Zn, while PC2 included Cr and Ni. Heavy metals in PC1 were mostly linked with natural and anthropogenic sources, while PC2 were more related to anthropogenic activities (industrial activities, traffic congestion). Lead was reported to not belong to both PCs, which showed that Pb was not the main contributor to heavy metal accumulation in classroom dust. Hierarchical cluster analysis showed that the land use of primary schools in Rawang were classified into three clusters, where schools (S3, S4, S6 and S15) in Cluster 1 were located in residential areas, schools (S7, S9, S10 and S12) in Cluster 2 were grouped as industrial area, while schools (S1, S2, S5, S8, S11, S13, S14, S16 and S17) in Cluster 3 were classified in mixed land use area (residential, industrial and plantation). Vehicle emissions, combustion due to industrial activities, and the usage of fertilisers in plantation activities in Rawang were the main potential sources of heavy metals accumulated in classroom dust. Most of the bioavailable heavy metal concentrations did not show a relationship with school and classroom characteristics except for Cu ($r = 0.767$, $p = 0.016$) was significant related with distance between school and traffic road and Cd concentration ($r = -0.725$, $p = 0.027$), which was found negatively related to classroom floor level. This can be linked to wind dispersion, dust particle size, classroom cleaning frequency, ventilation system and activities surrounding the schools. Lastly, health risk assessment revealed that the levels of bioavailable heavy metals concentrations do not pose any risk to the exposed school children, however, the cumulative effect of continuous exposure may cause damage. Therefore, it is vital to continue monitor the dust pollution in Rawang to ensure the children's health be taken care of.

RECOMMENDATIONS FOR FURTHER RESEARCH

Some recommendations for future research are as follows:

1. This study only obtained bioavailable heavy metal concentrations in classroom dust collected from children's palm and its health risk posed by children at primary schools located in Rawang, Selangor, Malaysia. However, children's exact health condition was unknown. Besides, environmental dust monitoring was excluded in this study. Therefore, lung function test assessment (spirometry) and environmental data such as particulate matter concentration level, dust particle size, dispersion rate, humidity level and temperature can be added into future studies to understand better the association of dust particulate with children's respiratory symptoms.
2. The questionnaire in future studies can include race, children's eating behaviour and hand washing behaviour in order to obtain more detailed information on factors causing dust alteration on children's palms.
3. Although the results obtained from the HRA can be used to warn and alert the public about the dangers of heavy metal exposure in classroom dust faced by children in Rawang, Selangor, the HRA is only able to indicate the potential non-carcinogenic and carcinogenic risks but not the health effects of heavy metals through, for example, disease diagnosis. Thus, a future analysis that incorporates biomarkers can be considered for more comprehensive research associated with the determination of heavy metal concentrations in dust and an assessment of health risks in a school environment.



PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN MODUL PENINGKATAN EFIKASI MENGAJAR BAHASA INGGERIS DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

NUR NAZUHA BEEVI ABDUL AZIZI
RT 372.21 NNB

ABSTRAK KAJIAN

Kajian ini bertujuan membangun dan menilai Modul Peningkatan Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris (PEMBI) dalam kalangan guru pendidikan awal kanak-kanak. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan reka bentuk dan pembangunan (DDR) dengan tiga fasa kajian. Fasa I iaitu fasa analisis keperluan di mana seramai 90 orang guru Tabika KEMAS telah diberi soal selidik dan ditemu bual. Fasa II iaitu fasa reka bentuk dan pembangunan modul di mana kesahan kandungan modul dinilai oleh sembilan orang panel pakar. Fasa III iaitu fasa pelaksanaan dan penilaian dijalankan terhadap 66 orang guru Tabika KEMAS yang dibahagikan kepada kumpulan rawatan ($n=33$) dan kumpulan kawalan ($n=33$) secara rawak. Pembangunan isi kandungan modul menggunakan Teori Efikasi Kendiri, model ARCS Keller dan Teori Pembelajaran Androgogi. Instrumen yang digunakan ialah Soal Selidik Tahap Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris dan Soal Selidik Tahap Kebimbangan Mengajar Bahasa Inggeris. Dapatan kajian Fasa I menunjukkan guru percaya bahawa mereka lemah menguruskan pembangunan emosi diri ($M=3.47$, $SP=6.55$), kurang pemodelan sendiri ($M=3.38$, $SP=0.47$), kurang pengetahuan dalam mengajar bahasa Inggeris ($M=3.17$, $SP=0.43$) serta penilaian sendiri ($M=2.59$, $SP=4.62$) yang agak rendah. Oleh itu, mereka menyokong keperluan sebuah modul dibina untuk meningkatkan efikasi sendiri mengajar bahasa Inggeris ($M=4.04$, $SP=0.62$). Dapatan kajian Fasa II menunjukkan tahap persetujuan pakar terhadap kebolegunaan modul melebihi 84.6 peratus. Dapatan kajian Fasa III menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara skor min ujian pra dan ujian pasca dalam aspek kepercayaan efikasi sendiri [$t(32) = -7.66$; $p<0.05$]; amalan efikasi sendiri [$t(32) = -8.58$; $p<0.05$]; dan tahap kebimbangan [$t(32) = 4.128$; $p<0.05$]. Hasil temu bual mendapati beberapa kekuatan modul iaitu kesesuaian bahan modul, peningkatan pengetahuan dan kemahiran, perubahan diri dan kualiti pengajaran. Kelemahan modul pula adalah kekurangan aktiviti praktikal dan masa. Kesimpulannya, Modul PEMBI ini berkesan dalam meningkatkan pengetahuan, kemahiran serta efikasi sendiri untuk mengajar bahasa Inggeris. Implikasi kajian menunjukkan modul ini boleh digunakan bagi latihan pembangunan profesional guru untuk meningkatkan kualiti pengajaran bahasa Inggeris terutama daripada aspek psikologikal guru termasuk efikasi sendiri dan kebimbangan mengajar bahasa Inggeris.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Kajian ini telah menggunakan kajian reka bentuk dan pembangunan yang memfokuskan kepada proses dalam membangunkan Modul Peningkatan Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak (Modul PEMBI). Kajian mempunyai tiga fasa untuk membangunkan sebuah modul iaitu Fasa 1: Fasa Analisis Keperluan, Fasa 2: Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan dan Fasa 3: Fasa Pelaksanaan dan Penilaian.

Fasa pertama kajian ialah analisis keperluan yang telah dijalankan adalah mengenal pasti tahap keperluan Modul PEMBI dalam kalangan guru pendidikan awal kanak-kanak. Untuk fasa ini, soal selidik telah diedarkan kepada 90 orang guru Tabika KEMAS negeri Perak. Di samping itu, pengkaji juga turut menjalankan temu bual separa berstruktur ke atas lapan orang guru TABIKA KEMAS.

Fasa kedua kajian iaitu reka bentuk dan pembangunan yang merupakan bahagian utama kajian. Reka bentuk Modul PEMBI dibangunkan berdasarkan dapatan analisis keperluan, Teori Efikasi Kendiri Bandura, Model ARCS Keller dan Teori Pembelajaran Androgogi. Dapatan analisis keperluan dan Teori Efikasi Kendiri Bandura digunakan untuk mereka bentuk isi kandungan Modul PEMBI, manakala Model ARCS Keller dan Teori Pembelajaran Androgogi digunakan untuk membuat pemilihan strategi dan material yang bersesuaian. Setelah kajian rintis dijalankan ke atas 30 orang guru Tadika Islam dengan menggunakan modul PEMBI, analisis mendapati Modul PEMBI memiliki tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Pengkaji membuat pemurnian dan penambahbaikan modul berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh panel pakar dan maklum balas guru Tadika Islam yang telah mengikuti bengkel latihan menggunakan Modul PEMBI.

Fasa 3 ialah proses pelaksanaan dan penilaian draf Modul PEMBI. Dalam fasa ini pengkaji menilai keberkesanan modul dan kebolehgunaan modul dari retrospektif pengguna. Penilaian keberkesanan merujuk kepada menilai kesan Modul PEMBI terhadap efikasi sendiri manakala penilaian kebolehgunaan adalah menerusi retrospektif guru dan menerusi retrospektif fasilitator. Modul PEMBI diimplementasi dengan mengadakan bengkel latihan secara jangka panjang iaitu selama enam minggu ke atas guru Tabika KEMAS negeri Perak.

Secara keseluruhannya, guru-guru telah mengikuti proses latihan pembangunan guru berdasarkan Modul PEMBI sangat menyokong bahawa modul ini dapat membantu meningkatkan efikasi sendiri guru mengajar bahasa Inggeris dan mengurangkan kebimbangan mengajar bahasa Inggeris. Implikasi dan cadangan teoritikal meletakkan modul yang dibangunkan ini dapat membantu perubahan sikap guru khususnya dari aspek kognitif, afektif dan tingkah laku. Dapatan kajian turut mengesahkan bahawa kerangka konseptual kajian yang diadaptasi daripada beberapa teori dan model mampu diimplementasikan dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak khusus kepada latihan pembangunan guru untuk meningkatkan efikasi sendiri dalam bahasa Inggeris.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti berikut:

1. Di peringkat kajian ini, Modul PEMBI hanya memfokuskan kepada strategi pengajaran bahasa Inggeris sahaja. Kajian selanjutnya pada masa hadapan dalam pembangunan Modul PEMBI boleh diperkembangkan dalam efikasi sendiri guru dalam penglibatan murid dan efikasi sendiri guru dalam pengurusan kelas. Turut dicadangkan agar kajian yang serupa diperkembangkan lagi di lokasi lain seperti di negeri-negeri lain di Malaysia atau perbandingan boleh dibuat di antara kawasan bandar dengan kawasan luar bandar. Hal ini kerana penguasaan bahasa Inggeris di bandar adalah lebih maju berbanding di kawasan luar bandar.

2. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan temu bual dan kuasi eksperimen untuk mendapatkan data kebolegunaan dan keberkesanan modul. Dicadangkan juga kajian lanjutan membuat penilaian keberkesanan Modul PEMBI dengan membuat pemerhatian melihat cara guru membuat pengajaran bahasa Inggeris di dalam kelas. Oleh itu, data mengenai amalan pengajaran guru dengan mempraktikkan segala ilmu dan kemahiran yang telah diperolehi dari bengkel latihan menggunakan Modul PEMBI dapat dikenal pasti dengan lebih mendalam.
3. Kajian ini menggunakan guru Tabika KEMAS sebagai sampel dalam fasa analisis keperluan dan fasa penilaian. Oleh yang demikian, untuk kajian lanjutan dicadangkan supaya sampel kajian dipelbagaikan lagi seperti guru prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia, guru Tadika PASTI, guru Tadika Perpaduan, guru Tadika Islam dan guru tadika swasta. Pengkaji menyatakan bahawa guru prasekolah telah diberikan latihan pembangunan guru dalam pengajaran bahasa Inggeris agak kerap, maka amat sesuai untuk menilai tahap efikasi sendiri guru prasekolah setelah mengikuti latihan pembangunan guru yang disediakan oleh KPM.
4. Kajian ini hanya menggunakan sampel berbangsa Melayu sahaja, tidak ada kaum Cina dan India. Dicadangkan kajian lanjutan boleh melibatkan sampel yang pelbagai kaum untuk mengenal pasti tahap efikasi sendiri guru mengajar bahasa Inggeris mengikut kaum. Begitu juga dengan jantina kerana semua sampel kajian ini adalah perempuan. Untuk kajian lanjutan, kajian perlu melibatkan guru pendidikan awal kanak-kanak lelaki sebagai sampel kajian. Hal ini membolehkan kepelbagaian dapatan kajian dan lebih menyeluruh dari aspek kaum dan jantina.



PEMBINAAN BATERI UJIAN PENGENALPASTIAN BAKAT BOLA SEPAK PEMAIN LELAKI BAWAH 14 TAHUN

KHAIRUL SHAM HANAPIAH
RT 796.077 KHA

ABSTRAK KAJIAN

Kajian ini bertujuan membina bateri ujian pengenalpastian bakat bola sepak pemain lelaki bawah 14 tahun. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan (*cross-sectional*). Seramai 208 orang pemain bola sepak lelaki bawah 14 tahun dipilih menjadi sampel kajian menggunakan kaedah persampelan rawak berstrata. Instrumen kajian yang terdiri daripada sejarah latihan, antropometri, kecergasan fizikal, fizikal kemahiran teknikal, kebolehan bermain bola sepak, kemahiran taktikal, psikologi, sosiologi, persekitaran dan penilaian subjektif jurulatih mempunyai nilai kesahan ($r = .82 - .96$), kebolehpercayaan ($r = .81 - .99$) dan objektiviti ($r = .91 - .99$) yang tinggi. Data dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Analisis faktor menunjukkan 20 item mewakili soal selidik kemahiran taktikal, 50 item mewakili soal selidik psikologi dan 35 item mewakili soal selidik sokongan sosial. Analisis regresi berganda menunjukkan kesemua variabel peramal mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas kebolehan bermain bola sepak [$R^2 = .703$, $F(58, 149) = 6.080$, $p = .000$]. Hasil analisis juga menunjukkan jumlah jam seminggu latihan bola sepak, jumlah jam seminggu perlawanan bola sepak, ketinggian, berat badan, indeks jisim tubuh, lompat jauh berdiri, Yo-Yo *intermittent recovery* tahap satu, keupayaan pecut berulang Bangsbo, hantaran jauh, menggelecek, transisi bertahan kepada menyerang, transisi menyerang kepada bertahan, keyakinan diri, motivasi, sokongan jurulatih, kesan umur relatif dan penilaian subjektif jurulatih mempunyai korelasi yang signifikan ke atas kebolehan bermain bola sepak. Analisis deskriptif menunjukkan Skor Indeks Peramal Bakat Bola Sepak dapat dibina berdasarkan skor instrumen ujian pengenalpastian bakat bola sepak pemain lelaki bawah 14 tahun. Kesimpulannya, bateri ujian pengenalpastian bakat bola sepak boleh digunakan untuk mengukur prestasi pemain lelaki bawah 14 tahun. Implikasi kajian menunjukkan penggunaan bateri ujian pengenalpastian bakat bola sepak dapat membantu jurulatih dan pasukan pencarian bakat dalam proses pemilihan pemain lelaki bawah 14 tahun.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Secara keseluruhan, kajian ini berjaya membina satu bateri ujian pengenalpastian bakat bola sepak pemain lelaki bawah 14 tahun yang memenuhi piawai dan multidimensi matlamat utama bateri ujian pengenalpastian bakat bola sepak untuk mencungkil bakat muda yang berpotensi bagi diberi latihan di bawah Program Pembangunan Bola Sepak Negara. Menurut Bumpa dan Haff (2009), terdapat lima manfaat yang boleh diperolehi daripada ujian pengenalpastioan bakat. Antaranya ialah (i) mengurangkan tempoh masa mengenal pasti atlet yang berkebolehan, (ii) mengurangkan bebanan jurulatih dari aspek masa, latihan, tenaga dan bakat di mana jurulatih dapat memberikan tumpuan terus dari aspek latihan untuk meningkatkan keupayaan dan kemampuan atlet, (iii) meningkatkan kompetensi dan bilangan atlet untuk mencapai tahap prestasi pada peringkat tertinggi, (iv) memberikan keyakinan sendiri yang kuat kepada atlet yang terpilih dan (v) melaksanakan kaedah latihan yang saintifik dengan bantuan pemantauan pakar dalam bidang sukan. Sehubungan itu, penyelidik berharap bateri ujian pengenalpastian bakat bola sepak ini dapat digunakan dalam pemilihan pemain lelaki bawah 14 tahun ke pusat-pusat latihan bawah program Pusat Latihan Daerah (PLD) dan Sekolah Sukan Negeri (SSN) di seluruh negara.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti berikut:

1. Kajian ini hanya dilakukan terhadap pemain bola sepak lelaki bawah 14 tahun yang berada di Pusat Latihan Negeri Selangor. Kajian lanjutan dicadangkan supaya pemain bola sepak lelaki bawah 14 tahun yang berada di pusat-pusat latihan lain untuk memastikan penemuannya sah dan boleh digunakan di pusat latihan seluruh negara.
2. Kajian ini hanya melibatkan kumpulan pemain bola sepak lelaki bawah 14 tahun dalam kategori sub-elit (Pusat Latihan Daerah) dan elit (Sekolah Sukan Negeri) sahaja. Kajian lanjutan dicadangkan supaya melibatkan kumpulan pemain bola sepak lelaki bawah 14 tahun dalam kategori pelapis (Sekolah Sukan Malaysia), elit (Sekolah Sukan Negeri) dan subelit (Pusat Latihan Daerah). Penyelidik masa hadapan boleh mengukur prestasi seluruh pemain yang berada pada tahap kecekapan atau kemahiran yang berbeza.
3. Kajian ini menggunakan kajian tinjauan berbentuk *cross-sectional*. Kajian lanjutan dicadangkan supaya menggunakan kajian tinjauan berbentuk longitudinal untuk mengkaji secara intensif perkembangan pemain mengikut umur (Kumpulan umur 13 hingga 15 tahun) bagi tempoh yang lama. Penyelidik masa hadapan boleh mengumpul maklumat mengenai kemahiran dan tingkah laku tertentu yang ada pada pemain yang sama dari semasa ke semasa.



MODUL PEMBELAJARAN INTEGRASI STEM FORENSIK DALAM MENINGKATKAN PEMIKIRAN KRITIS DAN KREATIVITI SAINTIFIK MURID SEKOLAH MENENGAH MERENTAS JANTINA

NOOR FADZILAH ARIS
RT 507.0712 NFA

ABSTRAK KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan dan menilai satu modul yang dikenali sebagai Modul Pembelajaran Integrasi STEM berkontekskan Sains Forensik (PISTEM Forensik) serta mengkaji keberkesanan penggunaan modul ini terhadap pemikiran kritis dan kreativiti saintifik murid tingkatan empat. Kajian ini turut mengkaji sama ada penggunaan PISTEM Forensik memberi kesan yang berbeza terhadap tahap pemikiran kritis, tahap kreativiti saintifik dan pengekalan kedua-duanya berdasarkan jantina murid. Kajian ini juga cuba menentukan mungkinkah kesan PISTEM Forensik ke atas tahap pemikiran kritis dan kreativiti saintifik adalah lebih tinggi pada murid lelaki atau murid perempuan atau mungkin kesannya sama untuk kedua-dua kumpulan. Kajian pembangunan modul ini mengaplikasikan reka bentuk sistem instruksi menggunakan Model ASSURE sebagai landasan utama. Ia terdiri daripada tiga peringkat berdasarkan langkah-langkah dalam Model ASSURE iaitu peringkat pembangunan PISTEM Forensik, peringkat pelaksanaan PISTEM Forensik dan peringkat penilaian pakar PISTEM Forensik. Reka bentuk eksperimen kuasi satu kumpulan telah dijalankan dalam program selepas waktu sekolah di dua buah sekolah menengah berbeza mengikut jantina yang dipilih dalam satu daerah yang sama. Peserta terdiri daripada 31 pelajar lelaki dan 36 pelajar perempuan. Kajian ini dijalankan di luar waktu sekolah; justeru, ia tidak memerlukan kumpulan kawalan. Eksperimen kuasi telah dilakukan untuk menilai kesan penggunaan modul PISTEM Forensik yang dibangunkan terhadap tahap pemikiran kritis, ketekalan pemikiran kritis, tahap kreativiti saintifik dan ketekalan kreativiti saintifik. Variabel moderator dalam kajian ini ialah jantina murid. Data-data kuantitatif dikumpulkan melalui instrumen ujian bertulis iaitu Ujian Pemikiran Kritis Cornell Tahap X (CCTT-X) yang telah disahkan oleh pakar dalam bidang STEM dengan bacaan koefisien kebolehpercayaan oleh Kuder-Richardson(KR-20) = 0.96 dan Ujian Kreativiti Saintifik oleh Hu & Adey dengan kebolehpercayaan inter-rater; nilai Kappa = 0.767. Dapatan daripada ujian statistik hipotesis nol dengan menggunakan ujian t-sampel berpasangan dan ANCOVA satu-hala mendapati tahap pemikiran kritis dan kreativiti saintifik bagi murid lelaki dan perempuan meningkat daripada ujian pra ke ujian pos. Murid lelaki mempunyai skor pemikiran kritis dan kreativiti saintifik yang lebih tinggi daripada murid perempuan. Di samping itu, dapatan daripada ujian statistik hipotesis nol dengan menggunakan ujian ANCOVA dengan pengukuran berulang mendapati kedua-dua murid lelaki dan perempuan mengekalkan skor pemikiran kritis dan kreativiti saintifik kerana dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan antara skor dalam ujian pos dan ujian pos lanjutan. Keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa modul PISTEM Forensik memberi kesan positif terhadap tahap pemikiran kritis dan kreativiti saintifik dan pengekalan pemikiran kritis dan kreativiti saintifik murid lelaki dan murid perempuan. Ini membuktikan bahawa intervensi kajian ini berkesan dalam meningkatkan kemahiran pemikiran kritis dan kreativiti saintifik

bagi kedua-dua kumpulan jantina murid namun murid lelaki lebih mendapat manfaat daripada intervensi modul yang diberikan. Implikasi, kesimpulan, saranan dan cadangan seperti program latihan inovatif guru Sains untuk pedagogi seimbang-jantina STEM dalam persekitaran pembelajaran konstruktivisme melalui pendekatan PISTEM Forensik selepas waktu sekolah bagi pembelajaran sains telah dilaksanakan.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Kajian ini bermatlamat menjawab persoalan mengenai kesan PISTEM Forensik dalam meningkatkan tahap pemikiran kritis dan kreativiti saintifik dalam kalangan murid lelaki dan perempuan tingkatan empat. Dapatan kajian menunjukkan kesan positif PISTEM Forensik dalam meningkatkan kedua-dua kemahiran berfikir aras tinggi. Dapatan kajian turut menunjukkan pengelasan tahap pemikiran kritis dan kreativiti saintifik bagi murid lelaki dan perempuan selepas intervensi berlaku. Walau bagaimanapun, didapati murid lelaki memperoleh min skor yang lebih tinggi daripada murid perempuan dengan perbezaan yang kecil. Maka, kajian mendapati bahawa pelaksanaan PISTEM Forensik dapat membantu ke arah menyediakan masyarakat berliterasi STEM yang mempunyai penguasaan kemahiran berfikir dan ilmu STEM serta berupaya menyelesaikan masalah dalam kehidupan seharian tanpa mengira jantina.

Ringkasnya, modul STEM Forensik berkesan untuk meningkatkan tahap pemikiran kritis dan kreativiti saintifik dalam kalangan murid sekolah menengah bagi kedua-dua kumpulan mengikut jantina. Kajian ini menunjukkan bahawa pelaksanaan PISTEM Forensik sangat efektif untuk digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran khasnya untuk subjek Sains. Ia membantu menyediakan asas kepada pembentukan modal insan yang mantap dari segi pengetahuan saintifik, teknologi, kejuruteraan dan Matematik serta berfikir kritis dan mempunyai kreativiti dalam menghadapi permasalahan kehidupan dan alam pekerjaan.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti berikut:

1. Data yang dikumpul dalam kajian ini adalah berbentuk kuantitatif. Kajian ini mencadangkan keberkesanan pendekatan PISTEM Forensik berdasarkan perbezaan min skor yang diperoleh daripada ujian pos dan ujian pos lanjutan. Pengkaji mencadangkan agar kajian berbentuk kualitatif dijalankan pada masa hadapan bagi menjawab persoalan sama ada mekanisme PISTEM memberi kesan terhadap variabel tertentu seperti tahap pemikiran kritis dan kreativiti saintifik. Kajian selanjutnya perlu meneroka secara mendalam untuk memberi kefahaman jelas kesan PISTEM ke atas penjana pemikiran kritis dan kreativiti saintifik murid. Justeru, adalah dicadangkan agar kajian lanjutan mengumpul data kualitatif menggunakan pemerhatian, analisis dokumen hasil kerja murid dan juga temu bual sampel kajian dan guru. Maka, dapatan kajian lanjutan dapat menjelaskan secara terperinci tentang sejauh mana pelaksanaan PISTEM Forensik memberi kesan terhadap variabel kajian sebagai pengukuhan dapatan kuantitatif.

2. Pengkaji juga mencadangkan agar kajian lanjutan berbentuk kualitatif dijalankan untuk mengkaji dan meneliti proses pengajaran dan pembelajaran berbanding hasil pembelajaran. Reka bentuk kajian kualitatif dapat memberi maklumat terperinci lagi mendalam tentang aspek peranan guru dalam mencipta persekitaran kondusif, strategi guru melaksanakan bimbingan kognitif, bagaimana interaksi murid dalam sesi kolaboratif kumpulan dan lain-lain. Data yang dikumpul boleh digunakan untuk menambah baik rangka aktiviti setiap fasa modul, memantapkan lagi modul PISTEM Forensik serta menolong guru melaksanakan PISTEM Forensik dengan lebih berkesan.
3. Pemilihan sampel kajian ini tidak menggunakan persampelan rawak tetapi hanya menggunakan murid aliran sains tulen tingkatan empat yang belajar di dua buah sekolah berbeza jantina. Kumpulan murid ini mewakili populasi murid di sekolah-sekolah daerah Kota Setar, Kedah. Oleh itu, dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada semua murid sekolah menengah. Selain itu, sampel kajian ini terhad kepada murid aliran Sains Tulin yang mempunyai keseragaman dalam pencapaian Sains mereka iaitu berdasarkan pencapaian sekurang-kurangnya gred B bagi mata pelajaran Sains peperiksaan awam PT3. Kajian seterusnya boleh dijalankan untuk mengkaji perbezaan tahap pemikiran kritis dan kreativiti saintifik berdasarkan tahap penguasaan Sains yang berbeza antaranya dengan mengelaskan sampel kajian kepada sub-sampel Sains Tulin dan Sains Sosial. Disamping itu, pemilihan sampel dicadangkan daripada beberapa buah sekolah dalam daerah yang berbeza serta melibatkan bilangan yang lebih ramai.
4. Modul PISTEM Forensik dalam kajian ini hanya menggunakan lima topik Sains Forensik yang menggunakan teknik analisis Sains Forensik berbeza. Kelima-lima topik telah dipilih dengan teliti berdasarkan ciri-ciri kebolegunaan dan kesesuaiannya sebagai medan integrasi pembelajaran STEM. Kajian lanjutan boleh dilaksanakan dengan menambah topik Sains Forensik yang lain merangkumi konsep-konsep bidang mata Pelajaran STEM di dalam isi kandungannya. Kajian lebih meluas dan mendalam perlu dilakukan untuk mengenal pasti topik-topik Sains Forensik yang sesuai dan relevan dengan keperluan kurikulum pembelajaran integrasi STEM dan disampaikan melalui teknik analisis forensik terkini yang menarik dan berkesan dalam meningkatkan kemahiran berfikir murid. Misalnya, modul PISTEM Forensik boleh dibangunkan untuk topik Sains Forensik lain seperti topik Bodies, Blood and Bullets, topik Documents and Inks, topik Paper, Forgery and Counterfeiting dan topik Codes and Crime (Walker & Wood, 2010; Perritano, 2016; Gardner & Conklin, 2017) yang memberi perhatian kepada pengintegrasian keempat-empat disiplin STEM, pengalaman berasaskan inkuiri dan proses penyelesaian masalah mengikut amalan sains dan kejuruteraan. Justeru, guru dan murid akan mempunyai masa yang cukup untuk menguasai pelbagai kemahiran termasuklah kemahiran pemikiran kritis dan kreativiti saintifik.
5. Pengkaji juga mencadangkan agar rubrik digubal untuk menolong guru mentaksir kemahiran pemikiran kritis dan kreativiti saintifik murid secara kualitatif. Murid juga boleh menggunakan rubrik tersebut untuk penilaian sendiri ataupun penilaian rakan sebaya. Hal ini menjadikan murid mengetahui hasil pembelajaran dan bertanggungjawab dalam pelajaran seterusnya serta membolehkan murid secara individu mengukur dan membuat refleksi terhadap kekuatan dan kelemahan sendiri dalam penguasaan sesuatu kemahiran atau disiplin ilmu. Selain memudahkan guru, cara ini juga dapat memberi keyakinan kepada murid tentang peranan mereka dalam menilai perkembangan diri sendiri.



KEBERKESANAN AUDIASI KE ATAS PRESTASI PENDENGARAN MUZIK DAN KEUPAYAAN MENULIS MELODI SECARA KREATIF DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH RENDAH

LIOW BEE TEEN
RT 780.7 LIO

ABSTRAK KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan audiasi. Tinjauan menunjukkan bahawa terdapat cendekiawan yang mencadangkan bahawa penggunaan audiasi boleh digunakan untuk meningkatkan keupayaan mendengar muzik, kemahiran menyanyi dan kreativiti murid semasa mencipta melodi. Oleh yang demikian, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji kesan penggunaan audiasi ke atas keupayaan mendengar muzik dalam aspek tonaliti dan ritma, kemahiran menyanyi dalam aspek ritma, pic dan melodi dan kreativiti menulis melodi murid dalam aspek keaslian kelancaran dan penghuraian. Sampel kajian terdiri daripada 90 orang murid yang berumur 14 tahun yang menuntut di sekolah daerah Tanjong Malim, Perak. Kajian ini menggunakan reka bentuk eksperimen benar iaitu reka bentuk ujian pra dan ujian pasca di mana kumpulan rawatan menjalani latihan audiasi. Tempoh rawatan adalah 90 minit seminggu selama sepuluh minggu dan semua subjek kajian menyempurnakan semua tugas dalam ujian pra dan ujian pasca. Instrumen pengukuran Profil Kebolehan Muzik (*Music Aptitude Profile*) yang dicipta oleh Edwin Gordon digunakan untuk mengumpul data kajian ini. Keputusan analisis data kajian menggunakan ujian SPANOVA menunjukkan bahawa tahap pencapaian dalam pendengaran secara mendalam, nyanyian dan menulis melodi secara kreatif murid meningkat secara signifikan selepas diberi latihan audiasi. Selain itu, keputusan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pendengaran muzik dan audiasi. Setelah latihan audiasi, kemahiran nyanyian murid secara signifikan mempengaruhi kualiti nyanyian mereka dari segi ritma dan melodi. Audiasi memberi kesan yang positif terhadap kreativiti menulis melodi dalam kalangan murid. Hasil kajian menunjukkan bahawa audiasi memberikan kesan yang positif ke atas keupayaan mendengar muzik, kemahiran menyanyi dan kreativiti murid semasa menulis melodi. Dapatan kajian ini mengesahkan bahawa pelaksanaan audiasi dalam pengajaran muzik dalam bilik darjah dapat meningkatkan prestasi murid serta pencapaian muzik yang lebih berkualiti dari segi nyanyian pic, ketepatan tepukan irama, persembahan dan penulisan melodi serta penghayatan kesenian muzik untuk seumur hidup. Cadangan untuk kajian masa depan termasuklah kajian ke atas kesan penggunaan audiasi dilakukan ke peringkat murid menengah atas, dengan menumpukan kepada kemahiran dalam improvisasi penulisan melodi murid.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Secara keseluruhannya, kajian tentang keberkesanan pendekatan audiasi ke atas prestasi pendengaran muzik, nyanyian dan keupayaan penulisan melodi secara kreatif dalam kalangan murid sekolah menengah rendah telah berjaya dan menunjukkan keputusan yang positif. Kajian mendapati bahawa kebanyakan guru memiliki bakat dan keupayaan semula jadi dalam mewujudkan suasana dan kawalan bilik darjah yang kemas dan baik semasa mereka melaksanakan pembelajaran abad ke-21 yang berpusatkan murid. Sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran pada kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan, pengkaji mendapati bahawa masalah pembelajaran muzik dalam kalangan murid banyak berkisar kepada kurangnya sokongan daripada pihak pentadbir, guru dan ibu bapa kepada pembelajaran pendidikan muzik di sekolah dan di luar sekolah. Hal ini menyebabkan mereka tidak menaruh minat dan perasaan ingin tahu yang mendalam dalam bidang muzik yang mana perkara ini amat penting dalam usaha menjana keperibadian insan yang seimbang dan sehati dengan peningkaan mental dan fizikal murid. Dapatan kajian ini mengesahkan bahawa pelaksanaan audiasi dalam pengajaran muzik dalam bilik darjah dapat meningkatkan prestasi murid serta pencapaian muzik yang lebih berkualiti dari segi nyanyian pic, ketepatan tepukan irama, persembahan dan penulisan melodi serta penghayatan kesenian muzik untuk seumur hidup.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti berikut:

1. Kajian ke atas kesan penggunaan audiasi dilakukan kepada murid menengah atas dengan memberi tumpuan ke atas kemahiran dalam improvisasi penulisan melodi pelajar.
2. Sampel kajian dapat diperluaskan kepada semua peringkat umur agar masalah pendengaran secara mendalam dapat dikesan seawal mungkin.



PELESTARIAN PATRIOTISME DI SEKOLAH RENDAH OLEH SISWA GURU SEJARAH INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

MUHAMAD AZIAN SAAD
RT 320.54 MUH

ABSTRAK KAJIAN

Malaysia mempunyai semangat juang yang tinggi untuk melestarikan nilai patriotisme di sekolah. Polemik untuk melestarikan nilai patriotisme dalam kalangan murid adalah jelas melalui perubahan dasar kerajaan dalam pendidikan sejarah di sekolah. Kajian ini bertujuan mengkaji pemahaman dan amalan nilai patriotisme dalam kalangan siswa guru Sejarah di Institut Pendidikan Guru (IPG). Malah, kajian turut mengkaji sejauh mana siswa guru Sejarah menerapkan nilai patriotisme di sekolah rendah. Populasi kajian ialah seramai 444 orang siswa guru Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) bagi mata pelajaran Sejarah di 27 buah IPG. Sampel kajian merangkumi 276 responden di tiga zon yang mempunyai 13 buah IPG. Kajian menggunakan metodologi campuran (*mixed methodology*) yang melibatkan data kuantitatif, kualitatif dan triangulasi. Soal selidik digunakan untuk mengumpul data kuantitatif tentang pemahaman dan amalan nilai patriotisme. Temu bual, pemerhatian dan analisis kandungan pula digunakan untuk mendapatkan data kualitatif tentang penerapan nilai tahap patriotisme. Kajian mendapati bahawa siswa guru Sejarah mempunyai tahap pemahaman (min 4.06) dan amalan nilai patriotisme (min 4.48) yang tinggi. Terdapat hubungan yang signifikan antara pemahaman nilai patriotisme dan amalan nilai patriotisme siswa guru sejarah di IPG (r 0.434). Penerapan nilai patriotisme di bilik darjah juga berlaku seperti yang dirancang dalam Rancangan Pengajaran Harian (RPH). Namun, penerapan nilai patriotisme tidak diberi penekanan oleh siswa guru Sejarah. Penerapan nilai patriotisme berlaku bergantung kepada elemen kewarganegaraan dan nilai sivik (K) dalam Standard Pembelajaran (SP). Pada peringkat IPG, patriotisme menjadi *hidden curriculum* yang diajar secara tersirat kepada siswa guru Sejarah. Antara cadangan bagi meningkatkan penerapan nilai patriotisme ialah dengan perlunya satu mekanisme penerapan nilai patriotisme standard, kursus bimbingan berkesan, pemurnian instrumen nilai patriotisme dalam penilaian praktikum, aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dipelbagaikan dan aplikasi PAK-21 dalam mata pelajaran Sejarah. Pelestarian nilai patriotisme di sekolah rendah diharap dapat menjadi agenda penting dalam kalangan guru Sejarah sewaktu mengajar mata pelajaran Sejarah.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Kajian ini membuktikan secara keseluruhannya bahawa siswa guru Sejarah IPG mempunyai tahap pemahaman dan amalan nilai patriotisme yang tinggi bagi membolehkan mereka melaksanakan PdP yang mampu menerap unsur patriotisme. Nilai bangga negara, setia negara dan hormat simbol negara yang ada dalam kalangan siswa guru Sejarah memberi gambaran bahawa mereka mempunyai ilmu pengetahuan yang mantap berkaitan patriotisme bagi membolehkan mereka mendidik anak bangsa untuk lebih cinta dan sayang kepada tanah air.

Empat elemen utama yang menjadi nadi penggerak PdP yang bersifat patriotik ialah perancangan pengajaran, pelaksanaan pengajaran, nilai dan refleksi pengajaran. Kemampuan siswa guru Sejarah melaksanakan ketiga-tiga elemen tersebut dalam pembinaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) dilihat berjaya menerapkan nilai patriotisme dalam bilik darjah. Dapatan kajian ini membuktikan kejayaan KPM dalam melaksanakan transformasi dalam bidang pendidikan khususnya mata pelajaran Sejarah.

Kajian turut mendapati bahawa latihan perguruan yang memasuki abad ke-21 menempuhi cabaran merangkumi aspek intelektual, insaniah, teknologi pembelajaran digital dan maya serta kenegaraan. Bagi mendepani cabaran itu, siswa guru Sejarah perlu membentuk modal insan yang mampu mempertahankan negara dan memacu negara ke arah negara maju dan menerapkan nilai patriotisme yang menjadi teras utama kemenjadian warganegara yang patriotik.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti berikut:

1. Kajian yang dijalankan menggunakan kaedah campuran atau *mixed methodology design* sebagai reka bentuk kajian. Kajian ini menggunakan data kuantitatif dan data kualitatif serta dijalankan triangulasi data bagi mendapatkan hasil dapatan kajian. Kajian seterusnya perlu dilaksanakan menggunakan data kualitatif sepenuhnya terutama dalam mendapatkan data berkaitan pemahaman dan amalan nilai patriotisme siswa guru Sejarah. Kekuatan kaedah kualitatif dapat dilihat dari segi data temu bual dan pemerhatian yang akan memberi jawapan yang lebih tepat berkaitan pemahaman dan amalan nilai.
2. Bagi mendapatkan data yang lebih holistik tentang pemahaman, amalan dan penerapan siswa guru Sejarah di Malaysia, kajian perlu dijalankan terhadap siswa guru Sejarah yang mengikuti pengajian di IPT awam atau swasta. Lazimnya siswa guru Sejarah keluaran IPT akan ditempatkan di sekolah menengah manakala siswa guru Sejarah IPG akan ditempatkan di sekolah rendah. Penerapan nilai patriotisme yang dinyatakan dalam DSKP mata pelajaran sejarah sekolah rendah perlu mempunyai kesinambungannya di peringkat sekolah menengah. Kajian akan menjadi sempurna jika responden kajian dapat melibatkan semua siswa guru sejarah di IPTA dan IPTS di Malaysia. Hal ini kerana, dapatan kajian terhadap pemahaman, amalan dan penerapan nilai patriotisme di Malaysia adalah lebih holistik.



3. Kajian berkaitan patriotisme ini juga perlu dijalankan pada peringkat pendidikan prasekolah iaitu melibatkan murid berusia 4 tahun hingga 6 tahun. Kajian patriotisme pada peringkat ini banyak dijalankan di luar negara. Hal ini menunjukkan bahawa usia yang muda mampu membentuk pengetahuan yang baik tentang patriotisme seterusnya dapat melahirkan nilai patriotisme yang kuat terhadap negara. Easton dan Hess membuktikan bahawa kanak-kanak berumur tiga tahun mampu menjadi insan yang mempunyai pengetahuan yang mantap apabila mereka mencapai usia tujuh tahun sekiranya mendapat pendedahan pendidikan patriotisme melalui mata pelajaran Sejarah di sekolah.
4. Kajian yang dilaksanakan ini hanya melibatkan tiga nilai patriotisme iaitu bangga negara, bersemangat setia negara dan hormat simbol negara. Terdapat enam nilai patriotisme yang disarankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam kurikulum mata pelajaran Sejarah. Oleh itu, kajian seterusnya perlu mengambil kira tiga nilai patriotisme yang tidak dikaji dalam kajian ini iaitu bersemangat kekitaan, berdisiplin dan berusaha produktif.





HUBUNGAN ANTARA CIRI PENILAIAN PRESTASI DENGAN KEBERKESANAN PENILAIAN PRESTASI: PERANAN KEADILAN PENILAIAN SEBAGAI PERANTARA DAN KEPIMPINAN AUTENTIK SEBAGAI PENYEDERHANA

MOHD NADZRI ISHAK
RT 330.05 MOH

ABSTRAK KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menyelidik hubungan antara ciri-ciri penilaian prestasi dengan keberkesanan penilaian prestasi dan keadilan penilaian sebagai pemboleh ubah perantara. Kajian juga menyelidik peranan kepimpinan autentik sebagai pemboleh ubah penyederhana dalam hubungan antara keadilan penilaian dengan keberkesanan penilaian prestasi. Ciri-ciri penilaian prestasi yang merupakan pemboleh ubah tidak bersandar merangkumi tujuan penilaian, maklum balas penilaian, kejelasan kriteria, penyertaan pekerja dan hubungan interpersonal. Manakala pemboleh ubah bersandar adalah konstruk keberkesanan penilaian prestasi yang dibentuk daripada dimensi kepuasan penilaian dan dimensi motivasi untuk meningkatkan prestasi. Sebanyak tujuh belas hipotesis telah dibentuk berdasarkan kerangka kajian. Kajian ini merupakan kajian tinjauan dan bersifat keratan rentas. Populasi kajian melibatkan guru-guru sekolah menengah harian biasa di bawah KPM seluruh Malaysia. Responden kajian ditentukan secara rawak mudah dan sebanyak 500 soal selidik telah dihantar. Seramai 292 responden telah memberikan maklum balas namun 284 (56.8%) sahaja sesuai digunakan bagi tujuan analisis. Analisis dilaksanakan menggunakan SPSS versi 23 bagi analisis deskriptif sementara Smart-PLS versi 3.2.9 bagi membuat pengujian hipotesis. Hasil analisis mendapati dua belas hipotesis diterima manakala lima hipotesis ditolak. Pemboleh ubah tujuan penilaian, maklum balas penilaian dan kejelasan kriteria serta keadilan penilaian mempengaruhi keberkesanan penilaian prestasi secara langsung. Semua ciri penilaian prestasi kecuali tujuan penilaian mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan keadilan penilaian. Dapatan juga menunjukkan kesemua ciri penilaian prestasi kecuali tujuan penilaian mempengaruhi keberkesanan penilaian prestasi secara tidak langsung melalui keadilan penilaian sebagai pemboleh ubah perantara. Analisis juga mendapati kepimpinan autentik tidak memainkan peranan sebagai penyederhana. Dapatan kajian menyumbang kepada bukti empirikal tentang peranan ciri-ciri penilaian prestasi serta peranan keadilan penilaian dalam mempengaruhi keberkesanan penilaian prestasi. Ini membolehkan pihak pengurusan terutamanya Bahagian Pengurusan Sumber Manusia merancang dan membuat penambahbaikan dalam pengurusan penilaian prestasi agar menjadi lebih berkesan bagi mencapai sasaran organisasi pada masa akan datang.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Kajian ini menguji lima ciri penting dalam pelaksanaan penilaian prestasi. Hasil kajian ini memberikan gambaran jelas kepada pihak yang menguruskan penilaian prestasi sama ada di kementerian, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah mahupun sekolah untuk memberikan perhatian terhadap ciri-ciri yang mempengaruhi keberkesanan penilaian prestasi secara langsung mahupun tidak langsung. Untuk memastikan penilaian prestasi yang dilaksanakan berkesan, pihak pengurusan perlu memastikan tujuan penilaian prestasi dijelaskan kepada guru-guru yang hendak dinilai, guru-guru diberikan maklum balas hasil penilaian yang dilaksanakan, kriteria-kriteria penilaian perlu dijelaskan tanpa selindung, guru perlu dilibatkan semasa proses penilaian dan dua penilai yang dipilih perlu mempunyai hubungan *interpersonal* yang baik dengan guru yang hendak dinilai.

Kajian ini juga mengambil kira peranan keadilan penilaian sebagai pemboleh ubah perantara ciri penilaian prestasi dengan keberkesanan penilaian prestasi. Hasil kajian menunjukkan bahawa peranan keadilan penilaian adalah penting sebagai perantara dalam mempengaruhi keberkesanan penilaian prestasi. Dapatan ini memberikan isyarat yang jelas kepada pengurus proses penilaian prestasi untuk memastikan bahawa elemen keadilan diberikan perhatian mendalam semasa proses penilaian prestasi dilaksanakan.

Kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa amalan keadilan dalam penilaian adalah sangat penting. Memandangkan ciri penilaian prestasi melibatkan hubungan langsung dengan penilai, keadilan dilihat sebagai perantara yang sangat penting bagi meningkatkan keberkesanan penilaian prestasi. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa penilai dan pihak pengurusan perlu menitikberatkan amalan keadilan dalam penilaian agar penilaian yang dibuat bukan sekadar melengkapkan amalan pengurusan, sebaliknya boleh dijadikan pengukur dan instrumen pembangunan organisasi.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti berikut:

1. Sampel kajian ini terdiri daripada guru-guru yang bertugas di sekolah menengah harian biasa. Terdapat pelbagai kategori guru lain yang bertugas di sekolah rendah, sekolah menengah berasrama penuh, matrikulasi, institusi pendidikan guru, pejabat pendidikan daerah, jabatan pendidikan negeri dan di kementerian. Populasi kajian ini membentuk 35% daripada keseluruhan guru di KPM. Memandangkan banyak persamaan dari segi proses kerja dan penggunaan instrumen penilaian prestasi yang sama bagi keseluruhan warga guru di KPM, maka instrumen yang digunakan dalam kajian ini boleh diaplikasi kepada kajian akan datang yang lebih besar melibatkan keseluruhan warga guru di KPM.
2. Responden kajian ini tertumpu kepada pegawai yang dinilai sahaja oleh itu, dapatan kajian hanya mencerminkan keberkesanan penilaian prestasi dari sudut pandangan pegawai dinilai. Dapatan ini tidak dapat memberikan gambaran terhadap keseluruhan pengguna penilaian prestasi. Oleh itu, kajian selanjutnya perlu dijalankan dengan mengambil kira penilai sebagai responden. Sekiranya pandangan penilai dan pegawai dinilai diambil kira bagi menentukan faktor keberkesanan penilaian prestasi, maka dapatan kajian dijangka akan lebih menyeluruh berbanding kajian ini.



3. Kajian ini bersifat keratan rentas oleh itu, kajian ini hanya dapat dibuktikan pada tahun kajian ini dijalankan. Oleh itu, kajian berbentuk longitudinal adalah dicadangkan dengan melibatkan sampel daripada semua institusi pendidikan bawah KPM dalam tempoh masa yang lebih lama. Hal ini akan memberikan gambaran lebih jelas tentang keberkesanan penilaian prestasi secara keseluruhan.
4. Kajian ini juga menggunakan gaya kepimpinan autentik sebagai pemboleh ubah penyederhana. Namun, dapatan kajian ini telah menolak peranan kepimpinan autentik sebagai penyederhana walaupun kebanyakan teori dan kajian menyatakan bahawa gaya kepimpinan merupakan pemboleh ubah yang memainkan peranan dalam keberkesanan penilaian prestasi. Oleh itu, kajian ini boleh diteruskan dengan menggunakan gaya kepimpinan yang berbeza seperti gaya kepimpinan transformasional yang lebih berfokus kepada peningkatan moral dan motivasi pekerja (Bass, 1999). Selain itu, kajian juga boleh dilaksanakan bagi menentukan adakah faktor gaya kepimpinan juga merupakan faktor yang mempengaruhi keberkesanan penilaian prestasi itu sendiri.





PENILAIAN PELAKSANAAN PROGRAM TAHFIZ MODEL ULUL ALBAB (TMUA) DI SEKOLAH MENENGAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

MUHD ZULHILMI HARON
RT 370.9595 MUH

ABSTRAK KAJIAN

Program Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) menekankan pendekatan Quranik Ijtihadik dan Ensiklopedik telah dilaksanakan mulai tahun 2014 di sekolah menengah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Namun hasil laporan penarafan pelaksanaan TMUA tahun 2017 menunjukkan terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaannya antaranya keciciran hafazan terkumpul. Kajian ini bertujuan untuk menilai pelaksanaan program TMUA berasaskan Model Penilaian *Context-Input-Process-Product* (CIPP). Di samping itu, kajian ini turut bertujuan menentukan pengaruh produk berdasarkan aspek kemudahan pembelajaran, teknik Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc), penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dan kaedah penilaian serta mengenal pasti masalah dan cadangan penambahbaikan pelaksanaan program TMUA. Kaedah *Mixed Method Research* (MMR) dijalankan menggunakan tinjauan soal selidik. Kajian kuantitatif ini melibatkan sampel seramai 302 orang murid dan sampel seramai 144 orang guru. Data dianalisis menggunakan analisis deskriptif (min, sisihan piawai) dan analisis inferensi (ujian t, ANOVA, MANOVA, regresi). Data kualitatif pula diperolehi melalui temu bual terhadap 12 orang murid dan 11 orang guru dan dianalisis mengikut tema. Dapatan deskriptif menunjukkan aspek konteks, input dan proses berada pada tahap tinggi dan sederhana. Selain itu, kajian mendapati tiga pemboleh ubah secara signifikan mempengaruhi aspek-aspek di dalam dimensi produk. Hasil temu bual mendapati terdapat beberapa masalah yang timbul sepanjang pelaksanaan program TMUA seperti pengurusan masa, kemudahan yang tidak lengkap dan kompetensi guru serta beberapa cadangan penambahbaikan seperti sokongan pihak sekolah, pelaksanaan LDP secara konsisten terhadap guru dan intervensi murid. Oleh yang demikian, kajian ini memberikan implikasi kepada kemudahan pembelajaran, teknik PdPc dan kaedah penilaian.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Kajian ini telah menunjukkan bahawa dalam pelaksanaan program TMUA, aspek konteks, input dan juga proses saling bergandingan dalam menentukan produk yang diharapkan. Hasil dapatan kajian ini dapat dijadikan panduan dalam pelaksanaan program TMUA di sekolah menengah KPM. Kajian ini membawa implikasi berikut:

1. Kualiti guru perlu dipertingkatkan dengan memenuhi ilmu pengetahuan asas guru iaitu, pengetahuan isi kandungan, pengetahuan pedagogi am, pengetahuan kurikulum, pengetahuan pedagogi dan isi kandungan, pengetahuan mengenai latar belakang murid, pengetahuan mengenai konteks pendidikan dan matlamat pendidikan.
2. Kajian ini berjaya mendapatkan dapatan yang baharu dan bermakna kerana dapat mengenal pasti kelemahan dan kekuatan program TMUA. Justeru, pihak terlibat perlu memberikan perhatian terhadap pemantauan, penilaian keberkesanan dan kerjasama guru dengan pentadbir sekolah. Pegawai KPM, JPN, PPD dan pentadbir sekolah perlu lebih konsisten menjalankan pemantauan dan penyeliaan pelaksanaan program TMUA ini.
3. Dapatan kajian mendapati terdapat empat dimensi utama yang menyumbang kepada keberkesanan pelaksanaan program TMUA, iaitu, hala tuju, input, proses dan hasil. Aspek hasil pula mempunyai empat elemen, iaitu, keberkesanan, kemapanan, kebolehpindaan dan impak yang bertindak sebagai produk program.
4. Kajian ini menyumbang kepada pembentukan satu model konseptual yang mendapati tiga pemboleh ubah iaitu Teknik PdPc, kemudahan pembelajaran dan kaedah penilaian memberi pengaruh terhadap aspek produk dalam pelaksanaan TMUA.
5. Dapatan kajian juga memberi gambaran menyeluruh dalam usaha penambahbaikan program TMUA iaitu dengan memperbanyakkan latihan kepada guru berkaitan PAK21 dan menambah baik tahap kemudahan PdPc terutama sekali berkaitan teknologi dan capaian internet.
6. Hasil dapatan kajian ini, Bahagian Pendidikan Islam KPM disarankan agar dapat memberi orientasi menyeluruh dan komprehensif kepada pihak pentadbir supaya mereka mendapat maklumat jelas mengenai pelaksanaan program TMUA.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti berikut:

1. Kajian ini hanya melibatkan guru tahfiz dan murid tingkatan empat sahaja dan tidak mewakili perspektif semua warga sekolah. Justeru, untuk kajian akan datang, dicadangkan agar turut menilai pelaksanaan program Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) dari perspektif penggubal dasar pada peringkat kementerian, pakar kurikulum dan program pendidikan, para pentadbir sekolah serta guru akademik. Selain itu, dicadangkan juga agar melibatkan murid daripada pelbagai tingkatan sebagai responden kajian. Kutipan data juga dicadangkan dilaksanakan melibatkan keseluruhan sekolah TMUA yang berjumlah 15 buah sekolah.

2. Kajian yang dijalankan berbentuk tinjauan dan pengutipan data yang dibuat hanya sekali sahaja iaitu ketika responden kajian berada dalam program. Pengkaji mencadangkan agar kajian bersifat longitudinal boleh dilaksanakan untuk melihat keberkesanan program secara lebih tekal dan tepat. Pengutipan data boleh dilakukan beberapa pusingan terhadap responden kajian untuk penilaian keberkesanan terhadap sesuatu program pendidikan dapat dilaksanakan secara lebih tepat.
3. Kajian ini melibatkan perisian IBM SPSS *Statistics* bagi tujuan penganalisan data kuantitatif dan menggunakan kaedah manual dalam penganalisan data kuantitatif. Oleh itu, kajian selanjutnya disarankan menggunakan perisian seperti PLS-SEM dan SEA-AMOS bagi menguji hipotesis kajian serta perisian Atlas Ti dan NVIVO bagi membantu penganalisan data kualitatif.
4. Reka bentuk kajian ini merupakan kajian tinjauan kuantitatif yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen utama kajian dan disokong kaedah kualitatif melalui temu bual separa struktur. Oleh itu, kajian selanjutnya seharusnya menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya melalui temu bual berstruktur, pemerhatian dan analisis dokumen.
5. Kajian ini menilai pelaksanaan program TMUA dengan menggunakan Model Penilaian CIPP oleh Stufflebeam (2007). Justeru, untuk kajian akan datang dicadangkan supaya model penilaian terkini dan efektif digunakan kerana terdapat pelbagai model penilaian yang dipelopori oleh pakar-pakar kurikulum dan penilaian pendidikan di seluruh dunia.



EFIKASI KENDIRI, PENGUASAAN BAHASA INGGERIS DAN PENGGUNAAN STRATEGI PENGAJARAN GURU PRASEKOLAH DALAM PENGAJARAN BAHASA INGGERIS

NOORUL HIDAYAH AZMAN
RT 372.21044 NOO

ABSTRAK KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti tahap efikasi sendiri, tahap penguasaan bahasa Inggeris dan tahap penggunaan strategi pengajaran guru prasekolah dalam pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Kajian ini turut mengkaji hubungan dan sumbangan penguasaan bahasa Inggeris guru dan penggunaan strategi pengajaran guru terhadap efikasi sendiri guru. Kajian ini menggunakan kaedah gabungan secara penjelasan berturutan dengan menggunakan kedua-dua pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Teknik pensampelan rawak pelbagai peringkat digunakan bagi menentukan responden kajian. Seramai 444 orang guru prasekolah seluruh Malaysia dipilih sebagai responden. Pemilihan peserta kajian kualitatif iaitu seramai lapan orang guru pula dijalankan melalui teknik pensampelan bertujuan. Hasil analisis deskriptif menunjukkan bahawa tahap efikasi sendiri guru prasekolah dalam pengajaran Bahasa Inggeris secara keseluruhan berada pada tahap tinggi. Walau bagaimanapun, tahap penguasaan bahasa Inggeris guru dan penggunaan strategi pengajaran guru secara keseluruhan berada pada tahap sederhana. Seterusnya ujian MANOVA menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan penguasaan bahasa Inggeris guru berdasarkan pengalaman mengajar manakala tidak terdapat perbezaan yang signifikan efikasi sendiri guru dan penggunaan strategi pengajaran guru berdasarkan pengalaman mengajar. Hasil kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan penguasaan bahasa Inggeris guru berdasarkan kelayakan akademik, manakala tidak terdapat perbezaan yang signifikan efikasi sendiri guru dan penggunaan strategi pengajaran guru berdasarkan kelayakan akademik. Analisis ujian Korelasi Pearson pula menunjukkan hubungan yang signifikan antara penguasaan bahasa Inggeris guru dengan efikasi sendiri guru dengan kekuatan sangat lemah. Hasil kajian juga menunjukkan hubungan signifikan yang lemah antara penggunaan strategi pengajaran guru dengan efikasi sendiri guru. Analisis Regresi Berganda mendapati bahawa penguasaan bahasa Inggeris guru dan penggunaan strategi pengajaran guru menyumbang kepada efikasi sendiri guru prasekolah dalam pengajaran bahasa Inggeris. Seterusnya, data kualitatif yang dikumpul melalui temu bual dan analisis dokumen dianalisis menggunakan perisian Nvivo. Analisis kualitatif menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi efikasi sendiri guru prasekolah dalam pengajaran bahasa Inggeris. Dapatan analisis kualitatif juga telah menghasilkan satu garis panduan amalan terbaik pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di peringkat prasekolah. Dapatan kajian ini dapat dijadikan panduan dan memberi nilai tambah kepada pengajaran bahasa Inggeris di prasekolah dan juga peningkatan profesionalisme guru prasekolah Malaysia. Diharapkan kajian lanjutan akan dijalankan bagi menghasilkan modul Latihan untuk meningkatkan efikasi sendiri guru prasekolah dalam pengajaran bahasa Inggeris. Kesimpulannya, guru yang berefikasi tinggi, berpengetahuan dan berkemahiran merupakan kunci utama keberkesanan pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa

kedua. Keberkesanan pengajaran bahasa Inggeris pada prasekolah adalah amat penting untuk melahirkan generasi yang mempunyai sifat peribadi, perwatakan dan konsep diri yang positif, serta dapat memperkembang kemahiran berbahasa dan berkomunikasi menggunakan bahasa Inggeris dalam kehidupan seharian selaras dengan kepentingannya sebagai bahasa kedua.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap efikasi sendiri, tahap penguasaan bahasa Inggeris dan tahap penggunaan strategi pengajaran guru prasekolah dalam pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Hubungan dan sumbangan penguasaan bahasa Inggeris guru dan penggunaan strategi pengajaran guru terhadap efikasi sendiri guru turut dikaji.

Dapatan hasil kajian adalah seperti yang berikut:

1. Tahap efikasi sendiri guru prasekolah dalam pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi. Walau bagaimanapun, tahap penguasaan bahasa Inggeris guru prasekolah dan tahap penggunaan strategi pengajaran bahasa Inggeris guru prasekolah berada pada tahap sederhana.
2. Terdapat perbezaan yang signifikan penguasaan bahasa Inggeris guru berdasarkan pengalaman mengajar manakala tidak terdapat perbezaan yang signifikan efikasi sendiri guru dan penggunaan strategi pengajaran guru berdasarkan pengalaman mengajar.
3. Berdasarkan permasalahan berkaitan strategi pengajaran guru prasekolah dan berdasarkan dapatan kuantitatif dan kualitatif kajian, pengkaji menemukan lapan amalan terbaik pengajaran bahasa Inggeris yang dilaksanakan oleh guru iaitu amalan mewujudkan kerjasama luar, mengintegrasikan teknologi maklumat dan komunikasi, melaksanakan pembelajaran menyeronokkan, melaksanakan pembelajaran koperatif, menerapkan pembelajaran bermakna, menggalakkan murid berkomunikasi dalam bahasa Inggeris, memudahkan pemahaman murid dan membantu murid membaca bahan bacaan bahasa Inggeris.
4. Dapatan kajian juga mendapati bahawa faktor-faktor yang mempengaruhi efikasi sendiri guru prasekolah dalam pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua ialah sikap, penguasaan bahasa Inggeris, pengetahuan, kursus bahasa Inggeris dan kelayakan guru.
5. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kursus bahasa Inggeris yang dianjurkan oleh KPM adalah berbentuk cascading daripada peringkat tertinggi kepada pelaksana program secara berperingkat-peringkat. Penyampaian secara cascading kepada guru prasekolah akan menyebabkan ketirisan maklumat, menyebabkan tidaksempuhnya input tersebut dapat disampaikan. Bagi mengatasi masalah ini, pelaksanaan kursus perlu dipantau dengan ketat oleh bahagian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atau pegawai terlibat. Kekerapan mengadakan kursus juga perlu diambil kira supaya guru prasekolah mendapat pengisian input. Latihan yang didedahkan juga tidak boleh terhad kepada guru prasekolah sahaja malah perlu diberikan kepada jurulatih utama, guru besar, pegawai di PPD dan juga JPN.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti berikut:

1. Kajian ini hanya menggunakan penguasaan bahasa Inggeris guru dan penggunaan strategi pengajaran guru sebagai pemboleh ubah tidak bersandar. Maka, kajian lanjutan yang dicadangkan adalah mengkaji faktor-faktor lain yang tidak diuji dalam kajian ini dan pengaruhnya terhadap efikasi sendiri guru prasekolah dalam pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Antara faktor lain yang boleh diuji ialah sikap, pengetahuan, kursus bahasa Inggeris, kelayakan, kecerdasan emosi, kesediaan kerja dan motivasi guru serta lain-lain.
2. Kajian ini menggunakan analisis inferensi menggunakan kolerasi Pearson dan analisis regresi berganda sahaja. Adalah dicadangkan agar kajian lanjutan menjalankan analisis menggunakan Model Persamaan Struktur (*Structural Equation Modeling*, SEM) seterusnya menghasilkan model efikasi sendiri guru prasekolah dalam pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.
3. Kajian ini hanya melihat perbezaan latar belakang guru daripada dua aspek sahaja, iaitu, pengalaman mengajar dan kelayakan akademik. Oleh itu, dicadangkan agar kajian lanjutan dijalankan dengan melihat perbezaan latar belakang guru daripada aspek lain seperti umur, jantina, bilangan hari guru menghadiri kursus pembangunan profesionalisme keguruan, pengalaman melawat atau belajar di negara yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pertama, pencapaian dalam MUET dan lain-lain.
4. Kajian akan datang juga dicadangkan untuk memberi tumpuan kepada lokasi yang lebih luas dan peserta yang lebih ramai untuk melihat apakah hasil dapatan menyamai dapatan yang telah diperoleh.
5. Kajian ini hanya melibatkan guru prasekolah KPM sahaja. Bagi memastikan dapatan kajian lebih menyeluruh, disarankan agar kajian turut melibatkan guru dari jenis prasekolah yang berbeza iaitu, Tabika Emas, Tabika Perpaduan Negara, Taman Asuhan Kanak-kanak Islam, Permata Negara dan Tadika Swasta agar dapat dibuat perbandingan berkaitan efikasi sendiri guru dalam pengajaran bahasa Inggeris dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia.
6. Kajian ini menggunakan gabungan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Memandangkan kaedah ini mempunyai batasan dan kekuatan tersendiri, maka kajian lanjutan disarankan menggunakan pendekatan kualitatif secara sepenuhnya. Dengan demikian, maklumat yang lebih mendalam boleh diperoleh daripada peserta kajian berkaitan efikasi sendiri guru. Untuk tujuan tersebut, disarankan kajian akan datang menjalankan temu bual yang mendalam, kaedah analisis dokumen dan juga kaedah pemerhatian bagi menghasilkan dapatan daripada perspektif analisis kualitatif.
7. Dapatan kajian mendapati bahawa guru prasekolah masih mempunyai kerisauan dalam melaksanakan pengajaran bahasa Inggeris. Oleh itu, kajian lanjutan dicadangkan dijalankan bagi menghasilkan modul untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan guru prasekolah. Selain itu, dicadangkan juga penghasilan modul latihan bagi meningkatkan efikasi sendiri guru prasekolah dalam pengajaran bahasa Inggeris.



HUBUNGAN RANGKAIAN MOTOR PEMBELAJARAN DENGAN PENCAPAIAN KEMAHIRAN PENULISAN KARANGAN MURID TINGKATAN EMPAT

KHAWIDAH ABD SAMAD
RT 372.623 KHA

ABSTRAK KAJIAN

Kemahiran menulis merupakan kemahiran yang sukar dikuasai kerana melibatkan keupayaan kognitif yang perlu dimanipulasikan secara optimum yang perlu dikuasai oleh murid bagi mendapatkan hasil penulisan yang baik. Penyelidikan ini bukan sahaja untuk meninjau pengaplikasian dan meneroka amalan motor pembelajaran kemahiran menulis dalam penulisan karangan Bahasa Melayu, malah untuk melihat hubungan dan sumbangan ke atas tahap penguasaan kemahiran menulis murid tingkatan empat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kedah, Johor dan Kelantan dengan menggunakan reka bentuk gabungan, iaitu reka bentuk penjelasan berikutan. Bagi memperoleh data kuantitatif, kaedah tinjauan telah digunakan dan dijalankan ke atas 429 orang responden dengan menggunakan borang soal selidik yang terdiri daripada empat konstruk utama motor pembelajaran kemahiran menulis iaitu motor perancangan, motor logik, motor memori dan motor tindakan. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for The Social Science* (SPSS) 23 dan dapatan menunjukkan bahawa motor logik memperoleh nilai skor min paling tinggi berbanding motor pembelajaran kemahiran menulis yang lain dengan nilai skor min 3.56 dan sisihan piawai 0.704. Bagi meneroka amalan motor pembelajaran kemahiran menulis, kaedah analisis dokumen dan temu bual semi struktur telah digunakan bagi menjelaskan lagi dapatan kajian secara kuantitatif. Sebanyak 23 sampel penulisan karangan telah dianalisa dan 11 peserta kajian telah ditemu bual. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keempat-empat motor pembelajaran kemahiran menulis saling berkait antara satu sama lain. Dapatan ini telah dikukuhkan lagi dengan dapatan daripada ujian korelasi Pearson yang mendapati bahawa terdapatnya hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah bebas motor pembelajaran kemahiran menulis dengan pemboleh ubah bersandar tahap penguasaan kemahiran menulis murid secara positif pada tahap kuat. Manakala, hasil daripada ujian regresi berganda pula mendapati bahawa motor logik merupakan pemboleh ubah bebas tertinggi yang memberi sumbangan ke atas tahap penguasaan kemahiran menulis murid dan analisis SEM juga menunjukkan bahawa motor pembelajaran kemahiran menulis mempunyai hubungan positif yang signifikan secara statistik dengan tahap penguasaan kemahiran menulis murid tingkatan empat. Justeru, pengaplikasian motor pembelajaran kemahiran menulis dapat membantu murid meningkatkan tahap penguasaan dalam penulisan karangan dan teori ini dapat dijadikan panduan kepada guru dalam membetulkan motor pembelajaran murid yang lebih lemah dan membantu murid mengatasinya supaya murid dapat menulis karangan dengan menggunakan idea yang tersusun dan sekali gus mencapai tahap penguasaan kemahiran menulis yang diharapkan.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa motor pembelajaran kemahiran menulis yang diketengahkan oleh Levine (2003) memberi kesan ke atas tahap penguasaan kemahiran menulis dalam penulisan karangan bahasa Melayu bagi empat buah negeri yang dikaji. Keupayaan dan kemampuan murid mengaplikasikan keempat-empat motor pembelajaran kemahiran menulis iaitu motor perancangan, motor logik, motor memori dan motor tindakan dalam proses pembelajaran penulisan karangan akan dapat membantu murid menghasilkan karangan yang lebih baik dan cemerlang.

Didapati keempat-empat motor pembelajaran ini saling berkait dan mempengaruhi antara satu sama lain, namun dilakukan secara berurutan seperti yang telah dicadangkan oleh Levine (2023). Proses pembelajaran penulisan karangan ini bermula dengan penetapan matlamat penulisan dengan meneliti kehendak soalan serta membuat persediaan menulis melalui pembacaan dan penyediaan kerangka karangan sebagai panduan. Seterusnya, pemilihan dan penetapan strategi perlu dilakukan. Selain itu, motor memori memainkan peranan penting dengan mengakses pengetahuan sedia ada dan mengaitkan dengan maklumat baharu yang diperolehi bagi menyelesaikan kehendak tugas. Akhir sekali, tindakan menulis karangan dilakukan dengan menghubungkan perancangan dan strategi serta mengintegrasikan maklumat bagi melengkapkan tugas. Oleh yang demikian, keupayaan dan kemampuan murid mengaplikasikan motor pembelajaran kemahiran menulis akan dapat meningkatkan tahap penguasaan murid dalam penulisan. Bagi murid berprestasi rendah, mereka perlu dibantu oleh guru untuk menguasai motor pembelajaran yang lemah supaya pencapaian dapat ditingkatkan.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti berikut:

1. Kajian ini hanya melibatkan sekolah yang dipilih secara rawak bagi empat buah negeri iaitu, Kuala Lumpur mewakili zon tengah, Kedah mewakili zon utara, Johor mewakili zon selatan dan Kelantan mewakili zon timur. Kajian ini boleh diperluaskan bagi sekolah-sekolah semua negeri di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak supaya data dan dapatan kajian merangkumi sekolah semua negeri di Malaysia.
2. Kajian boleh diperluaskan kepada murid daripada pelbagai kategori sekolah kerana kajian ini hanya melibatkan murid sekolah menengah kebangsaan dalam kategori sekolah harian. Kajian boleh dilakukan kepada murid kategori sekolah berprestasi tinggi, sekolah berasrama penuh, sekolah agama, kolej vokasional dan sekolah bawah program Kementerian seperti Sekolah Transformasi (TS25) dan Sekolah Amanah supaya perbandingan dapatan kajian dapat dilakukan.
3. Kajian ini hanya menggunakan dua jenis pemboleh ubah, iaitu, pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar. Kajian seterusnya boleh dilakukan dengan melibatkan pemboleh ubah lain seperti pemboleh ubah mediator atau pemboleh ubah pengantara dan pemboleh ubah moderator. Melalui pemboleh ubah mediator, bukti empirikal akan dapat menerangkan perhubungan serentak yang terjadi dengan menggunakan sampel yang sama. Manakala pemboleh ubah moderator, bukti empirikal baharu akan dapat menerangkan perhubungan serentak dengan menggunakan sampel yang sama.



4. Kajian ini melibatkan kaedah kuantitatif dan kualitatif dengan menggunakan kaedah gabungan penjelasan berturutan yang bertujuan untuk membolehkan dapatan kajian yang lebih mendalam diperolehi terhadap kajian berbentuk kuantitatif dilakukan selain menyokong dapatan.
5. Kajian ini berfokus kepada dapatan kajian berhubung pengaplikasian motor pembelajaran kemahiran di samping meneliti hubungan dan pengaruh ke atas tahap penguasaan murid. Justeru, kajian lebih mendalam boleh dilakukan dengan turut memberi fokus kepada dapatan berdasarkan maklumat demografi seperti jantina, umur, kaum dan latar belakang keluarga murid supaya dapatan mampu menghasilkan paten pembelajaran murid berdasarkan maklumat demografi dan cadangan penambahbaikan terhadap pembelajaran berasaskan kognitif dengan mengaplikasikan motor pembelajaran kemahiran menulis dapat diaplikasikan.





HUBUNGAN TUNTUTAN KERJA, SUMBER DAYA KERJA DAN EFIKASI PROFESIONAL TERHADAP KESEJAHTERAAN KERJA GURU

ZALIFAH SIDEK
RT 371.102 ZAL

ABSTRAK KAJIAN

Guru yang sihat emosi dan fizikal dapat melahirkan persekitaran pembelajaran yang sihat dan menyeronokkan serta menghasilkan kesejahteraan kerja yang baik. Dorongan dan motivasi diperlukan guru untuk mengekalkan kesejahteraan kerja dan memberikan kualiti kerja yang baik. Oleh itu kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesejahteraan kerja dalam kalangan guru kesan daripada tekanan tuntutan kerja yang dihadapi dalam kerja seharian guru. Kajian ini juga mengkaji sumber daya kerja sebagai sumber motivasi dan sokongan kepada persekitaran kerja guru mendorong kepada kesejahteraan kerja dalam kalangan guru. Kajian juga mengkaji efikasi profesional sebagai pengantara atau mediator antara tuntutan kerja dengan sumber daya kerja terhadap kesejahteraan kerja guru. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kaedah tinjauan. Teknik pensampelan rawak berstrata berkadaran digunakan bagi menentukan responden kajian. Seramai 460 orang guru terdiri daripada guru sekolah menengah kebangsaan dalam senarai sekolah *hotspot* di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya telah dipilih secara sistem penomboran. Instrumen soal selidik digunakan bagi tuntutan kerja daripada *development and validation of three-factor student misbehavior scale* dan *development and validation of instruments of teachers' workload*. Instrumen sumber daya kerja daripada *development and factor analysis of the teacher job satisfaction questionnaire* (TISQ) dan *student-teacher relationship scale*, instrumen kesejahteraan kerja guru daripada *Maslach Inventory Educator Survey* (MBI-ES) dan TJSQ, dan instrumen efikasi profesional pula daripada *the teachers' sense of efficacy scale*. Sebanyak 128 item digunakan dalam soal selidik. Hasil analisis deskriptif menunjukkan bahawa tahap kesejahteraan kerja guru secara keseluruhan berada pada tahap sederhana rendah. Seterusnya ujian MANOVA menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara tuntutan kerja dengan jantina, tuntutan kerja dengan pengalaman kerja, sumber daya kerja dengan jantina, dan efikasi profesional dengan jantina. Dapatan kajian juga mendapati tiada terdapat perbezaan yang signifikan sumber daya kerja dengan pengalaman kerja dan efikasi profesional dengan pengalaman kerja. Analisis ujian SEM mendapati tuntutan kerja tidak mempunyai hubungan yang signifikan terhadap efikasi profesional tetapi sumber daya kerja mempunyai hubungan signifikan dengan efikasi profesional. Hasil kajian juga menunjukkan tuntutan kerja tidak menyumbang kepada kemerosotan kesejahteraan kerja guru tetapi sumber daya kerja guru menunjukkan faktor yang mempengaruhi kepada kesejahteraan kerja dalam kalangan guru. Analisis SEM juga mendapati efikasi profesional menjadi mediasi penuh antara tuntutan kerja dan kesejahteraan kerja guru. Dapatan juga menunjukkan tiada kesan mediasi efikasi profesional antara sumber daya kerja dan kesejahteraan kerja. Implikasi kajian ini memberi satu pengetahuan bahawa sokongan dan motivasi lebih berkesan memberi kesejahteraan dalam kerja

dan keseronokan bekerja kepada guru-guru. Kesimpulannya, sumber sokongan daripada persekitaran tempat kerja banyak memberi kesan positif kepada kerja-kerja guru walaupun bebanan dan masalah murid memberi tekanan dalam kerja seharian mereka.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN


Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini memberi penjelasan bahawa kesejahteraan kerja guru amat penting dalam persekitaran kerja guru. Dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa kesejahteraan kerja guru menyumbang kepada pengekalan guru dalam sistem pendidikan, keseronokan guru untuk terus kekal bekerja dan menabur bakti dalam pendidikan anak bangsa serta menyumbang kepada keseronokan murid menimba ilmu dan kecemerlangan dalam akademik dan nilai peribadi. Faktor sokongan dan kontekstual seperti persekitaran kerja dan sosiobudaya amat mempengaruhi dan berperanan penting dalam membentuk kesejahteraan dalam kalangan pekerja di sesebuah organisasi.

Kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa kesejahteraan kerja guru bukan dipengaruhi oleh tekanan kerja semata-mata tetapi yang lebih penting adalah sokongan daripada organisasi atau pihak pengurusan tertinggi seperti pentadbir amat penting kepada kesejahteraan emosi, keharmonian di tempat kerja serta keseronokan bekerja. Tekanan kerja dapat ditangani oleh pekerja tetapi sikap negatif pentadbir dan organisasi yang tidak menghargai pekerja menyebabkan emosi negatif kepada pekerja. Oleh itu, kepuasan berkerja menjadi rendah dan emosi mereka turut terancam kerana perasaan tidak puas hati, kecewa dan hati yang terguris memberi kesan yang amat mendalam kepada kesejahteraan kerja seseorang pekerja dalam sesebuah organisasi.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti berikut:

1. Kajian lanjutan amat diperlukan untuk meneliti aspek-aspek berkaitan dengan kesejahteraan guru di sekolah antaranya penekanan daripada aspek sokongan kepada tugas dan kerja guru dalam seharian mereka bekerja. Oleh itu, kajian perlu dilakukan bagi menjelaskan aspek-aspek sokongan terutama daripada organisasi dan amalan pentadbir di sekolah. Selain itu, kajian perlu dilakukan bagi menjelaskan sokongan terutama daripada kumpulan pentadbir, Persatuan Ibu Bapa dan guru (PIBG), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
2. Kajian akan datang juga diharapkan dapat dijalankan dengan memberi tumpuan kepada jenis sekolah yang berbeza, peringkat sekolah dan keseluruhan sekolah arus perdana untuk mendapatkan dapatan yang lebih menyeluruh kepada tahap kesejahteraan kerja guru di sekolah dengan melibatkan perspektif daripada sumber yang pelbagai.
3. Kajian ini berbentuk kajian tinjauan dan menggunakan kaedah kajian kuantitatif. Maka, dapatan kajian yang diperoleh hanya dapat menyatakan perkaitan antara pemboleh ubah yang dikaji. Oleh itu, bagi mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam, pengkaji mencadangkan agar kajian lanjutan dijalankan menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah kajian kualitatif yang dicadangkan adalah kaedah etnografi melalui temu bual atau pemerhatian ikut serta. Tujuan kaedah ini disarankan kerana fenomena yang berlaku dalam persekitaran sebenar dan semula jadi di sekolah lebih jelas dari sudut pandangan pengkaji.

- 
4. Kajian lanjutan yang sama juga boleh dijalankan terhadap guru-guru perempuan sahaja berdasarkan kepada sosiodemografi seperti ekonomi keluarga dan tahun pengalaman bekerja. Kajian lanjutan ini akan dapat memberi penjelasan terhadap keadilan gender melalui amalan-amalan kebiasaan dalam kerja dan kehidupan. Hasil dapatan kajian akan dapat merapatkan jurang pengetahuan dalam perkembangan psikologi bagi peningkatan kesejahteraan dalam kalangan guru perempuan yang sering mengalami tekanan disebabkan tuntutan peranan di tempat kerja dan di rumah.



CREATIVE PEDAGOGICAL STRATEGIES ON DESCRIPTIVE WRITING AND CLASSROOM PARTICIPATION IN A SECONDARY ESL EDUCATION

VANITHA THAMBIRAJAH
RT 421.52 VAN

ABSTRACT

Creative teaching of writing is an effective strategy to improve the writing skills in both first and second language learning and enhances the participation level of students in an ESL writing class. However, teachers in Malaysian secondary ESL classrooms are less skilled to utilise creative strategies and materials to help students improve their descriptive writing ability in terms of sentence constructions and vocabulary and enhance learning behaviour specifically participation. This practical classroom research focused on action research under the qualitative paradigm embarked to support students' learning of writing experiences, skills, and participation during writing class through Kemmis McTaggart's model. This study employed thirty-nine student participants and four teacher participants. The data was collected through seven semi-structured interviews among students and two form four teachers, three focus group interviews among six students, six classrooms. Besides, observation using an adapted instrument, Instrumen Rujukan Standard SKPMg-2' Standard 4 (2010) checklist was done, twice for each cycle and document analysis in the form of researcher's reflective note, students' reflection note, group and individual work as well as written tests. NVivo was utilised for data analysis. Findings from the preliminary study and Cycle 1 of the intervention showed that the students were massively challenged in descriptive writing and nature of classroom participation. Traditionally, language teachers less initiate creative pedagogical strategies and use a variety of materials to improve students descriptive writing skills other than rote-learning and memorizing techniques. However, the students' writing skills in vocabulary and sentence construction improved alongside their participation using the creative pedagogical strategies and a vast variety of materials in their learning of descriptive writing. Based on the findings, this study brought transformation and transcendence in the learning of descriptive writing and classroom participation in the ESL context. This study paved ways to help Form Four students score better in descriptive writing in the SPM examination English Paper 2 thus, increased participation level tremendously through the intervention of the creative pedagogical strategies and materials. It was concluded that the teacher gained a greater scope and in-depth understanding of the pedagogical practices.

SUMMARY OF FINDINGS

This study aimed to examine the issues associated with the learning of descriptive writing of weak, urban-poor Form Four ESL students. Three objectives were established, in addition to formulating three research questions which covered three significant areas namely; challenges of learning descriptive writing, nature of participation and expectation of strategies and materials.

A qualitative approach was adopted along with action research and case study design under the big theme of classroom research. Employing three methods that complement each other (interview, document analysis and observation) enabled the collection of rich and insightful data from the class of students and teacher-participant. The data helped to answer all the RQs, giving rise to two interventions to improve the students' learning and participation.

The teaching of writing creatively was not easy, quite challenging for students especially using the latest technology, and with limited and reliable access to the internet and school settings. This is a common issue in urban schools in Malaysia with poor facilities and with learners from various weak backgrounds.

It is also believed that an interesting activity with integrated and creativity in teaching techniques would help to maintain enthusiasm and the attentiveness of students and increase the participation level and interest during lessons. However, their command of the English language and competency would be comparatively low compared to better students. Therefore, it is appropriate and timely for teachers to keep pace with fast-growing technologies and strategies to make writing class more interesting and make optimal use of technology in part, along with the non-technology-based teaching in all for teaching and learning sessions. Although the results of this study cannot be generalised from one class to another, fellow teachers may apply some of the findings for consideration in choosing or modifying their teaching strategies and materials in their classroom based on their students' preferences.

RECOMMENDATIONS FOR FURTHER RESEARCH

Some recommendations for future research are as follows:

1. Future research should involve different types of action research and paradigm such as collaborative action research, multiple case studies, or purely quantitative study. The team of collaborators could consist of teacher educators, school management, or officers from district or state education departments who could take up the role of critical friends, experts, or co-researchers. These knowledgeable people could contribute to a meaningful discussion and boost the motivation of the researcher as they ask what they may understand in a more tacit manner and level.
2. A quantitative study could investigate the scores and produce statistical results to view the different aspects of the marks awarded to students. Moreover, more cycles could be undertaken as long as the data is not saturated or satisfied to answer the RQs.

3. Future studies could also investigate the number of sessions observed during the problem-solving cycles. More sessions would provide further opportunities for guided reflections to occur. Hence, more issues could be raised and examined from the discussions, which may lead to further insight. Moreover, teachers could become more alert with their teaching practise and improve their teaching strategies and ideas to utilise the resources available. Teachers could also examine other parts of a language, such as reading, listening and speaking to capture improvements among students. This is because different elements in the English language yield different participation level which would aid in more discussion and opinions.
4. Future studies could also focus on other behavioural aspects like the engagement level, attention span, individual creativity, interaction or learning processes during the English language lessons to gauge their competency and performance throughout the interventions. Students' oral responses could also be investigated to observe the reciprocal relationship between a teacher's teaching strategies and students' performance and achievement. Besides, almost all the participants would possibly be from a low SES background and proficiency. Their poverty and lack of language exposure are somehow connected due to a strong sense of culture and norms. Hence, competent students from stable households and finance background could represent the participants to be examined as well as international students from private schools. It would be interesting to determine how their experiences and learning process propels them to perform their best in learning.
5. More creativity could be instilled through a virtual classroom via Zoom, Google Meet, Microsoft Teams, Google Hangout, Jitsi Meet and other free online platforms among students to maintain the chain of learning. While teachers or lecturers adopt elements of creativity in pedagogical strategies in their teaching and learning lessons, it would vary according to their IQ and EQ, their skills, technology literate or are highly creative in conducting lessons. Since the teacher and lecturers are non-native speakers, one of their major problems was the ability to help students with their writing skills. Thus, future research could address the gap as to why teachers are still afraid to overcome the fear and transform themselves to be an effective agent of change.



PENGLIBATAN PERTUBUHAN GURU MELAYU DAN DONG JIAO ZONG TERHADAP DASAR PENDIDIKAN DI MALAYSIA 1950 HINGGA 1990

MORNI HANIM SALLEH
RT 379.12 MOR

ABSTRAK KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk membincangkan penglibatan Pertubuhan Guru Melayu - Kesatuan Persekutuan Guru-Guru Melayu Semenanjung (KPGMS), Kesatuan Persekutuan Guru-Guru Melayu Persekutuan Tanah Melayu (KPGMPTM), Kesatuan Guru-guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) dan Dong Jiao Zong terhadap dasar pendidikan Malaysia sejak tahun 1950 hingga 1990. Sebelum negara mencapai kemerdekaan, pendidikan yang wujud adalah terasing namun sebaik sahaja mencapai kemerdekaan, usaha ditumpukan untuk mewujudkan satu sistem pelajaran kebangsaan yang diterima oleh semua kaum. Penglibatan KPGMS-KPGMPTM-KGMMB dan Dong Jiao Zong dalam pendidikan bermula hanya sebagai aktor kecil sahaja, namun semakin berkembang sehingga dianggap sebagai satu medium untuk penguatkuasaan dan peningkatan keadilan sosial bagi satu-satu kaum. Tujuan kajian ini dilakukan ialah untuk meneliti perkembangan KGPMS-KPGMTPM-KGMMB dan Dong Jiao Zong serta hubungan persatuan ini dengan dasar pendidikan di tanah air. Seterusnya, menjelaskan reaksi dan mengenal pasti kepentingan kedua-dua organisasi ini, semasa terlibat dalam pembentukan dasar pendidikan negara. Akhir sekali, menganalisis peranan utama yang dilakukan oleh KGPMS-KPGMTPM-KGMMB dan Dong Jiao Zong dalam merealisasikan matlamat perjuangan mereka. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Sumber primer yang digunakan melibatkan *Colonial Office dan Foreign Office* yang melibatkan pendidikan dan dokumen dari KGPMS-KPGMTPM-KGMMB serta Dong Jiao Zong. Dapatan kajian mendapati KPGMS-KPGMPTM-KGMMB dan Dong Jiao Zong terlibat dalam mempengaruhi dasar Pendidikan bermula 1950 hingga 1990 dan berjaya menghalang, meminda, memansuhkan dan mengekalkan beberapa dasar yang dikemukakan oleh pihak British dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Kajian juga mendapati bahawa KGPMS-KPGMTPM-KGMMB dan Dong Jiao Zong signifikan sebagai wakil suara komuniti, semak dan imbang serta perintis bagi memastikan matlamat organisasi dicapai, dan juga berperanan dalam memastikan status quo serta kelangsungan bahasa serta pendidikan Melayu dan Cina diteruskan hingga ke peringkat universiti.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Kajian ini menumpukan kepada perkembangan dan perubahan dasar pendidikan bermula 1950 hingga 1990 dengan menganalisis sejauh mana hubung kait dan pengaruh KPGMS-KPGMPTM-KGMMB dan Dong Jiao Zong dalam memberikan impak kepada sistem pendidikan di Malaysia. Keanggotaan KPGMS-KPGMPTM-KGMMB terdiri daripada guru-guru Melayu manakala ahli Dong Jiao Zong pula terdiri daripada guru Cina dan Lembaga Pengelola Sekolah Cina. Keahlian kedua-duanya adalah berlatarbelakangkan pendidikan.

Dapatan kajian memfokuskan kepada empat perkara iaitu perkembangan NGO pendidikan, reaksi, kepentingan dan peranan kedua-dua organisasi ini sepanjang terlibat dalam dasar pendidikan sebelum dan selepas merdeka.

Berdasarkan perkembangan NGO pendidikan, kajian mendapati bahawa biarpun kedua-dua organisasi ini mempunyai matlamat berbeza, namun dapat dilihat usaha dan strategi yang mereka lakukan terhadap Laporan Barnes 1950, Ordinan Pelajaran 1952 dan Kertas Putih Pelajaran 1954 adalah menggunakan modus operandi yang lebih kurang sama iaitu berbincang, menghantar memorandum dan mengadakan pertemuan kerana tujuan kedua-duanya adalah untuk memartabatkan bahasa ibunda, meningkatkan pendidikan kaum dan membela nasib golongan pendidik. Kedua-duanya juga berpendirian tegas berdasarkan matlamat dan perjuangan masing-masing. Organisasi ini berjuang dan berusaha membantah laporan dan akta yang dianggap tidak adil dan saksama berkaitan hak pendidikan.

Berkaitan reaksi, kajian mendapati bahawa sebelum merdeka, KPGMS-KPGMPTM-KGMMB dan Dong Jiao Zong memberi reaksi dan berperanan dalam mempengaruhi dasar pendidikan. Ini jelas terbukti sebelum merdeka lagi ketiga-tiga laporan iaitu Laporan Barnes 1950, Ordinan Pelajaran 1952 dan Kertas Putih Pelajaran 1954 merupakan usaha pihak British untuk menggantikan sistem pendidikan vernakular menjadi sekolah kebangsaan. NGO pendidikan seperti KPGMS-KPGMPTM-KGMMB dan Dong Jiao Zong adalah organisasi yang terawal mempertikaikan laporan dan akta yang tidak adil kepada golongan masyarakat di Tanah Melayu. Isu penukaran sistem pendidikan yang dilakukan secara tergesa-gesa menyebabkan pelbagai pihak memberikan reaksi dan tindak balas yang tidak menggalakkan. Penggunaan bahasa pengantar di sekolah-sekolah juga mencetuskan isu dan polemik dalam kalangan masyarakat di Tanah Melayu. Dapatan kajian juga mendapati bahawa selepas merdeka, reaksi KPGMS-KPGMPTM-KGMMB dan Dong Jiao Zong masih berlarutan, malah isu pendidikan terus menjadi tumpuan banyak pihak terutamanya ahli politik tempatan yang mula campur tangan dan menggunakan kuasa mereka mengikut kepentingan politik dan negara.

Berkaitan kepentingan, kajian mendapati bahawa kedua-dua organisasi berjaya berfungsi sebagai wakil suara peringkat komuniti dan pembela, semak dan imbang (*check and balance*) serta perintis sama ada menerima, menolak dengan pindaan atau menangguhkan beberapa perkara yang terdapat dalam kandungan laporan dasar pendidikan yang ingin dilaksanakan oleh pihak British atau Kementerian Pendidikan Malaysia bermula 1950 hingga 1990.

Berkaitan peranan pula, kajian mendapati bahawa kedua-dua NGO ini memainkan peranan utama iaitu memperjuangkan bahasa dan meneruskan kelangsungan institusi pendidikan. Bagi KPGMS-KPGMPTM-KGMMB, peranan utama organisasi ini adalah untuk memperjuangkan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar tunggal dalam sistem pendidikan kebangsaan dan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara.

Manakala bagi Dong Jiao Zong, peranannya sebagai pembela pendidikan Cina dan bahasa ibunda. Organisasi ini digambarkan oleh pihak kerajaan sebagai pergerakan rasialisme kerana sejak kewujudannya sekitar tahun 1950an lagi, Dong Jiao Zong terlibat dalam isu-isu pendidikan Cina dan bahasa Cina.

Kesimpulannya, kajian mendapati bahawa KPGMS-KPGMPTM-KGMMB dan Dong Jiao Zong merupakan NGO yang memainkan peranan penting dalam membangun dan memajukan pendidikan. Kedua-duanya bertindak mengikut matlamat organisasi tersebut dan berjaya mengharungi cabaran menggunakan cara dan strategi tersendiri. Usaha dan peranan mereka tidak boleh dipandang remeh kerana banyak pengorbanan dilakukan bagi memastikan perkembangan pendidikan terus maju dan setaraf dengan pendidikan antarabangsa. Walaupun kedua-duanya berbeza matlamat dan objektif, namun semangat kental dan tidak putus asa menjadikan organisasi ini dihormati hingga ke hari ini.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti berikut:

1. Oleh kerana limitasi kajian ini dari tahun 1950 hingga 1990, pengkaji mencadangkan agar kajian selepas ini boleh meneliti limitasi era tahun 2000 agar dapat melihat adakah berlaku perubahan dari segi reaksi, peranan atau strategi NGO tersebut.
2. Pengkaji hanya membincangkan dasar berkaitan penggunaan bahasa pengantar dan kewujudan institusi pendidikan, namun perkara berkaitan sukatan pelajaran, jenis mata pelajaran, sekolah asrama atau vokasional tidak dibincangkan. Oleh itu, penyelidik akan datang dicadangkan supaya dapat mengkaji perkara tersebut agar dapat memberikan satu gambaran yang berbeza berkaitan pelibatan KPGMS-KPGMPT-KGMMB dan Dong Jiao Zong terhadap dasar pendidikan.



BELIEFS AND PRACTICES OF CHINESE PRIVATE PRE-SCHOOL TEACHERS IN NURTURING CHILDREN'S CREATIVITY

LINA LEE ABDULLAH @ LEE GAY WAH
RT371.2 LIN

ABSTRACT

Despite global acknowledgement on the importance of creativity in early childhood education, past research has shown that teachers' beliefs about creativity vary and have often been influenced by their cultural norms and values towards education. The aim of this study was to explore Chinese private pre-school teachers' beliefs about creativity and how they practise it in their preschool classrooms. This phenomenological research involved multiple semi-structured interviews with a female principal and seven teachers from eight private pre-schools in Penang. Chinese private pre-school teachers who were purposively sampled following their participation in pre-school teacher training workshops and through the completion of a closed survey to classify their creativity type. The teachers' classroom activities were also observed and fieldnotes were taken to capture the way they nurtured creativity among the preschool children. The results were presented in two parts. Firstly, the study discovered five themes regarding the teachers' beliefs about creativity which are: (1) The concept of creativity (2) Identifying creative children (3) The importance of creativity (4) Teachers' roles and (5) The constraints and expectations of teachers. Nonetheless, observational data revealed inconsistencies between teacher beliefs and actual practices in the classroom. Secondly, the study led to the construction of three categories about teaching-learning milieu. They were (1) Classroom teaching strategies, (2) Teaching and learning environment, and (3) Characteristics of teachers. The research has provided a unique look into the teachers' experiences in nurturing creativity, and how these experiences have been shaped by their beliefs and the current demand for academic excellence. Further research is recommended to explore the nature of training provided to them, to identify contradictory messages about the value of creativity, and to examine the feasibility of embedding culturally appropriate way of nurturing creativity in the early childhood education curriculum.

SUMMARY OF FINDINGS

The current research findings were used to develop several significant implications to various parties. Among the findings are as follows:

1. Pre-school teachers have differing needs and constraints, therefore Continuing Professional Development (CPD) newer programmes that would help pre-school teachers in their endeavour to develop and nurture creativity should be provided.
2. Pre-school teachers' beliefs about fostering creativity in the early childhood classroom varied. The study indicated that the Chinese private pre-school teachers have naïve beliefs about creativity. They also lack understanding of the relationship between creativity in early childhood education, thus impeding their effort in including creativity in their teaching.
3. Pre-school teachers are opined that art and music will bring out creativity in pre-school children and thus is an opportunity to interact creatively. However, findings showed that these teachers use textbook and lecture to conduct their art and music classes. Moreover, the observation conducted for the research concur this deduction as teachers were not effectively having two-way communication suggesting a teacher-centred learning instead of student-centred learning.
4. Pre-school teachers show a gap between what they believe and what they practice due to constraints in the context of the workplace. This could be the reason why teacher-centred learning was practiced as they revealed it helps to control behavioural problems, save time and complete the syllabus in time.

RECOMMENDATIONS FOR FURTHER RESEARCH

The current study's outcome could be used for further research in the areas as follows:

1. **Applying the study outcomes to other groups of teachers in other settings**

This research develops model that shows the relationship between the teachers' beliefs on creativity and their practices in developing a child's creativity. The previous sections show discussions where the outcome of this study is applied in similar groups of teachers and in similar settings. Thus, providing insights on the beliefs of teachers with regards to creativity in Early Childhood Education (ECD). Having said this, a similar study on teachers from other categories or different background or locations can provide a better understanding of the relationship between teachers' beliefs and practices of creativity of pre-school children. This research can verify the relationship model discovered in this study and initiate better policies and curriculum that would allow the growth of creativity amongst young children. This study can also be replicated in an international context, with an objective to verify the relationship model and examine the differences and similarities in beliefs and practices of ECE teachers. Furthermore, these future initiatives in research may be able to confirm what Runco (1990) labelled as a 'idiosyncratic implicit theory' on creativity that provided insights on the cultural differences that affects teachers' beliefs and practices. Hence, newer and variety of supporting techniques of teaching practices for ECE teachers could be shared and used effectively.

2. **Apply the study outcomes to Review Current Approaches and Inform the Development of New Approaches to 'Teaching for Creativity' in Malaysian ECE.**

The current study corroborates the teaching practices of 'teaching for creativity' (Jeffry & Craft, 2001), learning towards teachers' involvement in creating a conducive environment for children to enhance and cultivate their creativity. Some of the practices that were recommended by (Craft,2005: Craft et al.,2014) involving teachers' attitude in co-constructing a curriculum that supports creativity. Besides, it supports the idea of placing importance on the children's control over their creativity and having high expectations on skilfully engage in creativity. Teachers were also recommended to find the evidence of creativity in a child through his or her artwork, using associated themes and topics, provide flexibility in time to create and most importantly showing enthusiasm by involving themselves with the children's creativity and sharing ideas in the form of education. Hence, the findings from the current study that provides a relationship model can be effectively used to review new techniques, as such keeping an ongoing development of better techniques in engaging and practising creative teaching at ECE level. Other areas of research within this context could include the use of training and development of teachers involved in creativity teaching and ECE in order to develop a workable pedagogy framework. The study of differences between beliefs and practices of teachers in various contexts may provide great insights in drawing a common, better teaching pedagogy. However, the variety of study contexts will help to extract dimensions that comply with the needs of all stakeholders including government, policymakers, service providers, children, teachers and parents.

Future research could also be carried out on regulations and quality assurance processes in the area of teaching creativity at at ECE level. Teachers' experiences in various settings would reveal support and barriers of regulations and standards as well as assessment of quality. These could also help to review current conditions within which the ECE teachers are teaching in to create a creativity cultivating environment. New research within these scope could help to improve teaching strategy and expand knowledge in the area of creativity teaching at ECE level (Jeffry & Craft, 2001).

3. **Investigating Parents' and Children's Conception of Creativity in ECE.**

The current research stipulates the variety of techniques and experience used by teachers from their beliefs about children's creativity and shape the children's creative notion. Studies could also be carried out in understanding other stakeholders such as parents and children at ECE level. Thus, parents' and children's view and beliefs on creativity will provide its similarity and contrasts with the teachers' beliefs. As such, the congruence amongst the stakeholders can be used to reveal gaps in policies and practices and in turn newer policies that suit major stakeholders can be formed and practiced.

4. **Broader Use of Phenomenology Within Public Policy Research**

The current study utilised phenomenology in general areas, appreciating its use in deriving beliefs and confirming the appropriateness of concepts while developing practical value for developing public policy in a diverse society. Phenomenological study seemed to have given 'voice' to the ECE teachers to deliver their thoughts to policymakers in the government. This 'voice' is indeed needed in order to develop newer dimensions of creativity cultivation at ECE level. This also informs teacher-educator to draw up newer training and development programmes that would be beneficial to teachers who genuinely want to fit into the international emphasise in promoting creativity in the 21st century learning strategy.



THE EFFECT OF POLITENESS PRINCIPLE IN A MULTIMEDIA COURSEWARE ON ACHIEVEMENT AND EMOTION OF STUDENTS WITH DIFFERENT ABILITY

SHUHAILA HURMUZAN
RT371.334 SHU

ABSTRACT

The best design practices are essential to be embedded into designing and developing the strategies of any subject content to promote students' learning. This study aims to examine the effects of politeness principle in multimedia with coaching as an instructional strategy on students' achievement and emotion of learning on the ICT sub-topic - Developing Non-linear Interactive Multimedia Presentation. The politeness principle is essentially the result of studies based on Brown and Levinson's politeness theory. The first part is to design and develop a multimedia learning courseware that is intended to deliver the chosen topic with two different treatment approaches. The final part of this study is to investigate the effects of the two different treatment approaches among students with different ability on their achievement and emotion towards the learning material. A quasi-experimental design with pre-test and post-test is chosen, with a 2 x 2 factorial design is employed in this study to test the hypotheses. Descriptive and inferential statistics are used in analysing the dependent variable i.e. student achievement and emotion upon exposure of the MLC with different student ability. The multimedia learning courseware for both modes of presentations were developed in guidance of Alessi and Trollip Developmental Model. The modes of presentation are designed and developed into: i) Multimedia-aided polite manner coaching (MPMC - with politeness principle) and Multimedia-aided direct manner coaching (MDMC - without politeness principle). The finding of this study showed that polite wording in MPMC has better influence on students' learning compared to direct wording in MDMC. The study also revealed that MPMC is suitable for high and low ability students, but the impact is stronger on high ability students. This study also revealed that emotion plays an important role in learning. The outcome derived from this study discovered that the politeness principle is suitable to be adopted in Malay language as previous studies on this principle were mostly done in English language. Politeness principle incorporated in a multimedia learning material has the effect in promoting students' learning and emotion that leads to a conducive environment for learning.

SUMMARY OF FINDINGS

This study was carried out with the intention of developing and studying the effects of incorporating politeness principle (MPMC – Multimedia-aided polite manner coaching) in a multimedia learning courseware by comparing it with Multimedia-aided direct manner coaching (MDMC). The developed multimedia learning courseware is on the topic – Developing a Non-Linear Multimedia Interactive Presentation, from Year 4 primary school ICT textbook. The multimedia learning courseware for both modes of presentations were developed in guidance of Alessi and Trollip Development Model.

The finding of this study showed that polite wording in MPMC has better influence on students' learning compared to direct wording in MDMC. The study also revealed that MPMC is suitable for high and low ability students but the impact is stronger on high ability students. Politeness principle incorporated in a multimedia learning material as in this study has the effect in promoting students' learning and affecting their emotion that are conducive to learning. This study also found that emotion plays an important role in facilitating students' learning. The polite effect has the ability in activating their positive emotion, hence leads them to a positive learning attitude and better learning process that will result to better achievement.

This study has contributed to the existing literature in support of the Mayer's Politeness Principle. In addition, the development of the multimedia learning courseware in this study has contributed to increase the number of computer-based applications intended to facilitate student learning in the topic – Developing a Non-Linear Multimedia Interactive Presentation for Year 4 primary school student. Nevertheless, future works and improvements can be made in order to produce more profound research in the future with regard to the Politeness Principle and also in the development of high-quality multimedia learning courseware to facilitate students' learning in all field of study.

RECOMMENDATIONS FOR FURTHER RESEARCH

The results from this study have shed light to other related issues that could be considered as highly potential for future research as follows:

1. This study only involved four primary schools, with sample of 132 students on the topic- Developing a Non-Linear Multimedia Interactive Presentation. Further research should be conducted involving larger sample, different levels of education, other subjects and different level of difficulties in order to establish the advantage of incorporating politeness principle in multimedia learning courseware.
2. This study only focuses on the impact of politeness principle on achievement and emotion. Future research should consider testing on other potential variable that is closely related to learning such as motivation, which may have an effect due to multimedia learning courseware that incorporated politeness principle in its development.



3. The developed multimedia learning courseware on politeness used Malay language (bahasa Melayu). Other languages which is used in Malaysia such as Chinese, Tamil and Arabic may be implemented to test the impact of politeness principle in these languages and contribute in strengthening the effect of politeness principle in learning. Apart from this, using other theories of politeness in the targeted language is also important. Further studies on the politeness effect in other languages is important because politeness may be influenced by language and culture (Schneider et al., 2015).
4. The moderator variable in this study only focuses on students' ability. It is recommended that future study should consider other related variables such as gender, cultural context or learning style. Other variables tested will contribute more to the body of knowledge on politeness principle in multimedia learning materials and help others in ways that will enable us to determine how specific and appropriate this principle can be perceived through instructional design.





PEMBINAAN MODUL PEMBELAJARAN STEM BERASASKAN CABARAN REKA BENTUK KEJURUTERAAN DAN KESANNYA KEPADA SIKAP DAN PENCAPAIAN PELAJAR

MOHD SHUKRI MOHD ALI
RT540.0712 MOH

ABSTRAK KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk membina Modul Pembelajaran STEM dan mengkaji kesan penggunaan Modul Pembelajaran STEM Berasaskan Cabaran Reka Bentuk Kejuruteraan ke atas sikap pelajar terhadap STEM dan pencapaian pelajar bagi topik Keelektrikan dan Kemagnetan dalam kalangan pelajar tingkatan enam. Dalam kajian ini, modul PSB-CRBK dibina secara sistematik menggunakan model ASSURE. Kajian ini juga turut mengkaji sama ada terdapat perbezaan antara konstruk sikap terhadap STEM, iaitu konstruk sikap terhadap sains, konstruk sikap terhadap Matematik serta konstruk sikap terhadap Kejuruteraan dan Teknologi. Reka bentuk pra- eksperimen berbentuk ujian pra, ujian pos dan ujian pos lanjutan digunakan dalam kajian ini. Sampel kajian adalah seramai 36 orang pelajar tingkatan enam dan kajian dijalankan di salah sebuah sekolah di Daerah Kuala Muda, Kedah. Soal Selidik Sikap terhadap STEM dan Ujian Topik Keelektrikan dan Kemagnetan digunakan untuk mengukur sikap pelajar terhadap STEM dan pencapaian pelajar dalam topik Keelektrikan dan Kemagnetan. Hipotesis kajian diuji secara statistik inferensi menggunakan ujian MANVA dengan pengukuran berulang pada aras signifikan $p=0.05$. Keputusan ujian *multivariate* menunjukkan kesan utama waktu ujian yang signifikan bagi sikap terhadap STEM (Wilks' Lambda = 0.245, $F(2, 34) = 52.365$, $p=0.000$, $\eta^2 = 0.755$) begitu juga kesan utama waktu ujian ke atas pencapaian pelajar dalam topik Keelektrikan dan Kemagnetan adalah signifikan (Wilks' Lambda = 0.357, $r(34) = 30.667$, $p < 0.05$, η^2 separa kuasa dua, $\eta^2 = 0.643$). Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan Modul PSB-CRBK mampu meningkat dan mengekalkan sikap positif pelajar terhadap STEM dan pencapaian pelajar dalam topik Keelektrikan dan Kemagnetan. Pengumpulan data kualitatif turut dibuat menerusi analisis dokumen pelajar dan temu bual bagi mendapatkan penjelasan lebih terperinci tentang keberkesanan modul terhadap variabel kajian. Implikasi dapatan kajian ini mencadangkan bahawa penggunaan Modul PSB-CRBK wajar digunakan sebagai suatu bahan pembelajaran dalam STEM bagi meningkat dan mengekalkan sikap positif dan pencapaian pelajar. Saranan dan cadangan seperti mengenal pasti dan mengkaji hubungan yang wujud antara variabel juga boleh dilakukan dengan menggunakan analisis berbentuk *Partial Least Squares* (PLS) dan *Structural Equation Modeling* (SEM) bagi melihat sama ada terdapat hubungan antara variabel dalam kumpulan rawatan.



RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan menjawab persoalan mengenai pembinaan modul PSB-CRBK dan keberkesannya dalam meningkatkan sikap terhadap STEM dan pencapaian murid bagi topik Keelektrikan dan Kemagnetan dalam kalangan murid tingkatan enam. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pembelajaran yang berorientasikan murid melalui Modul PSB-CRBK memberi kesan yang positif kepada sikap murid terhadap STEM dan pencapaian murid dalam topik Keelektrikan dan Kemagnetan. Modul ini merupakan modul pembelajaran yang dibangunkan sebagai panduan untuk pelaksanaan PSB-CRBK. Ia mencukupi pengenalan tentang PSB-CRBK dari segi definisi, kepentingan serta kaedah pelaksanaan secara terperinci. Isi kandungan STEM yang disampaikan terbahagi kepada unit-unit pembelajaran yang meliputi pelbagai cabang STEM yang sesuai dilaksanakan sebagai alternatif kepada aktiviti penguasaan konsep Fizik yang sukar dalam pengajaran dan pembelajaran Fizik di dalam kelas. Isi kandungan dan aktiviti yang dimuatkan dalam modul ini bertujuan memberi motivasi dan memupuk minat dalam kalangan murid terhadap STEM. Sembilan langkah cabaran reka bentuk kejuruteraan yang diperkenalkan dalam modul ini adalah bertujuan untuk melatih dan membiasakan murid dengan proses-proses yang perlu dilalui dalam mereka bentuk sesuatu produk (Mentzer, 2008). Modul ini juga mengandungi tugas-tugas yang memerlukan murid menjalankan aktiviti pembelajaran di bawah bimbingan guru atau pembelajaran terarah sendiri. Melaluinya, murid dapat meningkatkan kemahiran mencari dan menilai maklumat serta menganalisis maklumat berkaitan dengan pembelajaran STEM.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan untuk kajian lanjutan adalah seperti yang berikut:

1. Bilangan sampel kajian ini adalah kecil dan terhad kepada murid tingkatan enam sahaja. Maka, ia tidak boleh digeneralisasikan kepada murid lain kerana mungkin terdapat perbezaan umur dan proses PdP dalam subjek lain. Oleh yang demikian, kajian ini wajar diulangi dengan bilangan sampel yang lebih besar dan kumpulan umur yang berbeza serta merangkumi jumlah lokasi yang lebih meluas.
2. Dalam kajian ini hanya faktor Sikap dan Pencapaian Topik Keelektrikan dan Kemagnetan sahaja yang dikaji sebagai variabel. Kajian lanjutan untuk mengkaji kesan oleh faktor-faktor metakognitif, gaya pembelajaran, gaya kognitif dan motivasi murid terhadap subjek STEM adalah disarankan. Selain itu, variabel lain seperti minat dan pencapaian sendiri boleh dikaitkan dengan Pentaksiran Bilik Darjah yang juga relevan dengan kajian ini.
3. Kajian ini hanya menghasilkan enam produk utama iaitu Modul PSB-CRBK. Dicapadangan agar kajian ini diperluaskan lagi kepada beberapa produk lain bagi melihat pengaplikasian STEM melalui Modul PSB-CRBK dalam meningkatkan sikap dan pencapaian murid dalam subjek-subjek STEM.
4. Modul PSB-CRBK hanya diuji keberkesannya dalam konteks lepasan menengah (tingkatan enam). Bagi kajian lanjutan, pelaksanaan bahan pembelajaran ini boleh dilakukan dalam konteks sekolah sama ada di sekolah rendah, sekolah menengah, sekolah berasrama penuh dan lain-lain yang sesuai.

- 
- 
5. Kajian lanjutan yang mengenal pasti dan mengkaji hubungan yang wujud antara variabel juga boleh dilakukan dengan menggunakan analisis berbentuk *Partial Least Squares* (PLS) dan *Structural Equation Modelling* (SEM) bagi melihat sama ada terdapat perbezaan hubungan antara variabel dalam kumpulan rawatan.
 6. Kajian ini juga boleh diperincikan untuk melihat perbezaan sekolah luar bandar dan sekolah cemerlang.



UNDERSTANDING PARENTAL BEHAVIOUR IN THE PROVISION OF HEALTHY FOOD FOR THEIR CHILDREN

LEONG YOKE KIAU
RT616.85 LEO

ABSTRACT

The issue of unhealthful food intake among Malaysian urban children is alarming. Studies in the extant nutritional literature has shown that parental involvement in dietary interventions are effective in nurturing healthy eating amongst school children. This study scrutinises the cognitive and motivational decision predictors and processes that influence Malaysian parental behaviour in the provision of healthy food and the limitation of unhealthy food to their children. A survey using a self-administered questionnaire was conducted among Malaysian urban parents with school children aged 7 to 11 years old in Kuala Lumpur, Putrajaya, and Selangor. A total of 1,158 responses were analysed using a Partial Least Square Structural Equation Modeling technique. The findings showed that 13 out of 16 hypotheses demonstrated statistical significance and practical significance with the inclusion of frequency and recency of past healthy food provision behaviours as habitual behaviours. The frequency of past healthy food provision behaviour followed by parents' attitudes towards the process of preparing healthy food for their children, their attitudes towards success in the provision of healthy food for their children, and subjective norms were the key factors in predicting parents' intention in the provision of healthy food for their children. This led to their motivation of trying to act subsequent behaviours in the provision of food. The recency of past healthy food provision behaviour had the most influence on the parents' behaviour of providing healthy food for their children, whilst resistance to the temptation of providing unhealthy food had the greatest impact on the parents' behaviour of limiting unhealthy food for their children. This study contributes towards knowledge building by developing an extended model of the Theory of Planned Behaviour in order to examine the psychosocial factors that influence Malaysian urban parents behaviour as food providers. The findings of this study have important implications for policy makers, commercial enterprises, and communities. For the policy makers, proposals for dietary guidelines, nutrition education, policies and intervention programmes, were given. For the commercial enterprises, suggestions for food marketing, business opportunities, and food services were provided. Collaborative efforts and commitment from policy makers and commercial enterprises are imperative when advocating for positive dietary behavioural changes among urban parents with children in their formative years.

SUMMARY OF FINDINGS

This study proposed an extended model of the Theory of Planned behaviour (TPB) to examine the cognitive and motivational decision factors and processes that influence parental behaviour in the provision of healthy food and the limitation of unhealthy food to their children. This study is the first investigation using an extended model of TPB. A noteworthy positive result in this study was that most of the hypotheses demonstrated statistical significance and practical significance, while the frequency of past healthy food provision behaviour and the decency of past healthy food provision behaviour controlled for the tests of the hypotheses in order to reflect the habit activities in food consumption.

The findings showed that the frequency of past healthy food provision behaviour followed by parents' attitudes toward the process of preparing healthy food for their children, their attitudes towards success in the provision of healthy food for their children and subjective norms were the key factors that drove parents' intention to provide healthy food for their children which triggered their trying effort and subsequent behaviours in the provision of healthy food and the limitation of unhealthy food to their children. The decency of past healthy food provision behaviour had the most influence on parents' subsequent behaviour of providing healthy food to their children, whilst parents' ability to resist the temptation of giving unhealthy food in diverse circumstances had the greatest impact on their behaviour of giving unhealthy food for their children. The results have important implications for policy makers, commercial enterprises and the community. An integrated support system and efforts from all the relevant stakeholders is pivotal in the support of positive dietary behavioural changes among urban parents.

RECOMMENDATIONS FOR FURTHER RESEARCH

This study has some limitations concerning the research design, the sampling sites and possible moderating factors. Some recommendation for future research are as follow:

1. The survey questionnaire was self-administrated and thus related on respondents' memory and honesty in answering the questionnaire. In this study, the questionnaire was also anonymous and thus could have diminished the social desirability of answering the questionnaire. Future research may consider making the actual observation through the collection of food receipts or meal records to order to obtain better results.
2. The sample of this study was constrained to the five public primary schools located in the top three urban areas within Malaysia: Kuala Lumpur, Putrajaya and Selangor. Future researches could duplicate this study in the urban areas of other states to obtain a larger representative view of family dietary practice behaviour.
3. This study did not analyse the influence of demography on parents' behaviour as food providers. This was not the objective of this study. Moreover, a comparison of demographic factors could not be carried out due to a lack of comparability in the sub sample. To go beyond the current research model, the analysis of demographic factors such as gender, ethnicity, educational background and socioeconomic status could be further explored. Future research could use non-probability quota sampling to obtain an equivalent sub sample size for an analysis of demographic differences.



AMALAN PENTAKSIRAN UNTUK PEMBELAJARAN GURU-GURU SEKOLAH KLUSTER KECEMERLANGAN SEKOLAH RENDAH ZON SELATAN

SENIN KHAMIS
RT371.26 SEN

ABSTRAK KAJIAN

Pentaksiran untuk pembelajaran merupakan sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji amalan pentaksiran untuk pembelajaran bagi guru-guru sekolah kluster kecemerlangan (SKK) sekolah rendah zon Selatan Semenanjung Malaysia. Secara terperinci, ia memberi maklumat tentang tahap pemahaman konsep asas pentaksiran dalam pendidikan dan menilai amalan pentaksiran untuk pembelajaran yang dilaksanakan. Kajian juga turut menilai hubungan amalan pentaksiran untuk pembelajaran mengikut profil demografi serta menentukan sumbangan yang signifikan strategi pentaksiran untuk pembelajaran terhadap amalan pentaksiran yang dilaksanakan di bilik darjah. Kaedah kajian menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Pendekatan kuantitatif melibatkan kaedah tinjauan dijalankan pada fasa pertama kajian. Pendekatan kualitatif melibatkan kajian kes dijalankan pada fasa kedua untuk menyokong dan menerangkan lebih lanjut dapatan kajian fasa pertama. Pada fasa pertama seramai 152 orang guru dari 9 buah sekolah SKK sekolah rendah zon Selatan, Semenanjung yang mengajar mata pelajaran teras iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains untuk menjawab satu set soal selidik. Pada fasa kedua seramai 8 orang guru yang terdiri daripada 4 orang guru mata pelajaran teras dan 4 orang guru yang terlibat dalam pengurusan pentaksiran dipilih berdasarkan persampelan bertujuan untuk ditemu bual dan 8 orang guru mata pelajaran teras dipilih untuk pemerhatian pengajaran. Dapatan kajian terhadap tahap pemahaman konsep asas dan tujuan pentaksiran menunjukkan tahap pemahaman yang sangat jelas. Dapatan amalan pentaksiran untuk pembelajaran berdasarkan tujuh strategi amalan pentaksiran untuk pembelajaran menunjukkan secara keseluruhannya berapa pada tahap tinggi dengan amalan yang kerap dilakukan kecuali pada strategi keempat dan ketujuh mempunyai tahap amalan yang sederhana dengan amalan sesekali sahaja dilaksanakan oleh guru-guru tersebut. Berdasarkan profil demografi, dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor jantina guru, pengalaman guru, dan mata pelajaran yang diajar dengan amalan pentaksiran untuk pembelajaran. Sebagai sumbangan, kajian ini mencadangkan satu panduan dan kerangka pentaksiran untuk pembelajaran yang boleh diguna pakai oleh semua guru di sekolah.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkaitan tahap pemahaman konsep pentaksiran, tahap penggunaan strategi pentaksiran untuk pembelajaran dan amalan pentaksiran bagi pembelajaran yang dilaksanakan oleh guru di Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) sekolah rendah zon Selatan, Semenanjung Malaysia. Hasil kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan daripada aspek jantina, pengalaman mengajar dan mata pelajaran yang diajar dalam melaksanakan pentaksiran untuk pembelajaran. Hasil analisis kajian juga mendapati penggunaan contoh, model dan bahan yang sesuai dengan tahap murid merupakan sumbangan yang paling tinggi dalam amalan pentaksiran untuk pembelajaran. Kajian turut mendapati bahawa tahap pengetahuan guru terhadap pentaksiran adalah tinggi. Tahap pengetahuan guru tentang konsep asas pentaksiran mencerminkan kefahaman guru mengenai bidang tugas mereka.

Kesimpulannya, hasil kajian dapat memberi idea baharu tentang kaedah dan cara bagi merealisasikan amalan pentaksiran untuk pembelajaran semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku di dalam kelas. Ini kerana amalan pentaksiran untuk pembelajaran tidak menambah beban tugas guru sebaliknya memberi idea kepada guru untuk mempelbagaikan kaedah pentaksiran serta kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi mewujudkan suasana bilik darjah yang menyeronokkan. Berdasarkan maklumat tersebut, proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan sempurna disamping pentaksiran dapat dilaksanakan secara serentak.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan untuk kajian lanjutan adalah seperti yang berikut:

1. Dari aspek metodologi, pengkaji mencadangkan satu kajian yang menggunakan metodologi kuantitatif mengenai strategi dan teknik guru SKK sekolah rendah mengintegrasikan amalan pentaksiran untuk pembelajaran dalam bilik darjah dengan proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan. Seterusnya, sejauh mana amalan pentaksiran untuk pembelajaran yang digunakan oleh guru dapat menambah baik strategi pengajaran dan pembelajaran murid.
2. Dicapangkan agar satu kajian yang melibatkan pembangunan modul bagi pentaksiran untuk pembelajaran sekolah rendah dan sekolah menengah yang boleh diguna pakai bagi semua mata pelajaran untuk memudahkan guru melaksanakan pentaksiran pembelajaran. Seterusnya, modul yang telah dibangunkan perlu diuji daripada aspek kepenggunaan dan keberkesananannya.
3. Bagi aspek pembelajaran, dicadangkan agar satu kajian *multiple cases study* mengenai proses melaksanakan pentaksiran untuk pembelajaran dalam kalangan guru dari pelbagai mata pelajaran dijalankan agar dapatan kajian itu boleh dikongsi bersama-sama oleh guru. Amalan itu boleh dijadikan panduan kepada sesiapa yang berminat dengan pentaksiran untuk pembelajaran.
4. Menjalankan kajian perbandingan berhubung dengan amalan pentaksiran untuk pembelajaran dengan kumpulan yang tidak melaksanakan pentaksiran pembelajaran menggunakan kaedah kuasi-eksperimental. Kajian ini bertujuan mengesahkan sama ada amalan pentaksiran pembelajaran memberi impak yang berkualiti kepada murid dan kepuasan guru dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran.



AMALAN GURU DALAM PELAKSANAAN PROGRAM PENDIDIKAN INKLUSIF DARI ASPEK KOLABORATIF DAN ADAPTASI DI SEKOLAH RENDAH

MAIZATUL AZMAH AB. LATIFF
RT371.9043 MAI

ABSTRAK KAJIAN

Program Pendidikan Inklusif (PPI) merupakan salah satu inisiatif yang memberi peluang dan ruang pendidikan yang sama kepada murid berkeperluan khas (MBK). Namun begitu, pelaksanaan PPI terhad kepada perancangan untuk kemasukan MBK ke PPI sahaja. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti amalan guru dalam pelaksanaan PPI dalam bilik darjah di sekolah rendah dari aspek peringkat kolaboratif, instruksional yang efektif dan adaptasi. Kajian ini dilaksanakan melalui kajian kes di tiga lokasi kajian yang berbeza tahap pencapaian UPSR, iaitu di sekolah berprestasi tinggi, sekolah berprestasi sederhana dan sekolah berprestasi rendah. Penyelidik telah melaksanakan kajian kes dengan menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian dan semakan dokumen sebagai instrumen. Temu bual berstruktur dilakukan kepada Guru Besar, Guru Kanan Pendidikan Khas, guru pelajaran dan guru pendidikan khas. Pemerhatian dan analisis dokumen juga dijalankan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan. Hasil penyelidikan mendapati bahawa amalan guru dalam pelaksanaan PPI dari aspek peringkat kolaboratif, instruksional yang efektif dan adaptasi di sekolah rendah berbeza mengikut sekolah, dimana setiap sekolah mempunyai amalan baik yang boleh dicontohi dan amalan-amalan lain yang boleh ditambah baik. Berdasarkan temu bual, pemerhatian, semakan dokumen serta pembacaan literatur, penyelidik telah mencadangkan penambahbaikan model-model pelaksanaan yang berkaitan dengan PPI sedia ada agar bersesuaian mengikut amalan guru dan sosio budaya di Malaysia beserta dengan senarai semak amalan guru dalam pelaksanaan PPI yang telah dibangunkan bagi memudahkan pelaksanaan PPI oleh guru. Amalan guru dalam pelaksanaan PPI dari aspek kolaboratif dan adaptasi di sekolah rendah berdasarkan model-model sedia ada yang telah ditambah baik dengan memberi penekanan kepada setiap langkah-langkah atau aktiviti dalam setiap peringkat kolaboratif, kaedah instruksional yang efektif dan adaptasi yang dilaksanakan diharap dapat membantu warga sekolah melaksanakan PPI dengan lebih berkesan.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Kajian ini telah menjawab tujuan dan persoalan kajian iaitu untuk mengenal pasti amalan dalam pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif (PPI) dari aspek kolaboratif dan adaptasi di sekolah rendah. Penyelidik telah mencadangkan empat peringkat kolaboratif, empat instruksional yang efektif, dua adaptasi modifikasi dan empat adaptasi akomodasi serta empat tahap dalam kaedah pelaksanaan PPI yang digabungkan menjadi Rangka Senarai Semak Amalan Guru Dalam Pelaksanaan PPI dari Aspek Kolaboratif dan Adaptasi ke Arah Keberhasilan MBK di sekolah rendah. Bagi memudahkan kefahaman dan penggunaan guru, senarai semak disediakan untuk guru di sekolah agar PPI dapat dilaksanakan mengikut amalan pengajaran guru dan sosiobudaya masyarakat.

Kesimpulannya, amalan guru dalam pelaksanaan PPI dari aspek kolaboratif dan adaptasi di sekolah rendah berdasarkan model sedia ada boleh ditambah baik dengan memberi penekanan kepada setiap langkah atau aktiviti dalam setiap peringkat kolaboratif, instruksional yang efektif dan adaptasi yang dilaksanakan.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan untuk kajian lanjutan adalah seperti yang berikut:

1. Memandangkan kajian ini merupakan kajian yang meneroka amalan kolaboratif dan adaptasi dalam PPI dan menambahbaik amalan kolaboratif dan adaptasi guru dalam pelaksanaan PPI sedia ada, seharusnya ada penyelidikan daripada penyelidik seterusnya untuk mengimplementasi Rangka Senarai Semak Amalan Guru Dalam Pelaksanaan PPI dari Aspek Kolaboratif dan Adaptasi ke Arah Keberhasilan MBK di sekolah rendah kepada kumpulan sasaran.
2. Keberkesanan, kekuatan dan kelemahan penambahbaikan Rangka Senarai Semak Amalan Guru Dalam Pelaksanaan PPI dari Aspek Kolaboratif dan Adaptasi ke Arah Keberhasilan MBK di sekolah rendah boleh dilaksanakan sama ada di dalam atau luar negara.
3. Kajian ini juga boleh dikembangkan kepada MBK kategori masalah pembelajaran di sekolah menengah dalam menggalakkan penyertaan MBK dalam PPI.



KESAN KAUNSELING KELOMPOK TERAPI KOGNITIF TINGKAH-LAKU BERFOKUSKAN TRAUMA TERHADAP KEMURUNGAN, KEBIMBANGAN DAN STRES DALAM KALANGAN MURID MANGSA BULI

NURUL HUDA ISHAK
RT371.404 NUR

ABSTRAK KAJIAN

Kajian eksperimen ini dijalankan bertujuan untuk menguji kesan Kaunseling Kelompok Terapi Kognitif Tingkah Laku - Berfokuskan Trauma (KKTKTK-BT) terhadap kemurungan, kebimbangan dan stres dalam kalangan murid mangsa buli serta meneroka maklum balas responden, ibu dan rakan responden murid mangsa buli terhadap kesan intervensi KKTKTK- BT. Kajian yang dijalankan ini berbentuk kuasi eksperimen siri masa dengan melibatkan empat jenis selang masa iaitu Pra ujian (PRT), Pos ujian 1 (PT1), Pos ujian 2 (PT2) dan Pos ujian 3 (PT3). Seramai 32 orang responden kajian dipilih secara persampelan bertujuan dari tiga buah sekolah berbeza iaitu sekolah A, sekolah B dan sekolah C di sekitar negeri Selangor. Data kuantitatif pra ujian dan pos ujian antara selang masa dikumpul menggunakan ujian DASS 42 dan dianalisis secara deskriptif dan inferensi melalui ujian statistik min, analisis Anova Dua Hala Pengukuran Berulangan dan *Post-Hoc Bonferroni* pada aras signifikan 0.5. Hasil dapatan kajian kuantitatif menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara selang masa kemurungan murid mangsa buli $F(1, 31) = 5190.45$; $p < .05$], bagi murid lelaki $[F(1, 15) = 2309.355$; $p < .05$] dan murid perempuan $[F(1, 15) = 2755.435$; $p < .05$]. Bagi kebimbangan, terdapat perbezaan yang signifikan antara selang masa murid mangsa buli $[F(1, 31) = 7180.70$; $p < .05$], murid lelaki $[F(1, 15) = 3834.351$; $p < .05$] dan murid perempuan $[F(1, 15) = 5448.235$; $p < .05$]. Akhir sekali, terdapat perbezaan yang signifikan antara selang masa stres bagi murid mangsa buli $F(1, 31) = 14777.65$; $p < .05$], murid lelaki $[F(1, 15) = 6300.680$; $p < .05$] dan murid perempuan $[F(1, 15) = 58265.254$; $p < .05$]. Manakala hasil dapatan melalui temu bual terhadap tiga responden, ibu dan rakan murid mangsa buli menunjukkan terdapat kesan yang positif setelah melalui KKTKTK-BT. Modul KKTKTK-BT didapati berkesan mengurangkan kemurungan, kebimbangan dan stres dalam kalangan murid mangsa buli. Secara keseluruhan, dapatan kajian memberi implikasi teoritikal dan praktikal terhadap bidang kaunseling dalam konteks membantu mengurangkan kemurungan, kebimbangan dan stres dalam kalangan murid.


RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa kesan intervensi KKTKT-BT yang diadaptasi oleh penyelidik berkesan dalam mengurangkan kemurungan, kebimbangan dan stres dalam kalangan murid mangsa buli. Hasil temu bual responden, ibu bapa dan rakan mangsa buli juga menunjukkan bahawa wujud penurunan terhadap kemurungan, kebimbangan dan stres setelah responden mengikuti intervensi KKTKT-BT. Kesimpulannya, proses intervensi kaunseling dapat dijalankan dengan lancar dan berjaya. Adalah sangat penting bagi kaunselor membina hubungan dan kepercayaan yang baik antara murid. Selain itu, komitmen atau motivasi murid dapat dipertingkatkan secara memupuk kemahiran dan strategi yang diperoleh sepanjang intervensi KKTKT-BT serta kehadiran murid diperlukan untuk hasil yang baik. Tuntasnya, modul intervensi KKTKT-BT yang digunakan merupakan alat yang berkesan untuk dimanfaatkan oleh kaunselor dalam membantu murid mangsa buli mengatasi kemurungan, kebimbangan dan stres yang dialami.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan untuk kajian lanjutan adalah seperti yang berikut:

1. Kajian lanjutan berkaitan pembinaan model kaunseling kelompok menggabungkan Terapi Kognitif Tingkah Laku dan Trauma fokus adalah amat disarankan. Kajian ini hanya memfokus kepada proses adaptasi modul dan tidak membincangkan secara spesifik tentang pembinaan model. Komponen yang terkandung dalam penulisan Cohen et al., (2017) terlalu banyak dan perlu disaring secara kajian spesifik. Begitu juga dengan Terapi Kognitif Tingkah Laku yang mempunyai komponen yang pelbagai untuk diseraskan dengan isu yang dihadapi klien. Pembinaan modul yang baik sedikit sebanyak dapat dipengaruhi oleh pelbagai pihak dan dijadikan platform model yang dipilih. Pembinaan model juga harus melalui proses yang tepat merangkumi analisis keperluan, pembinaan dan penilaian kepenggunaan. Proses ini memastikan model yang dibina adalah relevan dengan keperluan semasa.
2. Kajian ini juga boleh dikembangkan kepada populasi dan sampel murid yang berbeza. Pengaplikasian modul ini boleh digunakan oleh murid di Sekolah Menengah Sains, Sekolah Harian biasa, Sekolah Agama dan sebagainya. Perbezaan sampel ini memerlukan pendekatan yang mungkin berbeza kerana keperluan setiap kelompok murid juga berlainan. Hal ini terjadi kerana keadaan mereka berbeza daripada aspek bebanan kognitif murid, suasana pembelajaran, pendekatan guru dalam kelas, persaingan daripada rakan sebaya, ekspektasi keluarga dan sebagainya. Namun begitu, pengisian modul perlu mengambil kira kemampuan dan kebolehan serta keupayaan murid untuk memahami isi kandungan modul dan mengaplikasikannya. Modul yang dibina perlu ringkas, padat, menarik dan mampu memenuhi objektif setiap unit aktiviti yang dicadangkan.
3. Kajian juga boleh dikembangkan kepada sampel yang menghadapi trauma seperti bencana alam, kemalangan, penderaan seksual dan sebagainya. Hal ini kerana sampel kajian yang berbeza situasi dan latar belakang akan menghasilkan dapatan yang berbeza dan dapat membantu penghasilan modul yang menerapkan elemen yang dekat dengan masyarakat bukan hanya pada peringkat sekolah sahaja.

- 
4. Penggunaan aplikasi teknologi dalam penyampaian modul harus diberi penekanan terhadap penghasilan kajian berikutnya. Penggunaan teknologi memberi daya penarik kepada pengguna, memudahkan proses penyampaian modul, menjimatkan masa dan kos, memudahkan proses penilaian dan pemantauan murid, memungkinkan modul diakses dari pelbagai tempat dan masa serta membantu dalam proses pendokumentasian. Namun begitu, penggunaan teknologi tidak seharusnya menutup sifat hubungan bersemuka antara klien dan kaunselor yang menjadi identiti kepada proses sesi kaunseling berkesan.



KERANGKA PELAKSANAAN PEMBELAJARAN MUDAH ALIH BERDASARKAN PENDIDIKAN BERASASKAN KETERAMPILAN DI KOLEJ VOKASIONAL

SITI AZWANEE ABDULLAH
RT371.33 SIT

ABSTRAK KAJIAN

Selari dengan perkembangan teknologi semasa, perubahan pedagogi penyampaian pengajaran guru perlu berubah dengan memanfaatkan penggunaan teknologi mudah alih dalam pembelajaran atau dikenali sebagai Pembelajaran Mudah Alih. Penerapan teknologi mudah alih dalam proses pengajaran dan pembelajaran ini memberikan impak yang bermakna kepada pelajar. Namun begitu, tiada panduan khusus berkaitan pelaksanaan pembelajaran mudah alih khususnya dalam bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional. Justeru itu, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk membangunkan satu kerangka pelaksanaan Pembelajaran Mudah Alih berdasarkan Pendidikan Berasaskan Keterampilan di Kolej Vokasional. Reka bentuk kajian ini adalah Reka Bentuk Gabungan Penerokaan Berturutan yang melibatkan Fasa 1- Kajian Kualitatif diikuti dengan Fasa 2 - Kajian Kuantitatif. Pada Fasa 1, kaedah pengumpulan data adalah menerusi temu bual ke atas enam pakar bidang Pendidikan Berasaskan Keterampilan dan data dianalisis menggunakan Analisis Tema bagi mendapatkan komponen dan elemen pelaksanaan. Seterusnya, pada Fasa 2, pengkaji menggunakan kaedah Fuzzy Delphi bagi mendapatkan kesepakatan dan persetujuan pada komponen dan elemen bagi pembangunan kerangka melibatkan 16 panel pakar bidang pendidikan Berasaskan Keterampilan dan Pembelajaran Mudah Alih. kerangka yang dibangunkan ini ditentusahkan melalui kajian tinjauan menggunakan borang soal selidik melibatkan 351 pensyarah kolej vokasional yang dipilih melalui teknik persampelan pelbagai peringkat. Data kajian tinjauan dianalisis menggunakan Permodelan Persamaan Struktur (SEM) bagi mengenalpasti komponen-komponen yang mempengaruhi pelaksanaan Pembelajaran Mudah Alih di kolej vokasional. Hasilnya, kerangka pelaksanaan Pembelajaran Mudah Alih berdasarkan Pendidikan Berasaskan Keterampilan mengandungi komponen murid, guru, teknologi dan reka bentuk. Oleh itu, kerangka yang dibangunkan ini dapat dijadikan panduan bagi pelaksanaan pembelajaran mudah alih dalam konteks persekitaran Pendidikan Teknik dan Vokasional berdasarkan pendekatan Pendidikan Berasaskan Keterampilan.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi membangunkan satu kerangka pelaksanaan Pembelajaran Mudah Alih berdasarkan Pendidikan Berasaskan Keterampilan (PBK) agar dapat membantu pengajaran guru dan seterusnya meningkatkan kompetensi murid sekali gus menjadi individu yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi.

Hasil daripada analisis yang dijalankan menggunakan analisis tema, kajian mendapati terdapat lapan komponen terbentuk iaitu murid, guru, teknologi, persekitaran pembelajaran, kandungan, pentaksiran, strategi pembelajaran dan aktiviti pembelajaran. Tema yang terbentuk dijadikan komponen bagi kerangka pelaksanaan Pembelajaran Mudah Alih berdasarkan PBK. Kesimpulannya, terdapat empat komponen yang membentuk kerangka pelaksanaan Pembelajaran Mudah Alih berdasarkan PBK iaitu murid, guru, teknologi dan reka bentuk. Dapatan yang diperolehi diharap dapat memberikan manfaat kepada pihak berkaitan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknik Vokasional, Kolej Vokasional (KV) dan para pensyarah di KV dalam membantu proses pengajaran dan pembelajaran.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan untuk kajian lanjutan adalah seperti yang berikut:

1. Memandangkan fokus kajian ini tertumpu kepada kolej vokasional, maka pengkaji mencadangkan kajian seterusnya boleh diperluas kepada institusi latihan lain seperti Politeknik, Kolej Komuniti, Institut Latihan Perindustrian, Institusi Kemahiran Belia Negara (IKBN) atau lain-lain institusi kemahiran swasta. Hal ini kerana, sistem yang digunakan di institusi-institusi ini adalah berbeza antara satu sama lain.
2. Kajian ini hanya bersandarkan kepada Teori Sosial Konstruktivisme. Pengkaji mencadangkan agar kajian lanjutan berdasarkan teori pembelajaran yang lain seperti Teori Kognitif dan Teori Behaviorisme wajar diteroka.
3. Kajian lanjutan lain yang boleh dilakukan adalah membangunkan kerangka pengajaran Pembelajaran Mudah Alih berdasarkan pendekatan inkuiri, pendekatan penyelesaian masalah, pendekatan masteri, pendekatan berasaskan projek, atau pendekatan kolaboratif secara terperinci. Rasional disebalik cadangan ini adalah kerana pendekatan ini juga merupakan pendekatan yang mendapat kesepakatan dan persetujuan pakar sebagai antara strategi pembelajaran yang sesuai dalam konteks Pendidikan Teknik dan Vokasional.
4. Cadangan kajian lanjutan seterusnya adalah menjalankan kajian keberkesanan pengajaran bersandarkan kerangka pelaksanaan ini dan pengajaran secara tradisional secara eksperimental. Keberkesanan kerangka ini boleh dijalankan kepada murid kumpulan kawalan dan murid kumpulan rawatan seterusnya membuat perbandingan antara kedua-dua kumpulan ini.
5. Menjalankan kajian membangunkan modul bahan pembelajaran secara digital yang sesuai untuk dimuat naik dalam platform pembelajaran atas talian berdasarkan ciri-ciri bahan pembelajaran yang terdapat pada kerangka pelaksanaan Pembelajaran Mudah Alih berdasarkan Pendidikan Berasaskan Keterampilan ini. Pembangunan modul pembelajaran ini boleh dijadikan medium bahan pengajaran guru dan pembelajaran murid.



PELAKSANAAN TRANSFORMASI PPD DAN AMALAN KOMITMEN PERUBAHAN SERTA HUBUNGANNYA DENGAN PEMBANGUNAN KEUPAYAAN KEPIMPINAN SEKOLAH

AZERAI AZMI
RT371.2 AZE

ABSTRAK KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pelaksanaan transformasi PPD dan amalan komitmen perubahan pegawai PPD seluruh Malaysia dalam usaha membangunkan penjelasan (*sequential explanatory design*) dan teknik pensampelan rawak keupayaan kepimpinan sekolah. Kajian ini menggunakan reka bentuk gabungan berkelompok digunakan bagi menentukan responden kajian. Seramai 400 orang responden dari 13 buah PPD seluruh Malaysia terlibat dalam kajian kuantitatif dan kajian kualitatif pula melibatkan lima orang peserta temu bual. Hasil analisis deskriptif menunjukkan tahap pelaksanaan transformasi PPD dan pembangunan keupayaan kepimpinan sekolah secara keseluruhan berada pada tahap sangat tinggi dengan skor min 4.39 dan 4.51. Amalan komitmen perubahan pula berada pada tahap tinggi (min = 4.29). Seterusnya, ujian MANOVA menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan tahap pelaksanaan transformasi PPD berdasarkan umur manakala tidak terdapat perbezaan pelaksanaan transformasi PPD dengan pengalaman bekerja di PPD, kelulusan akademik dan kehadiran latihan. Hasil kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan amalan komitmen perubahan berdasarkan umur, pengalaman bekerja di PPD, kelulusan akademik dan kehadiran latihan. Analisis ujian korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan signifikan positif rendah antara amalan komitmen perubahan dengan pembangunan keupayaan pendidikan sekolah ($r = 0.280$). Selain itu, hubungan antara pelaksanaan transformasi PPD dengan amalan komitmen perubahan adalah positif sederhana ($r = 0.410$) dan hubungan antara pelaksanaan transformasi PPD dengan pembangunan keupayaan kepimpinan sekolah juga adalah positif sederhana ($r = 0.496$). Analisis regresi mendapati tiga daripada empat dimensi pelaksanaan transformasi PPD iaitu penstrukturan semula, pengurusan bimbingan dan pementoran serta pembudayaan semula menyumbang sebanyak 26.3% kepada pembangunan keupayaan kepimpinan sekolah. Manakala, amalan komitmen perubahan pula menyumbang sebanyak 20.0% kepada pembangunan keupayaan kepimpinan sekolah. Seterusnya, data temu bual dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti dan hasil analisis menunjukkan ciri-ciri pelaksanaan transformasi PPD di Malaysia. Dapatan kajian ini memberi implikasi kepada bidang pengetahuan yang berkaitan dengan program transformasi PPD, meningkatkan pemahaman serta membuktikan kedinamikan teori dan model yang terlibat. Selain itu, kajian ini juga membantu pihak KPM dan JPN mengemaskini aspek perancangan dan pelaksanaan dalam usaha meningkatkan kecekapan tadbir urus pegawai PPD. Kesimpulannya kejayaan pelaksanaan transformasi PPD yang digerakkan dengan penuh komitmen dilihat pada impak jangka panjang yang diperolehi untuk mencapai matlamat bagi menyediakan pendidikan berkualiti bertaraf dunia dengan membangunkan keupayaan kepimpinan di sekolah.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Dapatan penyelidikan menunjukkan bahawa transformasi PPD yang meliputi komponen penstrukturan semula, penetapan matlamat baharu, pengurusan bimbingan dan pementoran serta pembudayaan semula dilihat mendatangkan impak dan pengaruh yang kuat terhadap pembangunan keupayaan kepimpinan di sekolah. Impak sedemikian amat perlu kerana ia merupakan anjakan bagi mencapai matlamat pendidikan berkualiti bertaraf dunia. Perubahan bukan sahaja bertujuan untuk menjamin kelangsungan atau mengelakkan kemusnahan sesebuah organisasi, malah yang lebih utama adalah impak diperolehi oleh pihak yang terlibat. Impak yang diperolehi melalui perubahan seperti prestasi, kualiti perkhidmatan dan produk yang diterima oleh warga di sesebuah organisasi pendidikan adalah ukuran sebenar kejayaan sesuatu perubahan. Berdasarkan penyelidikan yang telah dijalankan, kejayaan pelaksanaan transformasi PPD yang digerakkan dengan penuh komitmen dilihat pada impak jangka panjang yang diperolehi untuk mencapai matlamat bagi menyediakan pendidikan berkualiti dengan membangunkan keupayaan kepimpinan di sekolah bagi memastikan tahap profesionalisme guru dan tahap prestasi akademik sekolah dapat ditingkatkan.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan untuk kajian lanjutan adalah seperti yang berikut:

1. Penyelidikan ini hanya mampu menjelaskan pencapaian pelaksanaan transformasi PPD dalam kalangan pegawai yang bertugas di PPD sahaja. Untuk melengkapkan gambaran tentang pelaksanaan transformasi PPD secara keseluruhan, beberapa siri penyelidikan lanjutan boleh dilakukan pada masa akan datang. Penyelidik mencadangkan agar kajian akan datang dapat mengembangkan penyelidikan dengan menggunakan sampel lebih menyeluruh yang meliputi pengetua dan guru besar serta guru akademik yang bertugas di seluruh negara agar mendapat gambaran yang lebih mendalam dan dapat digeneralisasikan kepada populasi yang lebih besar.
2. Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, dinyatakan bahawa Program Transformasi Daerah memberi impak kepada tiga aspek iaitu pembentukan keupayaan kepimpinan sekolah, kecemerlangan guru dan kemenjadian murid. Maka, penelitian ke atas aspek yang berkaitan dengan transformasi PPD selain daripada pembentukan keupayaan kepimpinan di sekolah iaitu kecemerlangan guru dan kemenjadian murid adalah amat diperlukan bagi mendapat gambaran yang lebih mendalam dan menyeluruh tentang keberhasilan program ini. Oleh itu, penyelidik mencadangkan satu penyelidikan lain dilaksanakan bagi menjelaskan sumbangan pelaksanaan transformasi PPD kepada kedua-dua aspek yang disenaraikan tersebut.
3. Penyelidik menyarankan untuk penyelidikan ini diperkembang dengan menguji beberapa faktor amalan pengurusan yang lain untuk menggantikan amalan komitmen perubahan seperti faktor kepuasan kerja, tekanan kerja dan sikap menerima perubahan.
4. Penyelidik juga menyarankan agar penyelidikan penilaian dilaksanakan ke atas pelaksanaan Program Transformasi PPD dengan menilai input yang diperolehi daripada program ini yang merangkumi aspek tahap pengetahuan, kemahiran, sokongan dan persepsi bagi komponen sumber manusia dan tahap kesesuaian serta keperluan pelaksanaan program bagi komponen sumber bukan manusia. Penyelidik juga menyarankan kajian dilaksanakan agar kajian penilaian terhadap proses pelaksanaan transformasi PPD yang melibatkan aspek perancangan, pengelolaan, pemantauan, penilaian, pelaporan dan pengiktirafan yang diperolehi sepanjang pelaksanaannya.

5. Penyelidik juga menyarankan agar penyelidikan ini diperkembang dengan menguji sejauh mana pelaksanaan transformasi PPD ini memberi kesan terhadap keberhasilan utama PPPM 2013-2025 seperti pengurangan 25 peratus jurang pendidikan di bandar dan luar bandar serta prestasi pada purata antarabangsa dan kedudukan sepertiga teratas dalam TIMSS dan PISA.
6. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan gabungan kaedah kuantitatif dan kualitatif yang mempunyai batasan dan kekuatan tersendiri. Penyelidik mencadangkan untuk menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya ketika melaksanakan penyelidikan lanjutan bagi mendapatkan fenomena pelaksanaan transformasi PPD dan sumbangannya terhadap faktor-faktor lain dengan lebih mendalam. Untuk tujuan tersebut, disarankan temu bual yang lebih mendalam dilaksanakan kepada peserta kajian yang lebih ramai. Malah, kaedah pemerhatian juga boleh dilaksanakan untuk memberi perspektif yang berlainan dalam proses mengumpul dapatan analisis kualitatif.
7. Penyelidikan ini menggunakan analisis regresi berganda menggunakan teknik langkah demi langkah (*stepwise*) bagi mendapatkan nilai peratusan sumbangan bagi setiap pemboleh ubah peramal iaitu pelaksanaan transformasi PPD dan amalan komitmen perubahan terhadap pembangunan keupayaan kepimpinan sekolah. Penyelidik akan datang dicadangkan untuk melaksanakan penyelidikan menggunakan model pengukuran SEM bagi mengenal pasti pengaruh dan sumbangan pelaksanaan transformasi PPD terhadap pemboleh ubah lain yang mungkin boleh membentuk satu model baharu.



PELESTARIAN ADAT MASYARAKAT DUSUN MELALUI SISTEM BOMBON DI KIULU, TUARAN SABAH

JACINTA TANGIL
RT 390.09595

ABSTRAK KAJIAN

Masyarakat Dusun merupakan kumpulan penduduk peribumi yang terbesar di negeri Sabah. Budaya masyarakat ini seringkali dikaitkan dengan kepercayaan tradisional yang diwarisi daripada nenek moyang mereka. Salah satu amalan masyarakat Dusun yang diturunkan sejak generasi terdahulu sehingga membentuk kearifan tempatan mereka sendiri adalah sistem bombon. Sistem bombon adalah satu bentuk tegahan atau larangan dengan adat yang dikenakan ke atas hutan dan sungai. Tujuannya adalah untuk mengelakkan kawasan yang dikenakan bombon diceroboh dan mengawal penggunaan sumber alam secara berlebihan. Usaha itu juga dapat memastikan hasil hutan dan sungai terus dinikmati oleh generasi seterusnya. Namun begitu, sistem bombon sebenarnya membawa lebih banyak warisan budaya yang tidak kelihatan iaitu norma dan nilai tradisi masyarakat Dusun. Usaha untuk mendokumentasi sistem bombon yang mengangkat hal ini masih kurang dilakukan. Maka, kajian ini dilakukan dan mengkhusus kepada sistem bombon di sungai untuk mengenalpasti sumber adat yang digunakan dalam sistem bombon seterusnya meneliti pelaksanaan adat tersebut. Melalui maklumat itu, fungsi dan keberkesanan adat Dusun dalam pelaksanaan sistem bombon akan dianalisis. Kajian ini mengaplikasi konsep kearifan tempatan. Kajian ini dilaksanakan menggunakan kaedah kajian lapangan berbentuk pemerhatian dan temu bual. Responden utama dipilih melalui teknik bola salji terdiri daripada pakar adat dan mereka yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam menjayakan sistem bombon. Kajian ini dipandu oleh teori fungsionalisme struktural untuk melihat fungsi, perkembangan dan keberkesanan sistem bombon yang diikat dengan adat masyarakat Dusun. Sistem bombon membawa bersama pelbagai manfaat yang tersurat dan yang tersirat kepada komuniti yang melaksanakannya. Dalam arus kemodenan, adat masyarakat Dusun terus hidup melalui pelaksanaan sistem bombon. Kejayaan terbesar yang dibawa bersama oleh sistem bombon adalah pelestarian hukum adat masyarakat Dusun itu sendiri. Dengan adanya kajian seperti ini, masyarakat akan lebih memahami dan menghargai pelaksanaan sistem bombon sebagai satu warisan yang tidak ternilai.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini disokong oleh teori fungsional struktural yang menekankan bahawa kestabilan masyarakat berlaku apabila masyarakat berada dalam keadaan teratur dan harmoni kerana berkongsi satu kumpulan nilai dan pola tingkah laku yang diterima secara bersama-sama. Kosmologi masyarakat tradisional Dusun percaya bahawa dunia berada seimbang apabila berada dalam keadaan *osogit* (sejuk) apabila mereka hidup dalam keadaan aman damai dan mempunyai makanan, hasil tanaman dan ternakan yang cukup. Amalan sistem bombon dan hukum adat yang memagari aktiviti tersebut telah melalui satu jangka masa yang panjang dan menyebabkan pelaksanaan sistem bombon mengalami penyesuaian dan membawa kepada perubahan nilai yang sesuai dengan peredaran zaman. Pewartaan Enakmen Perikanan Darat dan Akuakultur pada tahun 2003 telah berjaya memperkukuh hukum adat yang diguna pakai dalam sistem bombon sejak sekian lama. Dengan itu, kajian ini berjaya menunjukkan bahawa pelaksanaan sistem bombon pada hari ini telah melestarikan hukum adat masyarakat Dusun. Amalan sistem bombon bukan sahaja berupaya menjadi pemangkin kepada kestabilan dan keharmonian masyarakat malahan berjaya kekal relevan dan fungsional terhadap kesejahteraan hidup komuniti pengamal sistem bombon.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan untuk kajian lanjutan adalah seperti yang berikut:

1. Sebagai kesinambungan kepada kajian ini, penulisan terhadap sistem bombon boleh dikembangkan lagi dengan membuat kajian terhadap aspek lain. Cadangan terhadap kajian seterusnya boleh dibuat ke atas pelanggaran hukum adat bombon yang berlaku pada era moden. Hal ini kerana kepercayaan terhadap amalan nenek moyang termasuk pantang larang sudah semakin terhakis. Generasi muda masyarakat Dusun di Kawasan Kiulu, Tuaran pada hari ini adalah merupakan generasi ketiga dan yang seterusnya selepas penerimaan agama moden. Sudah banyak golongan terpelajar dan berpendidikan tinggi dalam kalangan komuniti. Kepercayaan terhadap penunggu sungai atau semangat ghaib yang boleh menyebabkan bencana dan malapetaka sudah tidak ada dalam hidup mereka. Sikap ingin mencuba dan beradu kekuatan dalam kalangan generasi muda mungkin boleh menjadi punca masalah pencerobohan ke atas kawasan bombon. Oleh itu, kajian seterusnya boleh dilakukan dengan melihat masalah terhadap pelanggaran adat bombon.
2. Agak merugikan bagi masyarakat Dusun sekiranya pelaksanaan dan pematuhan terhadap adat dalam sistem bombon tidak didokumentasikan, terutama yang berkaitan dengan kesalahan pelanggaran adat bombon yang pernah dilakukan oleh penduduk. Banyak masalah dan kes pelanggaran peraturan berkaitan dengan adat dibicarakan oleh ketua kampung dan jawatankuasa kampung hanya dilakukan secara lisan. Oleh itu, dicadangkan agar kajian akan datang memfokuskan kajian kepada hal yang berkaitan dengan pelanggaran hukum adat bombon pada era moden, kaedah menangani pelanggaran tersebut termasuk hukuman yang dikenakan kepada pelaku.

3. Kajian ini dilaksanakan di Kiulu, Tuaran kerana kawasan ini menjadi penyumbang terbesar statistik bombon di negeri Sabah. Melalui kajian ini, didapati bahawa kawasan Kiulu juga merupakan kawasan pertama di negeri Sabah yang mengimplementasi sistem bombon era moden ke atas sungai mengikut hukum adat masyarakat Dusun. Justeru, kajian lanjutan juga boleh diperluas kepada pelaksanaan sistem bombon oleh etnik Dusun yang lain di daerah yang lain. Kajian berkaitan pelaksanaan sistem bombon yang meliputi semua daerah bukan sahaja dapat memperlihatkan kekayaan adat masyarakat Dusun tetapi juga memperlihatkan keragaman adat bagi setiap etnik dalam rumpun masyarakat Dusun. Hal ini dapat menyumbang impak yang positif kepada generasi muda untuk mewarisi dan mempertahankan warisan unggul nenek moyang mereka.



PENGARUH KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL DAN EFIKASI KENDIRI TERHADAP EFIKASI KOLEKTIF GURU DI SARAWAK

VICTOR JIBSON ANTHONY IDI
RT 371.2 VIC

ABSTRAK KAJIAN

Walaupun komuniti pembelajaran profesional (KPP) telah dijalankan di Malaysia sejak sedekad yang lalu, masih kurang kajian dijalankan mengenai pengaruh KPP terhadap perubahan tingkah laku guru dalam konteks tempatan. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara dimensi-dimensi KPP, efikasi sendiri guru dan efikasi kolektif guru sekolah rendah Sarawak. Selain itu, kajian ini turut menguji sama ada efikasi sendiri guru mempunyai peranan mediator kepada hubungan dimensi KPP dan efikasi kolektif guru. Kajian ini melibatkan 450 orang guru sekolah rendah yang terdiri daripada 152 (33.8%) responden lelaki dan 298 (66.29%) responden perempuan. Reka bentuk kajian ini merupakan kajian kuantitatif kolerasi. Responden kajian telah dipilih dengan menggunakan teknik pensampelan rawak berkelompok dua peringkat. Instrumen dimensi KPP kajian ini telah diadaptasikan daripada instrumen kajian Siti Nafsiah et al. (2018) dan Zuraidah (2010). Bagi efikasi kolektif guru pula, kajian telah mengadaptasikan daripada *Collective Teacher Efficacy Scale* oleh Tschannen-Moran dan Barr (2004), manakala efikasi sendiri guru daripada *Teacher Sense of Efficacy Scale* oleh Tschannen-Moran dan Woolfolk (2001). SPSS 25 telah digunakan bagi menganalisis statistik deskriptif dan SmartPLS 3 pula digunakan untuk menganalisis model persamaan berstruktur (SEM). Secara keseluruhannya, kesemua sembilan dimensi KPP berada pada tahap yang tinggi. Dapatan kajian menunjukkan budaya kolaboratif, berorientasikan keputusan, dialog reflektif, keadaan yang menyokong (struktur) dan keadaan yang menyokong (hubungan) mempunyai pengaruh langsung kepada efikasi kolektif guru, manakala perkongsian nilai, matlamat dan visi, perkongsian kepimpinan dan kepimpinan sokongan, perkongsian amalan personal serta pembelajaran kolektif dan aplikasi tidak mempunyai pengaruh langsung kepada efikasi kolektif guru. Dapatan kajian turut menunjukkan perkongsian kepimpinan dan kepimpinan sokongan, berorientasikan keputusan, pembelajaran kolektif dan aplikasi, dialog reflektif dan keadaan yang menyokong (struktur) mempunyai pengaruh langsung kepada efikasi sendiri guru, manakala perkongsian nilai, matlamat dan visi, budaya kolaboratif, perkongsian amalan peribadi dan keadaan yang menyokong (hubungan) tidak mempunyai pengaruh langsung kepada efikasi sendiri guru. Seterusnya, dapatan kajian turut menunjukkan efikasi sendiri guru mempunyai pengaruh langsung kepada efikasi kolektif guru. Efikasi sendiri guru turut mempunyai peranan mediator kepada hubungan perkongsian kepimpinan dan kepimpinan sokongan, berorientasikan keputusan, pembelajaran kolektif dan aplikasi, dialog reflektif serta keadaan yang menyokong (struktur) dengan efikasi kolektif guru. Kesimpulannya, kajian ini telah menambah pengetahuan dalam kajian mengenai proses KPP yang boleh mengubah efikasi sendiri dan kolektif guru di sekolah. Selain itu, kajian ini juga menonjolkan peranan efikasi sendiri guru mempunyai peranan mediator kepada hubungan dimensi KPP dan efikasi kolektif guru. Dapatan kajian ini turut memberikan satu panduan kepada pemimpin sekolah serta pihak

berkepentingan lain bagaimana untuk membangunkan budaya komuniti pembelajaran profesional yang boleh membangunkan efikasi kolektif guru sebagai satu pasukan atau organisasi.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengkaji pengaruh dimensi KPP dan efikasi sendiri terhadap efikasi kolektif guru sekolah rendah di Sarawak. Berdasarkan model KPP semasa yang dibangunkan, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap KPP berdasarkan sembilan dimensi di sekolah rendah Sarawak adalah tinggi. Selain itu, daripada segi urutan, dimensi berorientasikan keputusan menunjukkan tahap KPP yang tertinggi manakala dimensi keadaan yang menyokong (struktur) pula berada pada tahap terendah. Analisis PLS-SEM menunjukkan bahawa hanya lima dimensi KPP iaitu budaya kolaboratif, berorientasikan keputusan, dialog reflektif, keadaan yang menyokong (hubungan) dan keadaan yang menyokong (struktur) mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap efikasi kolektif guru. Namun, hanya budaya kolaboratif, keadaan yang menyokong (hubungan) dan keadaan yang menyokong (struktur) memberikan pengaruh signifikan dan positif, manakala berorientasikan keputusan dan dialog reflektif telah memberikan pengaruh signifikan tetapi negatif terhadap efikasi kolektif guru. Manakala perkongsian nilai, matlamat dan visi, perkongsian kepimpinan dan kepimpinan sokongan, perkongsian amalan personal serta pembelajaran kolektif dan aplikasi tidak mempunyai pengaruh signifikan terhadap efikasi kolektif guru.

Dapatan kajian juga mendapati bahawa lima dimensi KPP iaitu perkongsian kepimpinan dan kepimpinan sokongan, berorientasikan keputusan, pembelajaran kolektif dan aplikasi, dialog reflektif dan keadaan yang menyokong (struktur) mempunyai pengaruh signifikan terhadap efikasi sendiri guru. Namun, hanya berorientasikan keputusan, pembelajaran kolektif dan aplikasi, dialog reflektif serta keadaan yang menyokong (struktur) mempunyai pengaruh signifikan dan positif terhadap efikasi sendiri guru, manakala perkongsian kepimpinan dan kepimpinan sokongan pula mempunyai pengaruh signifikan negatif kepada efikasi sendiri guru. Manakala nilai, matlamat dan visi, budaya kolaboratif, perkongsian amalan personal dan keadaan yang menyokong (hubungan) tidak mempunyai pengaruh signifikan kepada efikasi sendiri guru. Efikasi sendiri guru mempunyai peranan mediator kepada hubungan dimensi perkongsian kepimpinan dan kepimpinan sokongan, berorientasikan keputusan, pembelajaran kolektif dan aplikasi, dialog reflektif dan keadaan yang menyokong (struktur) dengan efikasi kolektif guru. Sumbangan utama kajian ini dalam literatur KPP dan efikasi adalah pengujian model analisis laluan yang menghubungkan dimensi KPP, efikasi sendiri guru dan efikasi kolektif guru.

Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa pengimplementasian KPP di sekolah dapat meningkatkan efikasi sendiri guru dalam pengajaran di bilik darjah. Kajian ini merupakan satu landasan kepada penerokaan kajian empirikal masa hadapan hasil daripada pembangunan KPP di sekolah terutamanya negara Asia lain yang mempunyai organisasi sekolah yang berbentuk hierarki seperti Singapura, China, Hong Kong, Taiwan, Thailand dan lain-lain. Penerokaan ini akan membantu pemahaman yang lebih mendalam mengenai pengimplementasian KPP dan kesannya terhadap perubahan tingkah laku guru yang dapat meningkatkan tahap pembelajaran murid.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan untuk kajian lanjutan adalah seperti yang berikut:

1. Oleh kerana kajian ini dijalankan di sekolah rendah, kajian akan datang boleh menjalankan kajian di sekolah menengah yang mempunyai struktur organisasi yang lebih kompleks. Hal ini akan memberikan perspektif yang berbeza dan menyeluruh mengenai komuniti pembelajaran profesional (KPP) di sekolah.
2. Dapatan kajian menunjukkan dimensi 'perkongsian nilai, matlamat dan visi,' 'perkongsian kepimpinan dan kepimpinan sokongan' dan 'perkongsian amalan personal' tidak mempunyai hubungan signifikan kepada efikasi kolektif dan efikasi sendiri guru. Oleh itu, pengkaji masa hadapan boleh meneroka dan memahami keadaan yang sebenar berlaku di dalam dimensi-dimensi ini melalui kaedah kualitatif. Hal ini akan membantu dalam mengenal pasti kelemahan dalam dimensi daripada segi kefahaman, persepsi dan halangan sedia ada dalam konteks tempatan. Selain itu, dimensi 'keadaan yang menyokong (struktur) menunjukkan nilai min yang terendah guru sekolah rendah berbanding dimensi KPP yang lain. Pengkaji masa hadapan boleh meneroka apa masalah yang dihadapi oleh pemimpin dan organisasi sekolah dalam menyediakan struktur sokongan kepada kolaboratif guru.
3. Kajian ini hanya menggunakan kaedah keratan rentas iaitu gambaran semasa mengenai struktur KPP di Malaysia. Oleh itu, kajian ini telah menggunakan reka bentuk kajian toleransi untuk mengkaji hubungan dimensi KPP, efikasi sendiri guru dan efikasi kolektif guru yang tidak dapat memberikan maklumat hubungan kausal antara tiga pemboleh ubah ini. Kajian akan datang boleh menggunakan kaedah longitudinal untuk mengenal pasti pengaruh KPP terhadap efikasi kolektif guru. Cadangan ini berdasarkan tinjauan literatur yang dilakukan sebelum ini yang menyatakan bahawa guru perlu diberikan tempoh masa secukupnya untuk mempengaruhi perubahan tingkah laku guru yang diinginkan (Durksen et al.,2017). Namun, kajian yang menggunakan kaedah longitudinal harus peka dengan pemilihan titik masa semasa memisahkan pengukuran masa agar dapat menilai pengaruh pemboleh ubah yang dikaji (Spector,2019). Spector (2019) turut menyatakan selain daripada titik masa, pengkaji harus peka dengan potensi masa pemboleh ubah X boleh mempengaruhi pemboleh ubah Y. Oleh itu, perancangan mengenai titik masa dan pengetahuan mengenai tempoh masa pemboleh ubah X ini amat penting kepada pengkaji yang ingin menggunakan kaedah longitudinal dalam kajian mereka.
4. Kajian ini hanya dijalankan di negeri Sarawak sahaja. Hal ini telah menghadkan inferensi hasil daripada analisis kajian. Oleh itu, dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada negeri lain atau peringkat nasional. Kajian akan datang boleh mengembangkan kajian ke beberapa negeri lain hingga ke peringkat nasional bagi mengesahkan dan menjelaskan hubungan antara dimensi KPP berbeza dan efikasi kolektif guru dalam konteks tempatan.
5. Kebanyakan kajian dalam bidang KPP hanya memperolehi maklumat daripada guru sahaja. Oleh itu, kajian masa hadapan boleh mengkaji peranan pemimpin sekolah dalam membangunkan persekitaran KPP dan bagaimana usaha mereka dalam perkongsian tanggungjawab pembelajaran bersama guru. Hal ini akan membantu pemahaman dan menyumbang maklumat kepada amalan kepimpinan semasa dalam KPP.



PENGETAHUAN TEKNOLOGI PEDAGOGI KANDUNGAN, GAYA PENGAJARAN DAN EFIKASI KENDIRI TERHADAP KOMPETENSI GURU SEKOLAH MENENGAH PENDIDIKAN KHAS VOKASIONAL

RUBASHINI RAMAKRISHNAN
RT 371.334 RUB

ABSTRAK KAJIAN

Kompetensi adalah elemen yang perlu dikuasai oleh warga pendidik bagi mencapai kecemerlangan dalam profesion keguruan. Pengetahuan teknologi pedagogi kandungan, gaya pengajaran dan efikasi sendiri dapat membantu dalam meningkatkan kompetensi guru. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan teknologi pedagogi kandungan, gaya pengajaran, efikasi sendiri dan kompetensi guru di sekolah menengah pendidikan khas vokasional. Kajian turut menganalisis perbezaan opsyen pendidikan guru serta menguji hubungan dan pengaruh setiap pemboleh ubah. Kaedah tinjauan digunakan dalam kajian ini dengan mengedarkan soal selidik kepada 229 sampel kajian di 4 buah sekolah menengah pendidikan khas vokasional. Instrumen yang digunakan adalah *Technological Pedagogical and Content Knowledge* (TPACK), *Grasha Teaching Style*, *Teacher Sense of Efficacy Scale* (TSES) dan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2). Pemilihan sampel adalah secara persampelan rawak strata berkadar diikuti dengan kaedah persampelan rawak mudah. Analisis data kajian adalah menggunakan perisian SPSS dan PLS-SEM. Analisis deskriptif mendapati min bagi pengetahuan teknologi pedagogi kandungan (3.95), gaya pengajaran (pakar = 5.40; autoriti formal = 5.44; model = 5.48; fasilitator = 5.51; delegator 5.37), efikasi sendiri (6.92) dan kompetensi (4.12) berada pada tahap yang tinggi. Hasil analisis inferensi mendapati guru dari opsyen dan bukan opsyen pendidikan khas memiliki pengetahuan teknologi pedagogi kandungan, gaya pengajaran, efikasi sendiri dan kompetensi yang sama. Analisis PLS-SEM pula mendapati pengetahuan teknologi pedagogi kandungan mempunyai hubungan positif terhadap kompetensi guru dan gaya pengajaran (model; fasilitator, delegator) pula mempunyai hubungan positif terhadap efikasi sendiri guru. Begitu juga dengan efikasi sendiri yang turut mempunyai hubungan positif terhadap kompetensi guru. Selain itu, efikasi sendiri adalah perantara penuh antara hubungan gaya pengajaran (model; fasilitator; delegator) dengan kompetensi. Kesimpulannya, diharapkan dapatan kajian ini digunakan untuk penghasilan cadangan kerangka kompetensi guru di sekolah menengah pendidikan khas vokasional.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Secara keseluruhan, terdapat enam objektif kajian yang telah dibincangkan secara terperinci. Dapatan kajian pertama mendapati bahawa kesemua konstruk iaitu pengetahuan teknologi pedagogi kandungan, gaya pengajaran, efikasi sendiri dan kompetensi berada pada tahap yang tinggi. Ini adalah kerana guru di SMPK Vokasional telah melengkapkan diri mereka dengan pelbagai pengetahuan yang merangkumi teknologi, pedagogi dan kandungan beserta dengan gaya pengajaran yang pelbagai. Malahan mereka juga didapati memiliki efikasi sendiri yang positif dan mempunyai ciri-ciri kompetensi seperti yang diperlukan dalam SKPMg2 (KPM 2017). Bagi objektif kedua, hasil dapatan kajian mendapati guru memiliki aspek pengetahuan teknologi pedagogi kandungan, gaya pengajaran, efikasi sendiri dan kompetensi yang sama antara guru opsyen pendidikan khas dengan guru bukan opsyen pendidikan khas. Dapatan kajian ini mendapati fokus dan matlamat guru adalah menjadi pendidik yang berkualiti dengan menyalurkan pendidikan yang bersesuaian dengan kebolehan dan keupayaan Murid Berkeperluan Khas (MBK) walaupun ada diantara guru yang mengajar di SMPK Vokasional bukan dari opsyen pendidikan khas.

Objektif ketiga mendapati aspek pengetahuan teknologi pedagogi kandungan tidak memberi sebarang kesan ke atas peningkatan efikasi sendiri guru tetapi aspek pengetahuan teknologi pedagogi kandungan memberi kesan yang positif ke atas peningkatan kompetensi guru yang mengajar di SMPK Vokasional. Selain itu, aspek gaya pengajaran model, gaya pengajaran fasilitator dan gaya pengajaran delegator pula didapati mempunyai hubungan yang positif ke atas peningkatan efikasi sendiri.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, pengkaji mengemukakan beberapa cadangan kajian lanjutan seperti yang berikut:

1. Hasil dapatan kajian ini dianalisis secara mendalam dari beberapa aspek seperti pemilihan item bagi setiap subkonstruk dalam pemboleh ubah kajian, pemilihan sampel kajian, kaedah pengumpulan data dan juga dapatan kajian. Dari segi pemilihan item bagi setiap subkonstruk, pengkaji menggunakan subkonstruk yang terdapat dalam setiap pemboleh ubah yang dipilih iaitu pengetahuan teknologi pedagogi kandungan, gaya pengajaran, efikasi sendiri dan kompetensi. Pemboleh ubah yang dipilih adalah berdasarkan kajian terdahulu dan juga berdasarkan teori dan model yang telah mantapkan banyak digunakan dalam kajian terdahulu. Pengkaji telah menjalankan analisis faktor (CFA) dan membuang item-item yang tidak menepati syarat PLS SEM. Pengkaji akan datang boleh menggunakan item-item yang telah diuji melalui kajian ini untuk kajian akan datang serta menggunakan kesemua subkonstruk tertentu yang ada dalam aspek pengetahuan teknologi pedagogi kandungan, gaya pengajaran dan efikasi sendiri yang memberi pengaruh kepada kompetensi mengikut objektif dan tujuan pengkaji akan datang.
2. Dari segi pemilihan sampel, pengkaji memberi fokus kepada guru Pendidikan Khas di SMPK Vokasional di Malaysia. Pengkaji akan datang boleh memilih sampel kajian secara lebih meluas dengan menjalankan kajian terhadap guru yang mengajar di sekolah menengah Pendidikan khas yang mempunyai program integrasi. Ini adalah kerana KSSM (KPM 2016) telah mula diperkenalkan di semua sekolah menengah yang mempunyai program integrasi. Kemahiran vokasional yang mempunyai pelbagai bidang seperti masakan, tanaman, akuakultur, multimedia, regleksologi dan pembuatan perabot memerlukan aspek pengetahuan serta kefahaman yang mendalam tentang setiap kemahiran ini. Pengkaji akan datang boleh mengkaji kompetensi guru yang terlibat dalam program KSSM ini.

3. Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data secara kuantitatif sepenuhnya. Pengkaji akan datang boleh menggunakan kaedah kualitatif untuk mengkaji dengan lebih mendalam ciri-ciri atau faktor yang diperlukan oleh guru Pendidikan khas untuk meningkatkan kompetensi mereka. Kajian yang menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif juga boleh digunakan bagi mendapatkan hasil dapatan kajian lebih mendalam. Ini adalah kerana hasil kajian ini ada yang tidak selaras dengan dapatan kajian terdahulu. Maka, kaedah kajian yang mempunyai beberapa gabungan adalah disarankan untuk kajian lanjutan.
4. Hasil dapatan kajian ini telah mencadangkan kerangka baharu kompetensi guru Pendidikan khas SMPK Vokasional. Walaupun kerangka tersebut adalah dicadangkan untuk guru Pendidikan khas tetapi kerangka tersebut boleh digunakan untuk guru yang bukan dalam bidang pendidikan khas. Ini adalah kerana, kesemua guru tidak kira daripada bidang Pendidikan ataupun bukan perlu memiliki ciri-ciri profesyen keguruan seperti yang ditekankan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025. Kerangka baharu hasil daripada kajian ini juga boleh diperluaskan dalam bidang perguruan yang lain selain daripada bidang vokasional dan dikaji kepada guru yang mengajar mata pelajaran lain dalam bidang STEM. Oleh itu, pengkaji akan datang boleh menggunakan kerangka ini sebagai asas dan panduan untuk kajian akan datang untuk mengkaji kompetensi guru.



MODEL PENYELESAIAN MASALAH DALAM PENGATURCARAAN BERASASKAN PEMIKIRAN KOMPUTASIONAL (C-THINK)

KARIMAH MOHD YUSOFF
RT 005.101 KAR

ABSTRAK KAJIAN

Penguasaan kursus pengaturcaraan pengenalan menjadi pemangkin kepada pelajar untuk meneruskan kursus pengaturcaraan lanjutan. Namun, kesukaran pembelajaran dan kegagalan kursus pengaturcaraan pengenalan lazimnya berlaku dalam kalangan pengatur cara novis. Kajian awal mendapati bahawa pengatur cara novis kekurangan strategi untuk membuat penyelesaian dan masih memerlukan bimbingan. Model penyelesaian masalah dalam pengaturcaraan sedia ada tidak menyediakan komponen dan elemen yang dapat membimbing pengatur cara novis dalam melaksana penyelesaian. Kajian ini bertujuan untuk membangun model penyelesaian masalah dalam pengaturcaraan berasaskan Pemikiran Komputasional (PK) C-Think. Pembinaan model ini bertujuan untuk melihat bagaimana komponen dan elemen PK dintegrasikan untuk menyokong pengajaran dan pembelajaran pengaturcaraan bagi mengurangkan beban kognitif pelajar. Kajian menggunakan kaedah Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR) yang diperkenalkan oleh Ritchey dan Klein. Kajian melibatkan fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan pembangunan serta fasa penilaian. Fasa pertama melibatkan sorotan literatur untuk mengenal pasti komponen PK bagi pengajaran dan pembelajaran pengaturcaraan dan tinjauan kesukaran pembelajaran pengaturcaraan serta keperluan kemahiran PK. Fasa kedua adalah reka bentuk dan pembangunan model yang melibatkan komponen dan elemen PK manakala fasa ketiga adalah penilaian kebolehlaksanaan model. Fasa analisis mendapati 14 komponen utama mewakili enam kemahiran, tiga dimensi dan lima pendekatan. Dapatan kaji selidik menunjukkan kesukaran pembelajaran sebagaimana literatur manakala min keperluan kemahiran PK adalah tinggi. Reka bentuk model melibatkan pandangan dan keputusan 15 pakar untuk mengesahkan 14 komponen dan 35 elemen menggunakan kaedah Fuzzy Delphi. Data dianalisis untuk menentukan kesepakatan pakar berdasarkan nilai ambang (d) dan peratus kesepakatan. Keputusan penerimaan pakar adalah berdasarkan nilai *defuzzification*. Kesepakatan pakar tercapai apabila nilai ambang tidak melebihi 0.2 dan peratusan kesepakatan melebihi 75%, sementara nilai *defuzzification* melebihi 0.5. Model dibangun dengan menyusun komponen dan elemen mengikut Langkah penyelesaian masalah dalam pengaturcaraan berpandukan taksonomi PK. Fasa ketiga adalah penilaian kebolehlaksanaan model yang dinilai oleh 14 tenaga pengajar pakar. Data dianalisis secara deskriptif untuk menentukan min skor. Dapatan menunjukkan min skor kebolehlaksanaan adalah tinggi. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa model penyelesaian masalah yang mengintegrasikan komponen dan elemen PK sesuai diguna sebagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran pengaturcaraan khususnya untuk kursus pengaturcaraan pengenalan.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Kemahiran penyelesaian masalah dalam kalangan pengatur cara baharu memerlukan perhatian kerana pengetahuan dan kemahiran belum terbentuk dalam skema jangka panjang mereka. Proses penyelesaian masalah pula memerlukan kebolehan kognitif yang aktif. Dapatan kajian menunjukkan aplikasi C-Think yang mengaplikasikan komponen dan elemen pada model dapat memudahkan pengajaran, efektif dan memberi kepuasan kepada tenaga pengajar. Kajian ini merupakan penyelidikan yang menggabungkan pengajaran dan pembelajaran pengaturcaraan dan Penilaian Komputasional (PK) untuk penyelesaian masalah. Model ini mengambil kira pelaksanaan PK, iaitu, aspek penyampaian, praktikal dan penilaian. Selain itu, terdapat cadangan pendekatan PK sebagai amalan dalam kelas untuk merangsang kemahiran PK. Model yang dihasilkan boleh digunakan untuk membuat penyelesaian bagi reka bentuk masalah yang lain, selain masalah berbentuk jujukan, pilihan dan ulangan. Model ini membantu tenaga pengajar untuk membangunkan bahan pengajaran dan pembelajaran serta mereka bentuk soalan bagi menguji kemahiran pelajar dalam membuat penyelesaian.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, pengkaji mengemukakan beberapa cadangan kajian lanjutan seperti yang berikut:

1. Model penyelesaian masalah dalam pengaturcaraan yang dihasilkan ini menerapkan komponen dan elemen Pemikiran Komputasional (PK) yang dipilih berdasarkan peranannya untuk membuat penyelesaian masalah. Kajian akan datang boleh membangunkan objek untuk mereka bentuk masalah sebagai panduan untuk membangunkan soalan yang sesuai untuk diselesaikan melalui penggunaan model ini. Hal ini bertujuan untuk membangunkan kemahiran pelajar dalam membuat penyelesaian dengan menggunakan komponen dan elemen PK.
2. Bagi mengurangkan kesukaran serta menarik minat pengatur cara baharu, adalah sesuai sekiranya satu aplikasi yang mempelbagaikan kaedah dan teknik bagi menunjukkan penggunaan komponen dan elemen PK yang dibangunkan. Aplikasi ini juga tidak terbatas kepada penyelesaian masalah dalam pengaturcaraan, malah boleh diluaskan kepada subjek lain termasuk menggunakan apa sahaja kaedah dan teknik seperti penggunaan analogi yang mengaitkannya dengan penyelesaian masalah dalam kehidupan seharian. Aplikasi ini bertindak sebagai bahan sokongan dalam pengajaran dan pembelajaran.
3. Selain menggunakan kemahiran PK sebagai strategi untuk membuat penyelesaian, kajian akan datang juga boleh meninjau kemahiran PK yang menunjukkan peranan yang signifikan dalam membantu proses pembelajaran pengaturcaraan.
4. Selain menguji kebolehlaksanaan model melalui perspektif tenaga pengajar pakar, kajian akan datang boleh menguji dari segi perspektif pelajar serta keberkesanan pembelajaran pelajar melalui pendekatan model C-Think.



PEMBANGUNAN MODEL PEMIKIRAN KRITIS REMAJA MUSLIM UNTUK KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM

RIZAMAN YAHYA
RT 297.0712 RIZ

ABSTRAK KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan Model Pemikiran Kritis Remaja Muslim Berasaskan Kurikulum Pendidikan Islam. Metodologi kajian ini menggunakan kajian Reka Bentuk Dan Pembangunan atau *Design and Development Research* (DDR), Richey dan Klien (2007). Kajian ini melibatkan tiga fasa utama iaitu, i) fasa analisis keperluan, ii) fasa reka bentuk dan pembangunan ii) fasa penilaian. Model kurikulum Tyler (1949), pandangan pemikiran Ibn Khaldun (1332-1406) dan pandangan pembangunan modal insan Al-Ghazali (1058-1111) telah dijadikan sebagai asas utama tunjang kajian. Objektif fasa pertama atau fasa analisis keperluan dijalankan bagi mengenal pasti keperluan pembangunan model pemikiran kritis remaja Muslim berasaskan kurikulum Pendidikan Islam melalui persepsi pengguna. Justeru, kajian tinjauan diaplikasikan dengan satu set soal selidik diedarkan kepada 370 orang guru Pendidikan Islam di seluruh Malaysia. Data dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for The Social Science* (SPSS) versi 21 merujuk kepada data situasi masa ini dan jangkaan masa depan dengan menggunakan statistik deskriptif. Fasa kedua merupakan fasa reka bentuk dan pembangunan dengan tumpuan kajian keseluruhannya menjurus terhadap keputusan pakar. Bagi mendapatkan data, kaedah temu bual dijalankan kepada lima orang pakar dalam bidang pemikiran kritis dan dianalisis dengan menggunakan Perisian *Qualitative Data Analysis* ALTAS ti versi 8 bagi melabelkan kod dan tema. Selain itu, Nominal Group Technique (NGT) dan *Interpretive Structural Modeling* (ISM) juga diaplikasikan dengan melibatkan seramai sembilan orang pakar dalam membangunkan model. Fasa ketiga atau fasa penilaian dijalankan bagi menilai kebolegunaan model berdasarkan kesepakatan pakar. Kaedah Fuzzy Delphi Method (FDM) dipilih bagi mendapatkan ketepatan nilai threshold d dan nilai defuzzification melalui 30 orang pakar. Penilaian kebolegunaan model dijalankan melibatkan empat bahagian yang dinilai dengan menggunakan 7 skala likert. Dapatan fasa pertama mendapati wujudnya keperluan yang tinggi berdasarkan interpretasi skor min merujuk kepada situasi masa kini berbanding jangkaan masa depan iaitu dengan min sebanyak 3.77 berbanding 4.43. Merujuk dapatan fasa kedua, sebanyak 26 elemen telah dapat dihasilkan berdasarkan konsensus yang diberikan oleh pakar. Sekali gus model dapat diklasifikasikan kepada empat kluster iaitu *independent*, *dependent*, *linkage* dan *autonomous*. Dapatan fasa penilaian mendapati nilai konstruk threshold ' d ' masing-masing memperoleh 0.128, 0.119 dan 0.129 manakala nilai defuzzification pula mencapai sebanyak 98%, 99% dan 98%. Keseluruhan dapatan merupakan satu sumbangan terhadap remaja Muslim agar dapat membuat keputusan yang lebih terarah dalam menjalani kehidupan seharian. Selain itu, implikasi kajian ini juga merupakan satu sumbangan yang bermakna terhadap Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM dalam usaha memantapkan kemahiran pemikiran kritis dan juga mata pelajaran Pendidikan Islam. Oleh itu, penguasaan terhadap pemikiran kritis dapat menjadikan seseorang individu bersikap lebih matang dalam menghadapi sebarang situasi berdasarkan cara berfikir dan cara bertindak.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian pembangunan model pemikiran kritis remaja Muslim berasaskan kurikulum Pendidikan Islam. Pendekatan kajian yang digunakan adalah kajian reka bentuk dan pembangunan yang terdiri daripada tiga fasa yang utama iaitu fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan pembangunan dan diakhiri dengan fasa penilaian.

Terdapat beberapa implikasi yang diperoleh melalui kajian ini iaitu dari sudut ilmu, teori, metodologi dan amalan. Dari sudut implikasi ilmu, kebaikan yang diperoleh lebih bersifat makro merujuk kepada kemahiran pemikiran kritis kepada Bahagian Perkembangan Kurikulum (BPK), Kementerian Pendidikan Malaysia. Hal ini kerana model ini boleh dijadikan sebagai kerangka kandungan kurikulum bagi dimasukkan dalam sukatan pelajaran. Dari sudut teori pula, model yang dibangunkan telah memperkukuhkan lagi hasil gabungan teori antara model kurikulum Tyler (1949), pandangan pemikiran Ibnu Khaldun (1332-1406) dan pandangan pembangunan modal insan Al-Ghazali (1058-1111). Pengintegrasian antara ketiga-tiga model dan teori menggunakan kaedah perluasan teori (*expanding theory*) ini dapat mewujudkan model yang lebih berkesan khususnya terhadap kemahiran pemikiran kritis. Dari segi metodologi pula, penggunaan pendekatan terkini seperti *Nominal Group Technique* (NGT), *Interpretive Structural Modeling* (ISM) dan Fuzzy Delphi Method (FDM) merupakan antara sumbangan yang bermakna dalam kajian ini. Dari segi implikasi amalan, ia boleh dilihat dari konteks peranan kemahiran pemikiran kritis dalam Kemahiran Abad ke-21 dan manfaat yang diperolehi oleh guru dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang diaplikasikan.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti berikut:

1. Sebagai kesinambungan terhadap kajian ini, adalah dicadangkan supaya diperluaskan kajian dengan memfokuskan penerokaan ciri-ciri psikometrik instrumen pentaksiran pemikiran kritis remaja Muslim. Ciri psikometrik yang dimaksudkan adalah dengan memfokuskan 26 elemen yang telah dikenal pasti dalam model tersebut. Berdasarkan ciri-ciri psikometrik instrumen tersebut, hasilnya akan dapat menentukan tahap psikometrik bagi seseorang remaja Muslim khususnya dan mana-mana individu amnya. Penerokaan pada bahagian ini penting kerana usaha awal telah dimulakan pada kajian ini dan legasi keberhasilan kajian ini akan ditentukan berdasarkan cadangan kajian yang dihasilkan selepas ini.
2. Cadangan lain yang layak dilaksanakan adalah dengan membangunkan sebuah lagi model yang melibatkan kemahiran yang begitu seiring dengan pemikiran kritis iaitu kemahiran pemikiran kreatif. Kemahiran pemikiran kreatif merupakan kemahiran yang tidak kurang pentingnya dalam menentukan kualiti keberhasilan seseorang remaja. Model Azhar (2001) berpendapat pemikiran kreatif merupakan satu kemahiran yang memperlihatkan kebolehan seseorang dalam mewujudkan sesuatu yang bersifat baharu. Oleh itu, cadangan ini bertepatan dengan keperluan kemahiran pemikiran kritis yang telah dihasilkan. Hal ini disebabkan ramai tokoh dalam bidang ini berpandangan bahawa kemahiran kreatif merupakan satu bidang yang tidak dapat dipisahkan dengan kemahiran pemikiran kritis malahan sering beriringan antara satu sama lain.



KNOWLEDGE CONSTRUCTION OF MOLE CONCEPT AMONG FORM FOUR CHEMISTRY STUDENTS

ADLIN PREMLA VINCENT RAMESH
RT 371.39 ADL

ABSTRACT

Chemistry education has gained a lot of attention from researchers globally for the past few decades in the view of meaningful learning. Past research findings showed that students consider it as a difficult subject due to its abstract nature. Researchers have identified one of the crucial topics that lacks conceptual understanding which is imparted using algorithmic strategies and memorisation as a solution to its abstractness. The abstract topic is mole concept which has mathematical nature as well as microscopic aspects of chemistry, relating unseen particles to quantifiers. Due to its mathematical nature, the most common method of teaching was found to be emphasising a set of memorised steps to solve problems in contrast to conceptual understanding of the topic. Researchers worldwide have contributed ways and strategies to find solutions to this problem by proposing teaching strategies and framework for teachers to reduce memorisation in imparting this topic. This is a qualitative study to identify the type of memory network of mole concept embedded in students' mind as well as how they solve problems on this topic, in order to investigate how teaching method influences the knowledge construction. The sample of the study were a total of twelve research participants. The instruments of the study are mind maps of the research participants on mole concept and think aloud of the Friedel Maloney Test. Mind map is used to represent students' memory network whereas the think aloud is to study on how they apply the knowledge constructed. In addition, the description of the teaching method of two teachers was analysed in order to see how it influences their students' knowledge construction respectively. The findings of this study showed that three types of memory network emerged which are hierarchical, interconnected and partially interconnected memory network. There were two methods of problem solving identified, which are algorithmic and reasoning method. Those who constructed hierarchical memory network practised a dominance of algorithmic problem-solving method whereas those with interconnected showed a dominance of reasoning method. There was evidence that showed similarity of memory network among students taught by the same teacher. The findings of this study showed that, when the students were taught the three concepts one after another sequentially, they were not able to relate the three concepts, resulting in a dominance of hierarchical memory network. However, when the students were taught by relating the three concepts simultaneously, there was a dominance of interconnected memory network. Knowledge on mole concept can be constructed as one big mental image for an in-depth conceptual understanding. The teaching method that promotes reasoning of the concept from prior knowledge, expanding in a gradual increment of difficulty level, enabled students to apply reasoning during problem-solving. Implications on teaching mole concept to enhance conceptual understanding include the need for more thinking time provided for students during the construction of the memory network on mole concept, in a gradual increment of difficulty level.

SUMMARY OF FINDINGS

This study is conducted to analyse the knowledge constructed among four chemistry students who are subjected to two different learning processes of mole concept. The research questions of this study were addressed by identifying the organisation of the knowledge constructed on mole concept as well as how it is applied. The results from this study concluded that the type of knowledge acquired on mole concept was dependent on the way the teacher teaches. Two types of knowledge were constructed by students in this study, which are conceptual knowledge and procedural knowledge, but they were not with an appropriate balance. Students' method of problem-solving evidently showed dependency on how the knowledge was constructed during the lesson in class. The type of memory network, which represented the knowledge constructed was found to be related to the way students understand the concept to adopt a certain method of problem-solving. The reasoning method of problem-solving was the dominant method related to the acquisition of conceptual knowledge in line with the theoretical framework. This study also justified the need to adopt a suitable teaching method for meaningful learning of mole concept to occur as it was found to have an impact on what is learnt by students. This study is important to highlight new findings on the application of knowledge acquired on mole concept based on how it is structured in the mind of students. The results also enlightened us on some of the suggestions to enhance meaningful learning of mole concept with a proper balance of conceptual knowledge and procedural knowledge.

RECOMMENDATIONS FOR FURTHER RESEARCH

Some recommendation for future research are as follows:

1. The findings of the study will be stronger if more teachers and research participants are used. Different learning experiences from students of different background can be analysed to identify barriers to the knowledge constructed on mole concept. In this research, data was collected after the lesson on mole concept. The memory network of the students should be elicited immediately after the lesson to analyse how it is constructed before being fossilised by external factors. The performance of students on mathematical abilities should be investigated too in order to analyse its effect on knowledge construction of the topic. This study should be conducted by widening the horizon on other factors related to knowledge construction for a better insight of the mental process. This study focused only on the cognitive process related to the teaching method of mole concept. In this study, a new type of memory network was identified. This type of memory network needed more research as it was presented only by one research participant.
2. Mole concept is not the only abstract in chemistry, though it is considered critical by researchers world-wide. There are other abstract concepts such as chemical bonding and its effect on physical properties of compounds. Future studies can be extended to these concepts which are not mathematical in nature. Metacognition is another aspect related to cognition, which can be further ventured as an addition to the findings. As discussed before, metacognition is executive in nature, focusing on how to execute knowledge about thinking among students.



A CASE STUDY EXAMINING THE IMPLEMENTATION OF HIGHER ORDER THINKING SKILLS IN A TESL TEACHER EDUCATION PROGRAMME IN A PUBLIC UNIVERSITY

LOGESWARI ARUMUGAM M. PILLAY
RT 370.711 LOG

ABSTRACT

This study aimed to examine the implementation of higher order thinking skills (HOTS) in a TESL teacher education programme in a public university. This case study was conducted to determine the HOTS among third year TESL student-teachers in a public university. HOTS in this study were based on the Revised Bloom's Taxonomy. Fourteen lessons of the semester 5 TESL programme involving a TESL teacher educator and twenty-seven student-teachers were observed and analysed inductively for emerging issues and categories. Research instruments consisted of an interview protocol and a classroom observation checklist. Interview sessions with the teacher educator and the seven student-teachers were conducted besides classroom and observations on the 27 student-teachers for one semester. Qualitative data collected was analysed using the Atlas software. The emerging themes from the interview showed that HOTS were integrated into the classroom via teaching and learning process, resources, and feedback. Findings also revealed that instructional strategies, questioning and inquiry techniques, graphic organisers and the application of flipped classrooms are crucial to the process of implementing HOTS in a TESL classroom. Observation data showed that the usage of relevant resources, critical discussions, dialogic interactions and constructive feedback were pertinent in nurturing HOTS for the student-teachers. In conclusion, the main findings showed that the key attributes that influence the successful implementation of HOTS in the TESL classroom include positive and highly interactive environment, deep inquiry and questioning, impactful learning resources and process, and meaningful feedback. The main implication of the study is that a new set of pedagogical guidelines for TESL teacher education could be designed based on the empirical data of the study.

SUMMARY OF FINDINGS

The most observed contribution of the teaching of HOTS in the TESL teacher education programme has been an increased intensity of engagement between the teacher educator and the student teachers. Out of all the student teachers interviewed for this study, every student teacher mentioned the contribution of interaction to the enhancement of their learning process.

Student teachers reported a dramatic increase in their capacity for critical thinking and approaching the topics taught to them in several ways. They mentioned the approaches taken by the teacher educator regarding the discussion and elaboration of topics have especially been helpful in enabling them to form their own opinions of the topics taught to them and infer useful insights from them. Upon consulting the network diagram, it is also true that an increase in critical thinking has been in conjunction with creative thinking and inferencing skills for the student teachers.

Based on the findings of this study, almost all the student teachers in the teacher educator's TESL teacher education programme classroom experienced significant benefits such as the development of HOTS in themselves. The teacher educator also satisfied with her student teachers' performance and capability on adapting HOTS through rigorous practices during her lessons.

RECOMMENDATIONS FOR FURTHER RESEARCH

Some of the recommendations for future research are as follows:

1. While using the Gardner's five minds as a base to collaborate with the steps suggested in the PIE guidelines, a study in particular on the actual effect of the proposed PIE guidelines for the teaching of HOTS in a TESL teacher education programme can be conducted to examine its effectiveness and its validity on other teacher educators in various universities as well as teachers of all academic levels. A study using the proposed PIE guidelines may be able to inform the teacher education quarters of the validity and reliability of the steps outlined on the implementation of HOTS for teaching and learning.
2. The PIE guidelines proposed may serve as specific guidelines for employing various strategies to develop HOTS amongst student teachers in order for these student teachers to implement the teaching of HOTS in their future classrooms. The proposed guidelines have taken into consideration the developed research procedure and design used in this research to better the spectrum of results obtained for a study that adopts a similar research procedure and design.
3. For Dewey, learning happens by doing and experiencing Bruner's theory explains that learning must encourage active engagement, promote motivation, promote autonomy, responsibility, independence and the development of creativity and problem-solving skills. The present study confirms that learning is active, experiential and utilises problem solving and the thinking paradigm with similar theories and taxonomies to design a conceptual framework when conducting the study within the boundaries of HOTS.
4. Existing practices in the teaching of HOTS include key features such as the use of concepts, demonstration, interactions, inferences, visualisation, and reflection. A study can be proposed to expand and explore on the unique findings of this research which are the process of teaching of HOTS by the teacher educator in this study, the teacher educator's point of view and the student teachers' responses towards the teaching of HOTS.



PEMBANGUNAN MODUL PENGAJARAN MATEMATIK SEKOLAH MENENGAH BERASASKAN PENDEKATAN PEMBELAJARAN SOSIAL DAN EMOSIONAL (PSE)

RADIN MUHD IMADUDDIN RADIN ABDUL HALIM
RT 371.262 RAD

ABSTRAK KAJIAN

Kajian ini bertujuan membangunkan modul pengajaran Matematik sekolah menengah berasaskan pendekatan pembelajaran sosial dan emosional (PSE). Pembangunan modul tersebut bertujuan untuk membantu dan membimbing guru Matematik dalam menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) Matematik dengan menerapkan kompetensi sosial dan emosional bagi menyediakan murid menghadapi cabaran abad ke-21. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan Reka bentuk dan Pembangunan (KRB) yang diperkenalkan Richey & Klein dalam membangunkan modul. Kajian penyelidikan KRB ini melibatkan tiga fasa. Fasa pertama melibatkan analisis keperluan menggunakan soal selidik 46 orang guru Matematik sekolah menengah dan 242 orang murid sekolah menengah yang berprestasi rendah-sederhana. Kajian peringkat ini bagi menentukan keperluan dalam membangunkan modul pengajaran Matematik berasaskan pendekatan PSE dan keperluan kompetensi sosial dan emosional (KSE) terhadap murid sekolah menengah. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 25. Tafsiran analisis keperluan adalah berdasarkan nilai peratusan, skor min dan sisihan piawai. Fasa kedua menggunakan pendekatan kaedah Fuzzy Delphi (KFD) untuk mereka kerangka utama reka bentuk modul, komponen utama KSE, elemen dalam KSE, dan aktiviti sokongan sosial dan emosional berdasarkan kesepakatan pandangan panel pakar yang terdiri daripada 11 orang. Proses penterjemahan data bagi KFD ini adalah berdasarkan kesepakatan kesemua pakar berlandaskan syarat persetujuan, iaitu nilai threshold di bawah 0.2. peratusan kesepakatan melebihi 75% dan nilai purata skor fuzzy melebihi 0.5. Fasa ketiga, iaitu fasa penilaian kebolegunaan modul melibatkan pakar seramai 14 orang guru Matematik yang bertindak untuk menilai modul yang dibangunkan menggunakan pendekatan teknik kumpulan nominal ubahan (Modified NGT). Panel ini dipilih berdasarkan kepakaran mereka sebagai pengguna yang terlibat secara langsung dalam PdP Matematik di dalam bilik darjah. Nilai peratusan skor penerimaan adalah melebihi 70% bagi setiap item atau konstruk untuk dianggap sesuai dan boleh digunakan. Dapatan keseluruhan daripada fasa pertama menunjukkan tidak terdapat penerapan PSE serta elemen KSE dalam amalan pendidikan Matematik sekolah menengah kebangsaan, dan tiada bahan sumber PSE serta sokongan profesional bagi menambah baik pelaksanaan PSE dalam bilik darjah. Dapatan juga menunjukkan guru dan murid bersetuju bahawa tahap KSE murid adalah sederhana. Maka, kajian untuk pembangunan modul pengajaran Matematik berasaskan pendekatan PSE adalah diperlukan. Dapatan daripada fasa kedua pula menghasilkan kerangka reka bentuk modul, komponen KSE, elemen dalam KSE, aktiviti sokongan sosial dan emosional, serta aliran turutan keutamaan bagi kesemua item tersebut. Kerangka utama reka bentuk modul adalah terdiri daripada 5 komponen, iaitu Kesiapan Guru, Objektif Pembelajaran, Permasalahan Berkonteks, Tugas Kolaboratif dan

Aktif, Sokongan Fizikal dan Penilaian. Selanjutnya, dapatan fasa ketiga memperlihatkan bahawa kesemua item daripada kerangka utama reka bentuk modul, komponen KSE, Elemen dalam KSE, aktiviti yang menyokong PSE, dan turutan keutamaannya adalah pada tahap sesuai dan boleh digunakan. Modul yang dibangunkan ini berupaya menjadi panduan kepada guru Matematik dalam menerapkan KSE dalam bilik darjah.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Terdapat empat implikasi besar yang dilihat daripada aspek implikasi terhadap pengetahuan, implikasi terhadap amalan, implikasi terhadap teori dan implikasi terhadap metodologi.

Daripada aspek pengetahuan, kajian ini menyumbang kepada pernyataan kompetensi sosial dan emosional beserta elemen-elemen dalam konteks pengajaran Matematik yang telah disusun dalam aturan keutamaan berdasarkan pandangan pakar. Justeru, penggubal kurikulum dan guru Matematik dapat menggunakan kompetensi ini untuk menambah baik amalan pedagogi profesional keguruan dalam bidang pengajaran Matematik.

Daripada aspek amalan pengajaran Matematik sekolah menengah, pembangunan modul ini dapat menyumbang kepada pelaksanaan amalan PdPc Matematik dengan menerapkan KSE secara langsung dalam bilik darjah. Selain itu, guru Matematik dan lain-lain pihak pembangun modul boleh menggunakan kerangka utama reka bentuk modul dalam mana-mana tajuk Matematik sekolah menengah mengikut kesesuaian.

Daripada aspek implikasi terhadap teori, pembangunan modul pengajaran Matematik berasaskan pendekatan PSE atau dinamakan sebagai modul Mate OSEM ini adalah selari dengan sintesis Teori Pembelajaran Sosial Bandura, Teori Pemaksaan, Teori Perubahan Yang Disengajakan, Teori Perubahan, Konsep Kitaran Pembelajaran dan Teori Pengaruh Tiga Serangkai. Dalam konteks pengajaran Matematik, kajian ini memberikan implikasi penting dalam penghasilan pernyataan objektif pembelajaran kemahiran sosial dan emosional dalam bentuk pernyataan kompetensi dan elemen-elemennya. Kajian ini juga merumuskan bahawa Teori Sosial Bandura dan Teori Pengaruh Tiga Serangkai bagi memastikan pengalaman pembelajaran dalam bilik darjah lebih terurus oleh guru.

Daripada aspek implikasi terhadap metodologi, kajian ini menggunakan pendekatan analisis kaedah fuzzy Delphi (KFD) bagi menilai, mengesahkan dan menyusun komponen dan lain-lain elemen yang dihasratkan sesuai dalam konteks kajian. Bagi fasa penilaian pula, teknik kumpulan nominal ubahan (*modified* NGT) diaplikasikan bagi melihat pandangan pakar pelaksana terhadap modul yang telah dibangunkan. Selain itu, metodologi kajian analisis keperluan juga telah memberikan implikasi cara pengukuran tahap kompetensi sosial dan emosional dalam kalangan murid sekolah menengah.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan yang dicadangkan oleh pengkaji adalah seperti yang berikut:

1. Kajian lanjutan yang boleh dibuat adalah membangunkan modul pembelajaran Matematik untuk murid pula. Modul pembelajaran ini boleh menjurus kepada kompetensi tertentu yang bersesuaian atau tajuk tertentu dalam kurikulum Matematik tingkatan tertentu. Hal ini akan membuka ruang yang sangat luas dalam mempromosikan pendidikan sosial dan emosional dalam pendidikan Matematik.

2. Meluaskan pembangunan modul pengajaran kepada lain-lain mata pelajaran dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Kekuatan elemen kemanusiaan sememangnya elemen terpenting dalam cabaran revolusi perindustrian keempat. Namun, sistem sokongan dalam perubahan pendidikan STEM yang menjurus kepada pembangunan set kemahiran sosial dan emosional khususnya dalam pendidikan kebangsaan masih terlalu perlahan. Paradigma pembelajaran STEM juga perlu berubah dan sangat terkait dengan paradigma kaedah, pedagogi atau pendekatan pembelajaran terutama dalam unsur diri manusia (jasmani, emosi, rohani dan intelek) dan persekitaran manusia (sosial). Walaupun STEM perlu diteruskan sebagai pemacu kepada cabaran dan ekonomi masa hadapan, paradigma pendidikan STEM perlu diubah dengan penegasan kepada kualiti kemanusiaan. Model alternatif ialah mengubah paradigma pembelajaran kepada model PSE sebagai model pembelajaran utama (Imaludidin 2019).
3. Penyelidik akan datang boleh membuat penilaian kebolegunaan modul daripada aspek keberkesanan dan kecekapan modul. Dalam kajian ini, penilaian kebolegunaan modul hanya mengambil perspektif kepuasan pengguna iaitu kepuasan guru-guru Matematik sekolah menengah yang menggunakan modul ini dalam pembelajaran dalam bilik darjah. Penilaian daripada aspek keberkesanan dan kecekapan boleh dibuat menggunakan metodologi kajian eksperimen-kuasi kepada beberapa kumpulan.
4. Kajian lanjutan yang boleh diteroka adalah untuk melihat tahap kompetensi sosial dan emosional dalam kalangan murid di luar bandar dan perbandingan dengan murid kawasan bandar. Keutamaan dan elemen kompetensi sosial dan emosional juga mungkin berbeza antara dua kelompok murid berkenaan. Kajian ini melihat keperluan murid yang berpencapaian rendah dalam Matematik. Kajian akan datang boleh menambah faktor sosioekonomi untuk intervensi yang lebih berfokus seterusnya bakal membuka paradigma berbeza dalam pendekatan PSE.



PENGARUH KEPIMPINAN TRANSFORMASIONAL, TRANSAKSIONAL DAN BUDAYA ORGANISASI TERHADAP PELAN PENGGANTIAN DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

VICHETERA RAJAGANI
RT 353.880 VIC

ABSTRAK KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan dan pengaruh kepimpinan transformasional, kepimpinan transaksional dan budaya organisasi dalam kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Kajian ini menggunakan Teori Rothwell, disokong dengan Teori Kepimpinan Bass dan Avolio serta *Competing Value Framework (CVF) of Organizational Culture*, Cameron dan Quinn. Dari segi metodologi, kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Kajian ini melibatkan 260 orang responden daripada 21 bahagian di KPM. Data dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferens iaitu analisis Korelasi, ANOVA dan Regresi Pelbagai. Kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan dalam pelan penggantian berdasarkan faktor kelayakan akademik dan tempoh pengalaman kerja manakala wujud perbezaan dalam pelan penggantian berdasarkan faktor umur dengan nilai signifikan ujian Welch .003 ($p < .05$). Analisis korelasi menunjukkan terdapat hubungan antara kepimpinan transformasional ($r=.524$, $p=.000$), kepimpinan transaksional ($r=.256$, $p=.000$) dan budaya organisasi ($r=.621$, $p=.000$) dengan pelan penggantian. Analisis Regresi pula menunjukkan bahawa terdapat pengaruh faktor kepimpinan transformasional, kepimpinan transaksional dan budaya organisasi terhadap pelan penggantian dengan nilai R kuasa dua sebanyak .427 dengan nilai $p=.000$. Implikasi kajian ini ialah sumbangan kepada bidang ilmu pembangunan sumber manusia dan memberikan panduan ke arah pelaksanaan pelan penggantian yang lebih berkesan di Kementerian Pendidikan Malaysia. Secara keseluruhannya kajian ini mendapati bahawa faktor kepimpinan transformasional, kepimpinan transaksional dan budaya organisasi mempunyai hubungan dan pengaruh terhadap pelan penggantian. Budaya organisasi dikenal pasti sebagai pemboleh ubah kajian yang memberikan sumbangan terbesar.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Secara keseluruhannya, kajian ini dilaksanakan berasaskan objektif bagi mengenal pasti hubungan dan pengaruh kepimpinan transformasional, kepimpinan transaksional dan budaya organisasi terhadap pelan penggantian dalam kalangan PPP di KPM.

Kajian ini mendapati bahawa terdapat tiga pemboleh ubah yang perlu diberi perhatian oleh pihak yang terlibat dalam pelaksanaan pelan penggantian. Pertama, budaya organisasi yang didapati mempunyai hubungan dengan pelaksanaan pelan penggantian. Saiz kesan untuk hubungan tersebut adalah sederhana kuat. Budaya organisasi didapati memberi pengaruh yang terbesar terhadap pelan penggantian. Hal ini bererti budaya organisasi perlu diambil kira dan diberi perhatian serius dalam pelaksanaan pelan penggantian KPM. Bahagian Pengurusan Sumber manusia (BPSM) yang bertanggungjawab melaksanakan program pelan penggantian di KPM perlu mengambil kira budaya organisasi sebagai faktor terpenting dalam menjayakan pelaksanaan program tersebut dengan lebih berkesan dan menyeluruh. Pemboleh ubah kedua iaitu kepimpinan transformasional didapati mempunyai hubungan signifikan dengan pelan penggantian. Hubungan tersebut berada pada tahap sederhana. Justeru, kepimpinan transformasional didapati berhubung kait dan mempunyai pengaruh terhadap pelaksanaan pelan penggantian. Banyak kajian lepas menyokong dapatan kajian ini dimana ia telah membuktikan peranan kepimpinan transformasional dalam keberkesanan pelaksanaan pelan penggantian.

Pemboleh ubah ketiga iaitu kepimpinan transaksional didapati mempunyai hubungan yang signifikan dengan pelan penggantian. Walaubagaimanapun, hubungan tersebut mempunyai saiz kesan sederhana lemah. Idea serta konsep kepimpinan transaksional pada asasnya kurang diamalkan di KPM dan kurang mendapat galakan. Walaupun begitu, memandangkan kepimpinan transaksional turut berhubung kait dengan pelan penggantian, maka seharusnya pihak berkaitan mengambil kira faktor tersebut dalam proses pelaksanaan pelan penggantian. Sungguhpun ia menunjukkan tahap hubungan yang sederhana lemah, namun faktor tersebut tidak boleh diabaikan memandangkan ia menghubungkan hubungan dan pengaruhnya terhadap pelan penggantian. Kesimpulannya, berdasarkan hasil kajian yang diperolehi, langkah sewajarnya perlu diambil oleh KPM umumnya dan BPSM khususnya bagi memantapkan lagi pelan penggantian dalam kalangan PPP, KPM.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan bagi kajian lanjutan adalah seperti yang berikut:

1. Kajian ini terbatas kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang berkhidmat di bahagian Kementerian Pendidikan Malaysia. Oleh itu, kajian lanjutan dicadangkan dengan melibatkan PPP yang berkhidmat di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) berdasarkan fungsi tugas mereka.
2. Kajian ini merupakan kajian tinjauan dan data dikumpul hanya melalui soal selidik. Oleh itu, kajian lanjutan boleh dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kualitatif bagi mengupas dengan lebih lanjut mengenai faktor-faktor lain yang menyumbang kepada kejayaan pelan penggantian.



3. Kerangka kajian akan datang boleh menggunakan komitmen organisasi sebagai pemboleh ubah perantara bagi melihat kesan langsung ke atas pemboleh ubah bersandar (pelan penggantian).
4. Kajian akan datang boleh dilaksanakan dengan melihat kepada kajian kes terhadap kejayaan pelaksanaan pelan penggantian dengan membuat perbandingan di sektor swasta atau korporat dan sektor awam di Malaysia.
5. Kajian ini hanya melibatkan tiga pemboleh ubah kajian. Justeru, dicadangkan kajian akan datang menggunakan pemboleh ubah lain seperti yang dicadangkan oleh pengkaji terdahulu.





REKA BENTUK DAN PEMBANGUNAN MODEL PEMBUATAN KEPUTUSAN BERASASKAN FAKTOR DALAM PELAKSANAAN DASAR 60:40 DI SEKOLAH MENENGAH HARIAN DI MALAYSIA

NOR AIDILLINA MOHD. RAMLI
RT 005.265 NOR

ABSTRAK KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk membina model pembuatan keputusan berasaskan faktor dalam pelaksanaan dasar 60:40 di sekolah menengah harian di Malaysia. Pendekatan kajian yang digunakan adalah kajian reka bentuk dan pembangunan (*design and development research*) yang dilaksanakan dalam tiga fasa iaitu fasa analisis keperluan, fasa pembangunan dan rekabentuk serta fasa penilaian. Fasa analisis keperluan dilaksanakan dengan menggunakan kaedah temu bual semi-struktur bersama tujuh orang pakar. Manakala fasa pembangunan dan rekabentuk dijalankan dalam dua peringkat. Peringkat pertama adalah temu-bual pakar bagi mengenal pasti aspek yang perlu dimasukkan ke dalam model yang dibina. Seterusnya peringkat kedua melibatkan 20 orang pakar dimana teknik fuzzy delphi digunakan bagi mencapai kesepakatan pakar. Pada fasa kedua kajian ini, satu model prototaip telah dibina. Seterusnya, fasa penilaian melibatkan 347 orang pengetua sekolah menengah harian sebagai responden kajian untuk menjawab soal selidik. Fasa ini bertujuan untuk membuat penilaian ke atas model prototaip yang dibentuk dalam fasa sebelumnya. Dapatan kajian yang diperolehi dianalisis menggunakan analisis korelasi Pearson dan regresi berganda. Di fasa akhir fasa penilaian, satu model sebenar telah dibina dan didapati bahawa faktor persekitaran sekolah ($R^2 \text{ change}=0.401, p=0.000$) merupakan faktor yang paling memberi sumbangan terhadap pembuatan keputusan. Ini diikuti oleh faktor risiko ($R^2 \text{ change}=0.085, p=0.000$), pentadbir ($R^2 \text{ change}=0.051, p=0.000$), sendiri murid ($R^2 \text{ change}=0.035, p=0.000$), pencapaian akademik ($R^2 \text{ change}=0.019, p=0.000$) dan ibu bapa ($R^2 \text{ change}=0.014, p=0.000$). Hasil dapatan kajian ini mengukuhkan model sedia ada dengan memberi tumpuan kepada isu yang spesifik iaitu pelaksanaan dasar 60:40. Selain itu, model dibina juga memberi input kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menyediakan persekitaran sekolah yang kondusif yang mana ini adalah faktor penyumbang paling utama dalam pembuatan keputusan. Seterusnya dapatan kajian ini boleh dijadikan panduan kepada pengetua dalam membuat keputusan bagi memastikan pelaksanaan dasar 60:40 mencapai sasaran yang ditetapkan. Kajian ini boleh dilanjutkan dengan memberi tumpuan kepada kelompok pentadbir yang berlainan dan jenis sekolah yang berbeza.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Kajian ini didasari oleh model membuat keputusan beretika, memberi fokus kepada langkah mengenal pasti faktor yang memberi pengaruh kepada pembuatan keputusan dalam pelaksanaan dasar 60:40 di sekolah menengah harian di Malaysia.

Beberapa faktor penyumbang kepada pencapaian dasar 60:40 telah diteliti bagi melihat sumbangannya kepada pembuatan keputusan dalam pelaksanaan dasar tersebut. Faktor berkenaan telah membentuk model pembuatan keputusan yang memberi tumpuan kepada langkah mengenal pasti faktor seperti mana yang terdapat dalam model membuat keputusan beretika. Faktor yang dimaksudkan ialah faktor persekitaran sekolah, risiko, pentadbir, sendiri murid, pencapaian akademik serta ibu bapa.

Kesimpulannya, kajian ini mengukuhkan model sedia ada bahawa langkah mengenal pasti faktor dalam membuat keputusan perlu diteliti terutama apabila berhadapan dengan isu yang kritikal. Pengenalpastian faktor berkenaan akan memberi lebih kefahaman kepada pembuatan keputusan untuk melaksanakan dasar 60:40 di sekolah masing-masing. Model pembuatan keputusan berasaskan faktor dalam pelaksanaan dasar 60:40 ini memberikan panduan untuk melaksanakan dasar ini dengan lebih berkesan di sekolah. Menerusi model ini, kursus dan latihan sedia ada boleh dimantapkan. Hal ini bagi memastikan pihak pelaksana dapat meningkatkan kemahiran pembuatan keputusan serta memiliki pengetahuan yang lebih baik berkaitan dasar agar pendidikan dapat mencapai kejayaan lebih cemerlang.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan untuk kajian lanjutan adalah seperti yang berikut:

1. Pembinaan model ini memberi tumpuan kepada langkah mengenal pasti faktor yang mempengaruhi pembuatan keputusan. Adalah dicadangkan supaya kajian ini dilanjutkan kepada langkah-langkah lain yang terdapat dalam model pembuatan keputusan. Dengan merujuk kepada model yang mendasari kajian ini iaitu model membuat keputusan beretika, langkah seterusnya adalah mengenal pasti alternatif, menentukan pihak dipengaruhi, memilih prinsip etika yang sesuai dan melaksanakan proses membuat keputusan. Maka, dicadangkan kajian ini dikembangkan dengan meneliti langkah yang terdapat dalam model berkenaan.
2. Kajian ini dilaksanakan dengan penglibatan pengetua sekolah menengah harian sebagai responden. Oleh yang demikian, dicadangkan untuk kajian akan datang responden kajian adalah terdiri daripada kelompok pentadbir yang lain iaitu penolong kanan akademik, penolong kanan hal ehwal murid, penolong kanan kokurikulum dan guru kanan mata pelajaran. Perluasan kelompok pentadbir yang lain adalah digalakkan supaya kajian ini dapat dilihat dengan lebih menyeluruh.

3. Kajian ini boleh dikembangkan dengan meneliti faktor demografi sekolah seperti lokasi dan jenis sekolah. Lokasi sekolah iaitu bandar dan luar bandar boleh diberi tumpuan untuk kajian seterusnya. Kajian lanjutan juga boleh dilakukan dengan mengambil kira jenis sekolah menengah yang lain seperti sekolah berasrama penuh (SBP), sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA), sekolah agama bantuan kerajaan (SABK), sekolah menengah teknik (SMT), sekolah sukan, sekolah seni, sekolah khas dan kolej vokasional (KV). Selain itu, kajian ini juga boleh dikembangkan dengan memberi tumpuan kepada sekolah rendah iaitu sekolah kebangsaan dan sekolah rendah jenis kebangsaan.
4. Kajian ini juga boleh dilanjutkan dengan menambah faktor demografi pentadbir seperti pengalaman bekerja dan jantina. Selain itu, faktor demografi murid seperti sosio ekonomi dan latar belakang keluarga juga boleh diteliti dalam kajian akan datang.
5. Kajian lanjutan juga dicadangkan untuk mengambil kira jantina murid yang mana terdapat sekolah yang terdiri daripada murid lelaki dan murid perempuan sahaja. Faktor yang dinyatakan berkemungkinan akan memberi pengaruh kepada pembuatan keputusan seperti mana yang dikaji dalam kajian ini.



PROSES PERTIMBANGAN MORAL SEMASA INTERAKSI MEDIA SOSIAL DALAM KALANGAN MURID PELBAGAI TAHAP KESEDARAN NETIQUETTE

MUHAMMAD KHAIRULRIJAL MOHD. SAAD
RT 302.23 MUH

ABSTRAK KAJIAN

Pertimbangan moral sering kali akan dikaitkan dengan isu-isu kemoralan. Isu kemoralan merupakan aspek dalam komponen kemoralan iaitu pemikiran moral, emosi moral dan amalan moral. Murid haruslah membuat pertimbangan moral dalam sesuatu tindakan untuk bertindak atau tidak bertindak terhadap dirinya. Keupayaan berfikir secara rasional terhadap sesuatu perkara memerlukan peningkatan kematangan apabila murid berdepan dengan dilema dalam sesuatu situasi pertimbangan moral. Di samping itu, dilema besar yang dihadapi oleh murid pada era globalisasi kini ialah interaksi dengan media sosial yang akan membentuk corak pertimbangan moral yang berbeza antara murid. Oleh itu, kajian ini merupakan satu tinjauan awal yang telah dijalankan terhadap murid-murid sekolah menengah kebangsaan harian bagi mengetahui corak pertimbangan moral murid apabila berinteraksi dengan media sosial. Selain itu, corak pertimbangan moral murid adalah berdasarkan profil murid daripada tahap kesedaran netiquette yang berbeza iaitu pada tahap tinggi, tahap sederhana dan tahap rendah. Pemilihan profil yang berbeza tahap dapat menunjukkan paten kepelbagaian tahap terhadap corak pertimbangan moral tersebut. Pendekatan kajian menggunakan kaedah kajian campuran dengan fasa kajian kuantitatif diperolehi dengan pelaksanaan borang soal selidik kesedaran netiquette dan fasa kualitatif melalui protokol *Articulated Thought in Simulated Situation* (ATSS). Sampel kajian telah diambil daripada 9 buah sekolah sekitar Pulau Pinang dalam kategori sekolah menengah kebangsaan dan keseluruhan sampel kuantitatif adalah seramai 385 orang murid. Berdasarkan maklum balas daripada data kuantitatif, enam orang responden terdiri daripada jantina yang berbeza dipilih berdasarkan tahap kesedaran netiquette tinggi, sederhana dan rendah untuk sesi *Articulated Thought in Simulated Situation* (ATSS). Hasil kajian secara keseluruhannya menunjukkan corak pertimbangan moral interaksi media sosial murid adalah berbeza antara lelaki dan perempuan. Bahkan corak pertimbangan moral juga berbeza antara profil tahap kesedaran *netiquette*. Malahan, corak pertimbangan moral terhadap profil tahap tahap kesedaran rendah *netiquette* mampu membuat pertimbangan moral yang lebih baik berbanding tahap kesedaran *netiquette* tinggi. Pada masa yang sama, tahap kesedaran netiquette secara keseluruhannya menunjukkan pada tahap tinggi. Namun begitu, aspek kesedaran sikap *netiquette* berada pada tahap sederhana berbanding aspek kesedaran pengetahuan *netiquette* dan aspek kesedaran amalan *netiquette*.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Secara keseluruhannya, kajian yang telah dijalankan kepada murid tingkatan empat berusia 16 tahun dapat memberikan corak pertimbangan moral semasa interaksi media sosial dengan menarik. Proses temu bual menggunakan protokol ATSS telah memberi satu nafas baharu dalam mengenal pasti corak pertimbangan moral berdasarkan aspek pemikiran moral dan tindakan moral dengan baik.

Kajian ini hanya melihat corak pertimbangan moral murid berusia 16 tahun di sekolah menengah kebangsaan sahaja. Pemilihan murid usia 16 tahun adalah selari dengan saranan Kohlberg, di mana usia 16 tahun telah menunjukkan murid berada pada autonomus yang boleh melakukan pertimbangan moral yang baik. Namun begitu, hasil kajian juga menunjukkan satu penemuan yang unik dan baharu berdasarkan interaksi murid terhadap dilema media sosial. Meskipun responden murid adalah berbeza profil tahap kesedaran netiquette, didapati responden dapat memberikan pertimbangan moral yang pelbagai tidak seperti apa yang dinyatakan oleh Kohlberg dalam Teori Pertimbangan Moral bahawa pertimbangan keadilan menjadi pilihan responden. Bahkan, keunikan dapatan corak pertimbangan moral juga dapat dilihat pada profil murid tahap kesedaran netiquette rendah yang mampu memberikan alasan dengan mengemukakan ketiga-tiga pertimbangan moral utama dalam satu alasan yang dinyatakan. Perkara ini juga berbeza dengan Kohlberg di dalam Teori Pertimbangan Moral bahawa pertimbangan moral yang baik dapat dilakukan oleh murid yang mempunyai tahap pengetahuan yang baik dan daripada golongan atasan sahaja. Corak pertimbangan moral semasa interaksi media sosial menunjukkan bahawa tahap kesedaran netiquette murid yang berbeza menghasilkan corak tersendiri berdasarkan profil masing-masing. Malahan, perbezaan tahap tidak menunjukkan perbezaan dalam menentukan corak pertimbangan moral.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Beberapa cadangan untuk kajian lanjutan adalah seperti yang berikut:

1. Kajian ini hanya melihat kepada skop kesedaran tentang aspek pengetahuan, sikap dan amalan berhubung netiquette sahaja. Hal ini bermaksud, kesedaran yang dikaji hanya berfokus kepada etika media sosial dan tidak menyentuh aspek-aspek teknologi yang lain seperti alatan teknologi, gajet dan internet. Sebagai cadangan untuk kajian lanjutan, aspek kesedaran lain boleh diberikan penekanan seperti kesedaran penggunaan peranti teknologi yang lain. Dalam perkara ini, kesedaran penggunaan peranti teknologi dengan beretika begitu penting dalam memastikan keselamatan murid untuk menggunakan peranti teknologi dengan betul.
2. Aspek kesedaran pemantauan ibu bapa terhadap penggunaan media sosial adalah penting kerana ibu bapa merupakan agen sosialisasi yang menyemai didikan tentang kesedaran netiquette. Kajian akan lebih menarik dengan melihat hubungan tahap kesedaran ibu bapa tentang *netiquette*.

3. Kajian lanjutan juga perlu meneroka pertimbangan murid terhadap pertimbangan moral apabila mereka berinteraksi menggunakan media sosial. Dilema yang telah digunakan oleh pengkaji dalam mengetahui corak pertimbangan moral kajian ini hanyalah berdasarkan dua situasi media sosial iaitu situasi Menggunakan Aplikasi *Facebook* (MAF) dan situasi Menggunakan Aplikasi *WhatsApp* (MAW). Cadangan untuk kajian lanjutan, aspek media sosial lain juga boleh diteroka dengan lebih mendalam contohnya penggunaan aplikasi Twitter serta Telegram. Penggunaan telegram merupakan aplikasi komunikasi media sosial tanpa sekatan boleh diakses oleh murid untuk memuat turun pelbagai video, lagu, gambar dan teks tanpa sekatan dan tapisan. Oleh itu, penerokaan yang lebih mendalam boleh dilakukan untuk kajian lanjutan berdasarkan dilema media sosial lain yang disebutkan di atas.
4. Daripada aspek populasi, kajian ini hanya berfokus kepada murid sekolah menengah bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia. Kajian ini menggunakan sampel murid tingkatan empat dan berumur 16 tahun sahaja. Kajian lanjutan boleh menggunakan populasi yang berbeza untuk mendapat hasil kajian yang unik. Hal ini kerana aplikasi media sosial digunakan oleh pelbagai lapisan umur dari murid sekolah hingga warga emas untuk pelbagai tujuan. Justeru, kajian lanjutan boleh mempelbagaikan populasi bagi menghasilkan dapatan yang lebih unik untuk digunakan sebagai panduan dan rujukan perancangan pembangunan oleh pihak-pihak tertentu.
5. Daripada aspek instrumen, dalam kajian ini satu instrumen telah dibangunkan untuk menilai proses pertimbangan moral murid apabila berinteraksi dengan media sosial. Instrumen ini adalah satu pertimbangan murid berdasarkan dua situasi iaitu Menggunakan Aplikasi *Facebook* (MAF) dan Menggunakan Aplikasi *WhatsApp* (MAW) dengan menggunakan protokol ATSS. Berdasarkan situasi tersebut, dimensi pertimbangan terhadap pemikiran dan tindakan telah dihasilkan. Justeru, cadangan untuk kajian lanjutan, penataran ATSS dilema media sosial boleh diaplikasikan kepada dilema media sosial lain seperti *Wechat*, *Youtube* dan lain-lain. Pengkaji juga boleh mengaplikasikan dilema dimensi yang berbeza seperti aspek akademik, kokurikulum dan kepimpinan. Hal ini demikian kerana fleksibiliti instrumen ATSS membolehkan kajian lanjutan membuat pengubahsuaian bergantung kepada dilema yang akan diuji.
6. Kajian lanjutan juga boleh melihat kepada reka bentuk kajian. Cadangan untuk kajian lanjutan, penggunaan reka bentuk yang berbeza akan menghasilkan dapatan yang lebih unik. Setiap pelaporan kajian akan mengikut reka bentuk kajian yang digunakan. Teknik analisis berbeza juga akan dipraktikkan, malah akan menghasilkan perbincangan yang lebih teliti. Sebagai contoh, reka bentuk kuasi-eksperimen boleh dijadikan satu pilihan reka bentuk untuk kajian lanjutan bagi mendapatkan hasil analisis yang berbeza dan unik.



PENGETAHUAN PEDAGOGI ISI KANDUNGAN GURU MATA PELAJARAN SYARIAH DI SEKOLAH AGAMA BANTUAN KERAJAAN

FIRDAUS ABDUL FATAH
RT 297.0712 FIR

ABSTRAK KAJIAN

Pengetahuan pedagogi isi kandungan adalah elemen yang penting bagi guru untuk meningkatkan kecemerlangan pengajaran. Penyelidikan ini dilakukan untuk meneroka pengetahuan pedagogi isi kandungan (PPIK) dalam kalangan guru mata pelajaran Syariah (GMS) di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di Selangor. Mata pelajaran ini menggabungkan dua bidang, iaitu al-Quran wa al Hifz dan Fikah yang menggunakan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD). Bentuk pengetahuan pedagogi isi kandungan guru yang diterokai adalah pengetahuan isi kandungan (PIK), pengetahuan pedagogi (PP), pengetahuan tentang pelajar (PTP) dan pengetahuan kurikulum (PK). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan reka bentuk kajian adalah kajian kes. Kajian ini turut melibatkan lapan orang peserta kajian dipilih secara persampelan bertujuan. Hasil kajian ini dikumpulkan melalui temu bual mendalam, pemerhatian pengajaran, dan analisis dokumen yang relevan dan disokong dengan triangulasi melalui temu bual bersama-sama dengan pentadbir, rakan sekerja dan pelajar peserta kajian. Perisian NVivo versi 12 digunakan untuk membantu pengendalian data kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa GMS mempunyai pemahaman yang komprehensif mengenai kandungan mata pelajaran Syariah. Mereka merujuk kepada banyak sumber untuk meningkatkan pengetahuan mereka dalam domain ini. Dari segi pengetahuan pedagogi, GMS menggunakan pelbagai pendekatan dan sistem pengajaran yang secara aktif bagi kedua-dua bidang ini. Dari aspek PTP pula, guru mengakui pelbagai ciri pelajar dikenal pasti menyumbang kepada pengajaran yang cekap. Manakala, dari segi PK, GMS memahami tujuan dan objektif KBD dengan jelas dan berusaha untuk merealisasikan tujuan tersebut. Kesimpulan kajian ini telah menemui satu lagi bentuk pengetahuan bahawa PPIK yang perlu dimiliki oleh GMS iaitu integrasi bahasa Arab. Selain itu, kesemua bentuk pengetahuan yang dimiliki oleh GMS ini juga disulami oleh penghayatan spiritual. Implikasi daripada kajian ini terhadap elemen yang terdapat di dalam teori PPIK ialah penambahan pengetahuan bahasa Arab integrasi dalam kalangan guru Syariah di SABK.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian penerokaan secara mendalam terhadap pengetahuan pedagogi isi kandungan terhadap guru yang mengajar mata pelajaran Syariah. Secara khususnya dapatan kajian ini telah menjawab kesemua persoalan kajian seperti yang berikut:

1. Pengetahuan guru terhadap mata pelajaran Syariah dalam Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) terbahagi kepada dua dimensi iaitu ciri-ciri yang terdapat di dalam ilmu Syariah, hakikat terhadap ilmu ini serta sumber untuk tepat dalam memahami isi kandungan ilmu Syariah.
2. Ciri-ciri ilmu Syariah merupakan kefahaman yang didapati oleh peserta kajian yang menyebabkan mereka benar-benar memahami tujuan dan kepentingan mendalami ilmu. Manakala hakikat ilmu pula lebih menjurus kepada impak yang didapati oleh peserta kajian setelah memahami dan menghayati ilmu Syariah dan pemilihan sumber yang betul pula merupakan panduan agar peserta kajian sentiasa berhati-hati dan memperhalus sumber ilmu dalam menambahkan pengetahuan terhadap ilmu Syariah.
3. Faktor yang menyumbang kepada pengetahuan Guru Mata pelajaran Syariah (GMS) terhadap isi kandungan mata pelajaran ini terbahagi kepada empat perkara iaitu latar belakang pendidikan peserta kajian, kejelekan ilmu yang dimiliki oleh peserta kajian, sikap dan juga minat peserta kajian terhadap mata pelajaran Syariah.
4. Pengetahuan pedagogi GMS ketika melaksanakan pengajaran mata pelajaran ini meliputi pengetahuan asas pengajaran, strategi pengajaran, kepelbagaian kaedah yang digunakan semasa mengajar, cara pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) serta kemahiran pengajaran.
5. Pengetahuan asas pengajaran GMS meliputi perancangan pengajaran, penyediaan Bahan Bantu Mengajar dan juga pengurusan bilik darjah.
6. Terdapat tiga strategi pengajaran yang dilaksanakan oleh GMS iaitu strategi berpusatkan guru, strategi berpusatkan murid dan juga strategi berpusatkan bahan.
7. Pengetahuan pedagogi GMS dari aspek penggunaan kaedah semasa mengajar pula dibincangkan secara terasing antara bidang al-Qur'an wa al Hifz dan juga bidang Fikah kerana terdapat kaedah yang hanya sesuai digunakan dalam satu bidang sahaja.
8. Pelaksanaan PdP dalam pengetahuan pedagogi melibatkan perkara rutin yang dibuat oleh GMS apabila ingin melaksanakan PdP.
9. Kemahiran pengajaran guru merangkumi kemahiran mengaitkan hukum dengan isu semasa dalam bidang Fikah, memperbetulkan hukum tajwid dan makhraj, bentuk peneguhan dan elemen KBAT yang digunakan semasa PdP serta elemen gabung jalin dan juga rentasan mata pelajaran Syariah dengan bidang mata pelajaran lain.
10. Pengetahuan guru tentang ciri murid yang menyumbang kepada pengajaran guru yang berkesan ialah maklumat peribadi murid, pengaruh kefahaman murid, kesukaran yang dihadapi oleh murid terhadap isi kandungan mata pelajaran dan faktor medium guru mengenali murid.
11. Aspek maklumat peribadi murid yang menyumbang kepada pengajaran guru yang berkesan yang ditekankan oleh GMS ialah nama, latar belakang keluarga dan prestasi murid.

12. Pengaruh kefahaman murid pula dikesan berdasarkan perbezaan gaya belajar antara murid, emosi, sikap, bahasa badan, latar belakang keluarga dan prestasi murid.
13. Kesukaran murid pula terbahagi kepada miskonsepsi murid dan juga faktor kesukaran. Miskonsepsi murid lebih ketara dalam bidang Fikah ibadah kerana ia berkait rapat dengan ibadat seharian. Manakala faktor kesukaran pula dipengaruhi oleh perhatian guru, waktu PdP dan bahasa pengantar.
14. Medium guru mengenali murid pula adalah melalui beberapa cara iaitu menerusi perantaraan, kuasa minda, nota murid dan juga hubungan murid dengan guru tersebut.
15. Perantara yang dimaksudkan oleh peserta kajian sebagai salah satu medium mengenali murid mereka adalah melalui guru lain yang pernah mengajar murid tersebut atau melalui rakan karib murid tersebut.
16. Hubungan guru dengan murid pula bermaksud hubungan guru dengan murid yang terbina semasa PdP. Biasanya murid yang paling aktif atau paling pasif atau bermasalah akan mudah dikenal pasti oleh guru. Situasi ini secara tidak langsung memudahkan GMS mengesan kesesuaian cara pengajaran mereka.
17. Pengetahuan guru terhadap kurikulum bermaksud kefahaman guru terhadap kurikulum baharu untuk mata pelajaran Syariah yang dikenali sebagai KBD.
18. Dalam kajian ini, kefahaman peserta kajian terhadap KBD terbahagi kepada kefahaman umum, kefahaman khusus dan pengetahuan terhadap elemen yang terdapat dalam kurikulum ini.
19. Kefahaman umum peserta kajian terhadap kurikulum adalah kefahaman mereka terhadap KBD sebagai kurikulum baharu. Manakala kefahaman khusus adalah berkaitan dengan perkembangan tajuk yang terdapat dalam KBD, kesesuaian sukatan pengajaran dengan murid dan situasi semasa serta bentuk penilaian yang digunakan dalam KBD.
20. Faktor penggunaan Bahasa Arab dalam kalangan guru semasa PdP perlu dipandang serius. Dapatan kajian mendapati bahawa guru kurang berjaya mewujudkan biah Arabiah di sekolah. Malah, semasa PdP terdapat guru yang risau tentang penerimaan murid sekiranya menggunakan bahasa Arab sepenuhnya dalam menyampaikan pengajaran.
21. Dimensi terakhir pengetahuan guru terhadap KBD ialah elemen-elemen dalam kurikulum, iaitu, penekanan kepada kemenjadian murid, dorongan mengamalkan ilmu, pembudayaan pengamalan ilmu serta peringatan untuk penghayatan.
22. Semua elemen dalam KBD ini menjurus kepada pembentukan sahsiah dan kemenjadian murid.

Kesimpulannya, dapatan kajian mendapati bahawa PPIK yang wajar dimiliki oleh GMS di SABK adalah terbentuk daripada lima komponen iaitu pengetahuan isi kandungan, pengetahuan pedagogi, pengetahuan mengenali murid, pengetahuan tentang kurikulum KBD serta pengetahuan integrasi berbahasa Arab.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, pengkaji mengemukakan beberapa cadangan kajian lanjutan seperti yang berikut:

1. Kajian ini adalah berkaitan dengan PPIK yang menggunakan reka bentuk kualitatif dan unit analisisnya adalah GMS yang mengajar di SABK di Selangor sahaja. Pengkaji mengharapkan kajian yang lebih luas dan melibatkan peserta kajian daripada negeri-negeri lain di Malaysia.
2. Pengkaji juga mencadangkan kajian lanjutan dibuat dengan melibatkan lebih ramai GMS dari seluruh Malaysia. Dicadangkan agar kajian tersebut dilakukan secara kuantitatif dengan menggunakan soal selidik dengan harapan dapatan kajian tersebut dapat memberikan gambaran yang lebih luas terhadap pelaksanaan PPIK dalam kalangan GMS.
3. Kajian ini melibatkan mata pelajaran Syariah secara umum tanpa fokus kepada tajuk tertentu dalam mata pelajaran syariah yang menggunakan KBD. Disebabkan mata pelajaran Syariah merangkumi beberapa bidang, adalah dicadangkan dibuat kajian lanjutan yang memfokuskan kepada bidang tertentu sahaja sama ada Al-Qur'an wa al-Hifz atau bidang Fikah.
4. Memandangkan bidang Fikah dalam mata pelajaran Syariah KBD ini merangkumi beberapa subbidang Fikah, kajian lanjutan juga dapat dibuat dengan memfokuskan kepada bidang Fikah tertentu sahaja yang mengandungi banyak kaitan dengan fikah semasa. Kajian tersebut boleh dilihat daripada aspek keberkesanan pengajaran dalam bidang tersebut dan pelaksanaannya dalam senario semasa.
5. Kajian ini tidak meneroka secara khusus kepada apakah masalah atau kekangan yang dihadapi oleh GMS dalam PPIK mata pelajaran Syariah KBD. Justeru, kajian selanjutnya dicadangkan melibatkan penerokaan terhadap masalah dan kekangan tersebut beserta cadangan untuk menyelesaikannya.



ISSN 2773-644X



9 772773 644002

Ringkasan Tesis / Disertasi
Pendidikan Peringkat Kedoktoran

Diterbitkan oleh

**Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia**